

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 42</b>	<b>Isnin</b>	<b>6 November 2017</b>
----------------	--------------	------------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman	30)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	30)
Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman	30)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 6 November 2017

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)]*  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah perancangan pihak kementerian dalam menyediakan sekolah-sekolah yang lebih memberi fokus dalam bidang kreatif dan teknologi selain dari sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia kepada 443,883 pelajar SPM dan 45,303 pelajar STPM di seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi kerajaan, termasuk swasta, yang telah membantu calon-calon SPM dan STPM yang mengalami musibah banjir khususnya di negeri Pulau Pinang, Kedah dan juga Perak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi fokus kepada bidang kreatif dan teknologi. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menawarkan Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bermula Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga di sekolah menengah seluruh Malaysia. Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) juga dilaksanakan mulai tahun 2016 di 269 buah sekolah menengah kebangsaan terpilih. Kementerian Pendidikan Malaysia juga berusaha memperkenalkan program baru, antaranya Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) Swasta bagi memberi ruang dan peluang kepada sekolah dan juga pihak swasta menawarkan kursus dalam bidang kreatif dan juga teknologi.

Pada masa yang sama, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memastikan pendidikan arus perdana yang disediakan adalah terkehadapan dan mampu menyediakan

lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mampu bersaing di peringkat global. Antara strategi yang dilaksanakan ialah;

- (i) memasukkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara eksplisit ke dalam dokumen standard kurikulum dan pentafsiran setiap mata pelajaran bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM);
- (ii) melaksanakan kursus *i-Think* dalam talian, kursus *i-Think* luar talian dan kursus *i-Think* secara bersemuka kepada warga pendidik bagi meningkat dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan guru dan murid;
- (iii) menawarkan mata pelajaran berasaskan kreativiti dan teknologi pada peringkat menengah atas di mana murid berpeluang mengikuti mata pelajaran seperti Grafik Komunikasi Teknikal, Asas Kelestarian, Reka Cipta dan Sains Komputer;
- (iv) menaik taraf Kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di bawah KSSR (Semakan 2017) melalui pelaksanaan modul TMK yang diajar merentas kurikulum mata pelajaran bagi melahirkan murid kemahiran TMK kreatif dan inovatif bagi memberi fokus kepada konsep asas kemahiran pemikiran *computational* melalui pengekodan dan pengaturcaraan di mana pelaksanaan mata pelajaran ini dapat meningkatkan kemahiran murid tentang strategi penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif untuk menyediakan murid yang mampu berdaya saing dalam teknologi masa hadapan; dan
- (v) mewujudkan sekolah model yang membudayakan KBAT sebagai rujukan di peringkat daerah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, di negara maju, kebanyakan mereka meletakkan keutamaan untuk pelajar-pelajar mereka dalam bidang kemahiran dan teknologi. Ini untuk memastikan bahawa negara mereka akan sentiasa terus mempunyai pekerja-pekerja berkemahiran tinggi. Justeru itu, soalan tambahan saya, apakah *framework* ataupun rangka strategi yang lebih berkesan seperti mewujudkan *Blue Ocean Strategy* negara ke arah untuk memastikan bahawa negara kita akan mendapat pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi pada masa-masa akan datang? Oleh sebab abad ke-21 ini di mana pelajar-pelajar kita berhadapan dengan suasana dunia tanpa sempadan, justeru itu, persiapan rapi harus ada. Sejauh manakah impak pengajian subjek yang berteraskan teknologi maklumat seperti *coding* telah dimasukkan dalam kurikulum sekolah pada masa-masa akan datang? Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Soalannya memang begitu tepat, bijak dan menepati apa hasrat kita juga di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat, seperti yang telah saya maklumkan dalam jawapan saya sebentar tadi, kita telah pun memasukkan pembelajaran pengekodan dan juga pengaturcaraan, *coding* dan *programming* ini telah pun dimasukkan dalam sistem pendidikan kita dan telah berkuat kuasa mulai tahun ini. Kita juga sedar bahawa keperluan pelajar-pelajar berkemahiran ini sangat penting khususnya, seperti mana yang telah dikatakan Yang Berhormat sebentar tadi, dalam aspek keperluan pelajar untuk pembelajaran abad ke-21.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri baru-baru ini telah membentangkan bajet yang telah pun memberikan satu dana yang cukup besar, RM190 juta untuk mewujudkan hampir 2,000 kelas pembelajaran abad ke-21.

■1010

Ini menunjukkan kita langkah ke depan. Kita hendak memastikan pelajar-pelajar kita bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga mempunyai ruang dan peluang untuk menambahbaikkan diri mereka dari segi aspek kemahiran.

Kita juga telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang ke bidang kemahiran ini, ada keperluannya. Contoh di Pengerang sendiri Yang Berhormat, kita memerlukan hampir 15,000 jurutera, tetapi buat masa ini kita masih bergantung pada pekerja-pekerja asing yang berkemahiran tinggi. Maka, dengan adanya sistem pendidikan ini, kita pasti, kita dapat mewujudkan lebih ramai pelajar-pelajar berkemahiran, kebolehan berfikiran aras tinggi, dan juga pelajar-pelajar abad ke-21 yang cemerlang.

Kita juga selain daripada sekolah menengah, malah, kita telah pun memperkenalkan RBT. RBT ini untuk pelajar-pelajar sekolah rendah, bermula dari tahap kedua, Darjah 4. Kita telah memulakan pembelajaran RBT ini, Reka Bentuk Dan Teknologi, supaya budaya teknologi reka bentuk ini, kita mula jinakkan mereka pada awal usia mereka yang muda. Itu harapan kita, dan kita dalam proses pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini juga memberi tumpuan kepada bidang-bidang spesifik seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada singkatan PAV, PVMA, TNK dan RBT ini, apakah mutu dan bilangan bidang kemahiran dan bilangan pelajar mahir yang akan wujud?

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, maklumat secara terperinci itu saya boleh berikan Yang Berhormat secara bertulis kerana secara spesifik, banyak angka. Akan tetapi Yang Berhormat, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula menawarkan kursus Program Vokasional Menengah Atas ini kepada 269 buah sekolah tahun lalu, dan angka ini akan kita naiktarafkan dari semasa ke semasa

berdasarkan kepada keperluan dan kelayakan sekolah. Kita memang mencari sekolah-sekolah yang layak untuk mengambil program ini.

Kita tidak akan lari daripada landasan kerana pada masa kita memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik, kita juga akan memastikan pelajar-pelajar vokasional ini dijaga baik dan ramai pelajar kini mula minat. Malah, Yang Berhormat, dalam peperiksaan PT3 ini, kita telah pun mewujudkan satu sistem Ujian Psikometrik. Ujian Psikometrik ini dapat membantu kita untuk menilai keupayaan anak-anak murid kita sama ada beliau cenderung dalam bidang akademik atau kemahiran. Sekiranya beliau cenderung dalam bidang kemahiran, maka, seawal-awal Tingkatan 4 dia boleh pergi ke aliran vokasional dan juga bidang kemahiran ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pemindahan rumah sembelih ayam yang dicadangkan dari Selayang disebabkan kebimbangan mengenai kesesakan lalu lintas dan kesihatan penduduk setempat.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan jawapan lisan Yang Berhormat Batu pada 20 November 2017 kerana pertanyaan ini menyentuh perkara-perkara yang sama iaitu rumah penyembelihan ayam.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku]:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, pelan bagi pembangunan Pusat Penyembelihan Ayam Halal telah diterima dan sedang diberi pertimbangan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, buat ketika ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima bantahan daripada NGO terhadap pembatalan warta tempat letak kereta kepada pusat penyembelihan ayam. Pihak NGO telah mengemukakan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi pada 22 Ogos 2017. Mahkamah Tinggi telah menetapkan kes ini untuk pengurusan kes pada 13 November 2013. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, pihak DBKL perlu mendapatkan keputusan mahkamah sebelum sebarang keputusan dibuat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih untuk jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Selain daripada sebab ada kes di mahkamah, dengan mengadakan pusat sembelih ayam untuk seluruh Kuala Lumpur, adakah anggaran dibuat, apakah kos yang akan naik untuk seekor ayam yang telah disembelih, kiranya bahawa *fee* hendak dibayar kepada syarikat swasta, pengangkutan daripada pusat sembelih kepada pasar dan juga kos, dengan izin, *refrigeration* supaya ayam itu segar apabila disembelih pada pagi untuk dijual pada petang. Kedua ialah bagaimana kesihatan dapat dijaga

apabila garis panduan Jabatan Alam Sekitar memerlukan *buffer zone*? *Overall buffer zone* 500 meter, *primary buffer zone* 500 meter, memandangkan pusat ini dicadangkan hanya di depan kawasan kediaman. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang yang menanyakan soalan. Pertama sekali, apa yang ingin dilaksanakan seperti yang tadi saya sebut. Saya tidak mahu jawab kerana ini ada kes dalam mahkamah. Akan tetapi seperti apa yang saya lakukan di Taman Tun Dr. Ismail, tiga malam yang lepas, saya pun jawab juga. Saya hanya boleh bagi jawapan sepintas lalu sahaja.

Di mana apa yang kita hendak laksanakan pihak-pihak yang terlibat dalam rumah penyembelihan ini kerana untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak mahu lagi ayam-ayam ini disembelih di pasar-pasar basah. Di mana terdapat tidak menyenangkan, satu, yang kedua permasalahan bau, yang ketiga permasalahan kesihatan. Jadi itulah sebab kita meneliti cadangan yang telah dibawa oleh pihak-pihak yang ingin membangunkan rumah sembelih di satu tempat.

Berkenaan dengan kos-kos penyelenggaraan ataupun kos-kos sejuk beku dan kos-kos penghantaran, saya percaya bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan pantau harga-harga tersebut supaya ia tidak akan memberi bebanan kepada warga Wilayah Persekutuan. Yang ingin kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa ayam-ayam yang dihantar kepada pasar-pasar ini akan menjadi ayam yang bersih dan ayam yang boleh di *consume*, dengan izin, atau dimakan oleh warga. Oleh kerana sekarang ini terdapat banyak masalah berlaku di tiap-tiap pasar-pasar basah, di mana berbagai-bagai masalah timbul sehinggakan ia menjadi tempat pembiakan tikus dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dimaklumkan Yang Berhormat Kulim Bandar Baru tidak dapat hadir Dewan kerana terlibat dalam membantu mangsa banjir di Kedah. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Taiping.

**4. Tuan Nga Kor Ming [Taiping]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah status terbaru dan berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk membina hospital baru di tempat berikut mengikut pengumuman pihak Kerajaan iaitu Hospital Daerah Seri Iskandar, Hospital Daerah Parit Buntar dan Hospital Bandar Baru Kampar.

**Timbalan Menteri Kesihatan Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Taiping. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Seri Iskandar, Perak telah pun diluluskan dengan kos sebanyak RM120 juta. Kaedah perolehan projek adalah secara tender terhad dan dilaksanakan melalui kaedah *conventional* dalaman. Projek in juga perlu melalui proses *value management* iaitu proses pengurusan nilai yang melibatkan *value assessment* dan juga *value engineering* bagi semua projek yang melebihi RM50 juta nilainya. Bagi tujuan

tersebut, *value management* projek ini telah pun dilaksanakan pada 23 hingga 27 Oktober, dan seterusnya akan melalui pula sesi *value engineering* sebelum dimuktamadkan kos dan keperluan lain berkaitan pembinaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan ditender setelah kos dimuktamadkan dan diluluskan oleh EPU, dan jangkaannya ialah pada awal tahun 2018 akan ditender, Tuan Yang di-Pertua. Manakala bagi projek Hospital Parit Buntar, Perak telah pun ditender pada 14 Ogos 2017 dan tarikh tutup tender pada 26 September 2014, dan surat setuju terima projek dijangka pada November tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM 161,845,000. Ini bagi fasa kedua. Fasa pertama sudah selesai iaitu kerja-kerja tanah dan kosnya ialah RM11.5 juta.

#### ■1020

Bagi Hospital Kampar, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri pada 30 Mei 2012 telah pun meluluskan pelaksanaan projek Hospital Kampar menggunakan kaedah kerjasama awam swasta. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 5 Mac 2014 telah membatalkan cadangan pelaksanaan Hospital Kampar secara kaedah kerjasama awam swasta (PFI) dan memutuskan agar projek tersebut dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan kerajaan secara berfasa di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, Kampar memang ada hospital lama yang 90 buah katil di atas bukit, Tuan Yang di-Pertua, dan *beds occupancy rate (BOR)*, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas ialah 40 peratus. Akan tetapi hospital ini, Tuan Yang di-Pertua, juga mempunyai pakar— hospital bukan pakar tetapi diberi rawatan oleh pakar di dalam bidang pediatrik, *medical*, O&G, psikiatri dan ortopedik. Kalau kita lihat keadaan tanah hospital yang lama ini, ia memang berbukitlah. Memang kalau berhenti bas di stesen bas di bawah itu, kita ada perkhidmatan *shuttle service*.

Jadi kalau kita *lihat* pula perancangan akan datang, Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang pernah diketahui iaitu pihak kerajaan negeri telah pun menawarkan tapak tanah di satu tempat yang bernama— di bandar Agasia, Tuan Yang di-Pertua, di Taman Kampar Putra. Keluasannya ialah 100 ekar tetapi malangnya tanah ini tanah bekas lombong yang kawasan air 60 ekar dan kawasan yang tanah 40 ekar. Jadi bertompok-tompok, berlubang-lubang. Oleh sebab itu, kalau dikira balik kos untuk hendak buat *land treatment*, amat tinggi. Oleh sebab itu pihak kementerian berfikir dua kali tentang perkara ini. Kita sedang mencari satu tapak yang baru untuk dibuat pengambilan sebab yang ini diberikan oleh kerajaan negeri tetapi kita sedang mencari tapak yang sesuai untuk buat pengambilan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dimaklumkan, kesihatan adalah aspek utama kesejahteraan hidup rakyat. Seluruh rakyat negeri Perak sabar menanti bertahun-tahun. Ketiga-tiga hospital yang saya tanya di

Dewan yang mulia ini merupakan janji lama. Malahan, ada juga merupakan janji yang dikitar semula dalam manifesto pilihan raya Barisan Nasional sejak PRU ke-12.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan. Pertama, kerajaan telah memberikan pelbagai pengumuman yang bercanggah sendiri. Sebagai contoh, Hospital Parit Buntar. Tahun 2011 diumumkan 300 buah katil akan disediakan. Tahun 2013 jumlah bilangan katil dikurangkan menjadi 200 buah. Tahun 2015 jumlah katilnya kurang daripada 150 buah. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang telah menjawab pada tahun 2015, jumlah katilnya menjadi 76 buah katil. Daripada 300 buah katil menjadi 76 buah katil di Hospital Parit Buntar. Bagaimanakah ini boleh menjadi sebuah hospital pakar? Ini soalan pertama.

Kedua, Hospital Baru Kampar. Pada tahun 2011— juga Hospital Seri Iskandar. Saya difahamkan majlis pecah tanah telah pun dibuat tetapi majlis pecah tanah itu pada tahun 2011 dan tahun 2013.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh ringkaskan, Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ya, sudah enam tahun, sehingga hari ini bayang pun tidak nampak. Maka soalan saya, bilakah hospital ini yang dijanjikan betul-betul boleh siap mengikut jadual waktu yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia? Jika janji dibuat, tidak pernah ikut jadual waktu— dan tarikh terbaru yang saya terima, dikatakan Hospital Seri Iskandar akan siap hanya pada tahun 2021. Ini saya rasa kurang munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kedua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengupas bajet ini. Apabila rakyat Sabah menanti peruntukan datang, amat mengecewakan, di ibu segala bajet ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Peruntukan bina hospital baru telah dipotong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan...

**Beberapa Ahli: [Bangun] [Dewan riuh]**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Daripada RM210 juta menjadi RM170 juta.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalan, soalan. Tanya soalanlah. Lama sangat ini, soalanlah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Mana ada duit untuk bina? Adakah ini merupakan janji kosong lagi hanya untuk memancing undi? Saya rasa seluruh rakyat negeri Perak...  
[Dewan riuh]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak faham peraturan mesyuaratkah?



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Saya rasa seluruh rakyat negeri Perak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sentuh hospital negeri Perak sudahlah, apa sampai Sabah ini? *[Dewan riuh]*

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Akan tetapi potong bajet. Inilah tipu rakyat... *[Dewan riuh]* Mesti ada peruntukan yang mencukupi.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Apa ini? Cerita hospital di Perak sudah lah. Apa yang melalut-lalut sampai Sabah. Apalah perangai DAP ini.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini tidak baca bajet sebab dia tidak pernah baca... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Taiping duduk, yang lain duduk ya. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Memang saya sebut tadi ada soalan untuk tiga hospital yang saya sudah jawab dua. Memang sudah ada perancangan dan Hospital Seri Iskandar sudah ada tender. *Sorry*, akan tender pada tahun 2018. Itu okey. Parit Buntar, sudah tender untuk fasa kedua, akan dilaksanakan segera. Yang menjadi isu ialah tentang Hospital Kampar. Memanglah perancangan begitu.

Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor, satu bajet kita, peruntukan kita untuk pembangunan dalam lingkungan RM1.6 bilion. Tahun depan dijangka RM1.8 bilion. Jadi yang ini yang kita hendak gunakan untuk hendak bina hospital, bina klinik seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Negeri Sabah dan Sarawak pun memang keperluan banyak, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tengok dari segi— dan kita lihat hubungan di Sabah dan Sarawak ini ia bukan kira kilometer, ia kira jam. Berapa jam naik bot dan sebagainya. Jadi itu pun keperluan mendesak di sana. Oleh sebab itu kita melihat semula perancangan kita di mana yang boleh kita lambatkan sikit, kita lambatkan sikit. Bukan kerana politik, bukan kerana apa.

Macam di Hospital Kampar, contohnya, Tuan Yang di-Pertua, ini kita lihat jarak jauh Hospital Kampar dengan Hospital Ipoh 37 kilometer. Daripada Hospital Tapah, 20 kilometer. Daripada Hospital Batu Gajah, 31 kilometer. Daripada Hospital Teluk Intan, 14.4 kilometer dan jalan elok, Tuan Yang di-Pertua. Penduduk di Kampar ini, sekarang ini ada 103,000 orang penduduk, Tuan Yang di-Pertua. Jadi keperluan memang— kita faham tentang mendesak keperluan yang didesak oleh rakyat, kita faham, tetapi kita akan buatlah. Saya sudah sebut tadi bahawa kita akan masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas projek ini.

Kerajaan Negeri Perak pun kita terima kasihlah kerana telah pun beri tawaran *top up* tanah yang 100 ekar itu tetapi malangnya ia tapak tanah lombong, 60 peratus air dan 40 peratus tanah, dan ia bertompok-tompok. Jadi apabila kita kira balik kos untuk hendak melaksanakan projek, hendak *land treatment* sahaja agak tinggi. Oleh sebab itu, kita telah buat keputusan supaya mencari tapak yang baru. Makna kita tidak *stop* projek ini, kita cari tempat baru dan membuat pengambilan dan tentulah makan masa sikit. Kita akan cuba.

Setakat ini, hospital yang lama itu, di atas bukit, Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi atas bukit dan memang curam. Hendak bina blok baru memang tidak ada kecuali kita ambil tapak tanah DO itu— rumah DO lebih kurang satu ekar— buat blok baru. Itu yang paling cepatlah. Ini pun kena berunding dengan pihak pejabat daerah dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, *we go on*, kita memang merancang tetapi kita kena faham bahawa *we have whole country to take care of*, Tuan Yang di-Pertua. Negeri Sabah dan Sarawak, sangat mendesak. Saya sudah pergi melawat banyak tempat, memang perlu sangat pembaikan infrastruktur di sana, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cerita Hospital Parit Buntar ataupun Daerah Kerian ataupun yang terletak di Parlimen Bagan Serai ini sudah lama menjadi siulan, jeritan, impian dan juga menjadi bahan pembangkang untuk putar belit dan buat cerita untuk memburukkan keadaan.

■1030

Hospital ini ceritanya daripada 2008. Sekarang ini dimuktamadkan 76 katil. Saya difahamkan pada peringkat Lembaga Tender Pembinaan. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua dia daripada peringkat ke peringkat *very slow*. Katanya struktur tanah dan kelewatan itu dan ini, rakyat sekarang ini sangat sensitif. Rakyat ini dia rasa macam tidak dipedulikan kalau macam ini dan rasanya rakyat ini betul-betul ingin tahu.

Jadi apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri hari ini, apakah *real problem* kelewatan ini di samping struktur yang kita cerita struktur tanah ini? Saya dengar tadi jawapan tentang pembukaan tender dan penutupan tender. Saya difahamkan tender di peringkat Lembaga Tender Pembinaan. Saya hendak tanya sebenarnya, sebetulnya tender pembinaan ini dibuka bila dan ditutup bila? Sebenar-benarnya bilakah akan dimulakan nampak lah tiang-tiang yang hendak naik itu? Hari ini orang Bagan Serai lalu lalang kawasan itu tidak nampak tiang-tiang nampak macam nak jadi hutan pula sudah. Yang ini yang kita risau. Jadi hendak tengok tiang-tiang bila hendak naik. Bila jangkaan yang sebenarnya yang akan siap? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini wakil rakyat yang memang amat prihatin dengan rakyat ini. Jadi Yang Berhormat Bagan Serai memang isu ini isu lama. Tapak tanah yang telah diambil ialah di kawasan bendang kawasan sawah, Tuan Yang di-Pertua dan kita sudah buat fasa pertama buat *soil treatment* dan ini - dia bila tanah bendang begini dia makan masa kita untuk dia mendap, tambun tanah bagi dia mendap barulah sehingga makan masa setahun sekurang-kurangnya hendak tunggu

supaya dia kejam. Selepas itu kita sudah panggil tender, Tuan Yang di-Pertua dan surat setuju terima dijangka dalam bulan ini, bulan November selepas itu boleh buat perasmian pecah tanah. Kita akan jemput Yang Berhormat kawasan lah untuk bersama-sama pecah tanah Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*.

**5. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan peranan kerajaan dalam membangunkan standard-standard prosedur operasi berdasarkan standard-standard antarabangsa dalam memastikan kelangsungan (*continuity*) operasi asas di kawasan bencana, seperti banjir dan gempa bumi dan bagaimana sumbangan MOSTI dalam menambah baik SOP pihak-pihak berwajib khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia.*

Saya disediakan jawapan - hendak jawab sahaja, *direct to the point*. Nanti saya akan jawab kemudian. Soalan ini ditujukan kepada kementerian saya berkenaan dengan fenomena atau apakah kaedah membangunkan standard projek untuk kesan kepada alam sekitar.

Jadi Kementerian Sains Dan Inovasi melalui Jabatan Meteorologi sahaja yang memantau cuaca dan gempa bumi secara berterusan dan sepanjang masa. Bagi pengeluaran amaran cuaca dan gempa bumi, MIT Malaysia berpandukan kepada peraturan tetap ataupun PTO ataupun *standard operation procedures (SOP)* yang dibangunkan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh *World Meteorological Organization* ataupun WMO dan juga *International Civil Aviation Organization (ICAO)* dan *Pacific Tsunami Warning Center* ataupun PTWC.

Pada masa ini MIT Malaysia mempunyai tiga PTO iaitu penyediaan dan penyebaran amaran cuaca buruk, pemantauan dan pengeluaran maklumat gempa bumi dan juga amaran tsunami serta operasi. pembenihan awan. Itu sahaja bidang tugas di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Maklumat dan amaran cuaca, gempa bumi dan tsunami sentiasa dikemas kini dan disebarkan kepada pelbagai agensi pengurusan bencana khususnya Agensi Pengurusan Bencana Nasional ataupun NADMA dan proses penyebaran maklumat dan amaran adalah berpandukan kepada PTO penyediaan dan penyebaran amaran cuaca buruk serta PTO pemantauan dan pengeluaran maklumat gempa bumi dan amaran tsunami.

Sebagai contohnya, amaran hujan lebat peringkat kuning akan dikeluarkan oleh MIT Malaysia pada agensi-agensi pengurusan bencana dan media massa sekiranya pemantauan menunjukkan hujan lebat dijangka berlaku dalam tempoh satu atau dua tiga hari lagi. Manakala bagi maklumat awal gempa bumi dan tsunami akan disebarkan di dalam tempoh lapan minit daripada kejadian gempa bumi yang akan dikesan.

MIT Malaysia adalah ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Nasional dan berperanan untuk menyumbang kepakaran teknikal dan kritikal berkaitan dengan cuaca dan gempa bumi negara. Oleh yang demikian MIT Malaysia akan memberi input bersesuaian berkaitan cuaca dan gempa bumi kepada NADMA dan juga menambahbaikkan PTO Nasional dari semasa ke semasa bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara termasuk SOP di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu MOSTI juga melalui Jabatan Standard Malaysia ataupun Standard Malaysia telah membangunkan beberapa *Malaysian Standard* atau *MS* yang berkaitan dengan gempa bumi sebagai contohnya MS EN 1998-1:2015 telah dibangunkan menggunakan Standard Eropah iaitu *Eurocode 8 Design of Structures For Earthquake Resistance. Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules For Buildings*.

Dalam memastikan bahawa standard ini sesuai digunakan di Malaysia, Standard Malaysia sedang membangunkan dokumen MS yang dikenal sebagai *National Annex to MS EN1998-1*. Standard ini menyediakan garis panduan, reka bentuk struktur bangunan yang tahan kepada gempa bumi. Di samping itu, terdapat juga beberapa standard lain yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam merangka strategi pengurusan risiko jangka pendek dan jangka panjang dalam menghadapi bencana alam seperti banjir dan gempa bumi. Ini termasuklah pengurusan sebelum, semasa dan selepas sesuatu bencana berlaku. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada MOSTI. Jawapan yang agak menyeluruh tetapi saya di kesempatan ini ada dua soalan tambahan. Apatah lagi sekarang ini dalam musim tengkujuh yang mana sekarang ini sedang berlaku bencana banjir yang begitu dahsyat di utara khususnya di negeri Pulau Pinang, Kedah dan sedikit di kawasan Perak. Kita ucapkan sabarlah kepada rakyat macam mana hendak bantu dan saya yakin Kerajaan Pusat akan memberi bantuan dan tentera pun sudah turun *insya-Allah*.

Soalan saya apakah SOP MOSTI yang lakukan dan ditambah NBOS dengan kementerian-kementerian yang lain? Hari ini ramai juga yang ambil kesempatan mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab dengan mengedarkan maklumat-maklumat palsu sehingga ada *Whatsapp* mengatakan salji yang akan turun dan sebagainya. Jadi apakah gerak kerja yang dilakukan oleh MOSTI dengan SOP yang sedia ada yang mantap tadi ini tambah nilai dengan NBOS, bagaimanakah kita boleh dapat membantu rakyat agar mereka tidak terkeliru dengan keadaan semasa?

Dengan saya berada di Penang baru-baru ini hendak balik daripada Baling memang angin luar biasa, pokok tumbang bergelimpangan dan dengan hujan lebat. Di Kedah sudah empat hari hujan tidak berhenti. Jadi ini lah di antara informasi-informasi yang terkini dan tepat yang harus MOSTI mainkan peranan.

Keduanya, bagaimanakah kementerian dapat membantu dalam langkah-langkah persediaan sekiranya berlaku kejadian *nauzubillah* gempa bumi ia tidak akan menjejaskan infrastruktur seperti bangunan sekolah, hospital dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini berkenaan dengan cerita hujan. Rekod yang ada pada saya beberapa kawasan di sekitar utara, di Chuping pada 4 November, 39.6 milimeter, 5 November dia turun sedikit, 22.6 milimeter. Alor Setar, 41.4 milimeter itu yang hujan berterusan dan 5 November sudah turun kepada 20.4 milimeter. Di Bayan Lepas, 174.2 milimeter yang ini ialah 53.8 milimeter, dia kurang sedikit. Di Butterworth, 233.6 milimeter di mana pada 4 hari bulan, 5 hari bulan 151.8 milimeter. Di Perai, 225.6 milimeter, pada 4 hari bulan dan pada 5 November, 73.4 milimeter.

Yang ini sebenarnya Yang Berhormat belum lagi cukup tinggi. Dia pernah berlaku di Bayan Lepas pada 4 September 1999, 288 milimeter lagi tinggi. Di Butterworth dia pernah rekodkan 17 September 1995, 350 milimeter dan juga pada 17 September di Perai, 323 milimeter yang paling rekod yang paling tinggi yang dicatatkan oleh Kementerian Sains, okey.

Berkenaan dengan kerjasama. Sebenarnya segala maklumat yang kita ada daripada cerapan yang kita dapat, daripada *calculation* pengiraan ramalan akan disalurkan melalui televisyen itu perkara biasa. Dan yang penting yang masa saya cakap pada jawapan saya tadi, perkara-perkara berkenaan yang luar biasa kita perlu laporkan perkara ini kepada Agensi Pengurusan Bencana Nasional ataupun NADMA.

#### ■1040

Bermakna, kita *member* kepada NADMA dan kita akan serahkan kepada NADMA dan NADMA akan menguruskan untuk memberi maklumat kepada sasaran yang perlu dilakukan. Sama ada dia hendak buat siaran televisyen kah, hendak buat pengumuman tentang bencana, maklumat ini akan disalurkan kepada NADMA dan Kementerian Sains hanya memaklumkan melalui *website* yang kita ada dan juga daripada apa yang dikatakan dalam televisyen dan radio. Kita risau kadang-kadang— saya ingat saya biasa jawab soalan ini. Pada ketika dahulu, kadang-kadang kita tengok televisyen itu kalau tengok berita, kita tunggu juga sampai ramalan cuaca supaya kita dapat faham cuaca pada beberapa hari akan datang.

Berkenaan dengan kisah di utara ini, maklumat yang saya dapat— kita biasa bagi di Kementerian Sains di bawah Meteorologi. Pada 1 November, kita sudah beritahu cuaca di utara, kita kata peringkatnya amaran kuning. Maksudnya kuning ini, pada dua atau empat selepasnya, pemantauan menunjukkan hujan lebat dijangka berlaku dalam masa satu hingga ke tiga hari. Makna kita sudah beritahu ada hujan lebat berlaku dan itu berlaku dan hujan berterusan dijangka berlaku tetapi belum mencapai tahap hujan yang berterusan— kadang-kadang kita akan bagi— dan selepas itu ia akan pergi kepada amaran merah. Ini

adalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kita kena hantar kepada NaDMA dan NaDMA akan menyalurkan kepada sasaran yang tertentu.

Soalan yang kedua Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, ini lebih bercerita fasal persediaan. Oleh sebab itu, bencana alam yang berlaku seperti gempa bumi tidak boleh dihalang oleh mana-mana manusia. Walau bagaimanapun, kita boleh mengambil pendekatan untuk mengurangkan risiko yang bakal terjadi termasuklah memastikan reka bentuk. Jadi kalau kita hendak reka bentuk sebuah bangunan yang ada kemungkinan berlakunya— kalau dahulu pun orang cakap kalau berumah di tepi pantai, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Jadi kalau kita buat rumah di tepi pantai, kita kena ikut macam mana cara prosedur untuk rumah di tepi pantai. Kalau kita buat di lereng bukit, ada prosedur dia untuk buat rumah di lereng bukit.

Oleh sebab itu, MOSTI menyediakan reka bentuk bangunan bagi kejutan untuk dilaksanakan Malaysia berdasarkan standard bagi memastikan risiko gempa bumi, kalau berlaku, kita akan beritahu reka bentuk untuk kawasan yang ada risiko gempa bumi. Jabatan Standard Malaysia melalui pembangunan standard yang berkaitan telah membangunkan Standard Malaysia yang berkaitan. Pembangunan bagi kod reka bentuk bangunan boleh tahan gempa bumi juga telah melibatkan dua fasa. Fasa pertama ialah pembangunan MS EN 1998-1: 2015 yang menggunakan secara terus standard Eropah iaitu *Eurocode 8: Design of structures for earthquake resistance – Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules for Building* dan MS ini telah pun diluluskan pada 11 Ogos 2015 dan telah pun diterbitkan. Makna kita kena ikut yang itu.

Kedua, fasa kedua kita telah membangunkan *Malaysia National Annex* (MS) ataupun MS EN 1998-1: 2015, Eurocode 8. Dokumen ini akan mengenal pasti nilai-nilai bagi parameter tertentu mengikut kesesuaian di Malaysia. Ini termasuklah mengenal pasti zon yang berlaku di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang memerlukan bangunan direka bentuk berdasarkan ciri-ciri tahan gempa bumi. Zon-zon ini dipetakan dan sangat berguna kepada pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun, dokumen MS ini sedang menunggu kelulusan sebelum ia diterbitkan pada bulan ini dan kedua-duanya ini hendaklah dibaca bersama.

Kedua-dua MS ini menyediakan garis panduan reka bentuk struktur bangunan yang tahan kepada gempa bumi. Penggunaan standard ini akan mengurangkan risiko kesan gempa bumi dengan memastikan jangka hayat, kekuatan dan keselamatan bangunan ini di bandar-bandar dan di kampung-kampung yang terdedah kepada bencana gempa bumi terutamanya di Ranau dan Daerah Lahad Datu juga terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan dalam penyediaan standard ini, saya salah satu daripada *committee*-nya sebelum saya menjadi Timbalan Menteri, sayalah salah seorang yang menyediakan standard ini—salah satu dalam *committee* ini. Dokumen MS EN 1998-1 telah dirujuk dalam Rang Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1994

(Pindaan 2012). Penguatkuasaan ini tertakluk kepada kerajaan negeri. Mana-mana negeri yang telah mewartakannya perlulah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Walau bagaimanapun, negeri-negeri yang masih belum mewartakan, pihak berkuasa tempatan atas inisiatif sendiri adalah digalakkan untuk merujuk kepada MS dalam garis panduan ataupun peraturan berkaitan dengan penguatkuasaan. Bermakna, Kementerian Sains menyediakan standard yang perlu diikuti dan ini terpulang kepada negeri untuk mengikutnya dan digalakkan mengikut standard berdasarkan kepada kawasan tanah dibangunkan itu ada mempunyai potensi berlakunya gempa bumi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih. Berhubung dengan banjir terburuk dalam sejarah yang berlaku di Pulau Pinang kelmarin, ada beberapa persoalan yang serius timbul di sini yang bertentangan dengan janji kementerian bahawa ia akan meningkatkan prestasi metrologi dan juga memperkasakan pencerapan dan juga ramalan cuaca untuk mengelakkan kejadian atau bencana besar-besaran daripada berlaku ataupun membolehkan orang ramai membuat persiapan untuk menghadapi apa jua yang akan berlaku. Akan tetapi apa yang berlaku, di mana hujan lebat turun tanpa henti selama 15 jam di Pulau Pinang, tidak ada amaran awal yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi. Jabatan ini hanya mengeluarkan amaran cuaca beberapa jam sebelum berlakunya ribut tropika.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, apakah jabatan ini telah gagal dengan...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Banjir dekat *Penang pi* tolonglah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Mengumumkan ramalan cuaca atau amaran yang lebih awal lagi? Bukankah ini satu kecuaiian ataupun satu kelemahan yang menyebabkan— apakah kelemahan yang menyebabkan...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Pi* tolong, bukan *complain*. Pergi tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai, jangan mengganggu, Yang Berhormat. Tetapi minta Yang Berhormat...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Adakah disebabkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Ringkaskan soalan, Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Jabatan Meteorologi tidak dilengkapkan oleh sistem amaran cuaca yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Cepat dan pantas ataupun peralatannya telah ketinggalan zaman?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini satu perkara yang cukup serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Cheras, pergi tolonglah, Yang Berhormat Cheras. Jangan *complain* banyaklah.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tujuh nyawa terkorban.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa ini Yang Berhormat Cheras?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Cheras, duduk Yang Berhormat. Duduk ya. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Cheras ini dia tidak tengok televisyen, dia tidak baca. Dia sudah tahu apabila banjir datang pun— dia hanya tahu apabila banjir.

Yang Berhormat, saya beritahu, kita telah pun maklumkan dalam siaran televisyen amaran kuning pada 1 November. Kita tidak boleh hendak cakap sampai tiga tahun lagi sebelum. Yang Berhormat kena faham. Kita kena kaji *surrounding*, selepas itu kita tengok satu hari bulan kita sudah bagi *warning* kuning. Yang Berhormat tidak baca, tidak tengok televisyen, tanya apabila berlaku. Bermakna, Yang Berhormat, kita sudah bagi *warning* 1 November...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Duduk, duduk. Saya boleh jawab dengan baik. Boleh duduk. Saya boleh jawab dengan baik. Sebenarnya 1 November sudah beritahu amaran kuning. Apa maksudnya amaran kuning, Yang Berhormat? Saya bacakan. Catitkan ya, takut tersilap nanti balik kawasan.

Pemantauan menunjukkan hujan lebat dijangka berlaku dalam masa satu atau dua hari lagi. Ini ramalan, kita beritahu. Kita baharui lagi pada 4 hari bulan pada pukul enam petang...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *Warning* keluar satu hari bulan, diramalkan sehari dua lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Cheras, tidak boleh diganggu. Soal jawab tidak boleh diganggu, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Tetapi hujan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ingin maklumkan, tidak boleh ganggu dalam sesi soal jawab, Yang Berhormat ya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Itu namanya ramalan.



**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Itulah namanya ramalan. Kita kata ramalan. Ini ramalan. Kita sudah belajar mana angin datang dari sini, angin datang dari sini, kita satukan, selepas itu kita kata hujan akan berlaku. Yang Berhormat...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Kalau tidak tahu, boleh belajar daripada saya, saya beritahu dengan baik. Kita mempunyai alat yang bagus. Selepas itu kita baharui lagi. Bila sudah dekat pada 4 November pada pukul enam petang, kita kata jingga, dijangka hujan akan bertambah tahap maksimum dan akan berterusan. Kita beritahu. Kita beritahu, bukan kita tidak beritahu. Jadi Yang Berhormat, kalau tidak tahu, jangan cakap yang bukan-bukan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**6. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menghentikan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan haram di lautan Sabah. Apakah impak dari segi alam sekitar disebabkan cara penangkapan ikan di lautan Sabah adalah destruktif.

■1050

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Pagi ini saya mewakili Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Arau?

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Ya, Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, Malaysian Coast Guard sentiasa mempertingkatkan usaha dalam menangani isu-isu pelanggaran undang-undang yang berlaku di Zon Maritim Malaysia. Malaysian Coast Guard juga bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada komuniti nelayan tentang bahaya dan keburukan melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram. Antara tindakan yang telah diambil oleh Malaysian Coast Guard seperti berikut:

- (i) Malaysian Coast Guard menggesa masyarakat, khususnya para nelayan berdaftar supaya memberi kerjasama untuk melaporkan sebarang kegiatan penangkapan ikan secara haram yang dilakukan oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab melalui sesi dialog yang diadakan bersama Persatuan Nelayan;
- (ii) melaksanakan rondaan berkala dengan mengoperasikan 20 hingga 22 vessel setiap hari di Wilayah Maritim Sabah;
- (iii) aset Malaysian Coast Guard sentiasa diletakkan dalam keadaan siap siaga dan mampu untuk digerakkan dalam tempoh 30 minit setelah menerima aduan yang berkaitan; dan

- (iv) mengadakan Program Sahabat Maritim yang mana memfokuskan kumpulan sasaran kepada para nelayan bagi memberikan kesedaran kesan buruk penangkapan ikan secara haram terhadap alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian Malaysia dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan (DOF) telah dipertanggungjawabkan bagi mengurus sumber perikanan supaya bekalan ikan makan dalam negara adalah terus mapan. Dalam hal ini, kerajaan telah menggubal Akta Perikanan 1985 yang telah menggariskan pengurusan dan pemuliharaan perikanan di kelautan serta muara perairan perikanan Malaysia. Secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, bagi menghentikan aktiviti penangkapan ikan haram sama ada menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya, DOF telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) membatalkan dengan serta-merta *vessel-vessel* yang telah dilesenkan di bawah Akta Perikanan 1985;
- (ii) memperluaskan kempen berkaitan kegiatan aktiviti penangkapan ikan haram dan risiko keselamatan yang bakal dihadapi;
- (iii) mengadakan pemantauan secara berkala serta mengejut melalui aduan yang diterima di peringkat daerah dan negeri.

Merujuk kepada tindakan yang telah diambil melibatkan perairan Sabah, sebanyak 543 operasi laut telah dilaksanakan dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2012 hingga tahun 2016 bagi membanteras aktiviti penangkapan ikan haram sama ada menggunakan kaedah alat tangkapan yang dilarang atau melanggar syarat-syarat peralatan menangkap ikan yang dilesenkan. Daripada operasi tersebut, sebanyak 629 kes pelanggaran peraturan Akta Perikanan 1985 telah disiasat dengan jumlah kutipan kompaun sebanyak RM202,000.

Dalam hal ini, Jabatan Perikanan Sabah (DOFS) juga telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan di empat pangkalan utama iaitu Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Sandakan dan Tawau serta bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim yang lain dalam melaksanakan operasi dan rondaan di perairan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan definisi United Nations Environment Programme (UNEP) kaedah penangkapan ikan yang destruktif bukan sahaja penangkapan secara berlebihan ataupun, dengan izin, *over exploitation*, malah termasuk penggunaan peralatan atau kaedah penangkapan ikan yang boleh menyebabkan kerosakan habitat dan ekosistem. Contoh-contoh peralatan dan kaedah yang boleh merosakkan habitat dan ekosistem marin ini adalah pukot tunda, pukot harimau serta penggunaan bom dan racun sianida.

Di Sabah, kaedah haram yang memusnahkan habitat marin yang sering digunakan adalah bom dan racun sianida. Kedua-dua kaedah ini sering digunakan oleh nelayan dari negara jiran yang menceroboh perairan Malaysia, terutama sekali negeri Sabah yang memberi kesan berikut:

- (i) penggunaan bom ikan akan menyebabkan kemusnahan kekal sesuatu habitat marin, terutamanya terumbu karang dan hidupan marin di persekitaran yang diletupkan akan musnah serta-merta. Selain itu, ia akan menyebabkan substrat dasar laut berkecai dan tidak stabil;
- (ii) racun sianida boleh menyebabkan kematian karang, di mana ia mengurangkan kadar fotosintesis dan kematian *zooxanthellae* yang hidup secara simbiosis dengan karang. Karang memperoleh sumber nutriennya daripada *zooxanthellae*. Pengurangan *zooxanthellae* pada karang boleh menyebabkan pengurangan kadar tumbesaran dan juga menjejaskan kadar pembiakan karang.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, jawapannya. Jadi, di Sabah sana kita selalu dimaklumkan ancaman dari negara jiran seperti Vietnam kah, China kah, menandakan dia punya penangkapan ikan di lautan kita. Jadi, satu perkara yang serius punya keadaan ini sudah berlaku ialah merosakkan kita punya ekosistem yang sedia ada, yang pakai cara-cara menangkap ikan dengan *very destructive* punya *matter*. Jadi, saya di sini mahu tanya Yang Berhormat Menteri di sini, adakah satu *international treaty* yang ditubuh di dalam United Nations bahawa ini ancaman dalam lautan negara lain, negara yang ancam itu semestinya mahu membayar pampasan kepada negara kita seperti kita yang diancam oleh negara jiran, saya mahu tanya.

Kedua, soalan saya pun mahu tahu, selepas kita tangkap ini kapal-kapal yang selalu mengancam perairan kita, apakah tindakan yang kita sedia ada ambil? Yang tangkap, sita dia punya kapal, selepas itu apa? Jadi, kalau tindakan ini tidak diambil keras, jadi bahawa ini satu ancaman dari jiran-jiran kita itu tidak boleh dihentikan. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang soalan Yang Berhormat tanya tadi dari segi sama ada kita ada mempunyai *treaty* kah, perjanjian? Saya difahamkan buat masa ini Yang Berhormat, kita mempunyai MOU secara bilateral dengan negara Indonesia iaitu yang dinamakan Joint Commission for Bilateral Cooperation (JCBC) Malaysia – Indonesia yang mempunyai di mana kedua-dua negara berhubung isu pencerobohan nelayan asing itu ditangani melalui jawatankuasa ini. Jadi, kalau dari segi pampasan, apa yang saya difahamkan setakat ini belumlah ada. Cuma dari segi tindakan yang diambil Yang Berhormat, tindakan ataupun hukuman ini adalah di bawah perundangan kita juga. Di mana, tindakan yang boleh diambil jika didapati bersalah, peralatan, harta benda boleh disita atau dilucut hak. Seksyen 25(a) – “jika *vessel* penangkapan...”, ini adalah di bawah Akta Perikanan 1985, Yang Berhormat. “Jika *vessel*

penangkapan ikan asing atau orang yang berkenaan itu rakyat negara asing, adalah dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta setiap seorang nakhoda atau empunya nya dan RM100,000 setiap anggota”.

Jadi setakat ini, ini adalah tertakluk kepada undang-undang yang ada. Kalau dikira juga dari segi yang *detailnya*, ada juga di bawah seksyen 15 dan seksyen 16, di bawah Akta Perikanan 1985 itu secara terperinci.

■1100

Kalau daripada segi Yang Berhormat tanya tadi daripada segi pampasannya, kita tak buatlah, sebab itu kita sudah ada tindakan di bawah undang-undang iaitu tindakan jenayah, *criminal*, dengan izin. Ia ialah satu kesalahan jenayah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan pasal masalah perikanan di Sabah. *Out of* 543 operasi yang telah dijalankan oleh pihak yang berkuasa, yang didapati pelanggaran sebanyak 229, mengikut jawapan Menteri dan kompaun hanya RM220,000. Begitu banyak. Berapa tahun itu, Menteri? Saya tidak pernah mendengar isu ini selain daripada jawapan daripada Menteri, daripada pihak media. Ini nelayan-nelayan tempatan, Tuan Yang di-Pertua, marah sekali dengan apa yang berlaku sekarang.

Apa yang kita lihat, kapal-kapal yang besar, kapal tunda di Sabah ini, adakah dia orang diheret jika ditangkap? Mengikut jawapan daripada Menteri dahulu, jika ditangkap, dia bakar bot itu. Tetapi saya mahu tahu, adakah pihak yang berkuasa selama ini— berapa tahun— yang diheret ke mahkamah? Supaya nelayan-nelayan tahu bahawa kerajaan begitu serius menangani masalah yang *encroachment*, pencerobohan di perairan kita terutama sekali mangsa dia ialah nelayan-nelayan kecil yang kena ini. Bom, racun, pukot tunda, pukot harimau yang tangkap udang itu. Jadi, yang menjadi mangsa ini ialah nelayan-nelayan yang dari kampung-kampung kecil ini, yang pendapatan mereka sudah hilang. Nelayan di kawasan saya mendengar ini, saya perjuangkan ini. Pihak Menteri, tolong. Pesan kepada media, letakkan apa tindakan yang sudah dibuat, diheret ke mahkamah ini.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebut RM220,000 tapi sebenarnya RM202,000. *Two hundred and two thousand*, dengan izin. Saya membetulkannya. Jadi Yang Berhormat minta statistik secara terperinci, *insya-Allah*, saya akan berikan.

Cuma tadi Yang Berhormat mengatakan mengenai tindakan itu sama ada diketahui ramai, sama ada diumumkan. Sebenarnya walaupun saya bukan Menteri yang bertanggungjawab tetapi saya juga menonton televisyen. Saya nampak juga apa tindakan yang diambil oleh kerajaan disebarkan di media. Mungkin mereka yang membawa bot kecil ini adalah nelayan dalaman kita yang mungkin kebanyakan mereka di laut, jadi tidak mendengar dan perlu mengetahui ini.

Sekiranya Yang Berhormat hendak mengambil peluang untuk bercakap dengan mereka, mengetahui apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan, mungkin kerajaan, macam kita boleh memberi Yang Berhormat maklumat dan juga boleh membawa pegawai untuk...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, yang maksud saya tadi itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No following question*, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang dibawa kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soal jawab tak boleh. Bukan soal apa, tak boleh.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Sebab Yang Berhormat tadi minta daripada segi statistik, kita dah bagi statistik ini yang RM202,000, *two hundred and two thousand*, dengan izin. Sama itu banyak atau tidak untuk lima tahun itu adalah bergantung pada kesalahannya. Jadi, ini hanya sampai tahun 2016.

Yang Berhormat nak tahu juga tadi adakah penangkap ikan atau nelayan-nelayan ini tahu tindakan diambil oleh kerajaan tadi. Cakap pasal yang dulu cerita fasal membakar semua itu, sama ada mereka tahu apakah tindakan kita. Memang kita tidak tahu sama ada dia tahu atau tidak. Yang penting, kita ada menyebarkan maklumat ini, contohnya melalui televisyen, melalui surat khabar. Semuanya telah dimaklumkan. Jadi, kalau ini masih lagi tidak diketahui oleh mereka, dirasakan tidak diketahui, sila datang kepada pihak jabatan, *insya-Allah*, mereka akan membantu dan kita ada undang-undang untuk mengambil tindakan ini.

Kita memahami apa Yang Berhormat katakan sebab bagi saya ini bukan hanya berlaku di Sabah malah berlaku di Sarawak juga. Kita menghadapi isu yang sama dan ini adalah satu perkara yang *on going*, dengan izin, perkara yang *on going* yang perlu kita tangani setiap hari dan kita berterima kasih kepada pegawai-pegawai. Ini melibatkan pegawai bukan sahaja daripada maritim tetapi juga daripada perikanan untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Jadi sama-samalah kita bekerjasama, Yang Berhormat, untuk menangani ini. *I can understand you*, dengan izin. Terima kasih.

**7. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Kewangan menyatakan peranan dan sumbangan Khazanah Nasional Bhd. dalam pelaksanaan program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Program yang telah membantu meningkatkan kebolehpasaran ribuan siswazah tempatan sejak ia dilancarkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Gerik.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Latihan 1Malaysia ataupun lebih mudah disebut sebagai SL1M yang diperkenalkan pada 1 Jun 2011 adalah satu program latihan untuk

meningkatkan kebolehpasaran ataupun *marketability* bertujuan membantu graduan yang sukar mendapat pekerjaan dengan cara meningkatkan keupayaan diri daripada segi pengalaman kerja, ilmu kemahiran termasuklah dalam aspek komunikasi, bahasa, ICT dan seterusnya meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan.

Sehingga 31 Oktober 2017, seramai 138,398 graduan telah dibantu secara langsung dan tidak langsung menerusi program SL1M ini di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta melalui program-program yang dianjurkan SL1M seperti Karnival Kerjaya SL1M atau *Program Search and Assist* SL1M di seluruh negara. Sebanyak 22 GLIC dan GLC telah mengambil bahagian dan masih melaksanakan program ini secara tanggungjawab sosial korporat ataupun CSR di mana semua kos perbelanjaan latihan para graduan ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat.

Merujuk kepada Khazanah Nasional Berhad iaitu salah satu syarikat yang terlibat dalam pelaksanaan program SL1M dan merupakan penyumbang terbesar kepada kejayaan program ini, pada tahun 2015 dan 2016, seramai 5,160 siswazah telah dilatih di bawah program Khazanah Nasional SL1M – GREEN dengan perbelanjaan sebanyak RM89 juta dalam pelbagai bidang yang saya tak payah sebut dekat sini. Program Khazanah Nasional SL1M – GREEN ini telah direka khusus untuk menempatkan pelatih SL1M di syarikat-syarikat seperti multinasional, swasta dan juga IKS dalam pelbagai bidang, contohnya pendidikan, perkhidmatan bersama, penyumbaran luar, kejuruteraan makanan, teknologi maklumat, jualan, perkhidmatan, pembuatan dan sebagainya.

Daripada jumlah 5,160 siswazah yang dilatih pada tahun 2015 dan 2016, kira-kira 77 peratus peserta program ini telah berjaya mendapat pekerjaan selepas mereka tamat menjalani latihan selama tujuh bulan iaitu satu bulan latihan dalam kelas ataupun teori dan enam bulan latihan di pejabat ataupun *on the job training*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah menjawab soalan ini.

Walaupun program ini bermula pada tahun 2011, ramai ibu bapa dan anak-anak yang lepasan graduan di kampung-kampung tidak mengetahui SL1M ini yang mana di kampung-kampung sebenarnya macam CIMB dan beberapa syarikat telah memberi peluang pekerjaan dan mendapat RM1,500. Saya harap jawapan daripada Menteri hari ini boleh memberi penjelasan terutama kepada setiap ibu bapa dan juga graduan-graduan yang keluar daripada universiti yang belum mendapat kerja.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan majikan menyertai program SL1M untuk menambahkan lagi bilangan pelatih memandangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah agak tinggi? Kalau boleh, mana-mana siswazah yang diambil oleh GLC walaupun dah diberi latihan sebulan campur enam bulan, boleh tak diserap ke jawatan tetap? Terima kasih.

## ■1110

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Setuju saya daripada kenyataan Yang Berhormat Gerik iaitu syarikat-syarikat yang terlibat antaranya mereka ini masuk dalam kumpulan G20 – Khazanah, CIMB, *Malaysia Airports*, *Malaysia Airlines*, Telekom, Tenaga, UEM dan *Axiata*. Mereka ini juga mempunyai skim ataupun program latihan tersendiri, maksudnya dari segi modul dan sebagainya. Sudah tentulah ada di kalangan mereka juga yang telah pun diserapkan masuk setelah selesai menjalankan latihan tersebut.

Kepada soalan tambahan Yang Berhormat Gerik, kerajaan memang mengambil berat Program SL1M ini. Oleh sebab itulah kita yang meng-*initiate*-kan Program SL1M dan kita menyedari bahawa selepas daripada kursus formal di universiti, ramai juga yang masih belum mendapatkan pekerjaan, mungkin kerana kekurangan ilmu-ilmu tertentu, kemahiran dan sebagainya.

Jadi kepada majikan, majikan tadi yang saya sebut awal, mereka ini banyak melaksanakan melalui Program CSR. Mereka tanggung sendiri peruntukan tetapi kerajaan pula sebagai langkah untuk menggalakkan lagi majikan menyertai dan membuka peluang latihan ini, kita berikan Insentif Potongan Cukai Berganda, kemudian kita ada juga insentif di bawah Program HRDF-SL1M.

Selain daripada itu, untuk makluman Dewan juga, kita telah pun mengambil satu langkah di peringkat Kementerian Kewangan, di mana syarat baru telah pun dikenakan kepada syarikat-syarikat yang memperoleh kontrak kerajaan iaitu kelas A bekalan, kontrak *construction* dan sebagainya. Mereka perlu meletakkan satu peratus daripada jumlah kontrak yang mereka peroleh untuk program latihan kepada siswazah ataupun mereka yang baru keluar daripada universiti dalam pelbagai bidang sama ada kejuruteraan, penjualan dan pelbagai supaya mereka ini juga diberikan ruang. Ini merupakan salah satu syarat yang diletakkan di dalam kontrak dan perlu dipatuhi dan diikuti oleh kontraktor yang telah pun berjaya.

Selain daripada itu, untuk makluman Dewan juga, Bajet 2018 yang telah diumumkan baru-baru ini, RM40 juta telah pun diperuntukkan bagi program temu duga yang selalu dibuat temu duga terbuka di merata tempat seluruh negara dan juga kerajaan mewujudkan pusat sehenti pencarian kerja. Ini kita buat secara NBOS dengan SL1M sendiri, dengan JobsMalaysia, dengan PERKESO, HRDF, TERAJU dan pelbagai yang lain di *Urban Transformation Centre (UTC)* ini di mana mereka ini boleh pergi ke sana, kemudian mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dengan peluang pekerjaan yang kosong yang ditawarkan sama ada relevan dengan kursus yang diambil dan sebagainya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Menteri tadi daripada 5,600 siswazah itu, 77 peratus yang mendapat pekerjaan. Adakah pihak kementerian atau kerajaan membuat

*post-mortem* atau kajian kenapa yang 23 peratus lagi itu tidak mendapat pekerjaan? Mungkin dari segi aspek mereka sendirilah. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Kita sedar bahawa daripada di bawah Khazanah saja, 5,160 orang telah pun ditawarkan pekerjaan dan Khazanah sendiri pula untuk makluman Dewan pada tahun 2017 ini, menyasarkan 4,220 siswazah yang akan diberikan latihan.

Persoalan berkaitan dengan baki 23 peratus yang tidak mendapat pekerjaan, kita dalam proses mengkaji mungkin silibus ataupun program latihan itu tidak berkaitan ataupun tidak relevan dengan kursus yang mereka ambil. Kita melihat bahawa hari ini banyak di kalangan siswazah kita yang mengambil kursus-kursus tertentu yang kurang mendapat tawaran ataupun peluang pekerjaan di luar. Jadi di sinilah yang ada *mismatch*, menyebabkan tawaran pekerjaan itu agak lambat mereka peroleh. Jadi bagaimanapun, pihak Khazanah akan mencari ruang untuk mengkaji semula silibus yang diberikan dalam tempoh enam, tujuh bulan latihan ini supaya dapat memantapkan lagi siswazah-siswazah yang berlatih di bawah Khazanah Nasional. Terima kasih.

**8. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah terkini doktor pakar di hospital kerajaan dan apakah langkah bagi menangani masalah kekurangan doktor pakar.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Izani dari Pengkalan Chepa. Ini berkenaan dengan doktor pakar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2017, terdapat seramai 4,899 doktor pakar yang sedang berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Tuan Yang di-Pertua dan kementerian sentiasa berusaha untuk mengatasi kekurangan doktor pakar di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengambilan pegawai perubatan menjalani program sarjana kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai 2015 hingga sekarang;
- (ii) menggalakkan pegawai perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani kepakaran melalui program laluan *parallel*. Ini bersama-sama dengan universiti luar negara;
- (iii) melantik semula secara kontrak pegawai perubatan pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan. Sekarang ini terdapat 16 orang pakar;



- (iv) mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sessional. Ini bila ikut keperluan Tuan Yang di-Pertua; dan,
- (v) menggalakkan pegawai perubatan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air. Ini melalui TalentCorp, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang sudah ada 15 kes Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan saya ialah, adakah berlaku pengurangan jumlah calon yang mendapat hadiah cuti belajar untuk menjalani latihan kepakaran? Daripada jawapan sekejap tadi, dalam usaha untuk menampung keperluan pakar perubatan mengikut jangka masa yang dikehendaki, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah bijak, terima kasih. Yakni membuka program ataupun *parallel programme*, antara program luar negara dan juga program *Masters* yang biasanya.

Namun demikian, persoalan saya ialah, adakah kewangan untuk program *parallel* luar negara ini diambil daripada ataupun mengurangkan peruntukan kepada Hadiah Latihan Persekutuan dalam negara untuk *Masters* program? Maknanya kalau itu berlaku, proses untuk menambah pakar juga menjadi lambat, pada pandangan saya sekiranya kewangan, kecuali kita mengadakan peruntukan-peruntukan lain untuk program *parallel* dan juga program dalam negara. Terima kasih. Minta komen.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, program *Masters* untuk latihan pakar perubatan ini yang di bawah *Masters* ini, dia mendapat hadiah HLP ataupun Hadiah Latihan Perubatan Persekutuan. Ini yang 1,000 orang setahun. Jadi kita tidak gunakan peruntukan ini untuk *parallel programme* ini. *Parallel programme* adalah dengan sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita cuma *facilitate* daripada segi, *facilitate* macam membantu dari segi *posting* dia dan sebagainya. Jadi tidak terlibat dan tidak ada pengurangan daripada segi hadiah latihan yang 1,000 orang ini untuk *Masters programme* dalam negara, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, memanglah kalau kita lihat angka yang ada Tuan Yang di-Pertua, jumlah pakar, jumlah perjawatan dalam pakar ialah 4,879. Ini adalah jumlah perjawatan tetapi yang sudah diisi, sudah 4,897. Maknanya tambahan 19, ini maknanya walaupun tidak ada perjawatan yang kosong tetapi kita sudah lantik lebih daripada yang perjawatan, Tuan Yang di-Pertua.

**9. Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan berapakah jumlah kes kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang tercatat sepanjang tahun ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menambah baik Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) ini.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Merbok yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh pada 13 November kerana ia menyentuh isu yang sama berkaitan kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**■1120**

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai agensi penguat kuasa yang menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah akta tersebut. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan. Sebagai contoh, tindakan boleh diambil di bawah seksyen 211 dan seksyen 233 Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan *internet* atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam ataupun jelik. Jika disabitkan kesalahan, pihak tersebut boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Sepanjang tempoh Januari sehingga 30 September 2017, sejumlah 269 kes telah pun disiasat di bawah Akta 588 termasuk kes buli siber. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54 peratus ataupun 146 kes telah pun disiasat di bawah seksyen 233, sebanyak 56 kertas siasatan telah pun dibuka dan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan pendakwaan dan selebihnya lagi masih dalam siasatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada di bawah Akta 588 adalah mencukupi bagi menangani kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia terutamanya berkaitan penyalahgunaan *internet* dan media sosial. Sekiranya terdapat kekangan bidang kuasa oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, tindakan sewajarnya masih boleh diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguat kuasa yang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Jenayah Komputer 1997. Terima kasih.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi mengurangkan jumlah kes kesalahan di bawah Akta

Komunikasi dan Multimedia 1998? Juga, apakah status terkini mengenai pembangunan aplikasi mudah alih yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi memudahkan proses pengaduan orang ramai terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]?

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya semua aduan yang diterima akan disusuli oleh tindakan oleh pihak SKMM yang mana ia melibatkan penguatkuasaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. Notis amaran, nasihat serta tindakan merujuk kepada agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya di bawah peruntukan undang-undang yang berkaitan akan dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya bukan semua kesalahan ataupun kelakuan yang bersalahan dengan media sosial ini diletakkan di bahu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, tetapi sebenarnya kita mengambil pendekatan berbilang serampang dalam menangani gejala penularan kandungan kerana kita tahu apa sahaja kesalahan di alam nyata adalah merupakan satu kesalahan di alam maya. Dalam hal ini, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak seperti JAKIM, KPDK dan juga lain-lain kementerian ataupun agensi bagi mendapatkan nasihat yang tepat.

Berkaitan dengan penguatkuasaan, pihak kementerian juga dengan SKMM, kita turut menganjurkan program-program khas yang kita tahu seperti seminar media sosial, antara mesej-mesej utama ialah untuk memberi program kesedaran kepada masyarakat di luar dalam melayari secara bijak berkaitan dengan penggunaan *internet*. Di samping itu, berkaitan dengan satu lagi program yang telah kita usahakan iaitu dinamakan program portal *Sebenarnya.my* di mana sehingga akhir September tahun ini, semenjak pelancarannya pada pertengahan Mac yang lalu, portal ini telah mencatatkan jumlah layaran sebanyak 12.75 juta. Sebenarnya kita ingin memperkenalkan ataupun mempromosikan budaya, dengan izin, *fact checking* dan juga agar masyarakat lebih celik fakta dan waspada sebelum bertindak menyebarkan berita yang tidak ditentu sahkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak kementerian melalui SKMM juga telah membangunkan aplikasi mudah alih untuk portal tersebut bagi memudahkan proses pengaduan. Walau bagaimanapun, pihak orang awam boleh membuat aduan dan juga laporan menggunakan saluran yang sedia ada seperti *WhatsApp*, SMS, e-mel, telefon ataupun hadir sendiri di pejabat SKMM. Sekian, terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan. Saya juga mempunyai satu soalan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi khususnya mengenai kegiatan ataupun fenomena buli siber yang sekarang ini cukup meluas berada di dalam masyarakat kita di mana mangsa-mangsa yang kita pernah

dengar yang terlibat, yang menjadi mangsa kepada buli siber ini sampai bunuh diri pun ada. Jadi ini adalah satu perkara atau fenomena yang cukup tidak baik kepada negara kita.

Saya hendak tahu, apakah langkah ataupun tindakan yang dibuat oleh kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat betapa beratnya kesan daripada kegiatan buli siber ini yang kadang-kadang bagi sesetengah orang, dia hendak suka-suka sahaja, lebih-lebih lagi di kalangan ahli-ahli politik, kita dituduh macam-macam. Kalau orang itu nampak baik, hendak tuduh dia sebagai kaki perempuan, mungkin orang tidak percaya. Kalau hendak tuduh dia minum arak, mungkin orang tidak percaya. Dikatakan menerima rasuah pula daripada mana-mana pihak. Jadi, ini antara benda-benda yang sebenarnya perlu dikaji oleh pihak kerajaan bagaimana kita hendak membendung kegiatan yang tidak bermaruah yang menjejaskan integriti dan juga kesejahteraan rakyat kita. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu dengan kemudahan ICT yang makin meningkat telah menyebabkan kanak-kanak di peringkat seawal usia yang muda didedahkan dengan teknologi ICT. Di sini kita dapat lihat bahawa terdapatnya jurang teknologi yang agak jauh antara para ibu bapa dan juga kanak-kanak. Di sinilah perlunya kita sebagai ibu bapa juga mengambil peranan untuk membantu anak-anak kerana kita tahu anak-anak ini kadangkala apabila mereka ini mengalami masalah ataupun didedahkan dengan buli siber, mereka perlukan satu tempat rujukan. Di sinilah kita sebagai ibu bapa harus juga didedahkan dengan pengetahuan dan berkemahiran dalam menggunakan aplikasi-aplikasi yang terkini dalam ICT bagi memudahkan mereka berbincang.

Dari hasil maklumat yang saya dapat, bahawa sekurang-kurangnya hampir 33 peratus kanak-kanak di Malaysia ini sebenarnya terdedah kepada buli siber dan hanya lebih kurang 27 peratus sahaja ibu bapa memainkan peranan untuk berbincang dengan anak-anak mereka. Di sinilah pihak kementerian melalui SKMM kita telah mengadakan beberapa program sama ada bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan ataupun pihak-pihak sekolah bagi memberi pendedahan kepada anak-anak terutamanya bagaimana untuk berkongsi ataupun melayari maklumat-maklumat yang penting.

Di samping itu juga, kita ingin menekankan bagaimana peranan ibu bapa bagi melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian. Di sini, program-program seperti yang saya nyatakan tadi iaitu Program Klik Dengan Bijak, program-program dengan sekolah dan sebagainya. Kita juga dapati bahawa kita juga ambil maklum apabila pihak kerajaan telah meluluskan Akta Kesalahan Seksual di mana Mahkamah Khas Jenayah Seksual juga telah pun berjaya dilancarkan di sini. Maknanya, pihak MCMC ataupun SKMM akan sentiasa berhubung dan juga bekerjasama dengan pihak PDRM ataupun pihak berkaitan dalam menangani isu-isu buli siber. Terima kasih.

10. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang terkini untuk mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur.

■1130

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Kepong. Sebelum saya menjawab soalan, ingin saya mengalu-alukan kehadiran kepimpinan Puteri UMNO dan AJK Penasihat Kampung Chenor Seberang, Parlimen Maran dan kepimpinan JKKK dan Wanita Kampung Luit, Parlimen Maran; rombongan Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, merangkap Ahli Parlimen Maran. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, pada masa ini terdapat hampir lima juta kenderaan didaftarkan di Wilayah Persekutuan dan lebih tiga juta trip sehari di Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi mengurus dan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, lima aspek utama telah diambil untuk memastikan mobiliti dan aksesibiliti berada di tahap tinggi. Aspek-aspek tersebut adalah:

- (i) perancangan;
- (ii) meningkatkan kapasiti infrastruktur jalan raya;
- (iii) pengurusan lalu lintas;
- (iv) penyediaan kemudahan sokongan sistem pengangkutan awam; dan
- (v) penguatkuasaan

Dalam aspek perancangan, ia bermula dengan menyediakan jajaran-jajaran jalan raya baru yang akan dibina bagi melengkapkan jaringan rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur dengan mengambil kira kelebaran rizab jalan berdasarkan hierarki jalan. Dalam aspek perancangan juga, DBKL melaksanakan tiga dasar utama iaitu untuk memusatkan pembangunan (*decentralization*) yakni tidak menumpukan pembangunan hanya di pusat bandar tetapi membawa pembangunan ke kawasan pusat daerah. Seterusnya, menggalakkan pembangunan jenis bercampur (*mixed development*) serta melaksanakan konsep pembangunan berorientasikan transit, *transit orientated development*.

Dalam aspek peningkatan kapasiti rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur, projek pembinaan infrastruktur jalan raya terus dilaksanakan. Projek-projek ini termasuk projek melengkapkan jalan raya, projek menaiktarafkan jalan raya seperti melebarkan jalan, menaik taraf persimpangan dengan pembinaan persimpangan bertingkat, terowong dan laluan bawah serta membina jambatan-jambatan untuk meningkatkan tahap penyuraian lalu lintas. Bagi mengekalkan kapasiti jalan sedia ada, penanda-penanda garis garisan jalan, pemasangan serta penyelenggaraan papan tanda tunjuk arah dan papan tanda lalu lintas, penyelenggaraan lampu isyarat yang baik serta penyelenggaraan jalan sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Berkaitan aspek pengurusan lalu lintas, pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil bagi memastikan aliran lalu lintas bergerak lancar di rangkaian

jalan raya di Kuala Lumpur. Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan sistem teknologi terkini di dalam menguruskan lalu lintas iaitu sistem maklumat bersepadu, Integrated Transport Information System (ITIS) serta sistem lampu isyarat berkomputer dan terkini memperkenalkan sistem eDrive serta membangunkan *parking guidance system*.

Selain dari itu, penyediaan kemudahan tempat letak kereta dan motosikal serta tempat punggah memunggah yang teratur dapat mengurangkan halangan lalu lintas. Langkah-langkah lain juga diambil seperti melarang kenderaan berat menggunakan jalan-jalan utama pada waktu puncak pagi dan petang dan membenarkan aktiviti punggah memunggah hanya pada luar masa waktu puncak.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL melaksanakan usaha-usaha meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan pengangkutan awam dalam usaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dengan menyediakan *park 'n' ride*, hentian bas dan hentian teksi yang selamat dan selesa. Membina rangkaian pejalan kaki dari stesen-stesen pengangkutan awam ke aktiviti, meningkatkan tahap kapasiti keselamatan dan keselesaan rangkaian pejalan kaki, menyediakan laluan basikal dari kawasan perumahan ke stesen transit, menyediakan lorong-lorong khas pengangkutan awam dan penyediaan panel informasi pengangkutan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, salah satu dari punca kesesakan lalu lintas adalah disebabkan oleh halangan dari kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah ini penguatkuasaan ditingkatkan dari semasa ke semasa. Langkah yang terkini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menggunakan kaedah kapit tayar bagi mengatasi masalah kenderaan di parkir di tempat yang tidak dibenarkan. Ia adalah untuk meningkatkan disiplin pengguna-pengguna jalan raya supaya sentiasa mematuhi peraturan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 7 November 2017.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempadan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[2 November 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi untuk menyambung perbahasan.

**11.36 pg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan. Saya sekali lagi mengambil kesempatan bagi pihak warga Parlimen Kota Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atas pembentangan Bajet 2018 yang mana ia amat baik. Bajet 2018 ini berjumlah RM282,250 bilion, di mana RM234,250 bilion adalah Perbelanjaan Mengurus dan RM46 bilion untuk Belanja Pembangunan dan RM2 bilion untuk luar jangka. Lapan petunjang yang menyeluruh dan komprehensif menepati cita rasa dan harapan rakyat untuk merealisasikan negara yang maju berpendapatan tinggi telah dibentangkan, merangkumi merencanakan pelaburan perdagangan industri menuju aspirasi TN50, pembangunan pendidikan, latihan, kemahiran dan bakat, memacu pembangunan inklusif, mengutamakan kesejahteraan dan peluang, menjana pendapatan, revolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital. Meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC dan perkhidmatan awam dan mengimbangi pencapaian duniawi dan ukhrawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengambil kira keperluan rakyat. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat input dari lebih satu juta peserta dialog aspirasi TN50 dan interaksi di media sosial.

*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

Saya ucapkan tahniah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah terjemahkan dalam pembentangan ini dengan baiknya. Secara keseluruhan, saya berpendapat Bajet 2018 inklusif dan berjaya menyentuh semua segmen rakyat sama ada petani, nelayan, pekebun kecil, generasi muda TN50, pelajar dan mahasiswa, pekerja dan peniaga, Bumiputera, Cina, India, Orang Asli, orang kelainan upaya, warga GLC, warga emas, kanak-kanak, wanita, usahawan, peneroka FELDA, FELCRA, RISDA, penggiat sukan dan seni, penjawat awam dan veteran, kumpulan B40, kumpulan M40, kumpulan T20 dan pelaku industri, warga bandar dan warga luar bandar. Semuanya terkesan positif, *insya-Allah* kalau kita dapat dilaksanakan dengan baik bajet ini.

Bajet ini sebenarnya bersifat mesra rakyat, rakyat *centric* dan ia dengan niat tidak lain tidak bukan untuk membantu antara lainnya menangani kos sara hidup rakyat. Ia juga meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Beberapa pelepasan pemungut cukai telah diadakan, 190 ribu rakyat tidak perlu bayar cukai lagi. Bantuan subsidi bersasar BR1M diteruskan dan pembangunan luar bandar diberi perhatian, diteruskan dengan lembaga-lembaga pembangunan wilayah diberi *empowerment* ataupun pemerksaan, termasuk KEJORA, MADA, KESEDAR. Saya harap lembaga pembangunan wilayah ini bukan



dikecilkan dan pada masa akan datang dibesarkan dengan tambahan dana-dana yang bukan sahaja untuk *touch point*, mesra rakyat, juga untuk pembangunan strategik di kawasan masing-masing kerana mereka sudah lama dan mereka faham.

Begitu juga pembangunan koridor-koridor pembangunan wilayah seperti Iskandar, ECER, SDC, SCORE dan lain-lain. Untuk tahun ini, Bajet 2018 infrastruktur kemudahan untuk rakyat, termasuk jalan raya, bekalan air dan elektrik dan kemudahan komunikasi digital berjumlah RM6.5 bilion. Saya rasa kemudahan komunikasi digital ini perlu dipertingkatkan lagi sebab kita telah dan akan masuk ke era digital. Saya tidak tahu ini cukup tidak cukup, kalau tidak cukup saya minta kerajaan kena lihat balik.

■1140

Di samping kita mensejahterakan penduduk luar bandar, tidak lupa inisiatif kegiatan warga bandar. Kita tahu perbandaran begitu pesat dalam negara kita. Tahun 2010; 71%, tahun 2020; 73.8% dan tahun 2050 akan menjadi 88%. Makna lebih ramai warga kita akan duduk dalam bandar daripada luar bandar. Atas itu, usaha-usaha mengadakan bandar-bandar pintar, contohnya meningkatkan mobiliti sosial dengan mengadakan *transportation*, pengangkutan yang lebih canggih, lebih murah dan akan memberikan keselesaan kepada rakyat. Di samping itu perumahan mampu milik dan penyelenggaraan perumahan yang diadakan secara agresif akan memberi mereka keselesaan di kawasan bandar.

Di samping itu perumahan suatu faktor yang besar dan kerajaan saya lihat memberi penekanan kepada pembangunan rumah, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik, rumah PR1MA, SPNB, Penjawat Awam 1Malaysia, untuk FELDA, rumah untuk angkatan tentera dan bermacam-macam jenis rumah kita buat. Tambah rumah sahaja itu bukan hal sendiri tetapi perumahan ini kerajaan akan bantu dan saya rasa dengan adanya pelaksanaan yang begitu menyeluruh dan mungkin dengan melihat dari segi pembiayaan yang memungkinkan mereka memiliki rumah, maka usaha-usaha ini, *insya-Allah* akan membawa kejayaan dengan kerjasama semua terutama saya lihat.

Jadi kerjasama negeri-negeri pastikan bahawa tanah-tanah yang dibangunkan jangan ditangguh-tangguh. Selangor baru hendak lulus untuk Selangor, bertahun-tahun lamanya. Jadi jangan kita berpolitik hai anak rakyat tak ada rumah. Dan juga di pendidikan, *alhamdulillah* peruntukan begitu besar 61.6 bilion. Antara lainnya akan memastikan bahawa kita memberi pendidikan yang terbaik dan rata-rata Malaysia negara kita menyediakan bajet pendidikan ini hampir dua kali ganda di bandingkan dengan negara-negara ASEAN sekeliling kita. Saya harap kerajaan tak kurangkan. Kita kena *steadfast* menentukan pendidikan menjadi pelaburan hari ini, pelaburan masa depan yang kita mulakan hari ini dan setelah kita lakukan 60 tahun selamanya. Ini antaranya resipi kesejahteraan kita dan maka peruntukan ini amat wajar dan ditambah pula dengan tabung penambahbaikan dan penyelenggaraan sebanyak RM550 juta.

Sekolah-sekolah ini banyak perlu disenggarakan dengan baik dan saya ucap terima kasih kerana ada peruntukan khusus untuk ini. Juga untuk belia, pembangunan prasarana sosial budaya sukan, 14 kompleks baru RM170 juta akan dibina dan juga pemerkasaan dan pemuliharaan alam sekitar melibatkan RM550 juta untuk tebatan banjir dan mengurangkan kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Baru-baru ini di Pulau Pinang pun banjir, jadi kita tak tahu. Jadi banjir ini kena tanggungjawab bersama, bila kena, kita akan sama-sama hadapi. Kita harap ini akan meringankan, orang Pulau Pinang kena bersabar sikit lah, tabah. Mudah-mudahan mereka akan dapat melalui, masing-masing susah ini sebagaimana orang Kelantan, orang Johor yang sudah melalui sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjemput sedikit laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan keperluan asas 2016 yang kita lakukan. Hasil usaha-usaha baik bertahun-tahun ini melalui Dasar Transformasi Negara sejak 2009, maka kita dapat melihat peningkatan yang secara konsisten selama 6 ke 7 tahun ini walaupun kita dibebani dengan berbagai-bagai mendepani masalah ketidaktentuan ekonomi. Kita ada masalah kejatuhan harga komoditi yang begitu mendadak. Akan tetapi per kapita rakyat Malaysia *alhamdulillah* bertambah daripada tahun 2010; RM27,819 kepada RM42,777 pada tahun 2018. Unjuran dan medium bulanan RM4,585 tahun 2014 kepada RM5,288 tahun 2016.

Untuk B40 pula naik daripada RM2,629 tahun 2014 kepada RM3,000 tahun 2016. Menarik sekali ialah *Gini coefficient* ataupun pekali *gini* daripada 0.441 tahun 2009 kepada 0.399 pada tahun 2016 dan perkara ini, indeks ini adalah terendah sekali dalam sejarah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri fokus sedikit Bajet 2018 dalam aspek ekonomi ini kerana saya lihat penekanan kepada pengukuhan kerangka fiskal dan kerangka kewangan itu amat baik dan langkah ini konsisten sejak Dasar Transformasi Negara dilaksanakan pada tahun 2009. Langkah ini amat penting untuk memastikan kewangan negara mapan. Kadar keberhutangan yang sederhana dan bertanggungjawab. Boleh sahaja kalau populis itu berbelanja lebih. Kita tambah lebih-lebih tetapi *alhamdulillah* kita tidak terdorong dan tidak sewenang-wenangnya membentangkan bajet yang populis dan tidak bertanggungjawab.

Kita lihat di Selangor contohnya, peningkatan bajet tiga bulan dan lepas 2017 tetapi setakat Bajet 2018. Kalau macam itu kita boleh kata BR1M RM20 bilion sejak beberapa tahun sekian Bajet 2018. Dan juga di Pulau Pinang contohnya pertambahan bajet untuk Ketua Menteri daripada RM200 juta lebih hingga RM600 juta pertambahan dalam masa setahun. Jadi ini antara petunjuk-petunjuk bahawa kita tidak akan mengikut itu kita akan mengikut petanda petunjuk-petunjuk kerangka yang jelas kita buat selama bertahun ini dan mengadakan bajet yang bertanggungjawab.

Bajet yang dibentangkan berasaskan kerangka Dasar Transformasi Negara yang kukuh. Kerangka Dasar Transformasi Ekonomi contohnya bersifat proaktif telah berjaya menangani sensitiviti turun naik ekonomi dan iklim serantau dan global yang tidak

menentu. Kerangka Dasar Transformasi Ekonomi juga berwawasan dan peka kepada keperluan semasa dan berupaya membina dan mempelbagaikan kapasiti daya saing tempatan ke taraf global. Terbukti kerangka Dasar Transformasi Ekonomi Negara berjaya dan diiktiraf oleh badan penyelia ekonomi dunia seperti Bank Dunia dan *International Monetary Fund*. Juga oleh badan-badan penarafan kewangan seperti *Moody*, *Standard and Poor's*, and *Fitch*. Malah kekuatan Dasar Transformasi Negara yang mencakupi Dasar Transformasi Ekonomi, Dasar Transformasi Kerajaan, Dasar Transformasi Sosial, Politik dan Digital dan lain-lain yang amat komprehensif sehingga ada banyak pihak akademia dan para pakar ekonomi mula menjalankan kajian mengenai Dasar Transformasi Negara ini sebagai potensi kerangka contoh untuk negara-negara membangun.

Kerajaan juga mematuhi belanjawan negara tidak lebih daripada 55% KDNK Negara dan bersasar ke arah *zero deficit* atau berimbang tahun seawal 2020. Pematuhan ini dapat memastikan penarafan *A minus* stabil dan setaraf oleh *Fitch*, *Moody's* and *Standard & Poor*, dan lain-lain supaya kos pendanaan menjadi murah dan boleh memangkinkan pelaburan dan perdagangan masa depan. Justeru akan merencanakan lagi perkembangan ekonomi negara. Kita lihat data-data defisit belanjawan kita 2.8% tahun 2018 turun daripada 3% tahun lepas. Menunjukkan kita mengikuti kerangka yang telah kita laksanakan sejak 2009. Rizab Antarabangsa juga naik kepada USD101.4 bilion atau RM428.7 bilion. Kalau kita bandingkan tahun 1997, kita punya Rizab Antarabangsa USD21.7 bilion atau RM59.2 bilion. Jadi banyak jauh bezanya.

Ini adalah usaha-usaha memperkasakan kerangka ekonomi yang ada melalui Dasar Transformasi Ekonomi kita. Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara amat mustahak dan ianya mesti diuruskan secara mapan. Kekuatan ekonomi negara membantu mensejahterakan rakyat. Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai kesungguhan, ketabahan, kemahiran, pengalaman dan kebertanggungjawaban untuk menguruskan ekonomi secara mapan. Usaha-usaha untuk memperkasakan dan mengembangkan ekonomi negara juga diusahakan dan kita jangkakan tahun depan pertumbuhan dijangka antara 5.2% hingga 5.7%. Ini kita usahakan untuk pelbagai usaha dijalankan untuk mempelbagaikan penjana pendapatan. Daripada ekonomi tradisi komoditi kepada ekonomi berdasarkan industri dan perdagangan dan termasuk juga akhir-akhir ini ekonomi berbentuk digital dan mencakupi *fourth* revolusi industri yang keempat dan ianya perlu diberi perhatian.

Kita juga telah laksanakan usaha-usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak. Pada tahun 2015 kita bergantung 40% pada hasil negara, pada hasil minyak. Akan tetapi pada tahun 2017 kita sudah kurangkan kepada 14%. Ini satu perkara yang amat baik dan kita telah merasionalisasikan subsidi kita dan dengan itu, duit-duit yang ada itu belanja itu dapat ditukar kepada perkara-perkara yang boleh mencergaskan ekonomi dan membantu rakyat untuk menangani peningkatan kos sara hidup. Kita juga

telah melakukan usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada industri-industri yang berteraskan intensif buruh atau *labour intensive*.

Ini kita perlu lakukan kerana kita tidak mampu bersaing dengan negara seperti Vietnam, Indonesia, *Philippine*. Bila masa mereka sudah bersedia, kita sudah tidak mampu bersaing kalau berdasarkan buruh intensif. Atas sebab itu kita telah laksanakan beberapa inisiatif termasuk *Digital Force Industry Revolution* dan kerangka-kerangka yang kuat seperti TVET dan pendidikan kemahiran supaya kita dapat meningkatkan kemahiran tenaga kerja kita dan kita dapat memberikan mereka kerjaya lebih baik, pendapatan lebih baik dan kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada buruh-buruh asing.

#### ■1150

Penduduk Malaysia tahun 2018 dianggarkan 31.7 juta dengan majoriti umur 28.1 tahun. Jadi negara kita, kita anggap negara yang muda demografinya. Keperluan untuk pekerjaan akan bertambah setiap tahun kecuali pendekatan baru dilaksanakan mengaplikasikan teknologi, inovasi dan menggunakan tenaga kemahiran tinggi, kita akan berdepan dengan persaingan yang sukar.

Oleh itu, usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada industri institusi buruh mesti diperkasakan. Malah berupaya memberikan kerjaya berpendapatan tinggi kepada rakyat sesuai dengan aspirasi negara maju berpendapatan tinggi. Tahniah kepada kerajaan dalam dasar Transformasi Ekonomi dan Dasar Transformasi Digital, kita telah menyediakan dana-dana strategik untuk meningkatkan aplikasi automasi contohnya, *automation* sebanyak RM1 bilion untuk Bajet 2018 dan sejak tahun 2015 hingga tahun 2017 kita telah belanja RM1.5 bilion.

Usaha ini dapat kurangkan guna tenaga yang ketara. Perlanjutan elaun modal dipercepatkan automasi Accelerated Capital Allowance (ACA) sehingga 31 Disember 2020 mengurangkan tenaga kerja dari contohnya 2,296 pekerja kepada 374 pekerja sahaja dengan *output* yang sama, dengan automasi. Akan tetapi tenaga kerja telah berkurang sebanyak 83 peratus.

Ini satu contoh yang baik dan ini juga dapat memangkinkan proses pembuatan pintar dan menepati Revolusi Industri 4.0. Kerajaan berusaha menyediakan 500,000 pekerjaan – kena sediakan 500,000 pekerjaan setiap tahun untuk menampung penduduk yang bertambah setiap tahun. Untuk itu, perkembangan ekonomi adalah pra syarat yang amat penting. Bukannya mudah kita, – Menteri pandangan saya untuk negara berdagang yang besar seperti kita dan kita terpaksa bergantung kepada landskap ekonomi dunia dan kita juga bergantung kepada hubungan kita dengan rakan-rakan dagangan kita.

Kalau hubungan baik, maka ada peluang pelaburan dan perdagangan. Akan tetapi kalau hubungan kita tidak baik, kita mungkin ada masalah dan kita akan tertinggal atau rugi. Kalau tiada perdagangan, pelaburan juga akan kurang. Atas itu kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk menarik pelaburan sama ada pelaburan tempatan mahupun dari luar negara.

Alhamdulillah, atas keyakinan tinggi dengan Dasar Transformasi Negara dan penerafan yang baik dari badan dunia dan juga iklim pelaburan yang sangat baik dalam negara, pelaburan dalam negara dijangka naik 6.7 peratus pada tahun 2018 dan bakal menyumbang 25.5 peratus dari KDNK negara dengan pelaburan swasta mendahului sebanyak 70 peratus daripada nisbah pelaburan.

Pelaburan swasta dijangka pada tahun depan sejumlah RM260 bilion berbanding pada tahun 2009 hanya RM81 bilion. Sementara pelaburan awam pula pada tahun depan dijangkakan RM109 bilion dan pelaburan pada tahun 2009 RM75 bilion. Jadi peningkatan pelaburan awam jauh lebih perlahan dibandingkan dengan pelaburan swasta. Ini satu petunjuk bahawa keyakinan begitu tinggi telah dapat dibina dengan adanya kerangka-kerangka, prasarana-prasarana yang mapan, yang baik, yang efektif, yang efisien yang menyebabkan mereka akan melabur. Ini bukan hanya teori, sebenarnya sudah berlaku dengan rancak.

Usaha untuk menarik pelaburan asing juga kita usahakan dengan secara bersungguh-sungguh. Baru semalam kita telah menyaksikan pelancaran Digital Free Trade Zone dengan Aeropolis, dengan penglibatan antara syarikat terbesar *e-commerce* di dunia iaitu Alibaba. Alibaba satu syarikat terbesar di China sebenarnya dan mereka akan mengadakan pelaburan yang begitu besar. Ini akan memberikan peluang kepada 1,900 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia. Ini bukan sahaja dapat menarik mereka juga berpeluang menjadi hab kepada *e-commerce* yang begitu besar di dunia.

Contohnya pada 11 November nanti, tahun lepas dia buat *single sales*. Dalam masa 24 jam Alibaba boleh menjana *revenue* atau pendapatan sebanyak USD18 bilion dalam masa 24 jam. Itu bersamaan dengan RM76 bilion satu hari. Jadi tahun ini, 11 November akan berlaku dan saya dapat *feedback* bahawa penglibatan daripada syarikat-syarikat serantau begitu rancak sekali. Ini satu petanda baik untuk kita membina lagi satu ruang baru perdagangan dan pelaburan untuk masa depan negara.

Pelaburan Alibaba di Aeropolis akan menjana 60,000 pekerjaan di bidang *transshipment*, e-dagang, logistik dan industri sokongan dalam masa sehingga tahun 2025. Jumlah dagangan untuk *Digital Free Trade Zone* ini sahaja dagangan daripada *Digital Free Trade Zone* ini sahaja menyumbang USD38 bilion menjelang tahun 2025, lebih kurang RM160 bilion. Perkhidmatan kargo udara sahaja juga akan bertambah. Sekarang ini 700,000 tan dengan adanya *transshipment* ini, hab ini dijangkakan jumlah *tarnish* akan bertambah kepada RM1.3 juta tan setahun. Ini amat baik untuk negara. Ini menterjemahkan lagi keyakinan mereka terhadap Dasar Transformasi Ekonomi yang telah kita jalankan selama lapan tahun ini.

Di samping itu, kita semua maklum bahawa pelaburan negara juga mendapat *shot in the arm* ataupun mendapat keyakinan begitu tinggi daripada China, kita ada pelaburan RM150 bilion daripada India, RM145 bilion daripada China, RM31 bilion daripada Arab Saudi dan banyak lagi daripada negara lain. Jadi, ini bukan sahaja dapat membina

keyakinan. Ia juga memberi peluang pekerjaan, keusahawanan dan akan membina, meningkatkan lagi keperluan dan memperkasa dalam negara untuk masa-masa depan.

Ini adalah petanda-petanda yang sangat *solid*, yang kukuh yang sedang berlaku. Ia bukan unjuran semata-mata. Ia adalah satu hakikat. Ini pertanda bahawa mereka amat yakin kepada sistem ekonomi negara kita. Saya rasa bajet tahun 2018 ini akan memperkukuhkan lagi keyakinan ini.

Pelaburan sudah tentunya akan menambahkan lagi perdagangan. Laporan daripada US News World report bersama dengan [Tidak Jelas] University of Pennsylvania tahun 2017 Malaysia merupakan negara nombor satu, nombor wahid dalam dunia untuk pelaburan. Menurut *World Bank of Doing Business*, sudah habis dah? Dua minit boleh? *In doing business*, kita merupakan negara ketiga paling baik untuk melabur di dalam dunia. Usaha perkembangan ini akan menjadi bertambah baik dengan adanya bajet ini dan kita akan menentukan bahawa negara kita akan mendapat manfaat yang banyak. Rakyat akan mendapat manfaat yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masih panjang lagi ini. Bagi saya sedikit lagi boleh tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa minit?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Lima minit lagi boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey, saya tutup. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi pemerkasaan terhadap wanita melalui AIM dan semua AIM. Cuma AIM ini belum ada lembaga pengarah wanita. Kita ada *tourism*. Saya minta *food culinary academy* diadakan supaya kita ada produk makanan negara yang boleh kita promosi dekat antarabangsa.

Akhirnya untuk Kota Tinggi, saya mohon pertamanya Jalan FT092, 41 kilometer daripada bandar Penawar ke Kota Tinggi dapat dibangunkan dengan segera untuk keterangkuman Kota Tinggi untuk pembangunan di Pengerang. Kita sudah bagi 5,000 ekar untuk taman air, *supply* dekat *rapid*. Jadi kita minta tolong. Jalan *bypass* untuk elak banjir dan juga kapal boleh lalu supaya tidak ada banjir lagi di Johor, di Kota Tinggi. Ini masih lagi tertangguh. Saya minta kementerian minta tolong. Nanti orang Kota Tinggi bising dan juga Jalan FT096, 213, 212 Bandar Baru Pasak.

Akhirnya sentri gajah PATI ini, Tuan Yang di-Pertua saya takut pertembungan haiwan dan manusia ada yang mati lagi. Jadi saya minta cepatkan sentri gajah ini. Jadi saya dalam masa yang terhad ini saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Pagoh.

**11.59 pagi.**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2016 yang dikeluarkan pada bulan Mei 2017, hasil kerajaan yang dipungut pada tahun ini ialah RM212.4 bilion berbanding RM219.1 bilion pada tahun 2015 iaitu kekurangan sebanyak RM6.7 bilion.

Dalam bajet tahun lalu, kerajaan mengunjurkan pungutan hasil sebanyak RM225.7 bilion. Akan tetapi oleh kerana hasil yang dipungut oleh kerajaan tidak mencapai sasaran seperti mana yang diunjurkan di dalam bajet, peruntukan sebenar yang diterima oleh kementerian-kementerian adalah lebih rendah daripada jumlah yang dinyatakan di dalam bajet. Menurut Laporan Ketua Audit Negara, waran peningkatan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM5.2 bilion telah dikenakan menyebabkan perbelanjaan mengurus yang sebenar hanyalah RM210.2 bilion berbanding RM215.2 bilion yang diperuntukkan di dalam bajet.

**■1200**

Manakala perbelanjaan pembangunan sebenar pula, hanyalah RM42 bilion berbanding peruntukan sebanyak RM52 bilion. Ini bermakna tidak semua peruntukan Bajet 2016 diterima oleh kementerian-kementerian. Walaupun Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan bajet menjanjikan bulan dan bintang kepada rakyat, tetapi hakikatnya banyak perkhidmatan asas untuk rakyat seperti pendidikan dan kesihatan terganggu kerana peruntukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini terpaksa dipotong.

Dalam Bajet 2017, keseluruhan peruntukan ialah RM262.8 bilion, dengan hasil Kerajaan Persekutuan disemak pada tahun ini dianggarkan berjumlah RM225.3 bilion. Apa yang saya dengar, peruntukan untuk kementerian-kementerian pada tahun ini terpaksa juga dipotong. Baru-baru ini media melaporkan, hospital-hospital kerajaan terpaksa menggunakan semula perkakasan pakai buang kerana masalah kekurangan peruntukan. Malah saya diberitahu pesakit yang mendapat rawatan di hospital kerajaan terpaksa membeli sebahagian ubat-ubatan di farmasi kerana hospital tidak mempunyai bekalan ubatan yang mencukupi.

Dalam Bajet 2018 ini, jumlah keseluruhan peruntukan ialah RM280.8 bilion dengan anggaran kutipan hasil sebanyak RM279.9 bilion. Ini bermakna, Kerajaan Persekutuan masih kekurangan sebanyak RM40.9 bilion untuk menampung keseluruhan perbelanjaan Bajet 2018 dan kekurangan ini pastinya akan ditampung dengan berhutang lagi. Menurut *Moody's Investor Service*, Bajet 2018 gagal menggariskan dasar yang konkrit untuk menambah hasil yang mengakibatkan kutipan hasil kerajaan dijangka menurun berbanding nilai KDNK daripada 16.8 peratus pada tahun 2017 kepada 16.6 peratus pada tahun 2018. Ini bermakna sasaran untuk mengutip hasil sebanyak RM279.9 bilion berkemungkinan tidak akan tercapai.

Dengan trend kutipan hasil yang menurun sejak tahun 2014 Tuan Yang di-Pertua, di samping berlakunya ketirisan dan pembaziran dalam pengurusan kewangan negara, saya percaya kerajaan tidak berkeupayaan untuk melaksanakan semua komitmen di dalam Bajet 2018. Justeru, walaupun Perdana Menteri membuat bermacam-macam janji, Bajet 2018 yang bersifat mengembang, ataupun *expansionary* ini adalah tidak realistik. Dengan jangkaan kutipan hasil yang lebih rendah, sebahagian daripada janji-janji ini hanyalah gula-gula pilihan raya untuk memancing undi rakyat yang akhirnya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga gagal untuk menangani isu-isu penting, seperti masalah kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat dan reformasi dasar fiskal dan hasil yang boleh memulihkan ekonomi negara. Sasaran hasil masih lagi tertumpu pada peningkatan kutipan GST yang diperah daripada keringat rakyat. Pada tahun hadapan, kutipan GST dijangka bertambah sebanyak 55 peratus iaitu daripada RM41.7 bilion pada tahun 2017 kepada RM44 bilion. Jadi pemindahan kekayaan daripada poket rakyat kepada kantung kerajaan yang bermula dengan pelaksanaan GST sejak dua tahun lalu akan dipertingkatkan pada tahun hadapan. Pasti ini menambah bebanan kepada rakyat lagi.

Keluhan mereka ini berkaitan beban cukai GST langsung tidak didengar kerajaan. Malahan kerajaan akan terus merampas lebih banyak wang rakyat menerusi GST suatu yang amat zalim dan tidak adil. Sudahlah rakyat tertekan dengan bebanan kos sara hidup yang kian meningkat, mereka akan terus tertekan dengan GST. Jadi yang dikatakan kerajaan Barisan Nasional, sebagai kerajaan yang membela rakyat ini apa? Rakyat manakah yang dibela?

Selain itu, jika diambil kira enam peratus kadar GST, penurunan kadar cukai pendapatan sebanyak dua peratus untuk mereka yang berpendapatan antara RM20 ribu hingga RM70 ribu adalah sangat minimum. Seperti mana pandangan yang dikemukakan oleh Kumpulan Pemikir Asli (CPPS), manfaat potongan dua peratus cukai pendapatan ini hanya dikecapi oleh mereka yang berpendapatan sekitar RM70 ribu, tetapi tidak dirasai oleh golongan yang berpendapatan sekitar RM20 ribu kerana jumlah penjimatannya adalah terlalu kecil.

Manakala kadar cukai korporat tidak dikurangkan juga, sedangkan hakikatnya kadar cukai korporat Malaysia sebanyak 24 peratus adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara pesaing dirantau ini seperti Hong Kong 17 peratus, Singapura 18 peratus, Thailand 20 peratus dan Vietnam 20 peratus. Kerajaan sepatutnya mengurangkan kadar cukai korporat untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif di negara kita.

Mengenai kos sara hidup Tuan Yang di-Pertua, hampir tiada langsung langkah berkesan akan diambil oleh kerajaan menerusi Bajet 2018 untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat. Mereka tertunggu-tunggu, bila harga ikan, harga daging,



harga ayam, harga sayur-sayuran dan lain-lain akan dapat diturunkan. Sebaliknya apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah menjadikan beberapa jenis bahan bacaan dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan GST berkadar sifar dan inilah bukan langkah terbaik untuk menurunkan harga barang keperluan harian dan mengurangkan kos sara hidup.

Di samping itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak menyatakan langsung langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah kejatuhan nilai ringgit yang memberikan kesan terhadap kenaikan harga barangan keperluan harian terutamanya barangan import. Ironinya sedang rakyat bergelut dengan masalah kenaikan kos sara hidup, pelepasan GST diberikan kepada operator kapal persiaran dan import barangan mewah, seperti kapal dan kapal terbang yang langsung tidak menyentuh kehidupan rakyat biasa.

Bajet 2018 Tuan Yang di-Pertua juga tidak menyatakan langkah-langkah untuk membantu rakyat membeli rumah yang mampu milik. Pengecualian cukai untuk 50 peratus pendapatan sewaan rumah sehingga RM2 ribu hanya memberikan manfaat kepada pemilik rumah, bukan penyewa rumah yang sebahagian besarnya tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri.

Selain itu terdapat beberapa bentuk bantuan yang diagihkan kepada kumpulan penerima tertentu dalam bajet ini. Namun dasar mengagihkan bantuan kewangan kepada pelbagai kumpulan penerima secara naluri untuk menagih sokongan politik tidak akan menjadi lestari kerana ia berjangka pendek. Apa yang diperlukan oleh rakyat ialah penyelesaian menyeluruh terhadap masalah kos sara hidup yang boleh dinikmati oleh segenap lapisan rakyat, baik kakitangan kerajaan, pekerja swasta, peniaga kecil, nelayan, petani, penerima pencen dan mereka yang bekerja sendiri.

Jumlah penerima BR1M pada tahun hadapan kekal tujuh juta orang, dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion. Ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Dasar pemberian BR1M sepatutnya berfokus kepada usaha untuk mengeluarkan rakyat daripada belunggu kemiskinan dan meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah. Justeru dasar ini mesti dikaitkan dengan pemberian pelbagai bentuk bantuan insentif dan latihan kepada golongan yang berpendapatan rendah yang bertujuan untuk menjana pendapatan mereka agar beroleh kehidupan yang lebih baik dan tidak lagi bergantung pada bantuan kerajaan. Jika jumlah penerima BR1M kekal, sama ada setiap tahun bermakna dasar kerajaan untuk menambah pendapatan rakyat ini gagal.

Dari segi peruntukan pembangunan, Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan sejumlah RM12.2 bilion, jauh lebih besar daripada peruntukan pembangunan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan sebanyak RM1.8 bilion dan Kementerian Pendidikan sebanyak RM1.4 bilion. Saya berasa hairan, apakah keutamaan kerajaan pada masa ini? Adakah melaksanakan projek-projek khas di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ada, pada kebiasaannya ditentukan mengikut budi bicara Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri lebih utama daripada membina sekolah, klinik dan hospital yang memang amat diperlukan oleh rakyat.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kedudukan hutang kerajaan. Secara keseluruhannya hutang Kerajaan Persekutuan menunjukkan *trend* peningkatan.

Pada tahun 2008, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM306.4 bilion dengan nisbah hutang pada KDNK pada paras 41 peratus. Jumlah ini telah melonjak pada RM648.5 bilion pada tahun 2016 dengan nisbah hutang pada KDNK pada paras 52.75 peratus iaitu semakin hampir dengan paras berhemat 55 peratus yang ditetapkan. Ini bermakna sepanjang lapan tahun Perdana Menteri memegang tampuk pentadbiran negara, hutang Kerajaan Persekutuan bertambah sebanyak RM342.1 bilion iaitu meningkat sebanyak 111.7 peratus. Dengan peningkatan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, perbelanjaan kerana hutang negara juga meningkat daripada RM19.5 bilion pada tahun 2012 kepada RM28.8 bilion pada tahun 2017. Menurut anggaran perbelanjaan persekutuan 2018, jumlah perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun hadapan dijangka meningkat kepada RM30.8 bilion.

Jika dikira secara kasar, jumlah ini menyamai 70 peratus anggaran kutipan GST pada tahun hadapan. Wang ini akan digunakan untuk membayar faedah terhadap pelbagai jenis pinjaman dalam dan luar negeri, barang keuntungan atas terbitan pelaburan kerajaan dan lain-lain caj yang berkaitan. Dengan mengambil kira jumlah perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi daripada jumlah hasil yang dikutip setiap tahun, perbelanjaan kadar hutang negara yang besar ini tidaklah lestari. Melihat *trend* hutang negara yang kian meningkat, saya berasa amat kurang yakin dengan situasi semasa kewangan kerajaan. Bagaimana kerajaan hendak membayar segala hutang piutang itu? Sedangkan saban tahun kerajaan terpaksa berhutang untuk menampung perbelanjaannya. Perdana Menteri bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini dari manakah sumber yang diperoleh oleh kerajaan untuk membayar segala faedah, dividen dan lain-lain berkenaan bayaran hutang negara. Adakah semua bayaran ini dapat dilunaskan mengikut jadual? Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan bebanan hutang negara?

Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan yang bertimbun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menanggung hutang luar jangka ataupun *contingent liability* yang agak besar dan semakin meningkat kepada setahun ke setahun. Pada tahun ini keseluruhan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM196.7 bilion berbanding RM69.2 bilion pada tahun 2008. Ini bermakna di bawah pentadbiran Perdana Menteri sekarang ini jumlah pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bertambah sebanyak RM125.5 bilion meningkat 182.8 peratus berbanding tahun 2008 atau hampir dua kali ganda peningkatan. Lebih mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua ialah

pertambahan jumlah jaminan kerajaan ini termasuk jaminan ke atas hutang 1MDB sebanyak RM5 bilion, SRC International RM4 bilion yang telah pun lesap dan ini tidak termasuk sokongan kerajaan pada BON sebanyak USD 3 bilion atau RM12.7 bilion yang dikeluarkan oleh 1MDB Global Investment Limited pada tahun 2013.

Jaminan dan sokongan kerajaan ke atas hutang-hutang ini langsung tidak memberikan manfaat kepada rakyat walau sesen pun. Hal ini kerana seperti mana yang diketahui umum, wang berbilion ringgit ini telah pun dicuri ikut laporan DOJ daripada syarikat milik negara oleh *Malaysian Official 1* dan konco-konconya. Tuan Yang di-Pertua, jika hendak diambil kira jumlah hutang dan tanggungan luar jangka kerajaan, nisbah jumlah terkumpul hutang sektor awam pada KDNK ialah paras 68 peratus iaitu jauh melebihi paras berhemat 55 peratus yang ditetapkan. IMF dalam laporannya mengenai status ekonomi Malaysia pada bulan April tahun 2017, memberi amaran bahawa angka yang besar ini mendedahkan Malaysia kepada risiko renjatan tanggungan luar jangka ataupun dengan izin *contingent liability shocked* yang akan menyebabkan kadar faedah melambung tinggi dan menjejaskan ekonomi negara.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan Serai senyap je.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Perdana Menteri nampaknya berbangga dengan pencapaian ekonomi Malaysia di bawah pentadbiran beliau. Akan tetapi beliau mungkin terlupa bahawa kejatuhan nilai ringgit paling teruk dalam sejarah berlaku di bawah pentadbirannya. *[Tepuk]* Ya, faktor-faktor seperti kejatuhan harga minyak dunia dan tindakan rizab persekutuan Amerika Syarikat menaikkan kadar faedah di negara itu menyebabkan nilai ringgit dan mata wang negara-negara lain di rantau ini merudum tetapi skandal 1MDB yang merupakan skandal kewangan terbesar dalam sejarah yang berlaku di bawah pentadbiran Perdana Menteri sekarang telah menjejaskan sentimen pasaran terhadap ringgit sehingga menyebabkan nilai mata wang negara kita terjejas paling teruk berbanding mata wang negara lain.

Perdana Menteri juga berbangga kerana kononnya perancangan ekonomi beliau telah berjaya mewujudkan 2.26 juta pekerjaan baharu tetapi beliau terlepas pandang bahawa kadar pengangguran dalam kalangan belia di negara kita masih tinggi. Menurut laporan Bank Negara Malaysia 2016, kadar pengangguran belia di Malaysia mencecah 10.7 peratus iaitu tiga kali ganda lebih tinggi daripada kadar pengangguran orang dewasa 15.3 peratus daripada mereka adalah graduan. Jadi saya ingin bertanya pada Perdana Menteri, siapakah yang mengisi lebih dua juta pekerjaan baharu tersebut? Adakah diisi oleh rakyat Malaysia ataupun oleh warga asing? Di samping itu, kita menghadapi masalah lambakan pekerja asing di negara kita yang menurut angka tidak rasmi mencecah 6.7 juta orang. Inilah sesuatu yang amat membimbangkan. Kebanjiran pekerja asing ini bukan sahaja telah menekankan kadar upah di negara kita bahkan menyebabkan pengaliran wang lebih RM30 bilion setahun keluar negara.

Malah lebih membahayakan lagi ialah ancaman keselamatan dengan gejala sosial yang wujud akibat kebanjiran pekerja asing yang tidak terkawal dan tidak terurus di negara ini. Lebih-lebih lagi kita tahu terdapat sindiket-sindiket yang dilindungi oleh pihak-pihak tertentu yang menjadi dalang kemasukan pendatang asing secara haram ke Malaysia. Amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa adalah antara punca kegagalan kerajaan untuk mengatasi satu masalah yang akan menjadi ancaman besar kepada Malaysia di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya bukan kerajaan yang cukup amanah. Dengan falsafah '*cash is king*' yang dianuti oleh Perdana Menteri habuan politik, rasuah dan penyelewengan telah menjadi sebatian dengan Barisan Nasional. Bahkan hayat Barisan Nasional bergantung pada rasuah, politik dan sogokan untuk memberikan sokongan dan untuk mengekalkan kuasa. Kerana itulah penyelewengan berleluasa, badan-badan yang ditubuhkan untuk membela rakyat seperti FELDA dirompak sewenang-wenangnya. Tabung haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Lembaga Tabung Angkatan Tentera digunakan untuk menutup kerugian akibat penyelewengan dan memperkayakan kroninya.

Oleh yang demikian, mengharapkan Kerajaan Barisan Nasional untuk melakukan islah ekonomi sedikit sahaja –

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila. Sila.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Ataupun *economic reform* dan melaksanakan tadbir urus yang baik ibarat 'menanti bulan jatuh ke riba'. 'Jauh panggang daripada api'. Selagi langit masih mendung dengan pelbagai skandal yang tidak berjawab maka selagi itu isu tadbir urus yang baik menjadi persoalan. Malah lebih banyak kerosakan, kemungkaran dan pencabulan hak rakyat akan dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekiranya terus memegang tampuk kuasa.

Justeru tidak ada lagi yang boleh diharapkan oleh rakyat melainkan perubahan politik dan kerajaan menerusi peti undi dalam pilihan raya umum yang akan datang. [Tepuk] Jika diberikan mandat oleh rakyat *insya-Allah*, Pakatan Harapan komited untuk memerangi rasuah dan penyelewengan, mengelakkan ketirisan dan pembaziran, melaksanakan reformasi institusi, menjalankan tadbir urus yang baik dan menjaga khazanah negara dengan beramanah.

#### ■220

Langkah-langkah untuk mengurus khazanah negara dengan cekap dan amanah serta membela nasib rakyat telah pun dijelaskan dengan terperinci dalam bajet alternatif yang di bentangkan oleh pimpinan Pakatan Harapan. Hanya dengan tadbir urus yang baik dan pengurusan khazanah negara yang berhemah, kita akan dapat mengembalikan hak rakyat dan memulihkan negara kita, *insya-Allah*. *Insya-Allah*, dengan kuasa rakyat dan *inayah* Allah SWT, islah ekonomi dan perubahan politik akan berlaku di negara kita. Ia

akan memberikan sinar harapan baru kepada seluruh rakyat Malaysia, *insya-Allah*. Akhirnya, kepada *Allah* jua lah kita berserah. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jawab, Yang Berhormat Bagan Serai

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada permintaan daripada Yang Berhormat Rompin untuk mengambil tempat terlebih dahulu. Silakan Yang Berhormat Rompin.

**12.21 tgh.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan untuk membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan.

Bajet ini bolehlah dikatakan, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pagoh tadi, *expansionary budget*. Kita *expand budget* mengambil kira suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Kita tambahkan peruntukan untuk menjana supaya pembangunan ekonomi dalam negara berkembang dengan baik. Apatah lagi sebahagian besar daripada peruntukan yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah kepada golongan B40. Bermakna, rakyat bawahan lah yang banyak menikmati peruntukan yang dibajetkan di dalam tahun hadapan yang boleh menjanakan ekonomi dan seterusnya *inject cash* dalam sistem ekonomi negara. Lebih RM20 bilion daripada biasa dan ini menyebabkan kerancangan ekonomi sebagai persediaan kita untuk menghadapi suasana ekonomi yang tidak menentu pada tahun hadapan dan seterusnya.

Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih kepimpinan negara, beliau membuat Transformasi Ekonomi. Saya mengikuti dan pergi hadir ke persidangan IMF di Singapura pada pertengahan tahun ini. IMF mengambil model Transformasi Ekonomi sebagai *case study* dalam perbincangan kita bagaimana untuk meneruskan satu lonjakan *sustainable economic development* dalam jangka masa yang berterusan.

Sudah pasti bila seorang Perdana Menteri mengambil alih model ekonomi, ia berbeza. Bagi meneruskan pembangunan dalam suasana ekonomi yang tidak begitu stabil. Kalau kita melihat Tun Dr. Mahathir semasa mengambil alih memerintah negara ini, model hampir kepada 100 peratus kapitalis. Ini kita lihat dia menggunakan, membangun secara fizikal tanpa *social engineering*. Dia tidak melihat *social engineering* sebagai sesuatu perkara yang sangat penting dalam mengubah struktur sosial ekonomi dalam negara. Dia tekankan fizikal sahaja. Bila Perdana Menteri yang baru mengambil alih, Pak Lah, dia sekejap sahaja. Sudah pasti dia melihat model ekonomi akan berubah daripada Laut Atlantik kepada *South China Sea*. Atlantik, *Pacific, the future is the South China Sea*. Model ekonomi ini, model ekonomi yang harus bersesuaian dengan keadaan hari ini kita

lihat. Oleh sebab itulah kalau kita melihat bila Perdana Menteri mengambil, dia melebihkan kepada— dia ada mirip kepada ayahanda dia, Tun Razak— *social capitalism* model ekonomi, di mana beliau...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pencelahan, Yang Berhormat Rompin  
**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan bangun

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh bagi tambah, saya boleh. Sebab saya banyak hendak cakap soal ini. Silakan dua, tiga minit, Yang Berhormat Pandan

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu soalan yang begitu mudah sahaja.

Ini kerana agak berbahaya apabila Yang Berhormat Rompin cuba menyamakan langkah-langkah ekonomi yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Pekan dengan Almarhum ayahanda Yang Amat Berhormat Pekan. Kerana, saya tidak nampak legasi yang sama yang akan ditinggalkan. Legasi yang paling besar oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dahulu ialah program-program dan projek-projek untuk rakyat, termasuklah FELDA. Legasi yang paling besar yang akan diingati oleh rakyat Malaysia tinggalan Yang Amat Berhormat Pekan adalah contohnya, dia satu-satunya Perdana Menteri yang mencukai rakyat miskin, kaya, tua, muda, semua kena. Dia akan diingati sebagai satu-satunya Perdana Menteri yang merosak dan meruntuhkan FELDA yang ditinggalkan oleh Almarhum ayahanda beliau. Pohon komen daripada Yang Berhormat Rompin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Dia soalan— saya cakap model ekonomi berbeza. Kita jangan ada *illusion economy*. Yang Berhormat Pandan bercakap *illusion economy*. GST, realiti ekonomi. *Illusion economy* mengatakan bahawa GST adalah tidak perlu dilakukan untuk membangunkan negara. Itu *illusion economy*. Kita menganggap bahawa pada hakikat sebenarnya bahawa GST adalah sistem percukaian terbaik, *zero rated* banyak, *consumption based system* dipakai oleh semua negara dalam negara dalam dunia. *Illusion economy* sangat bahaya kepada rakyat. Kita menganggap *proposal* yang diberikan oleh pembangkang seperti GST, *cost of living*, kadar cukai negara dengan kadar hutang negara dengan domestik, pembangunan luar negara. Model yang saya katakan, dalam keadaan kekangan ekonomi negara, model adalah berbeza. Kita mengakui bahawa Proton itu gagal. Bukan Proton sahaja gagal, *Holden* di Australia pun gagal, *Volvo* di *Sweden* pun gagal, *Ford* di *England* juga gagal. Oleh sebab itu, kita mengambil keputusan bahawa Proton harus dibagi keluar negara. Ini tindakan yang betul.

Kita bina *Trans Borneo*. Itu adalah sosial kapitalis. Tidak kutip tol, kita buat MRT, kita bangukan, kita kuatkan institusi-institusi *company* kerajaan yang mampu menjana pendapatan. Saya tidak fikir kerajaan akan *bankrupt*. RM300 bilion, apa langkah model? Saya katakan, RM300 bilion kita pinjam untuk pembangunan negara dalam keadaan

kekangan ekonomi, model ini diambil oleh Perdana Menteri. RM300 bilion dipinjam dalam jarak sembilan tahun untuk menjana ekonomi pertumbuhan negara. Saya percaya kerajaan mempunyai kemampuan untuk membayar. Kita ada Khazanah, kita ada PETRONAS, kita ada banyak lagi agensi-agensi kerajaan yang berkemampuan. Dalam masa yang sama, kerajaan kita ada simpanan-simpanan luar negara oleh PETRONAS yang boleh diambil kembali. Pendek kata, model ekonomi yang dibawa oleh Perdana Menteri, saya rasa adalah berketepatan dengan kadar ringgit.

■1230

Kenapa kita *float* kan ringgit dalam keadaan fiskal. Ini kerana pembangunan *shifted* ekonomi akan ke Timur. China melancarkan satu program raksasa iaitu kita lihat *the Silk Road, maritime Silk Road*. Sebanyak 900 bilion akan dibelanjakan oleh China bagi mengayakan kawasan ini dan sekitarnya. RCEP adalah konsep mengayakan seluruh rantau ini. *US Dollar* tidak penting lagi untuk jangka masa yang akan datang. Ini kerana *development* akan beredar, akan pergi kepada negara kita, kawasan kita dan kita harus *position* kan diri kita dalam membangunkan negara ini berdasarkan kepada realiti bukan ilusi.

Realitilah kita melihat bahawa model ekonomi yang di bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu dan sekarang berbeza. Saya mengambil kesempatan untuk mengajak rakan-rakan saya di sebelah sana bahawa falsafah pembangunan ekonomi dan politik "*Mahathirisme*" sudah tidak boleh pakai lagi. Sudah berakhir. Konsep "*Mahathirisme*" dalam sistem ekonomi dan pembangunan negara, saya menyeru kepada generasi muda, rakan-rakan Pakatan Harapan supaya berfikir semula bahawa "*Mahathirisme*" yang 50 tahun dominan politik negara cuba untuk meneruskan legasinya sudah tidak terpakai lagi.

Kita perlu ubah persepsi masyarakat dalam mengatur dan menguruskan negara ini, persepsinya sudah berbeza dan belum terlambat untuk rakan-rakan saya. Saya percaya Yang Berhormat Sungai Petani faham apabila saya berkata "*Mahathirisme*". Dia memang faham.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Rompin. Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. "*Mahathirisme*" ini berkenaan dengan *privatization* iaitu agensi kerajaan diswastakan. Akan tetapi sekarang ini bukan *privatization*. Adakah setuju sudah jadi "*pirate-tization*"? Model ekonomi kita sudah jadi "*pirate-tization*". Apakah pandangan Yang Berhormat Rompin?

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Dia memang, DAP tidak faham. Ini kerana dia tidak pernah bersama. Dia tidak akan faham. Hanya yang faham mungkin – dia tidak akan faham sebab itu saya sebut Yang Berhormat Sungai Petani, saya sebut Yang Berhormat Indera Mahkota, mungkin Yang Berhormat Tumpat faham. Yang Berhormat

Tumpat faham, rakan saya. [Disampuk] Yang Berhormat Pagoh pun fahamlah. Lebih faham. [Ketawa] "Mahathirisme" sudah tidak...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Rompin, saya tidak faham langsung, dari awal lagi Yang Berhormat Rompin. Saya tidak faham langsung. [Ketawa]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bengong* lah tu.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, RCEP adalah satu model ekonomi yang harus disokong oleh negara. Kesungguhan kita untuk meneruskan usaha-usaha yang berterusan bagi menentukan RCEP ini berjaya, yang dipelopori oleh 16 negara ASEAN campur China, 16 Negara campur China. Campur *the Silk Road*, RCEP yang saya katakan tadi kita mesti *position* negara kita bersesuaian dengan pembangunan ini.

Kalau kita melihat RCEP, 50 peratus penduduknya adalah dalam 16 negara ini. Kita melihat saya katakan tadi China akan memberi 8 trilion pinjaman kepada negara-negara yang terlibat dalam *Silk Road*, ini. Kalau ada mengatakan bahawa China ini hendak menjajah dan sebagainya adalah satu perkara yang mendukacitakan. Hadis nabi walaupun hadis yang lemah "*Belajarlah ilmu sampai negara China,*" 1,400 tahun yang lalu. Nabi kata belajarlah ilmu ke negara China. Nampaknya terpakai sekarang ini. Yang Berhormat Sepang, nampaknya terpakai ketika ini ya. Bagaimana China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia mempengaruhi rantau ini dan dasar luar negara yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini sangat tepat. *The balance* antara *western* dengan Asia. Membawa pembangunan ke dalam negara dan inilah yang harus saya percaya kerajaan akan lebih tertumpu.

Satu lagi, saya tidak banyak masa. Krisis dari segi sektor kewangan. Saya melihat kerajaan mahu melihat secara sungguh-sungguh dalam tiga tahun yang kebelakangan ini hampir semua bank mencapai keuntungan yang begitu besar. Terutama, empat bank yang terbesar dalam negara ini mengaut keuntungan yang luar biasa. Dalam masa yang sama kita melihat hutang isi rumah meningkat. Satu keadaan hutang isi rumah meningkat, bank memperoleh keuntungan besar dan ramai orang yang bankrap.

Saya mengharapkan kerajaan campur tangan dengan memberi peruntukan yang besar supaya mengurangkan hutang isi rumah dengan campur tangan bahawa bank-bank yang besar ini harus memberi sumbangan bila dia mendapat keuntungan yang luar biasa. Macam *rain fall* dengan satu perkiraan *ratio* dia punya *paid-up ratio* dengan keuntungan dia. Dia harus menyumbang kepada SME dan pinjaman-pinjaman luar. Saya mencadangkan kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh Yang Berhormat Rompin? Setengah minit sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya hendak habiskan ini. Fakta ini. Jadi, kerajaan harus bagi peruntukan 1 bilion kepada Bank Rakyat dan 1 bilion kepada Bank



Simpanan Nasional (BSN), memberi mikro kredit kepada B40 untuk pinjam dengan kadar *interest* dua peratus sahaja untuk membeli *furniture*, barang-barang *furniture* mereka, *electrical appliances* mereka. Jadi, kita bagi duit 2 bilion, 1 bilion kepada Bank Rakyat, 1 bilion kepada Bank Simpanan Nasional (BSN). Memberi pinjaman kadar *interest* yang rendah kepada B40 supaya hutang isi rumah tidak meningkat dan kerajaan juga harus mengawal pemberian kredit yang berlebihan.

Ini adalah fenomena-fenomena yang menyumbang kepada kenaikan *cost of living* dalam negara kita dan bercakap tentang *cost of living* – Yang Berhormat Sepang ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Rompin. Saya sedikit sahaja Yang Berhormat Rompin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi, saya pun macam Yang Berhormat Sungai Petanilah. Tidak faham jugalah. Samalah. Kedua, tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat Rompin kata hadis yang [*Berucap dalam bahasa Arab*] maknanya mencari ilmu walaupun sampai ke negara China. Walaupun memang saya akuilah ada perbahasan sama ada hadis yang sahih kah, daif kah, semua kan tetapi dia punya maknanya ialah memang saya setuju kalau kita menuntut ilmu di negeri China tetapi bukan jual negara kepada negara China. Itu saya tidak setuju. Macam mana? Apa komen?

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya maknanya – dia tidak berapa faham hadis ini rupanya. Dia tidak faham hadis ini. Kenapa terdapat hadis ini? Maknanya, masa itu wahyu diturunkan. Tulis atas kertas, atas kulit kambing, atas kertas 'kamar'. Masa itu dakwat dan kertas sudah ada di China. Kenapa hadis ini dikeluarkan? Sampai hadis timbul kerana dakwat dan kertas sudah ada, dalam 1,400 tahun dahulu China telah mendahului dari segi industri kertas dan dakwat.

Jadi, pergilah ke China belajar supaya hadis ini kata nabi tidak tulis atas ini. Itu mafhum dan semangat *spirit* kenapa terdapat hadis ini. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Bukan ceramah.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya hendak berceramah pula ya. Mana ini? Yang Berhormat Sepang kacau, momentum dah hilang. [*Ketawa*] Ingat ceramah agama tadi ya.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengutarakan beberapa perkara dalam kawasan saya iaitu jalan daripada Keratong ke Bahau, jalannya kecil, berombak dan selalu berlaku kemalangan dan meragut banyak nyawa. Jadi haruslah kita memperbaiki segera dan saya berharap juga peruntukan-peruntukan seperti RM500 juta yang diperuntukkan untuk membaiki jelapang padi itu diperuntukkan juga untuk

Rompin dan satu pembangunan raksasa, bukan raksasalah, jelapang padi 6,000 ekar secara moden akan dilaksanakan di Rompin. Saya harap dapat diteruskan.

Saya akan bercakap lagi dalam Jawatankuasa tentang beberapa perkara ekonomi dan saya – kerana 10 tahun ini adalah penting kenapa kita hendak mandat kepada rakyat. Kita bukan menjanjikan *illusion economy*. Kita hendak *push*, kita hanya ada masa 10 tahun lagi untuk kita *push* negara kita ini ke satu tahap yang lebih tinggi untuk menjadi negara maju dan dapat bersaing dengan negara-negara lain.

Persediaan-persediaan nampaknya agak kukuh, kalau kita diberi kuasa untuk memerintah lonjakan yang saya katakan tadi adalah penting untuk kita meneruskan. Akan tetapi, ia memerlukan kestabilan politik, perancangannya benar-benar secara praktikal, dilukiskan, dituliskan, dilakarkan secara saintifik, memudahkan untuk kita memberikan kepercayaan kepada rakyat dalam negara kita. Berilah kepercayaan. Kita akan lonjatkan negara dalam masa 10 tahun ini ke satu tahap yang kita banggakan dan menjadi contoh negara Islam yang boleh kita banggakan bersama-sama Turki Insha-Allah, yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Seorang Ahli:** Hah! Yang Berhormat Sungai Petani saya faham.

**12.43 tgh.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan silih berganti ucapan daripada Yang Berhormat Pagoh tadi, kemudiannya Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Pagoh, jelas. Saya cukup faham ke manakah ucapan dia. Akan tetapi Yang Berhormat Rompin, minta maaf Yang Berhormat Rompin. Saya tidak faham termasuklah...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sebab *you* bukan latar belakang ekonomi, tidak faham.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, saya tidak pakar tetapi bila sebut *illusion economy* – Saya pun *graduate* juga tetapi tidak pernah dengar *illusion economy* ini. Jadi saya pun tidak faham.

Apa yang saya faham Tuan Yang di-Pertua ialah dalam Perlembagaan Malaysia, Jadual Kesepuluh, Bahagian IV – yang ini bukan *illusion* Yang Berhormat Rompin. Ini *real* iaitu kita mendengar saban hari Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan daripada Sabah dan Sarawak, 15 minit pertama memuji dan berterima kasih kepada kerajaan. 15 minit kedua meminta dan bercerita bagaimanakah kesusahan rakyat di Sabah dan Sarawak. Ini bukan *illusion*, yang ini *real*. Kesusahan rakyat di Sabah *real*, kesusahan rakyat di pinggir-pinggir kota-kota di Sabah dan di Sarawak, *real*. Oleh sebab itu, apabila perjanjian dimeterai di antara Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam membina, dalam

melahirkan negara kita Malaysia ini, termaktub perkara-perkara yang wajib kerajaan berikan kepada Sabah dan Sarawak.

Saya kira tiba waktunya khususnya anak-anak Sabah yang menjadi Ahli Parlimen kita – Ini bukan soal kenegerian, kedaerahan. Ini soal *real* bukan *illusion* bahawa hak anak-anak Sabah termaktub dalam Perlembagaan, Jadual Kesepuluh. Hak anak-anak Sabah jelas dalam hitam putih semasa perjanjian terjadi pada tahun 1963. Apakah anak-anak Sabah khususnya masih lagi berlingung di balik ayat-ayat? Ini sebab pada tahun 1963, perjanjian 63 termeterai, maksudnya di sini, prioritas hendaklah diberikan kepada mereka.

Saya bangga sebagai anak Malaysia, orang Kedah, sudah tentu kalau saya dapat hasil negeri-negeri lain, saya belanja semahu jadi negeri saya, sudah pasti. Akan tetapi sebagai seorang Islam, kita tidak berlaku adil kerana kita ambil hak orang lain yang sepatutnya kita berikan balik kepada dia, yang termaktub dalam Perlembagaan, yang sama-sama dipersetujui, tidak berlaku. Sudah tentulah ini bukan suatu yang baik untuk rakyat Malaysia. Kita kena bagi balik hak orang-orang Sabah yang termaktub dalam Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat apabila Yang Amat Berhormat Pekan membentangkan bajet, semenjak tahun 2010, peruntukan pembangunan makin hari makin menguncup. Tahun 2010 (27.7 peratus), tahun 2011 (23 peratus), tahun 2012 (22 peratus), tahun 2013 (19 peratus), tahun 2014 dan 2015 bawah 20 peratus, tahun 2016 (19 peratus), tahun 2017 (19 peratus) dan untuk tahun 2018 ini, tinggal 17 peratus sahaja. Mana mungkin dalam keadaan yang jumlah yang begitu sedikit, kita boleh membangunkan negeri ini. Oleh sebab itu, Sabah dan Sarawak, saya minta sangat tolak soal perkauman, soal kedaerahan, kenegerian tetapi boleh duduk dan bincang, bawa Perlembagaan ini dan tuntutan hak kamu kerana itu ialah hak kamu. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, baru-baru ini saya – hari Sabtu yang lepas, banjir melanda Kedah dan Pulau Pinang. Banjir yang dahsyat ini terjadi dan keadaan yang memang kita tidak sangka-sangka. Akan tetapi, saya lihat di sinilah wajah rakyat Malaysia sebenarnya. Hari Sabtu yang lepas, saya dijemput – bukan dijemput, dipanggilah. Orang Kedah panggil *kelui* pada jam 1.00 pagi apabila air naik dengan begitu tinggi, begitu kuat dan deras di Bedong, Kedah.

Kita pindahkan hampir 500, 600 orang penduduk-penduduk di sekitar Taman Sinar Mentari dan kawasan-kawasan di sekitarnya di Bedong. Kita bawa ke satu dewan Cina Hock Teik Soo di Bedong. Apa yang saya hendak sebutkan ini Tuan Yang di-Pertua ialah mangsa banjir ialah orang Melayu dan India tetapi pekerja-pekerja, pembantu-pembantu dan petugas-petugas yang membawa keluar orang-orang daripada tempat banjir ini adalah orang Cina. Mereka bukan sahaja bawa lori, bawa trak, bawa traktor dan saya melihat mereka bawa keluar kain baju yang kering, bawa makanan, bawa susu, bawa pad, macam-macam dan ada yang mengendong anak-anak yang kecil. Saya lihat inilah indahnya Malaysia. Bagaimana dalam keadaan yang begitu sengsara begini tetapi kita dapat

bersama-sama saling membantu tanpa mengira kaum, latar belakang, ekonomi dan juga latar belakang agama.

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat orang yang memporak-perandakan keharmonian rakyat Malaysia ini kebanyakannya orang politik, khususnya dalam Dewan inilah. Ya, saya lihat bagaimana bila banjir melanda Pulau Pinang, ada orang kata, "*Inilah Pulau Pinang, kamu buat pesta, pesta-pesta arak dan sebagainya, Tuhan telah hukam*". Itu sebelah pihak. Satu belah pihak pula kata, "*Oh, bila banjir ...*" – bila berlaku kilat dan petir kena terhadap satu ceramah, satu tempat di Pantai Timur, orang ini pula kata, "*Inilah akibatnya apabila pemimpin-pemimpin kamu makan dedak dan sebagainya*". Sedangkan inilah perkara-perkara, pemimpin-pemimpin yang mengeluarkan kata-kata begini, pemimpin-pemimpin yang tidak sensitif kepada apa yang berlaku.

#### ■1250

Termasuklah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, bagaimana Yang Berhormat Tambun pada minggu yang lepas cakap cantik sudah. Yang Berhormat Tambun berucap cukup cantik. Dia dahulu tidak setuju dengan kerajaan dan- mula-mula dia setuju, apabila dia setuju jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dulu, dia bentangkan, dia kata semua baik. GST baik, kemudian 1MDB baik. Macam-macam dia kata baik. Kita pun tidak kata apa. Kita tanya soalan, dia tidak mahu jawab.

Akan tetapi apabila dia rasa ada satu-satu yang tidak kena terhadap Yang Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri dan juga kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, dia berhenti. Dia berhenti daripada UMNO, dia berhenti daripada menjadi Menteri Kewangan. Kita pun tidak kata apa, mungkin dia hendak berhenti.

Akan tetapi apabila minggu lepas dia buat *U-turn*, dia buat *U-turn* sokong Yang Amat Berhormat Pekan, sokong kerajaan. Kita pun tidak mengapa, yang itu biasalah orang politik, buat *U-turn* biasa. Akan tetapi memaki hamun, mengeluarkan kata-kata yang kesat terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dan juga Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin yang dulu bos dia dan mengatakan Anwar Ibrahim kaki liwat. Ini saya tidak boleh terima sebab dia sebut, dia kata, "*Saya tahu Anwar Ibrahim itu kaki liwat. Saya ini orang kuat Anwar Ibrahim tetapi Anwar Ibrahim ini kaki liwat. Orang yang diliwat itu adalah anak saudara saya. Namanya Khairani Nafis*".

Tuan Yang di-Pertua, kamu hendak buat *U-turn* buatlah. Kamu hendak sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sokonglah. Akan tetapi untuk kami mendapat *position* balik dengan menghentam kawan-kawannya, bekas kawan kamu dari dalam Dewan ini, saya rasa ini suatu yang agak tidak manis. Yang Berhormat Tambun ini nampak segak sudah Tuan Yang di-Pertua. Cara dia pakai dengan janggutnya, dia nampak macam alim. Saya pun sokong dia, tidak mengapa.

Akan tetapi apabila dia mengeluarkan kata-kata yang cukup tidak elok ini, sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Tambun dan saya cabar dia, Yang Berhormat Tambun, kamu buat *statement* itu di luar. Yang Berhormat buat *statement* di luar,

mengatakan bahawa anak saudara Yang Berhormat nama Khairani Nafis telah diliwat oleh Anwar Ibrahim. Tidak *fair* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Anwar Ibrahim sekarang di dalam penjara. Dia sedang menderita bukan sahaja di penjara enam tahun, tetapi sekarang ini akibat cedera yang ditanggung dalam kemalangan itu, dia sedang tunggu bilakah *operation* boleh dilakukan. Kita tidak dapat jawapan sampai sekarang. *Dok* makan *pain killer* hari-hari.

Akan tetapi untuk sahabat kita, dahulunya dia kata saya orang Anwar Ibrahim. Dia kata, “*Saya dulu sanjung Anwar Ibrahim*”, mengatakan Anwar liwat anak saudaranya. Ini suatu yang tidak betul kerana Anwar tidak boleh mempertahankan dirinya di sini. Oleh sebab itu saya cabar Yang Berhormat Tambun buat *statement* sebab saya juga mengajak kawan-kawan. Kita akan buat laporan *qazaf*, kalau dia tidak boleh buktikan yang Anwar liwat Khairani ini, kita akan ambil tindakan terhadap dia. Ini kerana tidak boleh. Ini satu Dewan yang penuh kemuliaan, kena ada *decorum*.

Oleh sebab itu saya berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua hari itu juga menegur dia 36(12) bahawa tidak boleh bercakap tentang sifat dan keperibadian seseorang ahli, apatah lagi pula Anwar Ibrahim tidak berada dalam Dewan. Oleh sebab itu saya rasa ini sesuatu yang keterlaluan dan saya minta supaya Yang Berhormat Tambun memikirkan balik hal ini dan membuat istiqamahlah. Jangan buat *lagu itulah*, ya. Kamu hendak buat *U-turn*, hendak sokong balik PM dan juga hendak jadi balik dalam kerajaan, itu hak kamu. Akan tetapi untuk mencerca orang, termasuk bekas-bekas bos kamu dengan kata-kata nista dan kesat, tidak manis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya...

**Dato’ Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, boleh. Sila.

**Dato’ Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang *statement* di Dewan ini, Yang Berhormat Tambun, saya pun ada sentuh tentang perkara ini, kalau Yang Berhormat Tambun, nombor satu, dia tahu keadaan ini, apa sebab beberapa tahun sunyi? Nombor dua, apa sebab dia tidak berani buat *police report*? Terima kasih.

**Dato’ Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, itu saya katakan, dia sebut Khairani ini pun anak saudara dia. Saya hendak tanya, buat *report* polis atau tidak? Kalau kamu tidak buat *report* polis, sudah tentu polis tidak akan *report*, tidak mengambil tindakan. Apabila polis tidak ambil tindakan, bermakna macam mana kita hendak buktikan yang Anwar Ibrahim liwat kamu atau tidak. Soalnya, kalau kamu mempunyai maklumat, ajak Khairani ini pergi buat *report* polis dan polis siasatlah.

Ini sebab saya juga boleh sebut, selepas sahaja Yang Berhormat Tambun berucap, ramai pegawai-pegawai jumpa saya, dia kata, “*Dato’, saya hendak beritahu ini. Semasa kami jadi pegawai dia, dia Menteri, kami pergi overseas, dia pun pergi lorong-lorong belakang juga*”. Boleh tidak? Saya tidak mahu sebut benda itu Tuan Yang di-Pertua,

tidak eloklah. Ini laporan pegawai, takkan kita hendak sebut benda itu. Benda-benda yang tidak elok ini, kita tidak mahu sebut dalam Dewan. Ini Dewan berbicara tentang rakyat. Ini cerita fasal benda-benda personel ini, kita sembang di kedai kopi di luarlah. Bukan tempatnya di sini. Cuma kena tahulah, *decorum, decorum, decorum*. Kena ada *style*-lah sedikit kalau hendak berpolitik pun. Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya minta selepas ini Yang Berhormat Tambun bawa anak menakan dia itu pergi buat laporan polis. Kita hendak tengok apa hendak jadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap tentang banjir sedikit lagi. Saya bawa isu- bolehkah kita ubahkan jadual persekolahan? Saya bawa ke *Second Chamber*, Kamar Khas dan saya kata begini Tuan Yang di-Pertua, sudah berpuluh tahun sudah, sistem kita ini kadang-kadang kita kena ubah. Selalunya *exam*, kita mula persekolahan di awal tahun dan budak-budak, murid-murid kita mula *exam* bulan 10, 11 dan 12. Bulan 10, khusus bulan 11 ialah musim banjir yang kuat. Musim tengkujuh, mungkin monsun. Apakah tidak boleh selepas bertahun-tahun kita melalui masalah ini, hari ini pula budak-budak kita *start* SPM, cuba pergi tengok budak di Penang, sekolah ke mana, buku ke mana, persediaan ke mana, IC pun hilang. Tengok di Kedah, sekolah tingkat pertama, tingkat kedua, yang nampak tingkat ketiga sahaja. Tingkat kedua dan pertama tidak ada sudah. Punya kuat banjir.

Budak-budak ini, budak hendak ambil *exam* hari ini, bayangkan dengan trauma yang dia lalui kerana banjir ini, apakah kerajaan tidak boleh fikir, buatlah *exam*- kalau kita kata buka sekolah katakanlah contohnya bulan Mac atau April, kita buat *exam* bulan Februari atau Mac. Ubah. Benda ini bukan al-Quran. Kita buat benda ini, kita boleh ubah.

Oleh sebab itu di universiti-universiti, kita boleh ubah jadual peperiksaan. Takkanlah benda ini tidak boleh buat. Akan tetapi malangnya isu yang saya bawa ke *Second Chamber* itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, "*Kita tidak pernah menghadapi masalah yang besar dan kita tidak berhajat untuk tukar kerana ini ialah benda-benda yang bukan datang selalu*". Bukan kira soal datang selalu atau tidak, sekali dua. Akan tetapi sekali pun kalau sudah sampai ratusan yang akan terlibat dan apabila *result* keluar, budak-budak itu bukan bodoh tetapi oleh disebabkan suasana pada waktu itu banjir, trauma dan sebagainya, akhirnya dia tidak dapat menjawab dengan baik. Selepas itu dia pun tidak dapat cemerlang. Selepas tidak dapat cemerlang, hendak masuk universiti tidak boleh.

Bayangkanlah kalau keputusan dia tidak baik. Dia kata, "*Saya mai dari Bedong, Kedah ataupun Gurun ataupun dari Pulau Pinang. Tahun lepas hujan teruk, banjir kena jadi haraplah oleh kerana result saya tidak bagus, boleh tidak pihak universiti beri saya pertimbangan saya masuk?*". Tidak boleh fasal *result* kamu tidak bagus. Oleh sebab itu saya cadangkan kementerian kena tengok balik. Benda ini boleh kita tukar. Benda ini bukanlah sesuatu yang *impossible*. Jadi saya rasa tentu kementerian boleh lihat

bagaimanakah kita injak balik supaya akhirnya sistem kita ini memberikan keselesaan kepada rakyat.

Untuk itu juga, saya juga ingin mengucapkan terima kasihlah kepada saya tengok pembantu-pembantu khususnya pegawai-pegawai kerajaan. Ini bezanya orang politik dengan orang kerajaan, ya. Orang kerajaan apabila sahaja banjir, saya tengok khususnya daripada bomba, polis, APM, pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah, hospital. Semasa saya sampai itu, ada seorang ibu yang baru sahaja bersalin, dalam pantang, oleh kerana sejuk jadi ibu itu menggigil akhirnya pengsan. Jadi kita cuba dapatkan ambulans. Mungkin jugalah apabila ambulans pun apabila orang panggil banyak, dia pun tidak respons. Akan tetapi apabila saya sebut saya ini Ahli Parlimen, malah dalam masa 30 minit, *depa* hantar ambulans. Jadi lihat bagaimana *responsive*-nya pegawai-pegawai ini membantu kita.

Jadi, saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, melihat bahawa bajet yang dibentangkan, yang kita bincangkan sekarang ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, suatu yang seperti Yang Berhormat Pagoh kata ini, amat membimbangkan. Bagaimanakah 17 peratus yang telah pun diperuntukkan oleh kerajaan untuk membangunkan negara ini, 17 peratus sahaja dalam keadaan hutang kita makin hari makin mengembang, makin hari makin melebar. Saya takut kerana rakyat di bawah sana tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu apa yang berlaku. Apa yang dia tahu ialah harga barang. Dia tanya kita, "*Ini Yang Berhormat, pasaipa harga barang?*". Kalau kita hendak sebut selalu fasal GST pun, dia pun cemuih dengar sudah. GST ini binatang apa dia kata, GST layang-layangkah? Jadi susah. Oleh kerana mereka *ignorant*, jadi bagaimana kita hendak *explain*?

Baik, yang kedua dia tanya kita, kenapa mata wang kita mengecil? Apa yang kita boleh jawab? Sudah tentu kita katakan mata wang mengecil kerana orang tidak *confident* dengan kita. Keyakinan orang tidak ada pada kita. Dia tanya pula, "*Mengapa orang tidak yakin pada kita?*". Kita kata sebab masalah kita banyak. Seluruh dunia bercakap, tetapi Ahli Parlimen tidak boleh bercakap soal itu. Apa masalahnya? Masalah 1MDB.

Saya tidak mahu sentuh Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini ialah soalan-soalan yang rakyat tanya. Macam mana kita hendak jawab? Kamu kena bayar hutang. Rakyat kena bayar hutang. Masalah kamu tahu, tetapi di Dewan ini kita tidak boleh bercakap. Di mana agak-agak kita boleh bercakap? Di mana agak-agak? Adakah kedai kopi? Adakah di pentas-pentas politik? Tentulah tempat ini yang paling baik kita bertanya. Paling tidak pun, paling tidaklah, Yang Berhormat Menteri Kewangan jawab, "*Kami ada plan. Ya, ada masalah satu, dua, tiga*". Mengaku sahajalah. "*Akan tetapi marilah bersama-sama wahai Ahli-ahli Parlimen, saya mengaku saya ada silap satu, dua, tiga tetapi marilah bersama-sama kita pakat-pakat repair benda ini*". Saya rasa tidak ada masalah. Bukanlah kita ini bebal hingga tidak boleh terima hakikat bahawa ia kesalahan. Kita manusia. Kita bukan maksum. Kita buat kesalahan satu, dua.

Saya rasa Perdana Menteri yang pertama hinggalah sekarang, tentu ada buat kesalahan. Kita juga berperang dulu dengan Tun Mahathir, berperang 19 tahun. Berperang teruk. Apa yang dia tidak maki kita dalam pembangkang? Apa yang kita tidak maki dia? Macam-macamlah. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena, tidak larat hendak sebutlah. Macam-macam dia kata dekat Tun. Akan tetapi apabila Tun kata walaupun dia orang tua, dia tidak mengakulah dia silap tetapi apabila dia kata ada sesuatu yang tidak kena dan saya juga buat kesalahan. Dia sebut dalam ceramah, "*Saya juga buat kesalahan. Saya juga tangkap orang-orang yang tidak bersalah. Saya juga seksa. Saya juga...*". Macam-macam dia kata. Jadi maknanya dia terima hakikat bahawa sebagai Perdana Menteri, dia buat kesalahan.

Akan tetapi hari ini, masa depan kita bergantung kepada rakyat sekarang. Akan tetapi kalau kita tidak mahu terima hakikat bahawa kita ada masalah dan kita tutup semua masalah itu, kita sapu semua masalah itu bawah karpet, satu hari, tiba-tiba barulah kita buka karpet itu. Satu hari, hutang kita- Tuan Yang di-Pertua pun tahu, banyak ada negeri yang bankrap. Waktu itu baru kita hendak menyesal. Apa yang kita hendak ini, kita hendak bantu dia. Apa salahnya kita bantu? Saya yakin pembangkang di sini juga yang ada kepakaran ingin membantu beliau. Kalau kita duduk, kita boleh *repair* masalah yang kita ada.

Oleh sebab itu kita kena terbuka, bukan hanya cakap sekadar untuk mempertahankan diri dan parti masing-masing sedangkan rakyat di bawah itu. Saya tidak boleh fikir Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini getah murah, orang tidak pergi memotong. GST kena, banjir kena. Rumah semalam saya jumpa peti ais semua hilang habis. Kawan yang sudah potong getah itu, dia hendak mula hidup macam mana dengan anak lapan orang. Saya tidak boleh bayang. Saya tidak tahu hendak pergi *tang* mana.

Jadi kalau apa diharapkan, diharapkan satu *miracle* akan berlaku dan *miracle* tidak akan berlaku kerana bagi sesetengah orang, ini ilusi. Ini suatu yang ilusi. Masalah ilusi. Masalah GST ilusi, masalah semua ilusi. Tidak bolehlah *lagu tu*. Realitinya rakyat susah di bawah. Bagaimanakah bajet yang dibentangkan boleh selesaikan masalah rakyat yang di bawah sana? Kita sebutlah dulu, kita kata kita hendak bagi bantuan kepada rakyat. Betul kita bagi bantuan tetapi mesti ingat bahawa kesusahan rakyat di bawah itu *real*, bukan ilusi. Kesusahan mereka benar, bukan ilusi. Masa depan anak-anak kita benar, bukan ilusi. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ini cukup taat kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam mula bahas jam 2.30 petang ya.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Baik, saya sambung 2.30.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tempohkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.



**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

■1430

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Simpang Renggam. Sila.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mukadimah saya ingin menyampaikan rasa dukacita ke atas mala petaka yang berlaku di Pulau Pinang dan saya percaya semua jentera yang dirakan oleh Barisan Nasional akan menyelamatkan Pulau Pinang dan saya juga menyeru kepada semua rakyat Malaysia sama-sama menghulurkan bantuan pada rakyat di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, merangkap Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan Bajet 2018 yang menyeluruh dan sangat lengkap pada tempoh hari.

Bajet 2018 sememangnya sebuah bajet yang mengambil kira semua lapisan masyarakat dan berbagai sektor dan aspek yang penting dalam memastikan negara terus berkembang dan membangun dengan secara menyeluruh. Kehidupan rakyat bukan saja terpelihara tetapi dapat dipertingkatkan lagi di bawah bajet ini. Kita boleh perhatikan komitmen dan kesediaan kerajaan untuk memastikan Malaysia terus berada pada paras pembangunan yang progresif dan lestari. Saya percaya bahawa inti pati Bajet 2018 menunjukkan satu kesinambungan kepada usaha-usaha pembangunan oleh kerajaan pada sebelum ini. Kita berbesar hati dengan pengumuman-pengumuman dalam bajet ini yang mencerminkan hasrat kerajaan untuk menerus dan mempertingkatkan lagi agenda pembangunan pada sebelum ini serta menunjukkan jalan cara iaitu *road map*, dengan izin, peruntukan dan pelan yang lebih melengkapkan usaha-usaha pembangunan yang sebelum ini seperti Rancangan Malaysia Kesebelas, dan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Laporan yang jelas semasa pembentangan bajet ini mengenai pencapaian Malaysia dalam memastikan hubungan dagang dan diplomasi yang pada tahap terbaik serta kedudukan kewangan negara yang sihat dengan tadbir urus yang cekap dan disiplin fiskal yang berhemah sememangnya amat memberangsangkan. Di samping itu kita turut berbesar hati dengan prospek ekonomi Malaysia yang begitu cerah sekali untuk tahun 2018 dengan pertumbuhan KDNK 5 peratus hingga 5.5 peratus dan pendapatan per kapita antara RM40,713 ke RM42,777 yang sihat.

Rizab antarabangsa turut mencecah RM428.7 bilion. Syabas ingin saya ucapkan kepada kerajaan. Komitmen kerajaan untuk menurunkan fiskal defisit dari 3 peratus ke 2.8 peratus dengan keadaan situasi sosioekonomi semasa yang mencabar amat membanggakan dan patut dipuji. Bukan mudah untuk mengekalkan usaha tersebut dengan keadaan ekonomi dalaman dan luaran yang mencabar dan tidak menentu. Walau

bagaimanapun, kerajaan telah menunjukkan tahap disiplin yang tinggi dan tadbir urus yang baik untuk mencapai matlamat tersebut. Ini menunjukkan bahawa kedudukan fiskal negara bertambah baik dan pentadbiran negara berada pada tahap yang selamat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencapai matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi, sejajar dengan Program Transformasi Negara (TN50), kerajaan tidak seharusnya mengabaikan kepentingan kesihatan mental. Statistik berkaitan kesihatan mental menunjukkan peningkatan saban tahun. Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada September 2016, kira-kira 30 peratus atau 4.2 juta rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental. Statistik menunjukkan seseorang dalam kalangan 3 penduduk di negara ini mempunyai masalah berkaitan rapat dengan isu mental. Ia berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya, masalah kewangan, masalah pengangguran, tekanan kerja dan masalah keluarga seperti perceraian.

Masyarakat Malaysia di bawah pimpinan kerajaan harus mengatasi stigma berkaitan kesihatan mental dan kita harus memupuk kesedaran pada peringkat sekolah menerusi sistem pendidikan awal dan kempen kesihatan mental. Sementara itu, kesedaran terhadap kepentingan penjagaan kesihatan mental di lapangan kerja juga harus dipupuk dengan kesediaan untuk menyokong pekerja yang menunjukkan tanda-tanda masalah kesihatan mental atau kemurungan. Penilaian berdasarkan maklumat yang mudah dan murah untuk diakses, pencegahan dan rawatan klinikal harus melibatkan semua pihak termasuk pihak kerajaan dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, biarpun peruntukan besar sebanyak RM27 bilion telah pun diperuntukkan kepada sektor kesihatan di bawah bajet ini, tetapi kesihatan mental dan psikiatri tidak begitu diberikan fokus yang sewajarnya. Saya difahamkan bahawa kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai strategi pencegahan termasuklah kempen-kempen promosi kesihatan mental, saringan dan intervensi di peringkat kesihatan *premier*, program yang memperkasakan masyarakat untuk menangani *stress* dan juga melaksanakan bantuan asas psikologi semasa krisis. Kementerian juga berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah di semua sekolah menengah seluruh Malaysia.

Saya berharap bahawa program dan kempen sebegini dapat diteruskan malah di institusikan sebagai polisi atau perkhidmatan tetap oleh kerajaan bagi mengatasi peningkatan masalah kesihatan mental.

#### ■1440

Antara program lain yang patut dipertingkatkan lagi adalah pemerksaan masyarakat melalui pemberian latihan dan kemahiran kepada masyarakat bagi menyampaikan advokasi dan sokongan serta intervensi psikososial kepada masyarakat. Kesedaran bahawa strategi yang sedia ada perlu dipertingkatkan lagi adalah amat penting untuk menangani fenomena yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 48 buah hospital Kementerian Kesihatan dan empat buah institusi mental yang memberikan perkhidmatan psikiatri. Sementara 671 buah klinik kesihatan dan 20 buah pusat kesihatan mental masyarakat sebagai rawatan dan rehabilitasi untuk memberi perkhidmatan saringan dan intervensi bagi membantu mereka yang mengalami masalah kesihatan mental tetapi ini masih tidak mencukupi. Saya berharap bahawa kerajaan akan mempertimbangkan lagi langkah untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan mental yang lebih lengkap dan menyeluruh. Ini termasuk kerjasama dengan pelbagai agensi dan NGO kesihatan, advokasi kepada masyarakat awam sebagai jangka pendek. Sementara bergiat membangunkan sumber manusia dengan menitikberatkan kesihatan mental, menawarkan bantuan asas psikologi dan penyediaan pakar psikiatri dalam hospital serta menjalankan pemantauan dan penyelidikan yang konsisten dan mendalam mengenai kesihatan mental.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai durian. Kita telah mendengar laporan yang mengatakan bahawa durian bakal muncul sebagai sumber kekayaan baru untuk rakyat Malaysia kerana ada yang harganya sudah mencecah RM100 sekilogram. Permintaan terhadap durian semakin tinggi dan boleh dikategorikan sebagai makanan mewah. Kini durian yang belum luruh sudah ditempah lebih awal dan durian baka Musang King, Blackthorn, Tekka dan Udang Merah mendapat permintaan tinggi dari peniaga. Penanaman durian sememangnya merupakan satu industri yang sedang membangun dan lumayan.

Walau bagaimanapun, permintaan tinggi terhadap durian turut mencetuskan banyak aduan terhadap kenaikan harga durian yang melampau sebagaimana yang dilaporkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Berikutan dengan itu, munculnya cadangan daripada pihak pengguna supaya harga siling bagi buah durian diperkenalkan sebagaimana yang dibuat terhadap beberapa produk lain seperti ayam dan ikan semasa menjelang musim perayaan. Saya berpendapat bahawa situasi semasa masih tidak memerlukan pengenalan harga siling ke atas buah durian kerana ia merupakan makanan mewah dan bukannya makanan asas. Walau bagaimanapun, perubahan harga buah durian di pasaran harus sentiasa dipantau oleh kerajaan supaya tidak sampai ke paras harga yang melampau sehingga menjejaskan perkembangan industri tersebut.

Sementara itu, kerajaan juga harus memandang serius laporan yang mengatakan bahawa munculnya durian Musang King tiruan di pasaran oleh penjual durian yang tidak bertanggungjawab. Kebanyakannya mangsa yang dilaporkan terdiri daripada pelancong-pelancong China yang melawat ke Malaysia, di mana mereka menjadi sasaran atau ketidakupayaan untuk membezakan baka durian. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional perlu menjalankan pemantauan yang ketat dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk

memberhentikan kes-kes sebegini sebelum ia bertambah serius sehingga menjejaskan industri durian.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pengalaman saya sendiri. Satu hari bila saya singgah satu tol di lebuh raya, satu gerai buah-buahan. Bila saya tengok ada durian Musang King yang dipamerkan di depan gerai itu, saya cuba hendak beli. Akan tetapi tiba-tiba dimaklumkan oleh *owner* itu, dia kata itu bukan Musang King, itu untuk menipu pelancong China. Kononnya durian itu adalah diimport, durian tiruan Musang King yang diimport dari negara Thailand. Jadi, saya minta satu tindakan yang boleh dilakukan oleh kementerian bagi menjamin atau memberikan lebih kepercayaan kepada pembeli-pembeli di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018 yang dibentangkan, kita dapat melihat bahawa kerajaan memberi peruntukan yang besar dalam pembangunan infrastruktur negara dengan jumlah sebanyak RM6.5 bilion. Saya percaya tema bajet untuk memakmurkan ekonomi yang inklusif dan menyejahterakan hidup rakyat sememangnya tercermin dalam inisiatif bajet untuk memacu pembangunan yang inklusif. Pembangunan infrastruktur adalah amat penting kepada sesebuah negara kerana ia adalah prasyarat kepada pembangunan sosioekonomi negara. Penyediaan infrastruktur yang berkualiti dan lengkap sememangnya merupakan asas kepada usaha negara untuk mencapai status negara yang maju. Saya berbesar hati dengan peruntukan bajet ini yang menunjukkan bahawa kerajaan peka dan komited kepada wawasan pembangunan negara dengan memberi penekanan ke atas pembangunan infrastruktur.

Pembangunan infrastruktur adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan seperti pengangkutan, komunikasi, elektrik dan air bersih. Integrasi pelbagai mod pengangkutan yang lebih baik akan memudahkan pergerakan orang dan barangan lebih lancar. Di samping itu, infrastruktur yang cekap dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Oleh itu, infrastruktur yang baik menjadi asas kepada penyertaan sosial serta perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Saya yakin bahawa lebih banyak kawasan yang sebelum ini kurang pembangunan infrastruktur akan menikmati pembangunan sosioekonomi yang lebih giat di bawah peruntukan bajet ini.

Berdasarkan kepada laporan, Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang besar dalam pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman. Saya percaya bahawa arus pembangunan infrastruktur yang terbaru akan merapatkan jurang di antara kawasan bandar dan luar bandar, malahan di antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur.

Bermula dari Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, sehinggalah Dasar Wawasan Negara, merupakan dasar yang telah digubal bagi melonjakkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Komitmen berterusan kerajaan dalam memaju dan menaik taraf infrastruktur telah menjadikan infrastruktur Malaysia sebagai

salah satu yang termaju dalam kalangan negara perindustrian baru di Asia. Perkembangan infrastruktur Malaysia juga dilihat semakin meningkat kerana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang telah dikecapi sejak kebelakangan ini. Banyak inisiatif-inisiatif oleh kerajaan telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan asas pengembangan ekonomi dalam tempoh RMKe-11 dengan persekitaran yang mampu menyokong pertumbuhan.

Contoh yang baik, yang paling baik saya ingin menyentuh dengan pembangunan sistem landasan kereta api yang menjadi isu hangat di kalangan masyarakat. Pembukaan laluan MRT Sungai Buloh ke Kajang pada bulan Julai 2017 berjaya menyumbang sebanyak 130,000 peluang pekerjaan semasa fasa pembinaannya sahaja dan dianggarkan akan menjana sebanyak RM4 bilion setahun berpandukan pendapatan negara kasar mengikut Laporan MRT Corp. Pembinaan landasan kereta api Pantai Timur (ECRL) juga dijangka akan membangunkan ekonomi tempatan di Pantai Timur serta akan menyumbang pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus terhadap KDNK Malaysia pada masa 50 tahun akan datang. Pada masa yang sama, pembinaan landasan kereta api berkelajuan tinggi yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura juga dijangka akan menjana banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin ambil kesempatan untuk bertanya kepada kementerian mengenai apakah status projek kereta api landasan berkembar elektrik yang menghubungkan Gemas dan Johor Bahru yang dinanti-nantikan oleh rakyat di negeri Johor. Oleh kerana saya percaya dengan adanya projek ini akan dapat melonjakkan lagi ekonomi tempatan dan membantu meringankan beban rakyat.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, yuran ejen untuk mengupah seorang pembantu rumah asing adalah sangat tinggi. Saya dimaklumkan bahawa kos tersebut boleh mencecah sehingga RM18,000 di mana sebahagiannya dikira sebagai pungutan dan bayaran levi. Ini adalah satu jumlah yang besar terutama sekali bagi sebuah keluarga yang berpendapatan sederhana yang terpaksa bergelut dengan inflasi dan gaji yang tidak mencukupi.

Oleh itu, apabila majikan boleh mengupah pembantu rumah asing secara langsung, mereka dijangka boleh menjimatkan hampir RM10,000 iaitu sebanyak 50 peratus daripada kos keseluruhan. Dengan itu, majikan boleh berunding dengan pembantu rumah mengenai kadar gaji tanpa melalui ejen perantara. Selain itu, kadar baru ini juga diharap boleh mengurangkan kebergantungan kepada ejen pembantu rumah atau orang tengah serta meningkatkan ketelusan dalam proses kelulusan dan pengambilan.

Sekian lama kita mendengar banyak aduan bahawa pembantu rumah yang bersekolong dengan ejen mereka dan melarikan diri selepas beberapa bulan menyebabkan majikan terpaksa menanggung kerugian yang teruk. Di samping itu, saya juga berpendapat bahawa kaedah mengupah pembantu rumah asing secara langsung ini

juga harus diaplikasikan dalam mengupah pekerja asing dalam sektor-sektor lain yang menghadapi kekurangan tenaga buruh yang kronik.

Mengikut data yang saya ada, majikan beberapa sektor penting sering mengadu bahawa mereka kekurangan tenaga pekerja. Sektor perkakas dilaporkan kekurangan 8,000 orang pekerja, sektor kelapa sawit di Sarawak kekurangan pekerja sehingga 35,000 orang pekerja. Maka, sektor pembinaan memerlukan seramai 1.3 juta orang pekerja mengikut *Master Builders Association Malaysia* pada bulan September 2016.

Oleh itu, saya sekali lagi ingin mohon kepada kerajaan, sekiranya kita boleh wujudkan sistem ini di dalam pembantu rumah, maka saya minta kita memperbesarkan lagi sistem ini kepada sektor-sektor lain supaya kita dapat menyelesaikan masalah tenaga pekerja asing ini yang sekian lama memberikan masalah kepada sektor-sektor berkenaan.

Ada banyak lagi isu yang saya ingin bawa tetapi masa tidak membenarkan. Jadi saya di sini sekali lagi saya menyokong Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kota Bharu.

**2.53 ptg.**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucap terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2018 dalam era 20 minit pada hari ini.

Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan takziah dan rasa dukacita terhadap bencana yang menimpa rakan-rakan kita di Pulau Pinang. Takziah kepada rakyat Pulau Pinang dan juga Kerajaan Pulau Pinang. Semoga dengan ketabahan dan juga kesabaran serta sokongan bantuan daripada semua pihak, kita mengharapkan kesusahan, kerumitan yang dialami itu akan dapat diatasi. Pada saat ini, biarlah kita tidak menuding jari kepada mana-mana pihak mengenai punca bencana ini, sebaliknya menyelesaikan perkara ini dan selepas ini mungkin kita boleh membincangkan bagaimana *solution* untuk menyelesaikan masalah rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 27 Oktober yang lalu tidak dapat dinafikan merupakan satu bajet pilihan raya- *it's an election budget*, memandangkan kepada struktur dan juga perkara-perkara yang berada di dalam pembentangan bajet tersebut yang kebanyakannya kita lihat ianya merupakan pemberian *One-Off* yang mana *One-Off* ini sebagaimana yang kita tahu adalah pemberian yang tertentu, pada masa tertentu, saat yang tertentu saja.

Walau bagaimanapun, kita mengharapkan ataupun kita merasakan bahawa sama ada ia bajet pilihan raya atau tidak, ianya mungkin menjadi suatu habuan, durian runtuh-

bukannya durian Musang King. Durian runtuh kepada rakyat yang kita harap selepas pilihan raya pun akan dikekalkan, *insya-Allah*, jika kerajaannya bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil beberapa tajuk untuk saya membahaskan dalam ruang lingkup masa yang terhad ini dua atau tiga tajuk utama. Pertamanya, saya ingin membahaskan mengenai proses pilihan raya dan juga Suruhanjaya Pilihan Raya memandangkan tempoh ini adalah terlalu dekat dengan PRU Ke-14. Kita melihat anggaran perbelanjaan sama ada mengurus ataupun pembangunan bagi tahun 2018 di bawah Jabatan Perdana Menteri, kita melihat peruntukan mengurus yang telah diberikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ialah sebanyak RM370.7 juta yang mana merupakan yang ketiga tertinggi di bawah Jabatan Perdana Menteri selepas Jabatan Perdana Menteri sendiri sebanyak RM5.2 bilion dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebanyak RM1.98 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan mengenai pilihan raya terutamanya perjalanan pilihan raya di dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, ianya memerlukan kepada satu badan pengendali pilihan raya yang adil, yang berwibawa dan juga bebas kerana badan ini merupakan pihak yang amat penting, yang paling penting dalam rangka untuk mewujudkan satu pilihan raya yang bebas dan adil di dalam negara tersebut. Secara umumnya, kita dapati bahawa peranan pengendali pilihan raya meliputi penyediaan daftar pemilih, menguruskan proses persempadanan pilihan raya, menjalankan proses pencalonan dan pengundian, memantau perjalanan kempen pilihan raya dan memastikan proses pilihan raya berjaya menterjemahkan hasrat rakyat melalui keputusan pilihan raya yang telus.

Kita melihat pula aspek pemilihan sebuah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang bebas iaitu badan yang mengendalikan pilihan raya dalam konteks Malaysia ini SPR Malaysia. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114 dengan jelas memperuntukkan tentang penubuhan SPR iaitu seperti berikut.

Pertamanya, SPR hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota-anggota yang lain.

Keduanya, dalam perkara yang sama 114, pada melantik anggota Suruhanjaya Pilihan Raya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengambil perhatian tentang peri mustahaknya suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mendapat kepercayaan umum, kepercayaan awam. *An election commission which enjoys public confidence*, dengan izin.

Dengan ini, kita dapat lihat bahawa kaedah ataupun *method* pelantikan SPR mengikut Perlembagaan begitu signifikan sekali dan menunjukkan betapa perlunya soal integriti, soal kebebasan, soal kewibawaan kepada badan SPR ini diambil berat.

Saya membuat empat faktor dari segi penelitian ini. Pertamanya, kita melihat pelantikan SPR ini melibatkan dua pihak yang utama iaitu Yang di-Pertuan Agong dan

Majlis Raja-Raja yang mana kedua-duanya adalah badan penaung yang dihormati dan berkecuali.

Kedua, walaupun secara umumnya dalam Perlembagaan mengikut Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri, namun dalam soal pelantikan SPR ini, tidak disebut secara jelas, secara nyata.

■1500

Ia tidak seperti mana peruntukan untuk pelantikan Ketua Hakim Negara. Di mana Ketua Hakim Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat daripada Perdana Menteri. Maka ketiadaan peruntukan yang jelas ini menunjukkan perlunya dalam hal pelantikan SPR ini, Perdana Menteri perlu mengurangkan pengaruhnya, dalam pelantikan SPR pada tahap yang serendah mungkin. Ianya juga menunjukkan betapa aktifnya peranan yang perlu dimainkan oleh institusi Yang di-Pertuan Agong dalam melantik sebuah SPR yang bebas dan adil.

Ketiga, terdapat syarat jelas bahawa SPR perlu mendapat kepercayaan awam-*public confidence*, dengan izin. Kepercayaan awam hanya boleh dicapai, jika sekiranya SPR bukan sahaja benar-benar adil dan bebas, bahkan juga mengelakkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan reputasinya bagi memastikan ia kelihatan adil dan juga bebas.

Perkara 113 dalam Perlembagaan juga pula menghuraikan peranan asas kepada SPR untuk menjalankan pilihan raya, antaranya ialah:

- (i) mengendalikan proses pilihan raya;
- (ii) mengkaji semula pembahagian Persekutuan dan juga negeri kepada bahagian pilihan raya, mengesyorkan perubahan yang difikirkan perlu;
- (iii) berperanan untuk membuat undang-undang tertakluk kepada keputusan Yang di-Pertuan Agong, serta pengesahan Parlimen; dan
- (iv) SPR juga mempunyai kuasa *quasi judicial* apabila ia menjalankan proses pendengaran ketika semakan daftar pemilih iaitu mengikut Peraturan 17, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa soal pilihan raya berkait rapat dengan soal pendaftaran pengundi. Kalau kita melihat di pilihan raya yang pertama yang diadakan dalam negara kita tahun 1959. Sebelum pilihan raya diadakan, SPR pada masa itu telah menubuhkan satu badan, yang mana badan ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Pendaftaran dan Timbalan di peringkat negeri-negeri, menjalankan kempen pendaftaran yang dikatakan direkodkan berjalan selama 74 hari secara aktif, sehingga mereka berjaya mendaftarkan seramai 1,280,000 pengundi,



daripada keseluruhan penduduk Malaysia, *Federation of Malaya* pada masa itu 5,698,200 orang, iaitu kira-kira 22 peratus.

Saya hendak bangkitkan soal di sini apabila pihak kerajaan sering kali mengutarakan ataupun membangkitkan soal bagaimana rakyat Malaysia yang layak mengundi tidak berminat untuk mendaftar sebagai seorang pengundi sebaliknya mereka berdiam diri sahaja dan tidak menjadi seorang pengundi di dalam negara ini. Saya ingin bertanya, adakah SPR sekadar menyatakan rasa tidak puas hati ataupun kekesalan mereka semata-mata? Apakah langkah yang dijalankan oleh SPR untuk menggerakkan proses pendaftaran sebagai pemilih ini berjalan dengan begitu lancar? Kalau kita banding dalam tahun 1959, SPR boleh buat begini, saya rasa tidak ada sebab pada masa ini kita tidak boleh mengadakan mekanisme yang berkesan untuk perkara ini.

Saya hendak bertanya kerajaan, bila lagi kerajaan ingin melaksanakan Sistem Daftar Pemilih secara automatik kepada semua rakyat Malaysia, warganegara Malaysia yang menjadi syarat untuk menjadi pengundi ini yang sudah cukup umur 21 tahun, kerana ia sudah satu yang kita boleh sifatkan sebagai *timely*, satu yang sudah sampai masanya untuk daftar automatik ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Pada masa yang sama juga, kita melihat proses pengundian nampaknya berjalan dengan begitu sulit kadang-kadang. Ini juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bilakah lagi kerajaan ingin melaksanakan sistem pengundian secara elektronik ataupun *electronic voting* di dalam pilihan raya-pilihan raya yang dilaksanakan di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya dalam hal SPR ini, kita mahu satu SPR yang bebas, yang tidak tertakluk kepada pihak kuasa-kuasa yang ada di dalam negara kita. Sebagai contoh yang jelas, masih lagi SPR ini terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Khususnya untuk soal bajet ini, sepatutnya SPR menjadi bebas dan mereka yang dilantik menjadi Pengerusi SPR juga mestilah yang mempunyai pengalaman di dalam bidang pilihan raya. Saya dengan penuh hormat, saya merasakan bahawa kadang-kadang rakyat mempersoalkan seorang pesara kerajaan daripada KSU KDN, Kementerian Dalam Negeri ataupun KSU Kementerian Pertanian dilantik menjadi Pengerusi SPR, sedangkan dari segi *background* mereka tidak mempunyai pengalaman dalam pengendalian pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai suatu cadangan yang telah diutarakan, yang telah dicadangkan oleh satu pertubuhan NGO, yang bernama Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) yang telah mencadangkan sejak hampir sepuluh tahun yang lalu, penubuhan sebuah institusi di dalam kerajaan yang bernama Pusat Mediasi Islam yang mana tujuan dalam cadangan itu untuk menyelesaikan kes-kes pertikaian yang membabitkan orang-orang Islam sahaja, secara efektif, secara cepat dan secara murah. Sama ada kes pertikaian ini sudah berada di mahkamah ataupun masih belum berada di mahkamah.

Saya difahamkan bahawa Persatuan Peguam Muslim Malaysia ini mereka mempunyai lebih daripada 300 orang *mediator* terlatih, yang telah dilatih dengan cekap,

yang mampu untuk menyelesaikan masalah pertikaian di kalangan rakyat terutamanya orang beragama Islam. Walaupun pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem Mahkamah Syariah, sudah terdapat satu institusi yang dinamakan Majlis Sulh, ini adalah juga sebagai suatu mediasi di peringkat mahkamah tetapi ia- majlis ini terhad kepada kes-kes yang ada di mahkamah sahaja. Kes yang di luar daripada mahkamah tidak boleh dikendalikan oleh pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bila lagi kerajaan hendak melaksanakan menubuhkan pusat ini setelah mengikut rekod, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan pada tahun 2012, iaitu lima tahun yang lalu, telah menyatakan menerima baik pandangan daripada Persatuan Peguam Muslim ini. Malahan kalau kita melihat di kalangan peguam Muslim salah seorangnya Pengerusi atau Presiden Peguam Muslim Malaysia, Dato' Zainal Rijal merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan dan diberikan kelayakan untuk menjalankan kursus, melatih, *mediator* oleh satu kumpulan yang berkenaan bernama *The Accord Group* dari Australia dan mempunyai hak untuk melatih *mediators* di Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura.

Jadi saya tidak nampak mengapa kerajaan tidak boleh melaksanakan Pusat Mediasi Islam ini, malahan sesetengah pihak mengatakan bahawa Pusat Mediasi Islam ini boleh berperanan sehingga ke peringkat antarabangsa. Mungkin Malaysia sendiri boleh menawarkan, kalau ditubuhkan Pusat Mediasi Islam ini untuk menjadi *mediator* kepada persengketaan yang berlaku di antara negara Saudi dengan negara Qatar, sebagai contohnya.

Begitu juga dalam isu yang melibatkan Akta 164, yang melibatkan pertikaian antara keluarga yang Islam dan bukan Islam. Mungkin *mediator* Pusat Mediasi Islam ini boleh menjadi pihak yang boleh berperanan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga saya ingin menyentuh mengenai bantuan warga emas ataupun dalam istilah yang digunakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, "Bantuan Orang Tua" atau BOT, yang saya rasa istilah ini sudah agak tidak sesuai- BOT ini.

#### ■1510

Saya menyambut baik keputusan kerajaan menaikkan bantuan bulanan kepada warga emas daripada RM300 kepada RM350, iaitu sebanyak RM50 dinaikkan. Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa kenaikan itu adalah amat kecil berbanding dengan kos hidup dan juga bebanan yang rata-rata dialami oleh warga tua yang tidak ada keluarga, tidak ada anak-anak yang boleh menyokong, *support* kehidupan mereka. Jumlah RM300 sebulan ini saya difahamkan adalah jumlah yang telah ditetapkan pada tahun 2008, iaitu 9 tahun yang lalu.

Jadi, kalau RM350 sebulan ini perlu ditunggu sembilan atau sepuluh tahun lagi untuk dinaikkan. Ini adalah satu perkara yang amat tidak sepatutnya dilakukan oleh

kerajaan. Saya menyeru kerajaan mempertimbangkan perkara ini. Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan iaitu khususnya di dalam hal berkaitan dengan penyakit kanser, bagaimana disebut tadi oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Simpang Renggam. Kementerian Kesihatan pada tahun ini telah diberikan peruntukan sebanyak RM24.73 bilion.

Namun demikian, kita melihat bagaimana dalam negara kita ini, statistik MNCR menunjukkan bahawa jumlah pesakit kanser pada tahun 2007 sehingga 2011, ini sahaja statistik yang saya ada. Kes kanser yang baru diagnosis di Malaysia adalah sebanyak melibatkan 103,507 orang. Lelaki 46,794 orang, wanita 56,713 orang. Kita memahami bahawa untuk mengubati kanser ini memerlukan kos yang amat tinggi. Ini disahkan oleh satu kajian yang bertajuk *Cost Oncology ASEAN* yang dijalankan oleh *George Institute for Global Health* dari Australia, mengatakan 48 peratus pesakit kanser di Malaysia menghadapi masalah kewangan selepas diagnosis.

Jadi dalam hal ini, untuk negeri saya di Kelantan sendiri, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai peralatan rawatan, mesin-mesin rawatan kanser. Saya difahamkan di Kelantan hanya terdapat dua buah mesin sahaja iaitu yang terletak di Hospital USM, Kubang Kerian. Baru-baru ini, pada minggu lepas saya telah dibuat aduan oleh seorang rakyat saya, mengatakan beliau seorang pesakit yang menjalani rawatan radiologi.

Kedua-dua mesin ini telah rosak dan sekarang ini saya tidak tahu sama ada sudah dibaiki atau tidak. Jadi, sekali lagi memohon supaya aspek pesakit kanser ini diberikan perhatian oleh kementerian yang berkenaan. Ini adalah kepentingan rakyat, terbanyak.

Jadi, setakat itu ucapan saya untuk membahaskan bajet pada kali ini dan saya sudahi dengan *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Kanowit.

**3.15 ptg.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan peruntukan Bajet 2018. Daripada dulu kita difahamkan bahawa bajet ini adalah dengan temanya untuk mengukuhkan ekonomi, inklusif demi sejahteraan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50.

Bagi negeri Sarawak, kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana memperuntukkan lebih banyak lagi bagi projek *infrastructure* seperti untuk menyambung pembinaan *Pan Borneo Highway*, jalan ke kawasan-kawasan luar bandar seperti jalan Kanowit ke Kapit dan jalan-jalan di bawah Juara Murni juga dari segi kemudahan air, elektrik dan keperluan-keperluan lain.

Bagi Parlimen Kanowit, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu jalan yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pilihan raya negeri pada tahun 2016 adalah jalan daripada Ngungun ke Jagau sepanjang 20km. Sekarang ini timbul di media-media sosial dan sebagainya bahawa setengah daripada jalan ini sebenarnya jalan balak. Diuar-uarkan di *newspaper*, musim tengkujuh ini memang teruk dan ia menjadi isu. Jadi, dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah status pelaksanaan pembinaan jalan Ngungun ke Jagau ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu berterima kasih ke atas peruntukan yang telah diagihkan oleh Kerajaan Pusat untuk baik pulih atau pun bina baru sekolah-sekolah SKM yang begitu banyak di Sarawak. Setakat ini, kita difahamkan lebih 1,000 buah sekolah SKM yang amat daif dan 400 lebih yang kritikal, yang perlu dibina baru atau pun digabungkan menjadi sekolah yang lebih besar dan moden.

Di kawasan saya di Kanowit, kita telah pun berbincang dengan semua *stakeholders* untuk memutuskan atau pun menentukan hala tuju mentransformasikan SKM. Oleh sebab di Parlimen Kanowit, ke semua 36 buah sekolah adalah sekolah kurang murid. Cuma ada empat atau lima buah yang mempunyai murid yang banyak. Jadi, bagi Parlimen Kanowit, kita sudah sebulat suara untuk membina beberapa sekolah moden yang dapat menggantikan atau menggabungkan beberapa sekolah kurang murid supaya sekolah moden ini dengan kelengkapan segala fasiliti, di mana *science lab* dapat dibina, lab komputer diadakan, padang sukan dan kemudahan lain dapat diadakan.

Oleh sebabnya ia sekarang ini di sekolah SKM di kawasan Parlimen Kanowit, langsung amat ketinggalan. Padang sekolah pun tidak ada, rumah murid, asrama pun tidak ada dan pelbagai kekurangan yang amat menyedihkan. Dengan adanya sekolah moden ini yang telah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Negeri, kita berharap prestasi murid di sekolah dari luar bandar dapat dinaikkan dalam masa akan datang. Dengan itu, kita berharaplah kedua kementerian ini *the Federal Ministry and State Ministry of Education* dapat mengadakan kerjasama supaya sekolah-sekolah kurang murid ini, sekolah-sekolah yang daif di kawasan Sarawak, bukan sahaja di Kanowit, dapat dibina baru untuk digabungkan dan digantikan dengan sekolah yang lebih moden. Pada saat ini, kerajaan kita pun telah menasaskan bahawa golongan muda ini akan lebih fasih dalam ICT dan untuk menjuruskan kepada *digital economy*.

Dalam hal itu Tuan Yang di-Pertua, dalam isu TN50 ini sebab ia berkaitan dengan pendidikan. Kita tahu beberapa perjumpaan telah dibuat oleh Menteri-Menteri, terutamanya Menteri Belia dan Sukan dengan orang-orang muda di seluruh negara dan juga di Sarawak. Jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri atau kerajaan, apakah hasrat yang amat diperlukan atau amat diinginkan oleh golongan muda supaya ia dapat dimajukan, terutamanya di negeri Sarawak?

Dalam isu yang sama Tuan Yang di-Pertua, ada di minggu hadapan, ada satu kes di mana yang *diviralkan* di *social media* dan di surat-surat akhbar bahawa beberapa

orang guru interim di Sarawak telah pun ditamatkan kerja mereka mulai 1 November ini. Apa yang menjadi sensitifnya adalah ramai daripada guru-guru interim ini adalah dari satu kaum Dayak yang menjadi majoriti yang telah dibuang kerja.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah sebenarnya kes ini? Oleh kerana kalau dulu kita pun telah dijanjikan bahawa dasar atau polisi kerajaan adalah untuk memberi 90 peratus daripada guru di Sarawak adalah anak tempatan. Soalan saya, apakah dasar ini masih, atau pun apakah kekangan yang terjadi kepada semua dasar-dasar ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah difahamkan bahawa satu hasrat kerajaan negeri adalah untuk menjadikan negeri Sarawak menjadi sebuah negeri yang terlibat dalam *digital economy*. Kita pun difahamkan bahawa peruntukan yang besar telah diperuntukkan untuk negeri Sarawak supaya ia dapat menampung peruntukan untuk membina lebih banyak lagi menara-menara telekomunikasi di seluruh Sarawak. Setakat ini kita difahamkan lebih 1,400 yang sudah dibina dan oleh sebab negeri Sarawak begitu besar, dan kita memerlukan lebih kurang 5,000 menara baru atau pun keseluruhannya akan dibina supaya ia dapat menampung keperluan *high speed internet community* yang diperlukan untuk pembangunan *digital economy* bagi negeri Sarawak.

Dengan ini saya ingin tahu, apakah peranan Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri supaya kerajaan negeri tidak ketinggalan dalam era IR 4.0 dan penggunaan *digital economy*.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar Sarawak telah banyak berubah dengan adanya pelbagai infrastruktur terutamanya dalam jalan raya dan bagi kawasan Kota Rajang dari Kanowit ke Hulu Rajang dengan adanya jalan sepanjang 100 kilometer dari Kanowit ke Kapit yang hampir siap dan kita pun telah- inisiatif kita sendiri telah pun mengadakan satu kawasan pembangunan *the regional development area* yang dinamakan URDA ataupun *Upper Rajang Development Authority* dan melalui ini telah pun diluluskan oleh kerajaan negeri dan kita berharap ia dapat juga seperti kawasan-kawasan lain yang telah diadakan *development authority* seperti kawasan Iskandar di Johor, KETENGAH di Terengganu.

Adanya kawasan ditubuhkan seperti ini ia akan memberi banyak peluang kepada orang-orang tempatan terutamanya yang dapat membangunkan kawasan ataupun NCR mereka di kawasan Rajang. Jadi dengan ini saya berharap Kerajaan Pusat dapat memberi peruntukan supaya penggunaan kawasan URDA ini dapat dimulakan dengan adanya peruntukan untuk *jump start* ataupun *kick-start* di projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengalu-alukan peruntukan yang seterusnya sebanyak RM30 juta untuk menampung kos mengendalikan Perimeter Survei Tanah Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak. Kerja-kerja *survey* ini perlu dipercepatkan supaya masalah pertindihan sempadan di antara tanah NCR dan *state land* juga di antara

kawasan-kawasan rumah panjang juga dapat dikurangkan. Kita difahamkan bahawa kerajaan negeri bersetuju untuk kerja survei ini boleh dikendalikan oleh pihak swasta sebab selama ini kita menggunakan lain-lain survei Sarawak tetapi oleh sebab tenaga mereka tidak mencukupi, *the staffing* tidak cukup jadi kerja membuat perimeter survei agak *slow* sedikit. Jadi dengan itu, kita berharap ia dapat dipercepatkan.

Kita juga maklum banyak kes NCR ini yang telah sampai kepada peringkat Mahkamah Persekutuan, di mana kes-kes yang sensitif ini di antara NCR *claimants* dengan *company-company* yang besar amat memberi masalah kepada rakyat kita di Sarawak dan dalam ini, kita berharaplah, kita pun telah melihat *sensitivity of the case*, jadi kalau dapat kita mohonlah agar kes-kes yang masih tertangguh atau masih *pending* di Mahkamah Persekutuan ini ditangguhkan sementara menunggu kerja-kerja perimeter survei ini dibuat di atas NCR ini untuk menentukan *boundary* ataupun sempadan tanah-tanah NCR dengan tanah-tanah kerajaan ataupun *state land*. Jadi dalam itu, saya ingin penjelasan daripada kementerian ataupun kerajaan, berapakah kes NCR yang masih tertangguh ataupun masih di peringkat Mahkamah Persekutuan? Kita berharap kes ini dapat diredakan oleh isu sebab ini sangat sensitif dan akan memberi impak yang besar kepada pilihan raya akan datang.

Satu lagi isu yang saya ingin sentuh di sini adalah berkenaan dengan Kementerian MOSTI ataupun Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia yang saya pun minat sendiri dan dalam hal ini saya ingin kementerian memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai status projek pembangunan RazakSat-2 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 10 Disember 2010, tujuh tahun yang dahulu tetapi masih belum dilaksanakan sampai sekarang. Soalan saya, apakah isu atau isu-isu yang menyebabkan kelewatan pembangunan Razak Satelit 2 ini?

Kedua, apakah impak pembangunan teknologi satelit in kepada negara? Ketiga, apakah masalah kewangan khususnya kepada syarikat milik penuh kerajaan iaitu *Astronautic Technology* ataupun ATSB yang telah dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan program tersebut? Isu ini perlu dijawab sebab projek RazakSat-2 ini sudah telah lama tergendala, RazakSat-1 sudah berjaya dilancarkan walaupun ia tidak berfungsi setakat ini.

Seterusnya dalam isu yang sama juga, saya ingin mencadangkan agar dasar pembelian data satelit diliberalisasikan ataupun *to be liberated* dan tidak dikawal sepenuhnya oleh satu agensi iaitu Agensi Remote Sensing Negara. Langkah ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi syarikat-syarikat SME, sederhana kecil yang juga ingin terlibat dalam industri *geospatial* negara. Kita sedia maklum bahawa Agensi Remote Sensing ini adalah sebuah jabatan kerajaan dan seharusnya tidak melakukan aktiviti perniagaan ataupun menjual data satelit. Sepatutnya kerja ini diberikan kepada syarikat lain bagi mengendalikan perniagaan untuk pembangunan ekonomi negara. Dengan ini, saya ingin kerajaan menerangkan dasar dalam hal penjualan data satelit ini.

Saya juga ingin memohon atau ingin mengetahui jumlah syarikat yang melaksanakan perniagaan berasaskan perkhidmatan *remote sensing* dan teknologi satelit. Ini tidak termasuk telekomunikasi seperti MEASAT ataupun Telekom Malaysia. Berapakah nilai sumbangan perniagaan data satelit ini kepada ekonomi negara?

Saya juga ingin penjelasan daripada Kementerian MOSTI mengenai jumlah ratifikasi perjanjian antarabangsa berkaitan dengan angkasa atau *space technology* yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Kementerian juga perlu memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Dasar Agensi Angkasa Negara yang ditugaskan untuk membangunkan industri berkaitan teknologi angkasa di Malaysia dan berapakah jumlah bajet yang diperuntukkan bagi tahun 2018 dan kalau dapat, mohon dibuat perbandingan bajet angkasa ini dengan negara-negara jiran dalam isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Bajet 2018 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 3.28 ptg.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pada kesempatan yang baik ini saya menegaskan komitmen dan juga tanggungjawab penuh saya selaku Ahli Parlimen yang dipilih bagi Parlimen Lembah Pantai mengambil tempat dalam perbahasan Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu mamanda Perdana Menteri melawat kawasan saya semalam di Lembah Pantai, saya ucapkan terima kasih dan saya cadangkan lain kali kalau boleh mamanda Perdana Menteri membeli dan menilai harga nilai kenaikan harga barang supaya baru boleh memahami kenapa rakyat amat marah dengan pengenalan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata rakyat mahukan keikhlasan kerajaan mengangkat ekonomi rakyat bukan sahaja populis tetapi gagal meringankan beban mereka. Rakyat bukan mahukan hidangan pilihan raya tetapi mahukan jaminan dalam mengangkat martabat ekonomi hidup yang lebih baik sebagai warganegara. Apa gunanya ekonomi negara disebut-sebut sebagai baik dan berprestasi tinggi tetapi kos sara hidup rakyat semakin teruk. Apa gunanya mendakwa defisit negara menguncup Tuan Yang di-Pertua tetapi hutang rakyat semakin meningkat? Dan apa gunanya menggenggam skrol kejayaan di gudang ilmu tetapi pengangguran anak muda semakin membelenggu? Kononnya bajet populis. Tuan Yang di-Pertua, saya anjurkan rohnya elitis, dengarnya puitis tetapi rakyat terus menangis.

### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, Jumaat lepas saya menemui keluarga dua anak muda di Lembah Pantai bersama Yang Berhormat Seputeh, Allahyarham adik Syafiq dan adik Rafiuddin. Baru berumur 13 tahun Tuan Yang di-Pertua tetapi terpaksa dikebumikan oleh

ayah dan ibu mereka kerana lemas di sungai di kala Kuala Lumpur dilanda banjir kilat. Kedua-dua keluarga merupakan golongan yang kita sering-sering sebut sebagai B40 tetapi bila bertemu dengan mereka di tempat kediaman mereka yang daif, saya fikir dia inilah yang memperkuat iktikad dan tekad kita. Kenapa kita mahu membahaskan bajet? Kita mahu pastikan ada kesan peningkatan kepada keluarga-keluarga ini yang sepatutnya dilindungi daripada musibah dan diangkat kedudukan ekonomi mereka.

Saya mohon agar seluruh Dewan Rakyat di kala ini meluluskan pertambahan peruntukkan dana bagi pembangunan anggota Bomba, APM yang bertarung nyawa bersama bantuan PDRM dari segi kebajikan dan keselamatan anggota-anggota yang banyak melangsungkan operasi penyelamat dan pencarian bukan sekadar memberikan mereka uniform yang baru walaupun itu dialu-alukan Tuan Yang di-Pertua.

Bagi saya kedukaan yang menimpa keluarga anakanda Syafiq dan Rafiuddin sememangnya membuatkan kita sedar. Ada realiti yang serius, jurang miskin-kaya yang menjadi cabaran dalam kehidupan bangsa kita. Saya yakin dengan pelan ekonomi yang baik *insya-Allah* sudah pasti keluarga seperti keluarga arwah Syafiq dan Rafiuddin mampu membina masa depan yang lebih baik. Namun realitinya adalah sebaliknya. Maka wajib kita memikirkan bagaimana untuk mengurangkan bebanan rakyat terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, lebih 50 peratus pekerja di Malaysia ini mendapat gaji di bawah RM1,700 sebulan. Atas kesedaran ini tidak hairanlah kenapa mantan Ketua Pembangkang seawal 2012 Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah menekan keperluan seluruh perancang ekonomi negara perlu beralih bukan sahaja mengejar ekuiti sasaran pertumbuhan, beralih kepada sasaran pendapatan isi rumah minimum sebanyak RM4,000 sebulan sekeluarga.

Saya pasti- periksa dalam *Hansard* ada dimuatkan tahun 2012. Kesannya hari ini Tuan Yang di-Pertua, BR1M diberi untuk keluarga yang gaji di bawah RM4,000 namun, apa yang ditekankan oleh mantan Ketua Pembangkang itu memerlukan kepada keseimbangan, malangnya dalam pendekatan kerajaan, rakyat diberikan BR1M tetapi harta mereka dirampas menerusi GST pula. Saya percaya sedang kerajaan mengecualikan ratusan ribu pembayar cukai pendapatan menerusi pengumuman mamanda Perdana Menteri, BN akan tentu akan terus bergantung pada GST sebagai instrumen percukaian.

Kalau kini enam peratus saya pasti kurang-kurangnya lapan peratus akan dinaikkan lepas Pilihanraya Umum yang akan datang andai BN terus berkuasa. Apa yang pasti ia akan memberi implikasi yang negatif terhadap jurang miskin-kaya yang semakin melebar. Persoalannya di mana kerajaan dalam mengatasi jurang ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini mengakui jurang miskin kaya dalam negara semakin melebar. Saya tahu mamanda Perdana Menteri mengumumkan tempoh hari dengan bangga agihan pendapatan di kalangan isi rumah Malaysia bertambah baik. Katanya Pekali Gini turun daripada 0.441



tahun 2009 kepada 0.399 menjelang 2016 tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta melihat kepada realiti jumlah simpanan ASB. Bagaikan antara dua darjat.

Sedar ataupun tidak purata simpanan ASB Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan seramai 73 peratus rakyat hanyalah mempunyai RM538 sedangkan 0.2 peratus golongan paling kaya memiliki simpanan sebanyak RM778,000. Besar benar ya, jurang yang ada. Kita juga tidak boleh abaikan fakta diumumkan kalau lah mamanda Perdana Menteri berikan masa mendengar pemegang akaun KWSP 0.4 peratus golongan teratas mempunyai jumlah wang melebihi tidak sampai satu peratus pun Tuan Yang di-Pertua, melebihi jumlah keseluruhan simpanan lebih 51.9 peratus golongan yang mempunyai begitu sedikit kerana mereka terpalit dengan masalah ekonomi.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar kita beralih kepada apa yang dialami oleh rakyat terbanyak. Pengangguran anak muda. Isu ini Tuan Yang di-Pertua, isu yang sangat serius. Seramai 500,000 anak muda Malaysia yang menganggur dan sebahagian besarnya terdiri daripada graduan. Namun demikian, bagaimana kerajaan mampu hendak memenuhi unjuran 3.3 juta peluang pekerjaan baru menjelang 2020?

Saya rujuk Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia yang menyatakan jumlah pekerjaan berkemahiran rendah sebanyak 27.8 peratus *middle skills*. Maaf, yang bawah 27.8 peratus. *High skills* 20 peratus Tuan Yang di-Pertua, untuk pendidikan universiti hanya 51 peratus mereka yang keluar daripada universiti tetapi *high skills* hanya 20 peratus. Manakala 30 peratus ini tidak ada peluang pekerjaan yang diperuntukkan. Maka anggaran ini menunjukkan ketidaksepadanan antara graduan yang keluar dan peluang pekerjaan.

Didedahkan dalam Laporan Ekonomi Malaysia 2017-2018 bahawa setakat hari ni kerajaan Malaysia tidak punyai satu sistem dan mekanisme memantau, apakah keperluan penggaji atau majikan, dan apakah yang dapat ditawarkan dari segi peluang pekerjaan oleh graduan yang di luar sana? Kita seolah-olah merancang dalam keadaan kita tidak dapat melihat dalam senario yang sedia ada. Bayangkan ada pelajar membayar setinggi RM30,000 hendak mendapatkan ijazah tetapi mereka tidak diberikan peluang. Tidak dijamin peluang pekerjaan. Sedangkan duit sudah keluar Tuan Yang di-Pertua. Yang luluskan lesen untuk 620 IPTA/IPTS kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Mereka yang kawal.

Kalau universiti dan institusi tersebut tidak layak kenapa diberikan lesen? Ini harus diperhalusi kerana ia berbalik kepada perancangan konon bajet populis tetapi rohnyanya elitis. Saya juga hendak bangkitkan, bila masa kerajaan tumpu kepada TVET saya fikir ini cadangan yang baik. Mahu wujudkan pekerjaan sebanyak 1.5 juta menjelang 2020 iaitu 60 peratus daripada tenaga kerja. Malangnya, daripada tahun 2000 hingga 2013 kita seolah-olah tidak hendak mengakui peningkatan pekerja separa mahir yang datang daripada pekerja asing sebanyak 152 peratus. Tidak ada sebarang perancangan untuk mengurangkan. Kenapa saya sebut begini?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang disebut tentang 6.7 juta pekerja asing setakat 2016 termasuklah yang sah dan juga tidak sah. Mereka ini akan bersaing dengan graduan TVET kita dengan graduan-graduan kita kerana mereka mendapat gaji, menerima kesanggupan untuk bekerja di bawah gaji yang memadai pekerja tempatan. Soalan saya, adakah kerajaan gagal mencapai pengurangan masalah pengangguran berpunca daripada lambakan pekerja asing yang timbul daripada konflik kepentingan yang terlibat, terkait dengan Menteri 'A' daripada KDN. Saya sebut kerana ketiga-tiga syarikat ini Iman Sdn. Bhd., MyEG Sdn. Bhd. dan Bukit Megah Sdn. Bhd. inilah yang dinamakan sebagai ejen yang menjadi perantara pengurusan pekerja asing dan sekarang dipilih Kementerian Dalam Negeri untuk mengepalai tujuh kementerian lain untuk memastikan lambakan pekerja asing dapat ditangani.

■1540

Akan tetapi, kalau Menteri 'A' tersebut juga merupakan *beneficiary* Tuan Yang di-Pertua, dia menerima laba, keuntungan daripada kemasukan pekerja asing, jawab kepada saya, "*Macam mana kita hendak bagi dia kuasa untuk mengawal pekerja asing?*". Di manakah terletaknya kredibiliti kerajaan? Ini kerana kita melihat pengumuman demi pengumuman, kalau isu untuk TVET ini ada RM40 juta peruntukan di bawah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang disonglap, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak ulang ya kerana saya fikir Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia juga dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, bertanggungjawab kerana setiausahaanya- Setiausaha Politik disiasat SPRM selama 10 hari atas dakwaan menyeleweng sebanyak RM40 juta. Tiba-tiba tidak selesai di Parlimen, mamanda Perdana Menteri umum Tuan Yang di-Pertua, dia umum RM4.9 bilion untuk pemerksaan TVET. Saya hendak persoalkan, bagaimana kita boleh yakin? Siasatan sedang berlangsung, kredibiliti sudah hilang, penggajian dan kemasukan pekerja asing, siapa yang untung? Tiba-tiba bercakap, "*Kita hendak pastikan warganegara Malaysia mendapat peluang pekerjaan, hendak selesaikan masalah graduan*". Bagaimana hendak selesaikan apabila pihak yang dipertanggungjawabkan itu tidak mampu untuk menawarkan kredibiliti dalam memegang jawatan?

Tan Sri yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua, jelas bajet populis ini kelihatan indah dengan RM4.9 bilion tetapi hakikatnya, rohnya memang sangat elitis. Saya hendak tahu, apakah langkah SPRM? Ini kerana saya masih menunggu. Menunggu lama jugalah untuk disiasat, hendak geledah kerana ketiga-tiga syarikat ini bagi masuk lagi pekerja asing, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak akan cari penyelesaian sampailah tahun 2020 ataupun tahun 2050 di bawah TN50, selagi isu kredibiliti ini tidak diselesaikan.

Saya mahu membawa beberapa catatan penting Tuan Yang di-Pertua. Bila masa kita melihat bajet ini, kita melihat keperluan untuk membantu keluarga B40 tetapi kita juga melihat kelompangan kredibiliti. Daripada segi pelaksanaan, tentu akan wujudnya ketirisan. JPM di bawah Yang Amat Berhormat Pekan, mudah menelan agensi lain kerana

kebanyakan peruntukan diwakili peningkatan untuk JPM. Ini juga dilihat sebagai simbol bagaimana kuasa Perdana Menteri, kuasa Eksekutif juga menelan agensi lain.

Lihat sahaja pelantikan bekas Setiausaha Politik Ahli Parlimen Barisan Nasional, Yang Berhormat Keteher sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Mesej yang dibawa oleh kerajaan mahu menjadikan SPR dapat menentukan pilihan raya umum berpihak kepada Barisan Nasional. Tidak hairan pertukaran sempadan kawasan pilihan raya dan tidak lama lagi di Selangor ya, mahu memastikan suara rakyat ditenggelamkan secara halus, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dalam Dewan ini kita tidak mampu untuk menolak pengenalan cukai GST, bagaimana rakyat hendak menolak sekiranya mereka menolak dasar yang diperkenalkan yang menekan, yang mengakibatkan daripada peringkat awal subsidi dan bantuan dipotong daripada RM43 bilion kepada RM25 bilion sahaja. Ini keputusan kerajaan yang memerintah, Barisan Nasional tetapi rakyat akan dinafikan sekali lagi menerusi peluasan kuasa JPM dan Perdana Menteri.

Saya menyeru Dewan agar bukan sahaja menekankan maklumat yang telus, yang jelas diberikan kepada rakyat tetapi medan ini medan Parlimen, medan pilihan raya, medan media arus perdana, harus mencerakinkan cerita yang benar. Kita dengar tentang bahas Ahli Parlimen Muar dan juga Ahli Parlimen Pandan tetapi takkan sekali dalam seumur hidup Tuan Yang di-Pertua? Harus ada ruangan di mana mamanda Perdana Menteri menjawab juga persoalan yang sangat serius berkait dengan rasuah, berkait dengan penglibatan Menteri 'A', 'B' dan 'C' dalam projek-projek yang menguntungkan mereka walaupun ia memangsakan pekerja warganegara Malaysia. Ini yang saya mahukan daripada negara kita.

Saya berpesan kepada kerajaan, jangan peralatkan kepercayaan rakyat dan anak muda semata-mata untuk mendapatkan undi. Masa depan sepatutnya masa kita Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau tidak diselesaikan, 500,000 anak muda ini, lambakan pekerja asing, rasuah yang terus menerus membarah dalam sistem, tidak perlu sebut 1MDB pun tidak apa.

Akan tetapi isu FELDA, isu Kementerian Dalam Negeri, isu sampai tabung kemahiran sekalipun, ia seolah-olah menjadi lumrah hari ke hari dalam kehidupan kita. Saya pasti ramai anggota Kabinet juga tidak bersetuju tetapi harus ada keberanian kerana jiwa sebenar seorang pahlawan adalah mempunyai keberanian untuk tanggung dan menjawab, bukan songlap dan juga diam. Atas dasar inilah apabila kita berbahas tentang bajet, saya mahu kita tumpukan apa yang kita lakukan ini adalah untuk memastikan golongan B40, golongan yang termiskin, yang tertekan, mereka itu dapat diberikan bantuan untuk diupayakan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menunggu juga penjelasan dan juga sedikit keprihatinan untuk kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab, bagaimana dalam setahun ini, golongan B40, keluarga seperti Allahyarham Syafiq dan

Rafiuddin, mereka hanya merekodkan pertambahan gaji tidak sampai satu peratus, RM17 sahaja naik dalam masa setahun. Takkanlah kita sanggup untuk membiarkan rasuah ini berterusan sedangkan hak mereka dirampas tanpa ada dasar yang menumpukan mahu mengangkat sesebuah bajet dan perancangan ekonomi bagi memperbaiki masa depan mereka yang lebih baik.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bantuan dana yang diumumkan dalam bajet tetapi pada saya, bukan sekadar sebagai gula-gula sementara. Ia harus mengangkat ekonomi rakyat, meninggalkan negara dengan keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya. Bukan meninggalkan negara ini dengan bebanan hutang menggunung di bawah projek-projek yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tanpa segan silu dengan segala sindiran yang ada dalam Kamus Dewan Bahasa. Baik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih daripada Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepanggar ada?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu?

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Sepanggar ada, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada. Yang Berhormat Mersing.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

### 3.47 ptg.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ikut senarai yang ada di depan saya Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan satu bajet yang inklusif, komprehensif. Saya pasti ia direka dan ditulis, dipersembahkan ekoran daripada perjumpaan demi perjumpaan dengan pelbagai golongan masyarakat sehingga ia dapat menghasilkan bajet yang menjurus kepada bajet yang jangka panjang, yang berdasarkan kepada hasil yang bakal dikutip, berjumlah RM239.86 bilion, peruntukan mengurus RM234 bilion dan belanja pembangunan RM46 bilion.

Kira-kira 18 tahun dahulu, sewaktu saya berada di *frontbench*, seingat saya, peruntukan bajet pada tahun 1999 yang dibentangkan dua kali kerana selepas bentang terus Dewan bubar dan dibentangkan sekali lagi belanja mengurusnya tidak lebih daripada RM100 bilion. Dalam jangka 18 tahun, hasil dan pendapatan negara meningkat kepada dua kali ganda. Saya tidak mahu bercakap lebih panjang.

## ■1550

Saya ingin menekankan memang kerja kerajaan adalah mengutip cukai. Kerajaan amat bijak, amat *prudent* untuk mengutip cukai dan kita semua tahu bahawa hasil cukai kita adalah *direct tax* sama ada cukai pendapatan individu mahupun cukai korporat yang diuruskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana amat cekap mengutip cukai. Dahulu saya *front bank*, saya tidak boleh buat *business* dan saya pun tidak *business*, cuma saya duduk dalam beberapa syarikat. Tiga, empat kali pegawai-pegawai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri telefon PA saya untuk memastikan apa yang telah saya bayar setimpal dengan apa yang saya *declare*.

Justeru itu, kerajaan juga dapat kutip cukai daripada cukai *indirect* seperti GST. Tadi Yang Berhormat Lembah Pantai beritahu kos meningkat, ya saya setuju. Saya berbincang dengan Yang Berhormat Sungai Petani, kita semua bersetuju bahawa tanpa cukai, kerajaan tidak mungkin dapat meneruskan agenda-agenda untuk mengurus servis dan juga perkhidmatan yang patut diberi kepada rakyat. Ini barang naik ini biasalah. Ada SST tidak ada SST, ada GST tidak ada GST, barang tetap naik.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, waktu mula-mula kahwin dahulu, harga daging lembu waktu itu RM8 satu kilo, daging lembu dalam kotak RM6 satu kilo. Itu tahun 1985. Lembu itu sama juga empat kaki, dia makan rumput juga, tanduk dia dua. Kalau dia makan *McDonald*-kah, bolehlah naik. Akan tetapi sekarang harga itu sudah jadi RM28 satu kilo. Kalau musim Raya Haji, sudah jadi RM35 satu kilo.

Sebenarnya duit kita makin mengecil kerana kadar gaji dan upah tidak setimpal dengan kenaikan kos harga barang. Jadi, majikan kena bayar lebihlah. Oleh sebab itu kerajaan tahun ini bayar RM77 bilion untuk gaji kakitangan awam, *35 percent* daripada *collection* dan tahun hadapan RM80 bilion lebih untuk bayar gaji sahaja. Kalau tidak ada GST, mungkin tidak boleh bayar gaji. Itu peranan kerajaan untuk kutip cukai.

*Private sector* juga merupakan satu sektor yang memberi kekayaan dan merupakan enjin kedua kepada kekayaan sesebuah negara. Akan tetapi, oleh kerana *private driven* dia ada kepentingan pelabur, maka tiap-tiap ringgit yang dilaburkan mestilah ada pulangnya, *return of investment*. Peranan kerajaan sebagai pemungut cukai perlu memberi pelbagai insentif dan kemudahan kepada sektor *private* agar pertumbuhan ekonomi berlaku dan ada *creation of wealth* dan *creation of job*. Dengan itu, ia ada timbal balasnya.

Akan tetapi, yang selalu kita agak terlupa dan tertinggal adalah sumber kekayaan yang ketiga, yang saya dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Petani ada bincang dalam debat Ahli Parlimen yang lepas iaitu institusi wakaf yang merupakan enjin ketiga yang sangat terbiar dan tertinggal. Wakaf ini dia berbeza daripada *private economy*. *Private economy* dia ada *investment*, ada pulangan tetapi wakaf ini pulangnya adalah di akhirat, *in the next world*. Jadi, wakaf bukan satu perkara baru. Selepas kerajaan *Ottoman*

*Empire* berpecah dan dikalahkan oleh kuasa-kuasa barat pada tahun 1918, sebenarnya dua pertiga daripada seluruh tanah di *Ottoman Empire* adalah dikuasai oleh wakaf.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Saya cuma ingin bertanya, bukankah kita sudah mempunyai institusi yang menguruskan wakaf pada ketika ini dan adakah sudah ada akta yang berkaitan dengan wakaf? Berapa besarkah wakaf yang sudah diurus selama ini dan adakah ia diurus mengikut negeri masing-masing ataupun ia ada badan yang berpusat di Persekutuan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Labuan dia pusat *offshore banking* kewangan. Kalau dia minat wakaf, boleh masuk *group* saya. Saya ambil kira apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Labuan.

Wakaf ini adalah pelengkap kepada sesuatu yang boleh kita kembangkan dan kita wujudkan satu dasar. Sekarang ini wakaf diuruskan oleh kerajaan-kerajaan negeri di bawah Majlis Agama Islam masing-masing kerana namanya wakaf. Akan tetapi kalau kita lihat, *Bill & Melinda Gates Foundation* itu adalah wakaf, *Harvard endowment* itu adalah wakaf. Apa yang kita derma tiap-tiap kali kita pergi masjid, mungkin rakan-rakan pergi ke *church*, itu pun juga wakaf.

Kita tak nak ada pulangan, cuma bila- dia ada cerita sejarahnya, Tuan Yang di-Pertua. Apabila selepas Perang Hunain, Sayidina Umar Al-Khattab, dia dapat harta pampasan perang, ghanimah. Daripada harta pampasan perang ini, dia infakkan kepada sistem wakaf ini. Ekoran daripada itu, maka turunlah ayat surah *Al-Imran*, ayat 92 yang kali pertamanya *comment the revelation* selepas Umar mendermakan harta tersebut. Maka, ada hak penderma dan juga ada hak penerima...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Mersing, boleh tanya?

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Mersing, kita melihat wakaf di bawah kerajaan negeri yang melibatkan wakaf kewangan dan juga merupakan wakaf harta-harta tetap. Bagaimana kita di Parlimen ini, peringkat Persekutuan, hendak boleh menyentuh wakaf di mana kita tengok pengurusan di negeri-negeri pun nampak baik tetapi tidak diselaraskan? Bagaimana kita di peringkat Parlimen ini pula hendak menyentuh soal wakaf ini? Minta pandangan daripada Yang Berhormat Mersing.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Dekat sinilah peranan kita dalam Parlimen supaya kita dapat menyeragamkan, sebab kita tahu kita adalah *federation*. Hal-hal agama dan harta-harta wakaf diurus oleh

Ke Bawah Duli Tuanku di bawah Sultan masing-masing dan di bawah kerajaan negeri masing-masing.

■1600

Sama juga dengan air. Sebab itu saya ingin berkongsi pandangan apa yang dibuat di Turki. Di Turki, bila Akta Wakaf mula diperkenalkan pada tahun 1967, sebelum Akta Wakaf, hanya 73 aset sahaja yang didermakan kepada institusi *muttawali* yang mendapat lesen untuk mengurus atau naziran. Akan tetapi bila akta ini ditubuhkan, lebih daripada 4000 aset. Orang akan lebih yakin kerana akta ini tersusun.

Kalau kita ada akta, sebab itu dicadangkan dan selepas ini menteri jawab. Supaya satu Akta Wakaf diwujudkan ala macam air. Kerajaan negeri urus air, harta air itu kerajaan negeri punya tetapi Kerajaan Pusat ada Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) dan selepas ditubuhkan Akta Wakaf, mungkin negeri-negeri boleh membuat enakmen masing-masing untuk mengurus harta ini dan masalah mengenai wakaf yang terdapat di dalam negara kita, kita pujilah Negeri Johor dan juga Kelantan yang mentafsir kembali.

Bukan semua orang ada tanah tetapi kalau ada tanah-tanah yang sudah sedia ada, saya dapat maklum daripada Jabatan Haji dan Zakat, ada 11,000 aset yang bertaburan, yang tidak didaftarkan. Saya mencadangkan supaya:

- (i) ada satu data bank yang mengurus semua aset-aset tersebut; dan
- (ii) penubuhan Akta Wakaf ini perlu *direvisit*.

Saya dapat maklum pada satu ketika dahulu, tak silap saya, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sudah pun mengadakan langkah-langkah awal untuk menubuhkan Akta Wakaf tapi dia mati di tengah jalan. Rasanya tiba dah masa kita supaya wakaf ini digerakkan dengan cara yang lebih drastik, lebih produktif kerana bila Turki wujudkan Akta Wakaf, terdapat lebih daripada 50 universiti wakaf. Wakaf boleh mewujudkan pekerjaan. Wakaf boleh bantu kerajaan untuk bina hospital, bina universiti, bayar gaji pekerja, bayar gaji *specialist* dan pelbagai supaya wakaf juga antara penggerak kepada ekonomi negara.

Tidak mustahil jika wakaf ini berkembang sehingga jadi bilion dan trilion, dia boleh beli *North-South Highway*. Jadi orang bila guna *highway*, dia tak marah sangat kepada kerajaan kerana dia lalu itu sebenarnya dia berwakaf macam tiap-tiap hari Jumaat lah dia lalu atau dia pergi masjid.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya nak sentuh ini sikit sahaja iaitu mengenai terima kasih kepada kerajaan kerana beri tambahan hemodialisis. Saya difahamkan daripada RM40 juta tahun lepas, tahun ini jadi RM90 juta. Daripada RM50, ada tambahan dana untuk mereka yang menerima hemodialisis dua atau tiga kali seminggu. Akan tetapi, bila pertumbuhan *end stage renal failure* ini berlarutan daripada 2006 dahulu sikit sahaja, 3500 tetapi sekarang ini dah sampai 15,000. Maknanya ada *two and the half time increase fold*. Bermakna lebih ramai orang memerlukan hemodialisis.

Hemodialisis mudah, pergi, *get it done* dalam masa empat jam tetapi kena ulang-ulang dan kos untuk merawat pesakit hemodialisis satu tahun tidak termasuk tambang, makan dia apa semua, *loss of productivity* adalah RM42,000 satu kepala. Kos ini akan terus meningkat tetapi alangkah baiknya jika kerajaan juga fokus kepada elemen-elemen yang menjurus supaya kos ini dapat dikurangkan dengan cara bagaimana? Tak ada lain dan tak ada cadangan lain supaya bila orang pergi hemodialisis ini dia seronok, dia tak teringat yang ada alternatif iaitu ganti *kidney* atau *kidney transplant*. *Kidney transplant* telah ditunjukkan dalam banyak negara bahawa kos untuk *operation* dan juga *maintenance* kepada *kidney* yang baru, sangat lebih rendah daripada kos hemodialisis tahun demi tahun.

Jadi, saya cadangkan supaya ada satu *commission* dibuat, dikaji supaya menggalakkan dan *transplant* ini berlaku dan mudah-mudahan selain daripada hemodialisis, *transplant* ini juga dilakukan supaya *burden* pembayar cukai tidak menjurus kepada *end stage renal failure* semata-mata. Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**4.06 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2018. Isu pertama yang saya ingin sebutkan adalah mengenai rasuah. Satu masalah yang begitu penting yang lama sudah membebankan ekonomi negara kita dan pembangunan negara kita. Saya amatlah tertarik kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun beberapa hari lalu bahawa di bawah Najib, rasuah sifar. *Legacy of Najib* akan mencapai rasuah sifar. Itu memang satu...

**Seorang Ahli:** Mimpi, mimpilah!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu memang bukan satu mimpi sahaja, satu perkataan yang begitu lucu sangat-sangat. Bagaimana seorang pemimpin yang terkenal di antarabangsa yang terlibat dalam satu skandal cuci wang haram itu, berbilion-bilion ini dapat memimpin dan memerintah negara kita sampai tahap sifar rasuah. Kes yang terlibat oleh beliau ini telah mengakibatkan pergantungan lesen bank-bank di Singapura. Siasatan dan dakwaan dibuat oleh beberapa penguat kuasa di negara lain sampaikan pegawai-pegawai bank yang terlibat dalam kes 1MDB itu telah didenda dan dipenjarakan.

Seorang pemimpin kita, Perdana Menteri kita yang terlibat dalam kes *international scandal of, the largest international scandal of money laundry*. Bagaimana dia akan memerintah negara kita sampai satu tahap sifar rasuah? Ini memang tidak logikal, tidak masuk akal. Saya tak akan guna perkataan bahasa kasar seperti '*kepala bapak kau*' itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri di Ibu Pejabat MCA kerana saya



rasa ini perkataan yang tidak sopan dan tidak bertamadun. Ini adalah standard untuk setimpal untuk MCA sahajalah... [Tepuk] Dan bukan untuk Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi ia itu memang satu kenyataan yang tidak masuk akallah. Sifar rasuah di bawah Najib dan saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada apa yang disebutkan dalam *Budget Speech* mengenai rasuah.

■1610

Saya baca beberapa kali teks bajet *speech* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari itu. Langsung tidak ada satu perkataan rasuah yang disebutkan oleh beliau, langsung tidak ada. Seolah-olahnya rasuah ini bukan satu masalah di negara kita. Walaupun beberapa tahun lalu telah disebutkan oleh bekas Perdana Menteri bahawa rasuah ini musuh pertama negara kita tetapi di *Budget Speech* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari itu langsung tidak sebut rasuah. Adakah ini satu amalan *practice* pepatah Inggeris, *if you live in a glass house, don't throw stone*? Adakah ini suatu apa yang beliau percaya?

Kita nampak, dia nampak apa-apa yang dilakukan oleh SPRM beberapa bulan sebelum pembentangan bajet kita ini. Dalam bulan Ogos 2017, satu serbuan dan siasatan yang besar mengenai FELDA Investment Corporation yang bayar lebih daripada RM100 juta, lebih daripada harga pasaran untuk membeli satu hotel. *Ex-chairman* ditangkap, disiasat. Ini Ogos 2017.

September 2017, seorang *political secretary* kepada *Human Resources Minister*, Yang Berhormat daripada Serian ditangkap dan disiasat kerana terlibat dalam satu skandal korupsi yang melibatkan RM40 juta. *Political Secretary* itu di *Minister*. Oktober 2017, siasatan melibatkan RM1.5 bilion di bawah *Rural and Regional Development Ministry* iaitu dulu di bawah Yang Berhormat Semporna.

Bukankah ini satu pencapaian yang tinggi yang perlu disebutkan tahniah kepada pegawai-pegawai dari SPRM? Akan tetapi, kenapa langsung tidak disebutkan dalam *Budget Speech* Yang Amat Berhormat? Adakah dia berasa malu nak sebut anti rasuah kerana skandal-skandal beliau yang terlibat dalam 1MDB itu?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga tengok apa yang diperuntukkan untuk SPRM. Walaupun peruntukan untuk SPRM ini ada meningkat sedikit kalau berbanding dengan tahun lalu, tetapi peruntukannya hanya sama dengan apa peruntukan yang diberi kepada SPRM dalam tahun 2016. Peruntukan untuk SPRM untuk tahun 2018 adalah sama dengan- peruntukan dan amaunnya adalah sama dengan peruntukan untuk SPRM dalam tahun 2016 dan kurang lagi daripada kalau kita bandingkan dengan peruntukan SPRM dalam tahun 2015.

Dengan peruntukan yang berkurangan, bagaimana kita dapat mencapai satu tahap sifar rasuah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun? Saya rasa, kecuali tukar kerajaan, biarlah Pakatan Harapan jadi kerajaan, barulah kita boleh *start the first step towards* sifar rasuah dalam kerajaan ini. Oleh itu, untuk kebaikan negara kita dan masa

depan negara kita, biarlah kita tukar kerajaan pada PRU Ke-14 ini. Barulah kita boleh- *we start our first step towards zero corruption*. Di bawah Barisan Nasional tidak dapatlah... [Dewan riuh] Tidak boleh. *No hope. No hope for the country*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin sebut adalah mengenai GST and *revenue* kerajaan. Setiap tahun semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet, yang disebutkan adalah bajet itu adalah bajet mesra rakyat, untuk meringankan beban kos hidup rakyat dan ramai daripada Barisan Nasional akan memberi pujian-pujian kepada bajet. Akan tetapi akhirnya, hidup rakyat semakin hari semakin susah. Hidup rakyat semakin hari semakin susah. Apa sebabnya?

Kalau kita tengok *revenue* kerajaan yang bertambah setiap tahun, inilah persoalannya. Ada di kalangan Barisan Nasional sana puji memuji bahawa *revenue* kita tambah-tambah. Dari mana *revenue* ini datang? Itu dari cukai rakyat, mengenakan cukai rakyat. Kita bandingkan *revenue personal and company income tax collected by government* untuk tahun 2014, ialah ada RM89.6 bilion, pada masa itu tidak ada GST. *Indirect tax* adalah RM37.4 bilion dalam masa yang singkat dua tiga tahun saja. Tahun 2017, itu *personal and company income tax collected by government* adalah telah meningkat kepada RM97.8 bilion. Pada masa yang sama, *indirect tax* oleh kerana ada GST, tambah daripada RM37.4 bilion sampai ke RM60.4 bilion. Anggaran untuk tahun depan lebih lagi untuk *personal and company income tax* sebanyak RM104.6 bilion, *indirect tax* sebanyak RM64.8 bilion.

Oleh itu, kalau kita bandingkan cukai yang dipungut oleh kerajaan sebelum GST dengan selepas GST ini dari tahun 2014 sampai tahun 2018, sejumlah tambahan cukai yang dikutip oleh kerajaan ini adalah RM64.8 bilion dan ini semuanya cukai dihisap daripada pendapatan orang ramai, rakyat. Inilah sebabnya pasaran kita amatlah lemah. Kelembapan ekonomi yang diakibatkan oleh satu dana begitu besar telah diambil keluar daripada ekonomi pasaran kita. Sejumlah RM64.8 bilion diambil daripada poket rakyat sebagai cukai tambahan itu. Kalau kita belajar ekonomi, kita faham, *taxation is a form of withdrawal and withdrawal causes the economy slowdown*. Inilah akibatnya. Inilah akibatnya.

Saya ingin mengutuk dengan sekeras-kerasnya atas cara Lembaga Hasil Dalam Negeri atau *Inland Revenue Board*, cara mereka menuntut cukai daripada orang ramai. Seolah-olah itu orang ramai pembayar cukai ini adalah *criminals*, penjenayah. Mereka keluarkan satu surat yang mengatakan *you* sudah tunggak, bayar kurang cukai untuk tahun apa sampai tahun apa dan pembayar cukai ini terpaksa untuk membuktikan bahawa dia tidak bayar kurang.

▪ 1620

Kalau tidak, walaupun dia hendak *challenge* tuduhan *Inland Revenue Board*, dia mesti bayar dulu. Dia mesti bayar. *You are proven to all the money before you are presume to have all the money before you are proven otherwise*. Walaupun *you* bayar- kalau *you*

tidak bayar, *you challenge*, tidak boleh pergi luar negeri. Apa ini? Ini satu *oppressive*. Cara yang *oppressive* yang dikenakan oleh agensi kerajaan atas peniaga-peniaga, individual-individual. Saya ingin hari ini sebut dalam Dewan yang mulia ini satu kes yang saya *personally handle*. Seorang tua yang berumur 76 tahun, sudah bersara beberapa tahun sudah.

Tiba-tiba Januari ini, dia seorang pekerja *carpenter- carpenter* sahaja, bukan majikan. Gaji bulanannya lebih kurang RM1,000 lebih. Tidak sampai RM2,000. Tiba-tiba awal tahun ini, dia terima daripada *Inland Revenue Board* bahawa dia ada kurang bayar cukai pendapatan untuk tahun 1993 sampai 1999. 20 tahun lalu. RM2,000 sahaja. RM2,000 sahaja. Dia tidak tahu apa-apa. Tidak ada duit lagi. Sudah bersara beberapa tahun sudah. Anaknyanya pergi jumpa pegawai *Inland Revenue*. Buat tawaran supaya bolehkah dia bayar enam bulan. *Installment. Six-months installment*. RM400 sebulan-ditolak. Tawaran ini ditolak dan sampai *Inland Revenue Board* ambil tindakan mahkamah hendak penjarakan pesara itu. Pergi *court. Warrant of arrest, order to arrest* dikeluarkan untuk hendak *commit him to prison* kerana tidak bayar cukai. RM2,000. Nasib baik walaupun ada kezaliman Barisan Nasional, juga ada pihak dari sini yang membela hak beliau.

Saya pergi mahkamah mewakili pesara itu dan memberitahu Hakim Majistret. Nasib baik juga Majistret itu ada simpati. Berperikemanusiaan atas perkara ini dan akhirnya berilah pesara itu bayar RM50 sebulan. RM50 sebulan. Inilah cara-cara begitu zalim. Begitu *oppressive* Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menuntut cukai. Oleh itu saya harap walaupun *you are desperate for money not put to this extent*. Bersimpati kepada rakyat jelata.

Isu ketiga yang saya ingin sebut adalah mengenai RM1 bilion yang diumumkan untuk memperbaiki sekolah-sekolah daif di Sarawak. Yang diminta ini RM1 bilion untuk satu tahun. Akan tetapi yang diberi itu RM1 bilion untuk dua tahun. Yang diberi dalam masa dua tahun. Kalau kita tengok baik-baik, baca baik-baik, RM1 bilion ini bukan untuk 2018 tetapi akan diberi dalam tahun 2018 atau 2019. Saya pun tidak faham. Tadi saya dengar ada Yang Berhormat daripada Sarawak memuji-muji dan mengatakan terima kasih atas budi baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan peruntukan itu tetapi apa yang disebutkan oleh Menteri di Sarawak, *RM1 billion not enough*. Ini mereka main. Menteri yang menjaga pendidikan, satu kementerian yang baru di tahap negeri. Dia kata *RM1 billion not enough. We need RM4 billion* untuk memperbaiki sekolah-sekolah dalam keadaan daif di Sarawak.

Ini masalah. Saya dengar beberapa orang daripada Sarawak yang ada mengambil bahagian dalam perbahasan. Langsung tidak ada seorang pun yang menyebut apa yang disebutkan oleh Menteri di tahap negeri. Saya pun tidak faham. Saya pun tidak faham, di Sarawak kata satu bahan tetapi sampai ke Parlimen di mana kalau ada permintaan peruntukan harus disampaikan dalam Dewan ini. Mereka tidak buat bising tetapi

Menterinya *act as a hero in Sarawak. This is not enough. We need more.* Oleh itu saya serulah, saya ingin menyampaikan satu kenyataan, *facts on the ground.* RM1 bilion untuk memperbaiki sekolah-sekolah daif di Sarawak ini amatlah tidak mencukupi dan kita perlukan *RM4 billion as stated by the Minister.*

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin menyebut tentang *oil and gas royalty* yang permintaannya 20 peratus yang dituntut oleh negeri Sarawak. Setiap kali sidang, saya ada buat satu soalan dan tiap-tiap kali soalan itu ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat beberapa tahun lalu, kerana alasan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menolak soalan saya adalah kerana ia terlibat dalam satu kes mahkamah. Itu *sub judice.* Saya ada minta Tuan Yang di-Pertua untuk memberi nama kes itu. Sebutan *case citation.* Tuan Yang di-Pertua pun ada janji hendak beri saya *case citation* itu di mana ada yang menyebabkan tuntutan 20 peratus *oil and gas royalty* itu adalah *sub judice.* Akan tetapi sampai hari ini saya belum terima *case citation* itu dan diberi oleh Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya haraplah Tuan Yang di-Pertua boleh beri saya *case citation* itu kerana ini sidang yang terakhir untuk *this term.* Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepanggar.

#### 4.27 ptg.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2018. Saya ingin menyampaikan hasrat dan rasa berterima kasih rakyat Sabah khususnya rakyat Parlimen Sepanggar yang saya wakili kepada Perdana Menteri yang telah menyediakan bajet yang inklusif, seimbang, dinamik dan mempunyai kekuatan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara di samping memberi banyak manfaat kepada rakyat dari semua golongan dan peringkat usia bermula daripada bayi hingga kepada melakar masa depan generasi muda melalui pelbagai inisiatif dan insentif.

Bajet berjumlah RM280.25 bilion yang terbesar dan terbaik dalam sejarah negara. Yang Amat Berhormat Pekan telah berjaya dan mampu membuktikan bahawa transformasi negara yang diperkenalkan sejak 2009 hingga kini terbukti mampan, berjaya mengapungkan ekonomi negara pada paras empat hingga 5.4 peratus dalam jangka waktu yang panjang sejak menerajui kerajaan. Mengawal inflasi di paras kurang daripada tiga peratus dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengenali Yang Amat Berhormat Pekan sejak tahun 1991 dan sejak itu tetap bersama Yang Amat Berhormat Pekan walaupun ada kalanya mengharungi badai dan taufan. Saya masih ingat di mana Perdana Menteri pada tahun

2009 mengarahkan UMS untuk membuat kajian sosioekonomi Sabah dan apa sebenarnya yang rakyat Sabah mahukan. Maka hasil daripada kajian tersebut, pastinya menjadi asas pertimbangan Yang Amat Berhormat Pekan dalam menyediakan pelan pembangunan Sabah termasuklah *Pan Borneo* yang bukan sahaja menghubungkan Sabah dan Sarawak malah yang terpenting sebagai *connectivity* di antara bandar dan semua daerah di Sabah baik barat ke timur ataupun selatan ke utara. Apabila jalan penghubung ini siap sepenuhnya, sudah pastinya akan meningkatkan sosioekonomi rakyat Sabah.

■1630

Saya mengambil maklum tentang semangat rakyat Sabah masa kini yang ingin memperjuangkan Perjanjian Malaysia 1963 bersama-sama dengan Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia. Perdana Menteri sudah pun memberi respons dan ikrar semasa sambutan Hari Malaysia di Sabah bahawa Putrajaya mendengar, meneliti dan berjanji akan menunaikan permintaan Sabah dan Sarawak yang munasabah.

Pendekatan Yang Amat Berhormat Pekan dalam isu ini terbukti melalui agihan peruntukan tahun 2018 di mana Sabah mendapat hampir 10 peratus daripada RM46 bilion bajet pembangunan.

Saya amat terharu apabila Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan bahawa pisau di tangan kita, mentimun di tangan kita, terpulanglah kepada kita. Kita hiris halus, maka haluslah ia. Kita hiris tebal, maka tebalah jadinya. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Pekan kerana menggunakan kuasa yang ada untuk membela rakyat pelbagai cara dan kaedah bermula daripada bayi hingga kumpulan B40, M40, peniaga, penjaja, nelayan, petani, fakir miskin, imam, ketua kampung hinggalah kepada pelajar. Juga, memberikan potongan cukai dua peratus di mana rakyat boleh berbelanja lebih di antara RM300 hingga RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, RM300 kepada rakyat yang miskin amat besar ertinya. Samalah juga yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini iaitu *if you are in power, you are powerful. If you don't use your power, you are bloody fool*. Bertitik tolak daripada itu, saya ingin menyatakan bahawa rakyat Parlimen Sepanggar majoritinya masih utuh dan sentiasa bersama Perdana Menteri dan Barisan Nasional... [Tepuk]

Justeru itu, saya harus membawa permintaan rakyat yang cintakan keamanan, kedamaian dan kerancakan pembangunan. Rakyat Sepanggar tidak teruja oleh polemik politik tetapi mereka lebih teruja kepada kepesatan pembangunan moden, penemuan sains dan teknologi, ingin menikmati kehidupan yang lebih selesa dan terjamin, baik dari segi sosial mahupun ekonomi. Mereka ingin menikmati kehidupan lestari yang mampu bersaing dalam suasana ekonomi yang kian mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Sepanggar juga menempatkan Pelabuhan Sepanggar dan Taman Perindustrian Kota Kinabalu juga di Sepanggar. *Sepanggar Port* memainkan peranan sebagai *container port* yang utama berfungsi sebagai pemangkin

kepada aktiviti ekonomi negeri Sabah, bertindak menyediakan infrastruktur untuk eksport bahan-bahan keluaran daripada KKIP.

Justeru itu, saya cadangkan agar Kerajaan Pusat membantu kerajaan negeri untuk membangunkan satu kawasan memproses hasil marin ataupun hasil laut yang mengambil konsep ataupun model seperti *bonded warehouse* dan juga *free trade zone*. Saya perhatikan nelayan-nelayan asing seperti nelayan dari China yang menangkap ikan di Laut China Selatan, mereka akan membawa hasil pulangan mereka balik ke China yang mana lebih jauh berbanding dengan Sabah ataupun jelasnya di Sepanggar.

Justeru itu, adalah molek sekiranya kerajaan dengan kerjasama kerajaan negeri membangunkan satu kawasan dikhususkan untuk nelayan-nelayan asing ini untuk memproses hasil tangkapan mereka untuk tujuan *re-export* sama ada ke China, ke Jepun, ke Taiwan dan sebagainya. Mereka ini tidak boleh keluar dari kawasan eksklusif yang diperuntukkan dan mereka akan menurunkan hasil tangkapan ikan dan membeli keperluan minyak, air dan barang-barang lain dan selepas itu mereka boleh keluar ke laut.

Oleh sebab itu, kaedah ini perlu kerjasama daripada Kementerian Kewangan, Kastam, Jabatan Perikanan dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Dengan terbangunnya industri pemprosesan ikan ini, pastinya akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di samping mewujudkan sistem vendor untuk membekalkan barang-barang keperluan oleh kilang-kilang yang akan dibangunkan di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh satu tahun ini, saya lebih banyak melawat rumah ke rumah dalam kawasan saya. Pada saya, usaha begini lebih berkesan berbanding program-program lain. Dalam lawatan ini, saya dapat mendengar rintihan dan permintaan rakyat bawahan. Berbagai-bagai isu dibangkitkan oleh rakyat bermula daripada soal kenaikan kos sara hidup hinggalah kepada isu-isu pembangunan sosioekonomi. Maka dapatan saya menunjukkan rakyat lebih berminat kepada isu-isu lokal yang berkaitan dengan kehidupan sosial harian mereka.

Selain daripada kos sara hidup, rakyat juga menzahirkan kebimbangan berkaitan masa depan anak-anak mereka terutama sekali peluang pekerjaan. Melihat kepada jumlah graduan yang menganggur, setakat 19 Ogos 2017 iaitu sebanyak 22 peratus daripada jumlah graduan yang tamat pengajian pada tahun 2016. Jurusan yang mempunyai jumlah pengangguran yang tertinggi ialah pengurusan perniagaan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, seni dan sains sosial. Ini berdasarkan laporan Kementerian Pengajian Tinggi. Inilah yang membimbangkan ibu bapa.

Justeru itu, kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi perlulah mengkaji dan meneliti sistem pendidikan kita supaya ia sesuai dengan pasaran yang di luar sana. Memanglah pada Bajet 2018, kerajaan menawarkan 20 peratus potongan kepada graduan-graduan ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, graduan ini masih menganggur. Mereka belum mampu untuk membayar hutang mereka. Kadang-kadang apabila saya

menggunakan *Uber* ataupun *Grab*, apabila saya berkomunikasi dengan pemandu itu, saya dapati mereka ini kebanyakannya terdiri daripada graduan-graduan yang menganggur.

Saya juga menerima banyak permohonan membaiki rumah, jalan kampung dan ameniti sosial seperti jambatan dan dewan. Sehubungan itu, saya mohon Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menimbang untuk meluluskan 100 buah lagi rumah PPRT di kawasan Parlimen Sepanggar untuk tahun depan, menaik taraf jalan-jalan kampung seperti Kampung Ngungun, Kampung Gudon, Kampung Tempulan, Kampung Sorsogon, Kampung Sukang Mapai, Kampung Bambang, Kampung Tiang Lama, Kampung Membawang, Kampung Pulutan dan Kampung Togong.

Demikian juga bekalan air luar bandar. Pada awal tahun ini, saya telah mengajukan pertanyaan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tentang bekalan air paip, air bersih untuk jajaran Kampung Kokol dan Kampung Poring-poring. Saya dimaklumkan bahawa projek bekalan air sejumlah RM85 juta telah pun diluluskan dan pelaksanaannya menunggu tender.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, bila agaknya projek ini dapat dijalankan? Adakah ia boleh dimulakan tahun hadapan ataupun bila?

Kita bersyukur bahawa bajet ini memperuntukkan jumlah yang besar kepada Kementerian Kesihatan. Justeru itu, saya mohon Kementerian Kesihatan untuk menimbang supaya Klinik Kesihatan Menggatal itu dinaiktarafkan menjadi sebuah hospital kerana mengambil kira kepadatan penduduk dan pembangunan yang pesat di kawasan Menggatal. Sudah tentunya sudah sampai masanya Kementerian Kesihatan menaik taraf klinik kesihatan ini menjadi sebuah hospital.

Saya berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan dan juga KEMAS yang telah menubuhkan KOSPEN. KOSPEN adalah salah satu daripada medium untuk kita mendekati rakyat khususnya dalam memberi penjelasan, penerangan mengenai dengan penyakit yang tidak berjangkit. Di kawasan saya, KOSPEN begitu aktif. Oleh sebab itu, saya mohon Kementerian Kesihatan menambah peruntukan kepada KOSPEN kerana KOSPEN adalah satu agensi sukarela yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Begitu juga saya mohon kepada Kementerian Pendidikan yang diberikan peruntukan sejumlah RM1 bilion tahun depan untuk menyelesaikan isu sekolah-sekolah daif.

■1640

Dalam lawatan rumah ke rumah saya juga melawat sekolah. Saya melawat SK Gudon, SK Unggun, SK Rampaian, SK Tombongon, SK Siti Hafsah, SK Likas dan SK Kokol. Keadaan sekolah-sekolah ini amat daif. Di setengah-setengah sekolah kerusi meja pun tidak cukup dan sesetengah sekolah memohon untuk dibina dewan terbuka. Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya pejabat Parlimen Sepanggar telah bersetuju untuk membina beberapa dewan terbuka di dalam beberapa buah sekolah. Namun atas Kehendak Pengarah Pendidikan Negeri Sabah hasrat itu tidak dapat dilaksanakan. Ini

kerana ianya melibatkan harta benda kementerian, sudah pastinya ada prosedur-prosedur tertentu yang harus diikuti.

Justeru itu, saya mohon pihak Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan isu sekolah-sekolah daif ini. Fenomena cuaca global yang tidak menentu di Sabah khususnya Pantai Barat Sabah di landa ribu yang mengakibatkan banjir kilat dan kerosakan harta benda. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 12 buah rumah di dalam kawasan saya terlibat dengan tanah runtuh, 79 buah rumah lagi mengalami kerosakan yang teruk, jalan raya terputus di beberapa buah kampung. Bencana alam ini tidak dijangka namun rakyat memohon simpati kerajaan supaya menyediakan bantuan khusus membaiki rumah. Lazimnya Jabatan Kebajikan akan memberikan sumbangan di antara RM500 hingga RM2,000 untuk setiap mangsa bergantung pada keadaan.

Saya mohon Jabatan Perdana Menteri khususnya MKN untuk menimbang dan mencari jalan bagaimana untuk membantu mangsa-mangsa ribut yang daif ini. Saya juga teruja mendengar harga Musang King mencecah RM200 sekilo. Sepanggar merupakan satu kawasan pertanian yang banyak tanaman buah-buahan seperti durian. Justeru itu, saya mohon pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjadikan Parlimen Sepanggar ini sebagai salah satu pusat pengeluar durian Musang King dengan memberikan benih dan bantuan-bantuan teknikal, nasihat bagi menjayakan program penanaman Musang King ini.

Kepada pihak JKR, rakyat Sepanggar teruja mendengar pengumuman yang dibuat oleh Menteri EPU baru-baru ini yang meluluskan pembinaan *flyover* jajaran Jalan Pintas Sulaman ke Indra Permai dengan kos RM480 juta. Ini akan mengelakkan kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Sulaman. Soalan saya bilakah projek ini dapat dilaksanakan dan saya juga ingin tahu sama ada RM480 juta ini dimasukkan dalam bajet Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya ataupun dimasukkan dalam sebahagian daripada RM1 bilion yang diperuntukkan untuk projek *Pan Borneo* ataupun EPU menyediakan peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyampaikan hasrat rakyat Sepanggar kepada Kementerian Sumber Asli supaya menyejajarkan rancangan tambatan banjir Lembangan Menggatal dan Bandar Sierra. Saya difahamkan melalui mesyuarat bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah bahawa peruntukan sebanyak RM56 juta sudah pun diluluskan dan kontraktor sudah dilantik. Dalam mesyuarat tersebut, saya difahamkan projek itu akan bermula pada bulan Jun tahun 2017. Namun sehingga hari ini nampaknya projek masih lagi belum dilaksanakan.

Saya mohon supaya projek itu jangan ditangguhkan dan diteruskan kerana kawasan pekan Menggatal dan juga kawasan di bawah termasuklah kawasan UMS itu selalu berdepan dengan banjir kilat. Jadi dengan adanya projek RTB ini ianya pasti akan mengatasi masalah banjir. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Pekan yang telah memberikan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk Sabah dan Sarawak bagi



pelaksanaan infrastruktur internet di negeri Sabah. Sudah pastinya pengumuman ini dialukan oleh rakyat Sabah dan mendapat sambutan yang baik kerana dengan terbangunnya infrastruktur pembinaan internet ini pastinya akan memberi kemudahan untuk rakyat mendapat akses yang lebih meluas.

Justeru itu, saya mohon kepada kerajaan supaya menimbang untuk memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat yang berasal daripada Sabah sahaja untuk melaksanakan projek pembinaan infrastruktur ini. Seperkara lagi untuk saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa angka kedatangan pelancong ke Sabah telah meningkat sejak 2002 hingga 2016 dengan jumlah pelancong seramai 36 juta orang melawat negeri Sabah dengan pulangan hasil sebanyak RM66 bilion. Sehubungan itu, saya memohon Kementerian Pelancongan untuk mempromosikan Sabah khususnya Sepanggar dalam program kementerian terutama Tahun Melawat Malaysia 2020 nanti.

Dalam Parlimen Sepanggar banyak tempat-tempat menarik yang boleh dipromosikan seperti Masjid Bandaraya yang terletak di Likas di mana ratusan pelancong daripada China, Taiwan dan Jepun melawat Masjid Bandaraya ini pada setiap hari. Saya mohon supaya Kementerian Pelancongan memberikan bantuan *One-Off* kepada Kementerian Pelancongan Sabah untuk membangunkan dataran kejut di sekitar masjid bandar raya itu supaya memberi kemudahan kepada pelancong terutama sekali di masa hujan termasuklah membina *parking*, tandas awam dan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Selain daripada itu, di kawasan Parlimen Sepanggar juga banyak tempat-tempat menarik seperti air terjun di Bukit Kokol, di Kuala Sunan yang mana ada juga hotel-hotel bajet dan keadaan cuacanya lebih sejuk, redup seperti mana Kundasang, Ranau.

Jadi saya mohon supaya pihak kementerian juga memasukkan beberapa tempat yang menarik di kawasan Parlimen Sepanggar ini sebagai salah satu produk untuk pelancong datang menjelang tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan bangunan Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu di Menggatal dalam kawasan Parlimen Sepanggar masih lagi dinanti-nantikan. Sehubungan dengan itu, saya memohon supaya Jabatan Perdana Menteri melihat perkara ini dan menyejajarkan pembinaan Mahkamah Anak Negeri ini kerana mahkamah ini adalah simbol keagungan bumiputera negeri Sabah.

Kesimpulannya Bajet 2018 sememangnya ibu kepada semua bajet seperti yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Pekan. Jelas sekali bajet ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk membawa negara ini menuju negara maju dan berpendapatan tinggi. Dengan itu Yang Berhormat Sepanggar menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu. Ya, tadi Yang Berhormat Bandar Kuching lepas itu saya bagi Keadilan, selepas itu saya bagi Yang Berhormat Beruas. Ya.

**4.47 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur saya dapat berpeluang untuk menyertai pembahasan bajet ini.

Secara rasmi saya juga ingin maklum kepada Speaker daripada minggu pertama saya tidak dapat menghadiri Parlimen kerana dipaksa bercuti di penjara selama sebulan dan saya amat bertuah dan bersyukur dapat sempat dibebaskan untuk menyertai pembahasan ini dan menunaikan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat. Dalam sebuah demokrasi yang kita lihat subur dan sihat kita sepatutnya- demokrasi itu bermaksud bertoleransi kepada pihak-pihak yang berbeza pendapat dan juga mengkritik pihak berkuasa.

Itulah semangat kita menggubal bajet di negara kita sebuah negara yang mengamalkan sistem bukan sistem perancangan memusat atau *centralized planning system*. Itu sebab Dewan ini kita mempunyai peluang untuk membahaskan sesuatu yang telah di bentang oleh pemerintah dan pemerintah juga menggunakan kesempatan ini untuk mendengar daripada semua pihak untuk menepati sebuah perancangan ekonomi yang boleh mendatangkan manfaat yang maksimum kepada semua lapisan masyarakat. Ini saya rasa kita rasa kesal oleh sebab walaupun Malaysia sudah mengamalkan kononnya demokrasi selama setengah abad dan hampir setiap kali bajet dibentangkan ataupun belanjawan dibentangkan, jarang kita dapat input yang positif daripada pihak yang bukan memihak kepada pemerintah.

**■1650**

Ini sedikit sebanyak telah dicerminkan dengan pengalaman saya yang terpaksa membelanjakan satu bulan di dalam penjara. Saya ambil kesempatan ini juga menegaskan bahawa akibat daripada pendirian saya dalam penglibatan perhimpunan BERSIH, saya dihukum dan dipenjarakan. Bukan kerana sebarang kesalahan rasuah, menyeleweng atau memecah amanah terhadap rakyat.

Setahu kita, kita juga tengah membahaskan persempadanan semula dan isu sistem pilihan raya yang lebih adil dan telus. Ini adalah satu prinsip yang agak penting dan mustahak, kerana tanpa sistem pilihan raya yang adil, sudah tentu kita tidak akan melahirkan sebuah pemerintah yang adil dan menepati impian rakyat.

Saya juga hanya ingin mengambil sedikit masa sahaja kerana apa yang dilakukan oleh pihak pemerintah dalam sistem persempadanan semula tidak beza dengan cara kita gubalkan bajet. Kita bentangkan, selepas itu tidak ada siapa-siapa yang boleh ubah satu titik- *full stop* atau koma pun kerana dengan adanya majoriti, pihak pemerintah dapat putus apa-apa sahaja. Ini adalah satu *precedent*, satu langkah yang sangat berbahaya kerana kalau kita membenarkan satu sistem pilihan raya kita dikuasai sepenuhnya oleh pemerintah, akhirnya yang rugi bukan sahaja rakyat dan pihak pembangkang tetapi parti-

parti pemerintah sendiri dan individu-individu dalam pihak yang berkuasa juga akhirnya akan menimpa bencana kerana sistem kita telah diseleweng.

Saya ambil satu contoh sahaja. Baru-baru ini sahaja kita lihat bajet negara telah digunakan untuk mendirikan empat kem tentera di Parlimen Segamat, Bera, Bagan Datuk dan Pagoh. Apa yang menarik ialah keempat-keempat kawasan Parlimen ini, kita tidak dapati apa justifikasi yang kukuh kenapa tentera diperlukan di Segamat, Bera, Bagan Datuk dan di Pagoh. Apakah justifikasi keselamatan negara dengan membelanjakan wang Ringgit yang berjuta-juta untuk mendirikan kem tentera di keempat-empat Parlimen ini?

Ini telah disyaki oleh pihak kami di sini ada kaitan dengan undi pos yang akan dialih dalam pilihan raya yang akan datang. Inilah satu amalan yang sangat tidak sihat oleh sebab sumber negara digunakan untuk kepentingan politik. Itulah sebab saya dan rakan-rakan saya di sebelah sini menyeru supaya pihak yang insaf di sebelah sana juga bersuara untuk menentang persempadanan dan rancangan menggubah satu sistem pilihan raya yang tidak adil ini.

Saya ingin sedikit juga menyentuh pengalaman saya kerana saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kakitangan penjara yang telah memberi jagaan yang baik kepada saya semasa saya duduk di dalam. Pada masa yang sama, dengan pengalaman saya berinteraksi dengan mereka, saya ingin membawa sedikit suara daripada pegawai kerajaan termasuk pihak Jabatan Penjara.

Pertama ialah ramai di kalangan mereka yang beruniform, baik pun bomba, pegawai penjara, polis atau angkatan tentera, merekalah dari segi kondisi pekerjaan, *work condition*, mereka adalah di dalam keadaan yang paling teruk. Kalau kita kata kerja yang *3D* ini kita bagi kepada pekerja-pekerja asing, sebenarnya kakitangan beruniform itulah yang menghadapi dengan *3D*. Kita juga lihat bencana alam yang ada seperti banjir dan sebagainya, barisan pertama yang menghadapi segala risiko ini adalah pegawai beruniform.

Inilah sebab mereka rasa agak kecewa dalam bajet ini. Tidak ada *adjustment* terhadap gaji mereka. Tidak ada bonus. Bonus tidak sampai sebulan pun. Saya rasa agak terkejut kerana saya jangka sekurang-kurangnya satu bulan bonus harus diumumkan untuk pegawai-pegawai yang bergaji rendah ini. Ini juga harus diakui bahawa kerana kenaikan sara hidup yang sekarang ini, kita harus memahami bahawa semua pekerja-pekerja baik pun swasta ataupun awam yang bergaji rendah, mereka sengsara dalam keadaan ini. Saya juga kecewa kerana walaupun kita lihat banyak *handouts* diumumkan tetapi tidak ada *reform* yang sistematik untuk membantu meningkatkan pendapatan orang awam dalam ekonomi kita.

Bajet ini adalah sebenarnya bukan sahaja satu *chart sheet* untuk menunjukkan pendapatan negara dan juga perbelanjaan. Kita mempunyai bajet ini bermaksudnya dia harus ada strategi. Kita telah lihat perbelanjaan untuk *development*, untuk pembangunan ini, makin merosot. Kita adalah negara membangun. Daripada dulunya separuh daripada

bajet kita digunakan untuk pembangunan, kini hanya cuma tinggal 17 peratus sahaja. Kita membelanjakan banyak dalam *administration*. Ini sangat tidak membantu dari segi jangka panjang. Kalau kita hanya menggunakan sedikit gula-gula *handout* untuk memberi kepada golongan-golongan tertentu tetapi tidak ada strategi.

Kita lihat kalau dalam keadaan kelembapan ekonomi sekarang, R&D dan *job creation* untuk menjanakan lebih banyak peluang pekerjaan ini kurang. Kita tidak ada lihat dalam bajet ini sebarang peruntukan untuk industri kecil dan sederhana. Kita tidak lihat bantuan kepada sektor-sektor strategik yang diumumkan sendiri oleh pihak kerajaan yang mengatakan dalam berpuluh tahun ini kita telah pernah umum bahawa kita hendak jadi *Islamic banking hub*, kita hendak jadi *e-commerce hub*, kita hendak jadi *IT hub*, *regional oil and gas* dan kita hendak jadi *logistic hub*. Semua ini yang telah diumumkan oleh kerajaan yang sepatutnya didukung oleh seluruh rakyat tetapi bajet Barisan Nasional sendiri tidak mendukung inisiatif-inisiatif ini.

Ini adalah kelemahan yang sangat penting, harus diambil maklum oleh pihak yang membentangkan bajet ini. Kalau kita katakan inilah ibu segala bajet, janganlah kita menafikan pembangunan yang sebelum ini. Apa yang kita perlukan ialah, secara jujur, kita membuat evaluasi, apakah kegagalan kita dan kelemahan kita pada masa yang lampau untuk membaiki dan kita *build on the success of the past*. Akan tetapi akhirnya kalau kita dengan propaganda mengatakan inilah bajet yang terbaik sekali untuk zaman yang dulu, kita bukan sahaja menafikan pencapaian sendiri tetapi kita juga menafikan sumbangan orang-orang lama yang sebelah sana.

#### ■1700

Saya ingin menggunakan sedikit masa, juga menegaskan bahawa sebuah kerajaan yang menunjukkan sokongan kepada rakyat ini bukan sahaja dengan janji-janji, tetapi komitmen untuk mengotakan janji itu adalah sangat penting. Kredibiliti sebuah kerajaan itu adalah dibina atas sikap yang telus. Jarang kita lihat dalam keadaan sebuah negara yang demokratik ada sesiapa yang mengkritik kerajaan dan berbeza pendapat, berbeza falsafah politik dengan kerajaan yang akhirnya terpaksa dimasukkan dalam penjara. Inilah memberi satu imej yang negatif kepada sistem demokrasi kita. Sebaliknya, mereka yang memecah amanah, yang tidak mematuhi undang-undang dan telah menyeleweng dan membazirkan berjuta-juta, berbilion-bilion wang rakyat ini, mereka dilepaskan begitu.

Selama ini, pihak pembangkang banyak kali membangkitkan pelbagai isu rasuah. Saya tidak ada masa untuk masuk secara detil, tetapi kerajaan tidak boleh membuta dan juga memekak dalam semua seruan ini. Ini adalah peranan kita. Jangan kita *dismiss* hanya kerana kita bukan dalam satu pihak yang sama. Akan tetapi, dunia dan rakyat juga ingin melihat bagaimana keberkesanan kerajaan dan agensi kerajaan yang kini makin dicemari oleh pelbagai skandal. Lebih skandal-skandal ini sudah menjadi buah mulut rakyat yang untuk digunakan sebagai satu gambar yang dicakap dalam di kedai kopi, tetapi tidak akan

terjemahkan menjadi tindakan. Ini lama-lama rakyat pun jadi *cynical* dan rakyat juga hilang minat untuk menyertai dan menunjukkan keprihatinan mereka terhadap isu-isu politik.

Saya ingin tegaskan sekali lagi, isu yang saya pernah bawa selain daripada 1MDB, di mana kita telah lihat kerajaan tidak menunjukkan kesungguhan untuk menyiasat dan untuk membawa orang-orang yang terlibat itu disiasat oleh pihak yang berkenaan. Saya juga ingin ingatkan isu kapal selam yang kini telah bermula perbicaraan dan termasuk seorang rakyat Malaysia yang merupakan orang tengah dan juga menjadi konsultan kepada pembelian kapal selam ini, kini telah didakwa kalau dengan isu yang lebih tepat, dia adalah *indictment*. Jangan kita mainkan sentimen bahawa *indictment* itu bukan pendakwaan. *Indictment* itu dalam sistem penghakiman di Eropah itu bermaksud ia didakwa.

Jadi, kita dalam undang-undang SPRM telah nyatakan sesiapa yang didakwa di luar negara atau disiasat atas isu-isu rasuah, ada kewajipan untuk agensi SPRM untuk juga menyiasat dan menyediakan kertas siasatan dan pendakwaan. Sehingga sekarang, sungguhpun kes ini sudah lama dan banyak kontroversi dan banyak skandal yang melibatkan pemimpin-pemimpin tertinggi di negara, sehingga sekarang kita tidak ada tindakan.

Ini juga berkaitan dengan seorang lagi yang telah melepaskan diri daripada hukuman mati yang kini berada di Australia. Saya ingin tahu, apakah tindakan yang telah diambil supaya mereka ini dibawa kepada *in brought to justice*.

So saya akhir sekali, saya cuma ingin ulang sekali lagi, apakah tindakan kerajaan yang lebih berkesan untuk meringankan beban daripada kakitangan kerajaan. Dengan isu yang sangat *topical* untuk mengakhiri ucapan saya, ialah kita harus mengakui bahawa perubahan iklim itu adalah suatu realiti. Kita tidak perlu lagi kita menunjuk jari kepada sesiapa. Kita telah lihat baik pun Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, ia tidak kesah siapa yang memerintah. Akhirnya, perubahan iklim dunia ini telah mengakibatkan kita tidak boleh *predict*. Kita tidak boleh jangka bagaimana bencana ini akan berlaku. Baik pun gempa bumi atau banjir atau ribut taufan. Saya ingin seru kepada kerajaan, jangan kita reaktif sahaja. Sungguhpun kerajaan negeri juga memainkan peranan tetapi akhirnya, kita harus mengetepikan perbezaan negeri atau pusat, parti-parti politik dan mengadakan satu skim yang lebih berkesan.

Saya ingin merujuk kepada apa yang telah berlaku di Louisiana semasa *hurricane* berlaku. Presiden Obama telah menandatangani satu pakej yang membantu bukan sahaja dari segi skim *flood mitigation* dan juga harus bantuan kepada kerajaan-kerajaan tempatan dan juga individu-individu yang telah ditimpa oleh kemalangan begitu. Kita tahu kerja bantuan bencana ini memang dijalankan oleh pihak tentera atau JPAM, itu untuk *immediate*. Akan tetapi selepas apa yang berlaku, banyak kerugian harta benda dan ekonomi itu harus dipulihkan. Saya seru kepada kerajaan supaya menyediakan *loan* atau

menyediakan bantuan untuk membolehkan sesiapa mangsa ini dapat memulihkan hidup mereka dan juga taraf ekonomi mereka melalui bantuan yang lebih berkesan.

Dengan ini, saya sekali lagi ingin menyatakan pendirian saya bahawa oleh sebab terdapat banyak lagi kelemahan dan kekurangan dalam bajet ini, pihak kami tidak dapat menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

#### **5.08 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:**Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan bajet kali ini, Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana melibatkan semua kumpulan walaupun tidak menyenangkan hati sesetengah pihak.

Pertama saya hendak membahaskan dari segi Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya ingin menyentuh peruntukan perbelanjaan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu sebanyak RM13.89 bilion pada tahun hadapan. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 12.7 peratus berbanding pada tahun ini iaitu sebanyak RM12.13 bilion. Peruntukan yang diberikan ini juga merangkumi peningkatan 13.63 peratus kepada belanja mengurus dan 11.36 peratus kepada belanja pembangunan.

Kesungguhan kerajaan dalam menambah peruntukan kepada kementerian ini membuktikan wujudnya keyakinan yang tinggi ke atas pentadbiran pengurusan kementerian yang ketika ini mencipta lebih banyak kejayaan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini membuktikan keupayaan institusi pendidikan tinggi kita mampu digembleng dengan cukup baik walaupun tahun ini umum mengetahui peruntukan yang diberikan adalah berkurangan sebanyak 9.3 peratus berbanding tahun sebelum iaitu tahun 2016.

Akan tetapi dalam menghadapi Revolusi Industri Keempat, kerajaan tampaknya semakin yakin dengan keupayaan kementerian ini dengan menambah peruntukan sebanyak 12.7 peratus dalam memastikan lebih banyak kejayaan dapat dicapai.

#### **■1710**

Tahun ini sahaja, walaupun berlakunya pengurangan peruntukan, Kementerian Pengajian Tinggi berjaya menempa sejarah buat pertama kalinya kedudukan ranking semua universiti awam bertambah lebih baik dengan ranking universiti penyelidikan berada pada kedudukan yang cukup membanggakan iaitu daripada 26,000 universiti di seluruh dunia, Universiti Malaya meningkat 19 anak tangga ke kedudukan 114 terbaik di dunia, diikuti UPM di kedudukan ke-229, UKM di kedudukan ke-230, UTM di kedudukan ke-253 dan USM di kedudukan 264 terbaik di dunia.

Idea memastikan kejayaan demi kejayaan dapat terus dicapai melalui slogan “*Soaring Upwards*” dibuktikan lagi dengan pengenalan pelbagai kaedah pedagogi yang

seiring dengan *blueprint* Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 atau PPPM(PT).

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah rahsia di sebalik slogan “*Soaring Upwards*” yang diperkenalkan sejak dua tahun yang lalu, tahun 2015 dan bagaimana ia berkeupayaan merubah sistem pendidikan tinggi negara hinggakan dicontohi universiti-universiti luar negara dan diiktiraf antara yang terbaik di dunia? Saya bertanya perihal slogan ini kerana ia kini telah menjadi penanda aras kepada usaha berterusan IPT dalam negara untuk bersaing secara sihat sesama sendiri hinggakan satu demi satu kejayaan ditempa daripada kedudukan ranking hingga ke kejayaan atlet di kalangan mahasiswa dalam Sukan SEA baru-baru ini.

Saya juga ingin bertanya mengenai istilah UMAR yang diambil sempena nama Khalifah ar-Rasyidin yang ketiga iaitu Sayidina Umar Al-Khattab. Nama UMAR kini sentiasa terpampang di kaca televisyen dan di media-media cetak bahkan menjadi sebutan oleh semua pelajar universiti. Apakah itu UMAR? Bagaimana kementerian menggunakan pendekatan UMAR dalam memastikan institusi pendidikan tinggi kita dapat terus menempa kejayaan dari semasa ke semasa?

Saya memuji kementerian ini kerana berupaya memainkan peranan-peranannya dengan baik termasuk juga memperkenalkan pelbagai pendekatan baru dalam amalan pedagogi, antaranya termasuk juga memperkenalkan kaedah *Integrated* CGPA iaitu pentafsiran nilai-nilai pelajar yang pertama di dunia dan memperkenalkan kaedah 2U2I iaitu dua tahun di universiti dan dua tahun di industri dalam menyediakan lebih awal kemahiran industri di kalangan pelajar sebelum menjejak kaki ke alam pekerjaan.

Seterusnya saya hendak menyentuh mengenai sektor pertanian. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bajet menyediakan RM6.5 bilion untuk pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak, penoreh dan lain-lain.

Saya suka menarik perhatian soal getah. Walaupun ada insentif RM200 selama tiga bulan mulai daripada November ini, Disember hingga bulan Januari, sehingga hari ini kita merasakan harga getah masih lagi tidak stabil. Walaupun saya tahu fokus kerajaan hendak meminta pekebun kecil menoreh getah dengan kaedah *cup lumps* dan paling baru kita buat lateks susu cair, tetapi usaha di pihak kementerian yang telah mewujudkan Lembaga Getah, sama umur dengan saya hampir-hampir 50, 60 tahun, pakar-pakar banyak dikumpulkan, sehingga hari ini *research* di Lembaga Getah ini apa yang memberi pulangan kepada rakyat tempatan? Kan? Kalau kita kata kita boleh saing di peringkat dunia, sekurang-kurangnya Thailand boleh tunjuk dekat kita dia buat tayar *Michelin*. Kita-tayar apa yang kita pasarkan di luar negara yang menggunakan peralatan getah?

Baru-baru ini saya diberi peluang untuk pergi ke negeri Kedah. Ada satu kilang getah— bagaimana ini, saya harap kerajaan hendak mengguna atau tidak? Getah buku dalam tiga hari disisihkan tiga air busuknya untuk buat gula, buat protein. Kemudian getah tadi dijadikan getah keping. Kalau benda ini dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan, saya

percaya harga getah boleh meningkat naik terutama di kawasan Gerik yang hampir 90 peratus bergantung kepada menoreh getah.

Dalam masa yang sama juga, Kementerian Pertanian bukan sekadar memusat aktiviti makro yang besar-besar. Saya percaya kalau di Gerik kita telah melaksanakan padang ragut, bagaimana pihak kementerian, Jabatan Veterinar membantu penternak-penternak lembu, penternak rusa, penternak kerbau dalam skala yang kecil? Kerana yang terlibat ialah mereka peserta kepada kursus Padang Ragut. Kalau kita minta buka lima ekar, ini memerlukan modal yang berjuta-juta.

Pada saya, biarlah rakyat yang terlibat untuk kita ajar mereka tanam rumput padang ragut. Kita cari benih lembu yang lebih murah. Hari ini benih lembu yang kita hendak bawa ke padang ragut pun harga agak tinggi— RM1,500 ke RM2,000. Okeylah, kalau musim raya korban harga lembu korban ini agak tinggi kita jual nyawa sampai RM4,200 seekor lembu untuk korban kerana umurnya lebih daripada dua tahun, tetapi saya melihat ada 13 padang ragut dalam parlimen saya di Gerik, mereka berusaha bersungguh-sungguh, saya impikan dalam tempoh tiga tahun dalam Parlimen Gerik, kami ada lembu lebih daripada 2,000 ekor, kerbau dan paling aktif— beranak cepat ini— ternakan rusa.

Jadi saya berharap dalam bajet kali ini, kerajaan membantu dari segi buat kandang lembu dan juga pagar. Selama ini saya memohon peruntukan daripada Mesra untuk membantu petani-petani tadi. Saya yakin kalau kita boleh bantu dari peringkat bawah yang macam ini, kita dapat memperkasa petani-petani di Gerik di mana boleh buat hari ini, kita tidak *target* dia dapat pendapatan tetap tetapi sebagai penambahan kepada pendapatan penoreh getah. Akan tetapi, saya yakin, sampai ketikanya, kerana lembu dan apa semua ini— keperluan dalam negara boleh mampu tampung cuma 30 peratus— kalau berjaya, mungkin padang ragut tadi boleh memberi pendapatan kepada anak-anak kami yang muda, yang masuk universiti macam Universiti Pertanian balik ke kampung, disediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Sawah padi juga diberi insentif. Ini saya cukup berterima kasih. Tiga bulan RM200, RM200. Akan tetapi saya hendak tanya kepada kerajaan, berapa kali bayar insentif? Sebab, kita tahu padi dua musim— enam bulan, enam bulan. Maksud saya, saya faham saya, makna dua musim, dua kali lah dapat insentif— RM200, RM200. Tiga bulan itu tadi. Minta kerajaan tolong jawablah perkara tersebut.

Begitu juga satu lagi yang saya tengok yang menjadi potensi besar ialah ternakan ikan sungai. Kalau di tempat saya, baung tiada ternak, memang itu pertumbuhan semula jadi. Ikan lampam dan lain-lain ikan, ikan kelah semula jadi. Akan tetapi kementerian kena tengok ke bawah bagaimana kita hendak kan banyak ikan di sungai-sungai yang ada di seluruh, bukan sekadar di Gerik, di seluruh negara supaya ikan sungai menjadi sebahagian daripada pendapatan untuk penduduk-penduduk di luar bandar.



Kalau ikan sungai banyak di Gerik, saya tahu, yang ikan tadi kita buat pekasam. Ada satu tempat di Gerik, namanya Sungai Rui, dataran dia ada ikan loma.

■1720

Ikan loma ini apabila dia musim hujan, air keruh dia naik ke atas untuk lepaskan telur. Akan tetapi sungai tersebut dicemari oleh satu perlombongan. Sehingga hari ini, pihak Jabatan Alam Sekitar tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut. Baru-baru ini rakyat beritahu saya pula penanaman pokok getah dan juga kelapa sawit dilepaskan bahan kimia yang banyak ke dalam sungai. Kalau kita *report* kepada Jabatan Alam Sekitar, dia cuma mengawal di tempat yang ada sahaja. Air yang turun daripada sungai tadi dia tidak peduli. Ada atau tidak ada racun yang menyebabkan ikan-ikan tadi mati.

Di sinilah saya minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar duduk bersama dengan kerajaan negeri kerana semua itu di bawah jabatan, bagaimana kita hendak mengatasi perkara tersebut. Ini kerana saya ada kebimbangan sungai-sungai yang tercemar tadi boleh menghapuskan dari segi ikan-ikan yang ada. Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tambahkan benih ikan buat apa-apa kaedah supaya dapat dilepaskan di sungai untuk menambah ikan-ikan dalam sungai-sungai yang ada. Bukan sekadar di Gerik tetapi di seluruh negara.

Saya beralih kepada pelancongan. Terima kasih juga saya kepada Kerajaan Malaysia kerana memilih tempat saya Royal Belum untuk lawatan Tuanku Charles daripada Britain. Maknanya standard jugalah Royal Belum tersebut dan bersesuaian dengan kehendak kerajaan. Saya melihat dalam Parlimen saya di Gerik untuk masa hadapan bidang pelancongan inilah yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak muda. Saya selalu beritahu kepada orang kawasan, kita wujudkan kampung masing-masing, tunjukkan produk-produk di mana kita ada kawasan pelancongan.

Padang ragut pada saya bukan sekadar untuk ternak lembu tetapi dia juga boleh jadi agropelancongan. Kita tanam, boleh tanam dengan pokok Musang King. Okey, tadi saya terlupa, saya naik ke atas balik kawasan Parlimen Gerik merupakan antara kawasan yang cukup subur untuk ditanam Musang King terutama di Pangkalan Hulu. Setakat ini saya sudah ada 200 hektar untuk tanaman Musang King di Kampung Tasik Siam begitu juga di Kelian Intan. Kelian Intan ini satu tempat Musang King yang paling berkualiti, buahnya kering. Kalau kita tarik satu-satu itu boleh kan? Musang King kan?

Begitu juga di Kuala Rui, maknanya dalam Parlimen saya cuma saya ingin cadangkan kepada kerajaan, berikan baja. Satu, kepada mereka yang sudah tanam pokok Musang King. Kedua, kita ajar penduduk-penduduk kaedah mencantum atau tut pokok durian yang tidak berapa okey kepada jadi pokok Musang King. Walaupun benda ini nampak mudah, tetapi inilah usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh membantu petani di peringkat bawah untuk menambahkan pendapatan. Baru-baru ini saya tahu, Musang King di Gerik harganya kalau ambil di pokok RM70 sekilo. Kalau kita jual, bayangkanlah ada yang RM90 ada yang RM100 kan?

Sambung balik kepada pelancongan di Gerik, saya berharap pihak Kementerian Pelancongan, mana-mana pihak membantu kerana Gerik banyak sejarah yang terkenal di mana mungkin saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan anak Raja daripada London tadi turun ke Royal Belum melihat bagaimana hutan semula jadi yang tidak dicemari boleh dilihat bagaimana. Kadang-kadang saya selalu bising masih ada pemburu haram soal tembak harimau, tembak gajah, tembak itu, tembak ini kan? Akan tetapi, inilah satu-satunya tempat yang selalu saya bagi penekanan supaya dia menjadi satu kawasan yang disenangi, tempat yang semula jadi yang boleh dilawati oleh mana-mana pihak.

Dalam pada itu, saya juga hendak bercakap soal logistik, macam mana Yang Berhormat Lenggong kata, impian saya, supaya di Gerik ada laluan kereta api laju. Satu, jalan kereta api boleh kerajaan bina daripada Kelantan melalui Gerik terus tembus ke Kulim. Satu lagi seperti mana Yang Berhormat Lenggong kata, daripada Kuala Kangsar masuk ke Lenggong pergi ke Gerik terus ke Kulim. Jadi manfaatnya kepada tempat kita boleh menghubungkan antara Pantai Barat dan Pantai Timur di mana saya hendak minta tolong JKR tengok balik jalan daripada Gerik ke Kelantan agak teruk, *accident* tiap-tiap minggu. Hal ini kerana jalannya yang berlopak-lopak tidak pernah diturap semula, tampung sahaja lubang yang ada diletak tar. Seheinggakan *line* putih ini pun tidak ada.

Kalau musim hujan, biasalah bila tidak ada *line* putih boleh mengakibatkan *accident* berlaku. Saya sudah bangkitkan dalam mesyuarat tindakan daerah kononnya ada bajet. Saya berharap tahun 2018, bagilah bajet. Kalau tidak mahu berikan, tar semula sekurang-kurangnya biar *line* putih tadi ada boleh mengurangkan kejadian kemalangan. Kalau berlaku juga kemalangan itu pekerjaan Allah Taala.

Seperti mana— saya ucapkan takziah kepada *Penang* yang berlaku banjir. Gerik pun berlaku banjir. Lenggong pun berlaku banjir. Akan tetapi apabila *Penang* berlaku banjir tidak lama, lima jam hingga tujuh jam. Selalu saya sebut fasal banjir. Kadang-kadang pihak kerajaan tidak peduli bila kita kata banjir yang dua jam hingga tiga jam seolah-olah bukan banjir. Sedangkan banjir ini tingginya sepuluh kaki, dua belas kaki menyebabkan rakyat banyak kehilangan harta benda dan pelbagai. Akan tetapi Allah SWT hendak tunjuk dengan banjir di Pulau Pinang ini kita nampak bagaimana patutnya kita kena tengok apa yang berlaku disebabkan faktor cuaca kejadian yang ditentukan oleh Allah SWT.

Dalam pada itu, saya juga hendak bercakap soal usahawan yang banyak kerajaan bagi bantuan melalui TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dalam masa yang sama kerajaan bagi juga bantuan pada MARA. Saya hendak cadangkan supaya MARA membantu anak syarikat Syarikat Pembangunan Reka Bentuk (FiTEC) dari segi pembungkusan dan juga penjenamaan kerana mereka memang khusus. Kalau tidak FiTEC ini terpaksa cari yang lain. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah lebih tahu dan arif tentang tersebut.

Begitu juga skim pendidikan dan juga anak yang baru lahir saya percaya kita semua kena lahirkan anak boleh dapat RM200 mulai tahun hadapan. Akan tetapi orang muda dia payah hendak kahwin, biar isteri-isteri nombor satu ini dia bagi lepas siapa suami yang mahu kahwin dua kan? Barulah dapat pertambahan rakyat dalam negara. Sokong, tetapi kita takut hendak buat sebenarnya.

Kesimpulannya, minta maaf sedikit sahaja saya. Kesimpulannya ialah kita melihat pihak pembangkang menentang bajet ini. Akan tetapi mereka mempertikaikan soal rasuah pelbagai. Mereka sendiri berkawan dengan mereka yang tuduh rasuah itu macam mana? Tidak rasuah kah mereka? Datuk Seri Anwar Ibrahim masa jadi Timbalan Perdana Menteri macam mana? Jadi saya tidak mahu buat tuduhan. Akan tetapi inilah gambarannya pembangkang mencari salah kerajaan. Akan tetapi saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat untuk semua pihak. Sama ada di kampung, di bandar, Orang Asli, bukan asli semua terlibat dalam perkara bajet tersebut. Dengan ini, saya menyokong bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

#### **5.28 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2018. Tuan Yang di-Pertua, pepatah orang-orang yang bijak, kalau kita belanja untuk yang tidak perlu akan berlakunya kita tidak ada wang untuk yang perlu. Dengan izin, *'If we spend money on that which is not essential or necessary, you will soon discover that you do not have money for that which is necessary'*. Inilah keadaan di mana bajet-bajet telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Selama ini 21 tahun berturut-turut kita bajet defisit. Jumlah hutang telah menjangkau RM685 bilion iaitu bayaran ansuran setiap tahun RM30.88 bilion untuk tahun 2018 iaitu tambahan bayaran hutang sebanyak lebih kurang RM2 bilion kalau berbanding dengan bayaran tahunan 2017.

#### **■1730**

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat, bandingkan jumlah bayaran hutang tahunan dengan jumlah yang diperuntukkan untuk pembangunan. RM30.88 bilion untuk bayaran hutang tahunan, hanya RM46 bilion untuk pembangunan. Ini bermaksud jumlah yang kita bayar untuk hutang ini sudah menjangkau 67.15 peratus. Janganlah kita terus membazir, tidak mentadbir dengan baik hinggakan satu hari nanti generasi akan datang, semua duit yang mereka dapat hanya untuk bayar hutang sahaja. Tidak ada lagi duit untuk pembangunan yang perlu.

Oleh yang demikian, saya merasakan cara bajet ini terus dibentangkan dengan defisit merupakan satu perkara yang merbahaya. Bukan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ini kita nampak masa depan tapi kita sudah pun merasainya sekarang.

Kerajaan ada hasrat bersedia untuk membuat projek-projek mega, belanja berpuluh-puluh bilion seperti MRT, LRT lebih kurang RM80 bilion, ECRL lebih kurang RM55 bilion, *High Speed Rail Kuala Lumpur-Singapore* RM46 bilion, *Malaysia Vision Valley* RM400 bilion dan lain-lain projek. Memang ada yang dalam bajet, ada di luar bajet. Walau bagaimanapun, secara langsung atau tidak langsung, akhirnya semua projek-projek ini kerajaan kena tanggung. Kalau ia tidak berjaya, kerajaan mesti kena selamatkannya. Jadi dengan berbelanja berpuluh-puluh atau ratusan bilion ini, akhirnya kita sekarang nampak kerajaan tidak ada duit untuk yang asas.

Seperti yang tadi Yang Berhormat Gerik katakan, di negeri Perak, jalan raya persekutuan sudah empat tahun tidak diturap, hanya diturap tahun 2013 dan kerajaan negeri pun merajuk kerana tahun 2016 apabila diminta RM136 juta untuk penyelenggaraan 1,619 kilometer jalan persekutuan, hanya RM16 juta diberikan iaitu 12 peratus sahaja. Sehingga 24 Mac 2017, kerajaan negeri mengatakan mereka sudah memohon untuk RM117 juta wang untuk penyelenggaraan jalan raya persekutuan tetapi satu sen belum diberikan pada masa itu. Saya ingin tanya, berapakah jumlah telah disalurkan?

Setahu saya, negara Malaysia belum lagi mencipta satu batu tar yang mukjizat seperti *Japanese miracle pain killer patch* di mana kalau kita guna ini *pain relief patch* Jepun ini, satu, dua kita tampal, seluruh badan selesa. Akan tetapi, kalau jalan raya, perlu diturap semula. Apa yang sedang dilakukan sekarang, mereka hanya tampal *patch road* sahaja. Itu tidak akan menyelesaikan masalah. Kerajaan akan bertanggungjawab kalau kemalangan berlaku, mengikut undang-undang, kalau jalan-jalan raya tidak diselenggarakan dengan baik dan menjadi satu perkara yang merbahaya. Saya berharap Menteri dapat memberi jawapan berapakah jumlah untuk penyelenggaraan jalan raya persekutuan telah dihulurkan kepada negeri Perak.

Kedua, di Daerah Manjung, negeri Perak, tempat pelupusan sampah Sungai Wangi sudah pun ditutup kerana sudah penuh dan Majlis Perbandaran Manjung telah menggunakan tempat pelupusan Teluk Mengkudu sejak tahun 2015 tetapi tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Adakah kemungkinan besar ini satu *illegal dump site*? Sebabnya, kerajaan negeri kata Kerajaan Persekutuan tidak beri peruntukan untuk membina infrastruktur tempat pelupusan sampah ini dan air toksik sampah meresap dan melimpah ke sungai dan ke laut apabila berlaku hujan lebat. Saya mohon dana untuk projek ini.

Di Manjung juga, klinik kesihatan ada 10 ambulans, empat sudah rosak dan dilupuskan, hanya tinggal enam. Hospital Seri Manjung ada enam ambulans, satu sudah dilupuskan, tidak ada ganti. Jadi untuk 250 ribu penduduk, kita hanya ada 11 sahaja ambulans. Jadi, kenapakah duit, wang-wang sedikit ini kerajaan tidak ada?

Keempat, RM60 juta yang dijanjikan kepada Hospital Seri Manjung untuk bangunan baru langsung tidak nampak duit datang. Sudah dijanjikan sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh, sudah kita hampir habis Rancangan Malaysia Kesebelas, minta— mana duit?

Lagi, saya diberitahu bahawa pihak polis sudah ada sewa satu rumah untuk pondok polis di Changkat Jering, Manjung. Akan tetapi, sudah dua tahun dikatakan luluskan secara prinsip, hendak sewa untuk sewa rumah untuk pondok polis Changkat Jering pun tidak ada.

Lagi, di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Manjung, saya dapat aduan *self service* atau mesin layan diri tidak boleh digunakan kerana tidak ada *toner*. Apa sudah berlaku? Lepas sudah banyak aduan baru-baru ini, dikatakan *toner* sudah dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mohonlah kepada kerajaan bagilah dana untuk yang perlu dahulu sebelum kita belanja lagi berpuluh-puluh bilion untuk projek-projek mega.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke satu lagi isu yang lain iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Bagan Serai yang disyorkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Kita tahu bahawa memang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sudah tidak cukup lagi menampung jumlah orang yang datang ke Pulau Pinang. Dianggarkan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah lima juta tapi sekarang sudah ada lebih kurang enam juta orang yang datang.

Bagan Serai hanya 15 minit daripada jambatan kedua ataupun Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Ini sudah dimohon oleh pihak kerajaan— dirancang oleh pihak kerajaan negeri sejak tahun 2010 dan diumumkan dalam media menunggu kelulusan pihak Kerajaan Persekutuan. Projek ini tidak perlukan satu sen daripada kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan. Kenapa ia tidak boleh diluluskan untuk membolehkan negeri Perak ada satu lapangan terbang antarabangsa yang cukup besar untuk orang ramai datang ke negeri Perak untuk menjana ekonomi negeri Perak? Ia boleh juga menolong Pulau Pinang kerana hanya 15 minit sahaja daripada Pulau Pinang.

Projek ini saya tadi katakan tidak perlukan satu sen pun daripada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri kerana ini adalah satu *private financial initiative* di mana Sime Darby sudah pun bersetuju untuk menghulurkan dana— dia ada beberapa ribu ekar di sana— dan AirAsia bersedia untuk membinanya. Saya pun sudah mendapat pengesahan daripada Tan Sri Tony Fernandes yang pernah saya jumpa di *airport*, dia kata kalau hari ini kelulusan diberikan, esok hari dia akan mula kerja. Jadi kenapa lapangan terbang antarabangsa ini tidak boleh diluluskan?

Lagi satu isu yang dibangkitkan dalam ucapan Perdana Menteri iaitu *duty free port* untuk Pulau Pangkor.

## ■1740

Pada hemat saya, kalau kenderaan, rokok dan minuman keras masih bercukai, ia mendatangkan lebih banyak masalah kepada Pulau Pangkor kalau kita mengumumkannya, mengisytiharkannya sebagai *duty-free island* kerana banyak masalah kastam dan semua kebebasan untuk pergi ke pulau itu akan dihadkan dan juga kapal-kapal nelayan yang hendak keluar dari pulau menjadi masalah sebab adakah mereka perlu lapor kepada kastam sebelum keluar ke pulau untuk memastikan tidak ada penyeludupan. Hampir semua barang sekarang ini kerana bebas cukai kerana Malaysia mengamalkan satu polisi *open trade* dan pada hemat saya, lebih baik kalau Pulau Pangkor diisytiharkan *GST-free island*, sudah mencukupi kerana kalau *duty-free island*, mesti untuk menikmati kebaikan di sana, anda mesti pergi ke Pulau Pangkor untuk 76 jam sebelum boleh menikmati *duty-free*. Oleh yang demikian, saya rasa adalah lebih baik kalau *GST-free*.

Bila-bila boleh pergi, bila-bila boleh keluar kita menikmati semua barangan di sana tanpa GST. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan tentang penambahan kos akibat pelaksanaan kerajaan memutuskan untuk mengamalkan *Malaysian Sustainable Palm Oil Certification* dan juga keperluan untuk setiap kilang minyak sawit untuk membina kilang biogas menjelang tahun 2019. Tuan Yang di-Pertua, memang niat kerajaan baik tetapi akibatnya pekebun-pekebun kecil menjadi mangsa kerana saya diberitahu bahawa dengan diamalkan *Malaysian Sustainable Palm Oil Certification* ini, semua kos yang ditanggung oleh kilang-kilang kelapa sawit akan diturunkan kepada rakyat jelata. Saya syorkan kerana kerajaan telah pun menerima RM13 satu metrik tan untuk *crude palm oil* yang dikeluarkan di Malaysia, mintalah duit itu digunakan untuk *Malaysian Sustainable Palm Oil Certification* ini. Jangan mintalah melalui kilang-kilang kelapa sawit ini yang akan menurunkan perbelanjaan ini kepada pekebun-pekebun kecil.

Satu lagi ialah kilang biogas. Memang niatnya baik untuk menggunakan *methane gas for renewable energy* tetapi malangnya bukan semua, lebih kurang di Malaysia difahamkan ada 480 buah kilang kelapa sawit. Akan tetapi bukan semua kilang kelapa sawit ini bersesuaian untuk menjana elektrik *renewable energy* ini. Kalau mereka dipaksa juga membina kilang biogas ini, kosnya tinggi, mungkin RM15 juta hingga RM30 juta. Jadi saya mohon kerajaan meneliti perkara ini kerana saya difahamkan oleh pekilang-pekilang kelapa sawit ini, kalau semua perbelanjaan ini dicampurkan, mereka akan mengenakan kos sampai RM80 satu metrik tan, FAP yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil kepada kilang-kilang ini kerana mereka kata mereka adalah *businessman*, ahli perniagaan, semua kos yang kerajaan minta mereka tanggung, mereka akan menuruskannya kepada pekebun-pekebun kecil.

Pada masa sekarang ini, kos untuk mengilang satu metrik tan kelapa sawit ini, FAP ini lebih kurang RM55 sahaja. Jadi saya berharap pihak kerajaan akan meneliti ini sebelum ia dilaksanakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Keningau.

**5.44 ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan bajet negara bagi tahun 2018. Seterusnya saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah sekali lagi membentangkan satu bajet yang sangat menyeluruh berdasarkan sektor-sektor dan kumpulan-kumpulan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan amatlah penting sekali untuk terus dibangunkan di negeri Sabah yang mana masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Bukan sahaja bangunan sekolah yang tidak mencukupi malah ada pula yang sudah lama dalam keadaan daif dan usang. Syukur dan terima kasih dalam bajet tahun 2018 ini, di mana peruntukan pembaik pulih dan menyelenggarakan sekolah-sekolah usang di negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak RM1 bilion meskipun boleh dibayangkan ia tidak akan mencukupi untuk membaik pulih dan menyelenggarakan keseluruhan sekolah-sekolah yang usang.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, kita akan terima saja apa yang dibajetkan dengan harapan ia akan ditambah kemudian. Bagi menyempurnakan pelaksanaan kerja-kerja baik pulih dan menyelenggarakan pada tahun-tahun akan datang, kita berharap pihak kerajaan pusat akan menurunkan kuasa pengurusan dana dan pelaksanaan sepenuhnya kepada pihak kerajaan negeri agar pelaksanaannya dapat dilakukan dengan cepat dan telus demi mengelakkan kelewatan dan ketirisan perbelanjaan dana yang diperuntukkan itu.

Tambahan pula, pelaksanaannya sepatutnya tidak perlu mewajibkan atau memastikan penggunaan bahan *industrialized building system* (IBS) sahaja memandangkan kos bahan IBS yang agak mahal dan masih perlu dibekalkan dari Semenanjung berbanding dengan keperluan bahan sedia ada dan sesuai yang boleh didapati di lokasi-lokasi kerja yang terletak di merata-rata pelosok negeri Sabah yang berbukit-bukau dan melalui sungai dan hutan belantara. Di samping itu, kerja-kerja dan kos penyelenggaraan ke atasnya di kemudian hari pula akan membebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet kali ini, ada diperuntukkan sebanyak RM61.6 bilion bagi pembangunan pusat pendidikan. Saya dengan sesungguhnya berharap Sekolah Menengah Desa Wawasan di Tambunan di kawasan saya dan Kolej Komuniti KDM ada disenaraikan kali ini dalam program pelaksanaan tahun 2018. Untuk makluman dan peringatan Dewan yang mulia ini, kedua-dua projek ini telah diluluskan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri pada tahun 2013,

sebaliknya pula, seandainya tidak tersenarai kerana terlepas pandang, maka dimintalah agar perkara ini dilakukan dalam *mid-term review* nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa lega sedikit juga dengan sahutan kepada keperluan yang amat mendesak bagi penduduk luar bandar negeri kita dengan adanya peruntukan RM620 juta untuk kemudahan bekalan elektrik bagi 10,000 rumah luar bandar di Sabah dan Sarawak daripada jumlah bajet seluruh negara sebanyak RM627 juta dan RM300 juta bagi memastikan 3,000 rumah di Sabah dan Sarawak mendapat bekalan air bersih daripada RM420 juta yang dibajetkan tahun 2018. Dengan adanya kemudahan asas air bersih dan bekalan elektrik itu maka akan meningkatlah nilai dan taraf hidup mereka yang disasarkan.

#### ■1750

Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlah tersebut belum mencukupi untuk meliputi segenap sudut kawasan yang luas dan besar Negeri di Bawah Bayu, Sabah dan Bumi Kenyalang, Sarawak yang memerlukannya di masa kini. Kita merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kita peruntukan yang agak besar sekali berbanding masa-masa yang lampau dan saya berharap ini akan dapat ditambah seterusnya. Bagi memastikan pelaksanaan dan penyampaian kedua-dua kemudahan asas bekalan elektrik dan air bersih sampai ke sasaran dengan tepat dan berkualiti, kita merayu juga supaya dilaksanakan dengan menyalurkan terus dana peruntukannya kepada pihak kerajaan negeri yang masing-masing ada jentera pelaksanaannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat keprihatinan Bajet 2018 yang memperuntukkan RM80 juta bagi program penyeragaman harga barangan keperluan asas di Sabah dan Sarawak. Tindakan ini amatlah dialu-alukan kerana ia menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan Kerajaan Pusat untuk menangani masalah kos sara hidup yang tinggi di kedua-dua di wilayah Borneo ini. Namun demikian, kita berharap jumlah peruntukan sebanyak RM3.9 bilion subsidi barangan dan pengangkutan termasuk gas memasak, tepung, minyak dan lain-lain yang disediakan akan dikuatkuasakan berdasarkan nisbah realistik. Sesuai dengan keadaan pengguna atau penduduk yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

Kita amat berterima kasih juga kepada Kerajaan Pusat yang telah membuat keputusan mengecualikan penguatkuasaan dasar kabotaj di Sabah sejak beberapa bulan lalu sebagai satu-satunya langkah menuju ke arah mengatasi jurang kos sara hidup dan barangan yang berbeza di antara Semenanjung dan Sabah. Sungguhpun begitu, kesan penurunan kos barangan keperluan secara umumnya belum dirasai secara nyata pada masa kini. Tuan Yang di-Pertua, di atas kepercayaan bahawa dasar kabotaj bukanlah penyebab tunggal kepada harga tinggi bagi barangan di Sabah seperti mana persepsi umum sebelum ini. Kita berpendapat bahawa perlunya diadakan muafakat untuk mengadakan mekanisme atau dasar kawalan bersekutu, pengangkutan udara, laut dan darat antara ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai langkah



menangani cabaran kos pengangkutan tiga alam yang kita hadapi sebegitu lama, sudah dengan efektif dan efisien berlandaskan prinsip kelainan suasana negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pengangkutan Nasional telah ditubuhkan di bawah seliaan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada tahun 2016 untuk tujuan seperti saya katakan sebentar tadi, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Kabinet Pusat di atas penubuhan majlis yang saya sangat yakin dapat mengatasi masalah dihadapi oleh kita di kepulauan Borneo.

Majlis Pengangkutan Nasional boleh diibaratkan sebagai satu proses revolusi kuasa kepada Sabah dan Sarawak di mana ia berfungsi menentukan dasar dan kawalan ke atas hal ehwal berhubung pengangkutan udara, laut dan darat secara saksama antara pihak tanah besar Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan Kerajaan Pusat. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan memanggil dan mempengerusikan mesyuarat pertama majlis tersebut selepas sidang bajet ini dan memulakan satu era baru menuju ke arah menyeragamkan harga barangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin ketengahkan seperkara tentang keseragaman gaji minima atau *minimum wage* bagi pekerja di sektor swasta untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Memandangkan suasana aktiviti ekonomi yang tidak seimbang di antara Semenanjung dan Sabah dan juga antara lokasi yakni bandar besar dengan pekan-pekan kecil, maka penetapan gaji minimum yang dicadangkan sekarang amatlah merumitkan dan membebankan terutama sekali bagi majikan di pekan-pekan kecil di luar bandar di mana aktiviti perniagaan serta kos hidup tidak seperti di bandar-bandar besar. Oleh yang demikian, demi untuk tidak membantutkan perusahaan kecil di luar bandar, eloklah kadar *minimum wage* disesuaikan dengan kuantum yang lebih realistik dan praktikal dan mengikut keadaan dan aktiviti ekonomi setempat.

Saya mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia membuat kaji selidik bersama-sama agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan pihak berkuasa tempatan dalam objektif menentukan kadar yang lebih sesuai bagi kawasan dan bidang jenis kerja masing-masing. Janganlah nanti dalam usaha kita menentukan kadar gaji minimum hanya selesa untuk pihak pekerja secara umum sahaja tetapi ekonomi dan daya hidup perusahaan majikan pula terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bajet kali ini sangat menyeluruh seperti saya katakan tadi. Akan tetapi suatu perkara perlu diberikan penekanan yang sangat penting untuk diambil kira ialah mengenai dengan pengangguran di kalangan lepasan kolej dan institusi pengajian tinggi. Menurut laporan BNM tahun 2016, saya terbaca pengangguran di kalangan belia telah meningkat daripada 9.7 peratus pada tahun 2014 kepada 10.7 peratus pada tahun 2015. Menunjukkan semakin ramai kalangan belia kita menganggur. Kadar ini merupakan 3.1 peratus lebih tinggi daripada kadar pengangguran secara umum. Yang amat merunsingkan dan menyedihkan ialah bahawa 23 peratus daripada belia yang menganggur itu adalah lepasan kolej dan institusi pengajian tinggi. Antara sebab

pengangguran di kalangan mereka tidak lain dan tidak bukan adalah kekurangan pekerjaan yang sesuai dengan jurusan kelulusan masing-masing.

Bagi mengurangkan tekanan dan kekecewaan para lepasan kolej dan institusi pengajian tinggi, kita mencadangkan agar pihak Jabatan Tenaga Manusia dan Kementerian Sumber Manusia menyediakan program-program latihan semula berelaun atau pasca graduasi dengan tujuan memberi pendedahan dan pembelajaran kepada jenis pekerjaan yang wujud di lokasi setempat dan semasa, di samping menampung sebahagian belanja hidup hingga mereka yang dalam dilema itu mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap peruntukan dalam bajet negara tahun 2018 ini juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta untuk graduan-graduan lepasan kolej kita. Kita amat sedih juga kerana ramai belia dan beliawanis terdiri daripada lepasan kolej dan universiti terpaksa berhijrah ke negeri-negeri atau negara-negara jiran untuk mendapat pekerjaan sesuai dengan kebolehan dan kelulusan mereka. Kementerian-kementerian pusat haruslah mengambil tindakan melalui program-program strategik membantu negeri seperti Sabah dalam menangani masalah pengangguran belia dan lepasan kolej dan universiti.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, bajet tahun 2018 yang...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** ...berjumlah RM280.25 bilion yang dipercayai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Keningau.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** ...yang terbesar setakat ini, sememangnya patut kita rasa bangga dan hargai. Sungguhpun tidak dapat ditentukan secara terperinci, saya rasa sumbangan negeri Sabah kepada jumlah hasil pendapatan bernilai RM239.9 bilion yang dijangka dikutip pada tahun 2018 tidak juga kecil jumlahnya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Keningau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Klang bangun.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Satu *second* sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Okey, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Kasi kuat-kuat ya. Saya tidak berapa dengar.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Keningau. Soalan saya tertarik dengan beberapa pandangan yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat katakan bahawa kita mesti sesuaikan gaji minimum. Jangan gaji minimum terlalu tinggi dan ini akan menjadi masalah kepada pihak majikan, satu. Selepas itu Yang Berhormat kata bahawa oleh kerana Sabah ada pengangguran sebab belia keluar daripada Sabah dan kerja di kawasan-kawasan yang lain dan tidak ada kerja.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, masalah pengangguran ini termasuk dengan penghijrahan anak muda belia ke kawasan-kawasan lain ialah untuk mencari gaji yang lebih tinggi. Kalau Sabah sendiri tidak ada gaji yang tinggi, maka tidak ada motivasi ataupun tarikan untuk belia Sabah untuk kerja di Sabah. Mereka terpaksa pergi ke Sarawak ataupun ke Semenanjung Malaysia untuk kerja atau lain-lain kawasan.

Jadi pandangan Yang Berhormat itu saya ingat bercanggah *because the fact, these people want higher wages. If you are pushing for low wages, there is no incentive to stay back in Sabah. They will all come to Peninsular.* Jadi minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, memang kalau menjawab mendalam tentang perkara yang dia sebutkan itu mengambil masa yang banyak. Namun demikian, apa yang telah disentuh sebentar tadi ialah mengenai dengan apa sudah itu?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Gaji minimum.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Oh, ya! Ini memang kita semua sedia maklum bahawa apabila kita menentukan *minimum wage* ini ia sendiri adalah satu topik yang begitu *controversial* kerana pertama, kalau kita menentukan satu tahap *minimum wage*, bukan semua perniagaan yang sudah wujud itu dapat mengangkatnya. Oleh sebab itu, ada juga peniaga-peniaga yang telah merasakan bahawa mereka tidak dapat mengangkat *minimum wage* ini. Justeru, mereka terpaksa menutup perniagaan mereka.

Jadi apa yang ditujukan ialah supaya kita mengambil kira keadaan-keadaan tertentu di mana kalau sekiranya tempat-tempat tertentu punya perniagaan itu rancak, itu tidak ada masalah. Akan tetapi kalau tempat-tempat di mana perniagaan itu tidak begitu rancak, ini kita perlu mengambil kira. Oleh sebab itu kita perlu kaji semula saya fikir, dalam hal yang mana kita boleh mengatakan ia satu tanggungjawab dan membebaskan semua peniaga terutama sekali peniaga-peniaga kecil.

Jadi mengenai dengan perkara yang berkaitan dengan pengangguran ini, kita memang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh di semua peringkat kerajaan untuk menentukan pengangguran kita berkurangan dan seboleh-bolehnya kita mewujudkan pekerjaan-pekerjaan di tempat masing-masing. Namun, memang keadaan ekonomi

sedunia sekarang ini tidak menentu dan ia mengakibatkan juga hal-hal yang tidak menentu di kalangan masyarakat kita di negara kita ini.

Oleh sebab itu, pihak Kerajaan Persekutuan perlu menumpukan perhatian dengan lebih teliti lagi supaya akan dapat menganalisis dengan lebih baik dan dapat pula mengambil langkah-langkah yang boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti mana yang kita tekankan sekarang ini, pihak kerajaan dan kita semua ini ingin sekali mewujudkan peluang-peluang pekerjaan menggunakan teknologi yang baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Inilah harapan kita Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Saya teruskan saja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Boleh? Tidak banyak lagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berapa minit?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Saya bukan selalu berucap di sini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dua minit.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tidak keterlaluan untuk saya mengibaratkan belanjawan atau bajet merupakan manifestasi keikhlasan, falsafah dan dasar sesebuah pemerintah untuk memenuhi harapan dan aspirasi sebilangan besar rakyatnya atau melalui kerajaan negeri masing-masing dalam Persekutuan. Memang menjadi harapan kita, dalam apa juga dasar perbelanjaan dan pemberian kebajikan warga negara kita sendiri, tidak kira dari mana sama ada dari negeri Perlis kah mahupun dari Sarawak atau negeri Sabah sekalipun, mereka haruslah diutamakan tidak kira bangsa ataupun kepercayaan.

Kita perlu lebih menitikberatkan kebajikan rakyat kita sendiri terlebih dahulu supaya kehidupan, kebudayaan, adat dan kepercayaan, kesihatan, keselamatan dan masa depan mereka, anak dan cucu-cicit mereka dapat perhatian yang sewajarnya sebagai warganegara Malaysia. Janganlah pula berlaku keadaan di mana '*Anak kera disusukan, anak sendiri diabaikan*'.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah memang bangga sebagai warganegara Malaysia dan apabila kita mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, kesemuanya berjalan lancar tanpa masalah besar sehinggalah berlakunya suasana syak wasangka yang mewujudkan ketidaktertaman di kalangan masyarakat kita di Sabah disebabkan isu-isu tersentuh perasaan dan masa depan mereka. Mujurlah kita mempunyai seorang Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang benar-benar prihatin dan mengambil berat tentang kebajikan, kemiskinan rakyat dan sanggup mendengar suara hati kita di mana sahaja majlis sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bukan sahaja seorang negarawan, malah pemimpin yang berani dan benar-benar mahu menyelesaikan masalah biar seberapa rumit dan kompleks sekalipun. Saya ingin Dewan yang mulia ini merekodkan bahawa beliau yang telah memberi harapan baru kepada rakyat Sabah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pertama membenarkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja, *Royal Commission of Inquiry* untuk mencari kebenaran dan penyelesaian atas isu pendatang tanpa izin (PTI) di negeri Sabah. Kedua, menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyelaraskan hak dan keistimewaan Sabah dalam Perjanjian Malaysia dan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah dan jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik, bertanggungjawab atas perkara-perkara tersebut, saya difahamkan telah dimajukan ke pucuk kepimpinan Kerajaan Pusat untuk ketetapan muktamad. Sebagai Ahli Dewan dari negeri Sabah, saya sebenarnya menaruh harapan yang tinggi, menjangka ada peruntukan dibajetkan untuk melaksanakan tuntutan dan tindakan ke atas rekomendasi-rekomendasi penyelesaian ke atas *the two mother of all issues that has been bothering the peace, loving and law abiding Sabahan who just aspired to live and prosper as proud citizens of a nation in the proud spirit of 1Malaysia*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin lagi, *what is worth waiting for is worth waiting for*. Saya tetap yakin segala apa yang telah dijanjikan akan menjadi kenyataan dengan pengumuman berita baik di akhir persidangan bajet ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat tidak bangun? *[Disampuk]* Yang Berhormat Shah Alam telah menghantar nota untuk mengambil tempat Yang Berhormat Nibong Tebal di nombor 11, sementara Yang Berhormat Hulu Langat mengambil tempat Yang Berhormat Temerloh nombor 9. Jadi, nombor 9 dahulu. Yang Berhormat Hulu Langat. Ya.

**6.11 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan Bajet 2018 yang memberi perhatian kepada seluruh lapisan masyarakat. Masalah yang besar berlaku dalam negara kita walaupun diberi beberapa insentif kepada rakyat, umpamanya BR1M, Elaun Khas Penjawat Awam, ketua kampung dan imam ialah kenaikan harga barang yang jauh berbeza sebelum 2015 lepas. Ini disebabkan pertama, kerajaan perkenalkan GST. Kedua, kejatuhan nilai mata wang ringgit. Ketiga, kenaikan harga minyak selepas diapung walaupun sedikit. Umpamanya Mac 2017, RON95 berharga RM2.29 per liter. Jun 2017, RM 2.15 per liter dan diesel RM 2.05 yang sepatutnya ditetapkan RM1.92. Sementara Mac 2016 bernilai RM1.60 per liter. Awal November minggu lepas, RON95 berharga RM2.24 per liter. Akan tetapi cukup memberi alasan kos pengangkutan dan operasi meningkat 30 peratus ke 40 peratus membawa kepada kenaikan harga barang 15 peratus ke 30 peratus. Harga minyak turun beberapa sen, tetapi harga barang tidak akan turun. Keempat, faktor yang keempat berlaku mungkin nelayan tidak turun ke laut kerana tiada kos bahan api dan risiko keselamatan terhadap cuaca.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh harga ikan dan sayuran yang didapati meningkat dibincangkan di dalam media masa. Pertama, Januari 2017 di Alor Setar, ikan kembung berharga RM12 ke RM14 per kilogram, sebelum ini dalam 2016 hanya RM7 per kilogram. Kedua, Januari 2017 juga di pasar raya Ampang, siput lala RM9 per kilogram, ikan cencaru RM10 ke RM12 per kilogram, ikan kembung RM16 per kilogram dan ikan selar RM10 ke RM12 per kilogram. Februari 2017 di Kuala Terengganu, ikan tongkol berharga RM22 ke RM24 per kilogram berbanding sebelum ini RM9 per kilogram, ikan kembung RM20 per kilogram, sebelum ini RM12 per kilogram.

Bila kita tanya penjual, mereka menjawab mereka mendapat daripada pembekal dengan harga yang mahal. Umpamanya ikan selar yang dibeli dengan RM12 dan dengan keuntungan hanya RM2, mereka menjual RM14 per kilogram. Mei-Jun 2017, bulan Ramadan di Kuala Terengganu, ikan kembung dijual dengan harga RM20 per kilogram yang sebelumnya RM14 per kilogram, cencaru RM10 per kilogram berbanding sebelum ini RM6 per kilogram.

Dalam mengatasi masalah kenaikan harga pada Jun 2017, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) memperkenalkan Q'Fish ikan sejuk beku bagi mengimbangi kenaikan harga ikan di pasaran. Bekalan awal sebanyak 50 tan diagih ke seluruh negara. Q'Fish ini boleh didapati setiap hari di MYFarm Outlet di Putrajaya dengan harga RM8.50 per kilogram. Jun 2017 di Kuala Lumpur, menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) merangkap Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, jumlah pendaratan ikan oleh nelayan bagi April dan Mei 2017 melebihi 153 juta kilogram dengan nilai lebih RM455 juta atau secara purata bersamaan RM3 per kilogram.

Jadi, kenapa harga ikan kembung boleh meningkat terlalu tinggi sehingga RM20 ke RM22 per kilogram, sedangkan nelayan hanya menjual dengan harga RM3 per kilogram sahaja. Sepatutnya LKIM mencadangkan orang ramai boleh membeli ikan kembung dengan harga RM9.90 per kilogram sahaja. Katanya kenaikan sekarang diambil kesempatan oleh orang tengah. Saya berharap kerajaan patut membantu mengambil tindakan tegas terhadap orang tengah yang mengambil kesempatan secara keterlaluan.

Begitu juga harga sayur juga naik. Kacang bendi sekarang RM9 ke RM10 per kilogram, sebelum ini RM6 ke RM7 per kilogram; tomato RM5 per kilogram; kubis dan lobak merah RM6 per kilogram, sebelum ini RM3 per kilogram; cili Melaka RM12 per kilogram; sawi RM2.50 ke RM3 per kilogram. Sepatutnya kita ada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang telah mewujudkan sistem menyokong petani untuk memaksimumkan hasil pertanian dan dengan menghasilkan benih yang tahan penyakit melalui teknik pertanian konvensional atau bioteknologi. Maka, sepatutnya tidak timbul kekurangan hasil pertanian dalam pasaran hingga menyebabkan harga meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan teknikal dan vokasional. Kerajaan dalam Bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak RM1.28 bilion bagi pendidikan teknikal dan vokasional yang merangkumi pendidikan politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Manakala pendidikan vokasional di bawah Kementerian Pendidikan diperuntukkan sejumlah RM115.3 juta untuk pembangunan. Saya juga menyemak bahawa peruntukan pengurusan pendidikan lepas menengah berjumlah RM444.3 juta. Saya berharap peruntukan yang besar lebih dari RM1.8 bilion mampu menghasilkan dengan kerja yang berpengetahuan tinggi dalam mengambil alih tugas perjawatan dalam industri masa hadapan yang menggunakan robotik dan peralatan moden.

Saya ingin mendapat penjelasan, sehingga sekarang, berapakah jumlah kolej vokasional, kolej komuniti dan politeknik yang telah beroperasi di seluruh Malaysia dan jumlah pelajar yang dihasilkan selama ini serta dapat memenuhi keperluan sumber manusia dalam perindustrian negara. Permintaan saya dengan peluang besar di dalam TVET, saya sangat berharap selari dengan hasrat kerajaan untuk memberi peluang kepada pelajar tahfiz dalam GIATMARA.

Maka saya berharap kerajaan dapat memberi peluang pelajar tahfiz memasuki kolej-kolej vokasional, kolej komuniti, politeknik, institut kemahiran perindustrian ILP di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan agar sistem pendidikan integrasi kepada pelajar tahfiz dapat dilaksanakan melalui NBOS yang diharap pelajar tahfiz dapat sama-sama terlibat dalam program arus perdana.

Kami di Selangor telah memberi peluang kepada pelajar tahfiz yang selesai menghafal 30 juzuk Al-Quran memasuki Universiti Selangor melalui Smart Tahfiz yang ditubuhkan di bawah kelolaan pusat Islam atau masjid Universiti Selangor. Mereka diberi

peluang pendidikan akademik dan pembangunan sahsiah serta diberi peluang menduduki berdasarkan SPM sebelum ditawarkan masuk ke UNISEL di peringkat diploma dan sarjana muda dalam pelbagai bidang yang mereka minati.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan IPTA dan IPTS dalam pengambilan pelajar masuk ke universiti tahun 2017 ini, saya sedar UTM telah mengiklankan pengambilan pelajar melalui radio IKIM. Setahu saya, IPTA mudah mendapat pelajar melalui Unit Pusat Universiti (UPU) tetapi berbeza dengan IPTS yang perlu membuat banyak iklan atau publisiti. Umpamanya mengadakan hari terbuka dan membuat publisiti melalui media cetak dan media elektronik.

■1820

Akan tetapi saya hairan kenapa UTM membuat iklan tersebut. Melalui mesyuarat peringkat universiti saya baru faham bahawa pelajar IPTA melalui UPU tidak cukup. Maka IPTA perlu membuat iklan untuk mendapatkan pelajar walaupun kelulusan mereka agak rendah. Mereka ini sepatutnya dapat ditawarkan ke IPTS. Persoalan saya adakah benar IPTA mempunyai kekurangan pelajar dalam bidang tertentu. Mohon penjelasan dari segi statistiknya antara tempat yang disediakan dengan bilangan pelajar yang memasuki IPTA. Yang sedihnya banyak IPTS ditutup kerana kekurangan pelajar sama ada secara mereka menyerahkan kepada IPTS yang lain atau tidak menerima pelajar daripada awal lagi. Adakah ini benar berlaku? Saya mohon penjelasan berapa banyak IPTS yang ditutup dengan memberi beberapa contoh. Saya juga ingin mencadangkan agar IPTS ini diberi peluang mereka *survive* dengan mencantumkan beberapa IPTS dalam satu pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah revolusi industri 4.0 (RI 4.0), saya difahamkan kerajaan telah menyediakan peruntukan besar berjumlah RM 22.2 bilion untuk membantu semua *medium enterprise* SME atau IKS untuk membangun ke arah revolusi 4.0 RI 4.0 yang diisytiharkan oleh kerajaan. Saya mohon penjelasan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai langkah-langkah yang diambil dalam mengukuhkan SME terutama dalam pembiayaan modal perniagaan, usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, kawalan harta intelek, subsidi dan latihan kepakaran.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai industri halal dan pembangunan produk yang dibangunkan oleh SME. Saya menyokong agar produk SME yang berkualiti dapat dieksport ke luar negara. Mohon penjelasan apakah produk yang berpotensi yang dikeluarkan oleh SME untuk dieksport. Dalam bajet 2018 ini juga, saya difahamkan kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk membangunkan SME masyarakat Cina dan India. Mohon penjelasan berapa pula peruntukan untuk SME bumiputera dalam menaik taraf premis mereka, membangunkan vendor dan skim usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, pemanasan global. Kesan pemanasan global yang berlaku sekarang membuatkan kita sentiasa bimbang dengan cuaca sekarang yang ekstrem, umpamanya terlalu panas di waktu pagi tiba-tiba bertukar dengan hujan lebat lebih



daripada 60 mm yang menyebabkan berlakunya banjir kilat. Banjir kilat boleh berlaku disebabkan sistem perparitan dan saliran yang tersumbat hasil dari masyarakat yang tidak bertanggungjawab membuang sampah dalam longkang parit dan sungai, atau perparitan tidak diurus dengan baik, atau sungai yang makin cetek disebabkan oleh mendapan tanah hasil penebangan pokok atau hutan, pembukaan tanah yang berleluasa untuk pembangunan.

Saya pula hendak bangkitkan persoalan ini kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Perumahan Kerajaan Tempatan mengenai pemaju atau *developer* yang tidak patuh pada peraturan PBT, iaitu tidak menyediakan kolam tadahan atau *siltng pond* di tapak pembinaan masing-masing atau tidak menyelenggara dengan baik hingga menyebabkan lumpur-lumpur terus masuk ke sungai bila hujan lebat. Jawapan Menteri, pemaju boleh didenda maksimum RM300,000. Saya berharap denda yang diperolehi dapat dikongsi bersama dengan Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merujuk budaya NBOS agar dapat membantu membersihkan sungai-sungai dengan mudah atau pemaju dikenakan syarat membersihkan sungai-sungai yang tercemar.

Merujuk kepada hutan simpan, saya juga ingin mendapat penjelasan, adakah hutan di sekitar Parlimen ini yang menghijau, menyejuk dan menyegarkan dengan banyak oksigen yang dapat dikeluarkan iaitu sekitar Tugu Negara dan Bukit Tunku diklasifikasi sebagai hutan simpan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang menghairankan kenapa dan siapa yang membenarkan banyak bangunan-bangunan dibina bila kita masuk ke dalamnya. Walaupun dari luar masih nampak hutan. Mohon penjelasan dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya yang telah meluluskan peruntukan untuk pelebaran jalan Dusun Tua-Hulu Langat dari Batu Sembilan ke Sungai Serai. Saya juga berharap kementerian dapat mempertimbangkan pembesaran jalan Sungai Lalang ke Empangan Semenyih yang terlalu sibuk dengan kenderaan pelancong dan pengurusan mayat oleh syarikat-syarikat yang mengurus kubur-kubur besar di Kampung Pasir seperti Nirwana Emerald Park. Sekian terima kasih.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan takziah dan perasaan sedih dan bersimpati terhadap mangsa-mangsa banjir yang menanggung kesusahan dan kehilangan yang amat besar di Pulau Pinang. Tuan Yang di-Pertua, kampung saya sendiri di Pulau Pinang. Rumah adik saya yang tinggal di Kampung Baru Pulau Pinang yang berlokasi sebenarnya di kawasan yang agak tinggi dari segi topografi pun dibanjiri beberapa kaki air bah yang bukan sahaja masuk rumah melalui pintu bahkan melalui tingkap juga. Air bah ini sedalam empat anak tangga.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun MCA tiada seorang pun Adun di Pulau Pinang, pemimpin kami sudah menggerakkan CRS ataupun *Crisis Relief Squad* untuk memberi segala bantuan dan pertolongan yang boleh kepada mangsa-mangsa banjir itu. Tuan Yang di-Pertua, Tebrau ucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib atas kejayaan membangunkan ekonomi negara serta membentangkan Bajet 2018 yang bertema Memakmurkan Ekonomi yang inklusif mengimbang keunggulan duniawi dan ukhrawi demi mensejahtera kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50 yang begitu komprehensif dan merangsangkan.

Setiap tahun selepas pembentangan bajet negara saya selalu hubungi pertubuhan-pertubuhan yang berkepentingan untuk meminta pandangan dan komen. Setakat ini tiada satu pihak pun yang memberikan maklum balas yang negatif. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendidikan. Di dalam bajet tahun depan, bantuan persekolahan RM100 kepada setiap murid sekolah rendah dan pelajar sekolah dan juga bantuan baucar buku sebanyak RM250 kepada setiap pelajar di IPT dan Tingkatan 6.

Maka ada juga RM 2.9 bilion untuk bantuan makanan, buku teks, geran kapita, biasiswa kecil persekutuan. Saya bercadang agar pembayaran bil utiliti bagi semua aliran sekolah diberikan kepada semua sekolah rendah dan menengah berasaskan kiraan per kapita tanpa mengira bahasa pengantaraan ataupun aliran. Dan RM550 juta tabung khas penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah mubaligh.

Saya berharap bahawa kerajaan juga akan memperuntukkan wang kepada sekolah menengah jenis kebangsaan ataupun *conforming secondary school*. Berkenaan dengan SJKC baru. Tuan Yang di-Pertua, pada beberapa hari yang lepas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa kerajaan Barisan Nasional telah bersetuju menambah sepuluh buah SJKC baru dan memindah enam lagi buah SJKC yang amat kekurangan murid. Saya bagi pihak masyarakat Cina ingin merakamkan beribu-ribu terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju bahawa nama-nama orang kenamaan yang sudah banyak berjasa dan berbakti kepada sekolah-sekolah baru itu, dinamakan. Reaksi masyarakat Cina amat positif. Walaupun ada pihak yang beraksi macam *the fox and the sour grapes*. Mereka tidak mampu buat apabila pihak lain berjaya mereka keluarkan macam-macam komen yang negatif terhadap kami dan berharap bahawa kami akan gagal.

#### ■1830

Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional dan MCA faham bahawa itu merupakan keperluan dan harapan masyarakat dan kita tetap tunaikan janji.

Tuan Yang di-Pertua, MCA pun sudah berjanji akan selesaikan isu kos pembinaan. Kami yakin kerajaan akan bantu. Ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah

janji semasa dia merasmikan Perhimpunan Agung Perwakilan MCA pada hari lepas, semalam.

Berkenaan mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC dan SJKT. Saya memang amat menyokong usaha Kementerian Pendidikan dan kerajaan meningkatkan tahap penguasaan mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC dan SJKT. Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di SJKC dan SJKT mungkin termasuklah perbezaan struktur ayat dan nahu di antara bahasa itu besar. Jadi misalnya, Bahasa Malaysia kita boleh kata “rumah besar” tetapi pada Mandarin tidak boleh, “besar punya rumah”.

Kedua, mungkin kurang peluang dan masa menggunakan bahasa Malaysia di kalangan murid-murid yang berkenaan. Akan tetapi, pada saya satu faktor yang penting ialah kita memang kekurangan cikgu yang boleh mengajar bahasa Malaysia sebagai bahasa yang kedua. Oleh kerana selama ini apabila kita latih guru bahasa Malaysia, kita latihnya untuk ajar di sekolah kebangsaan. Apabila mereka ditempatkan ke sekolah jenis kebangsaan, mereka mungkin cara ini tidak begitu sesuai. Jadi saya fikir bahawa Kementerian Pendidikan harus juga melatih guru khas untuk mengajar bahasa Malaysia sebagai bahasa yang kedua supaya cara pengajaran lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan *Unified Examination Certificate* (UEC), saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan pengiktirafan UEC. Saya ingin memohon pertimbangan kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mempercepatkan proses penerimaan UEC sebagai kelayakan kemasukan ke 20 buah universiti awam dalam negara. Jika kita mengimbas kembali sejarah, UEC sudah wujud pada tahun awal 70-an di mana ia diambil oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sahaja.

Semasa Akta Pendidikan Tinggi Swasta ataupun Akta 555 digubal dan dilaksanakan selepas tahun 1996, UEC telah pun diterima dalam kerangka kelayakan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai syarat kemasukan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Ianya telah diletakkan sebagai kelayakan yang setaraf dengan STPM lebih daripada 20 tahun. Ada pihak yang sengaja melupakan bahawa melalui tahun 2010, UEC sebenarnya sudah diterima sebagai salah satu kelayakan untuk memohon PTPTN.

Malahan pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan turut menerima UEC sebagai syarat kemasukan ke Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) seiring dengan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Pendek kata, penerimaan kelayakan UEC ke IPTS dan IPGM telah pun dilaksanakan. Kami hanya tinggal satu lagi peringkat yang belum disempurnakan iaitu peluasan penerimaan UEC ke universiti awam. Oleh itu, adalah tidak tepat kalau kita kata bahawa kerajaan masih belum terima langsung UEC sedangkan ia telah diterima masuk di IPTS dan juga di IPGM.

Maka, saya ingin merayu menyeru kerajaan supaya memperlengkapkan laluan graduan UEC dengan mempercepatkan pengiktirafan UEC untuk membolehkan pelajar-pelajar SMPC menggunakan UEC sebagai syarat kemasukan ke universiti awam dengan

menggunakan templat yang sama seperti mana UEC diterima untuk memasuki IPTS dan IPGM. Sekiranya ianya dapat dilakukan, maka lengkaplah proses penerimaan graduan UEC ke institusi-institusi pendidikan tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Ramai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya kekurangan masa sebab saya ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tujuh muka surat.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Tebrau takutlah UEC.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Untuk makluman Dewan yang mulia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada soal takut Yang Berhormat ya.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Ramai graduan UEC yang diserapkan ke IPTS dan IPGM telah membuktikan kebolehan mereka dan akhirnya memperoleh ijazah masing-masing. Apabila graduan-graduan UEC tamat pengajian daripada universiti awam, mereka boleh memilih sama ada berkecimpung di sektor swasta ataupun memohon jawatan-jawatan sektor awam sekiranya ada kekosongan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang terpakai kepada semua pemohon.

Memandangkan perbincangan terperinci antara pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional termasuk MCA dengan kementerian-kementerian yang berkenaan sedang dijalankan dengan rancak, saya yakin dan percaya bahawa dasar inklusif Barisan Nasional yang diamalkan selama ini akan membolehkan penerimaan masuk calon UEC ke universiti-universiti awam dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PKS tidak dapat dinafikan bahawa PKS merupakan sektor yang amat penting dalam pembangunan ekonomi negara. Lebih 90 peratus entiti perniagaan dan perusahaan negara kita terdiri daripada PKS. Kini, sumbangan PKS kepada KDNK sudah melebihi 40 peratus. Maka, bajet ini menyasarkan supaya mereka menyumbang 41 peratus menjelang tahun 2020.

Usaha membantu sektor PKS termasuklah— tetapi tidak terhad kepada RM7 bilion di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) kerajaan akan memberi 70 peratus jaminan. Saya memang berharap bahawa para entiti PKS akan menggunakan peruntukan tersebut dengan bijaksana untuk menggunakan teknologi tinggi serta mengautomasikan proses pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kerana dunia sudah masuk ke era berteknologi tinggi dan automasi. Maka sekiranya para entiti PKS negara kita tidak merebut peluang dan kemudahan yang

diberikan dan mengambil inisiatif, PKS kita bukan sahaja akan ketinggalan zaman bahkan akan menjadi tidak kompetitif di arena dunia ini. Ini adalah amat penting. Para entiti PKS negara kita mesti berwawasan dan sudi menerima cabaran jangka pendek dan panjang.

Berkenaan dengan— saya ingat oleh kerana kesuntukan masa, saya lompat ke pertanian. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapati kelompok petani dan penternak diberi RM6.5 bilion yang paling tinggi selama ini. Baru-baru ini saya dijemput menghadiri beberapa *function* yang dianjurkan oleh Persatuan Perlindungan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (APDAM). Selain daripada aktiviti-aktiviti lain, saya tertarik dengan anugerah Master Agro yang mereka sampaikan setiap tahun kepada pengusaha-pengusaha pertanian yang berjaya.

Salah satu syarat untuk melayakkan calon-calon anugerah tersebut ialah hasil pertanian mereka mestilah selamat dimakan ataupun digunakan. Ini bermakna tiada bahan-bahan racun yang membahayakan kesihatan pengguna dan tiada *genetic modified crops* digunakan dalam penghasilan mereka. Penerima anugerah tersebut berhak menggunakan logo anugerah Master Agro pada bungkusan hasil-hasil mereka agar para pengguna senang hati untuk membelinya. Jadi saya ingin tanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sama ada bercadang untuk mewujudkan anugerah yang serupa ataupun lain-lain anugerah kepada para petani, penternak ataupun peladang yang didapati *outstanding*?

■1840

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penyelidikan ataupun *research* adalah penting di sektor pertanian. Klon getah, kelapa sawit yang menghasilkan lateks ataupun minyak kelapa sawit yang lebih tinggi dari segi kuantiti dan kualiti, buah durian, nanas, manggis, rambutan dan lain-lain yang lebih sedap dimakan dan bernilai pasaran yang lebih tinggi misalnya durian Musang King yang kita tidak pernah dengar dahulu kini menjadi bukan sahaja rakyat jelata negara kita sahaja tetapi direbut oleh rakyat negara China. Sekarang orang Malaysia yang biasa macam sudah tidak berapa mampu hendak makan Musang King.

Maka saya berpendapat bahawa kerajaan harus mewujudkan satu tabung khas untuk menggalakkan kerja-kerja penyelidikan demi menghasilkan klon-klon tanaman ataupun baka-baka ternakan yang lebih baik, kaedah-kaedah penanaman ataupun kawalan penyakit yang lebih berkesan dan selamat untuk meningkatkan hasil pertanian.

Berkenaan dengan pengangkutan dan logistik. Saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan *high speed rail* yang akan menghubungkan Kuala Lumpur ke Singapura sejauh 350 kilometer dalam masa 90 minit. Jadi RM95 juta bagi pembaikan dan pembinaan jeti serta pengerukan kuala sungai. Soalan saya ialah bilakah perkhidmatan tren ETS akan dipanjangkan sehingga Johor Bahru? Tadi pagi ini saya dengar bahawa Yang Berhormat Simpong Renggam juga ada membangkitkan soalan ini. Oleh sebab

sekarang ETS tidak sampai ke Johor Bahru. Kalau kita hendak ambil ETS kita kena sampai ke KL ataupun ke Gemas tetapi Gemas hanya ada satu trip setiap hari sahaja.

Saya juga hendak tanya bagaimana sistem kawalan biometrik itu dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Oleh sebab saya terbaca di bajet kita, kita akan menggunakan sistem kawalan biometrik untuk mengurangkan kemalangan jalan raya. Harapan masyarakat Cina— bukan itu.

Berkenaan dengan kebajikan Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 berkehendakkan pihak-pihak berkuasa tempatan mewajibkan semua bangunan pejabat yang baru supaya menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak. Saya berharap bahawa kemudahan menyusukan bayi juga disediakan di dalam pusat jagaan anak tersebut seperti di dalam bangunan Parlimen, saya dapati ada bilik khas.

Berkenaan dengan kebajikan peneroka FELDA. Saya bagi pihak penduduk-penduduk di FELDA Ulu Tebrau dan juga Sungai Tiram di kawasan Tebrau itu merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberikan durian runtuh melalui enam inisiatif utama antaranya bayaran insentif khas peneroka bernilai RM5,000 dan lain-lain. Di antara banyak projek dan program yang dirangka, yang dijanjikan dalam Bajet 2018, RM164 juta diperuntukkan bagi membina 5,000 unit rumah generasi kedua FELDA. Mudah-mudahan generasi kedua FELDA Ulu Tiram di dalam kawasan Tebrau tidak ketinggalan oleh sebab ada keperluan dan permintaan.

*Last* sekali berkenaan dengan transformasi kesejahteraan bumiputera Cina dan India. Saya sekali lagi sebagai satu bajet yang inklusif, kerajaan turut menyediakan RM50 juta untuk pinjaman PKS masyarakat Cina melalui KOJADI. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang berapa yang telah mendapat bantuan tersebut melalui program itu dan saya juga ingin tahu tentang kejayaan program pinjaman PKS tersebut dan juga kadar pembayaran balik oleh para peminjam.

Jadi akhirnya, saya hendak tanya tentang pemberian insentif kepada tok batin dan juga ketua kampung. Saya berharap bahawa ketua-ketua masyarakat di kampung-kampung Cina juga tidak ketinggalan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya ada banyak topik lagi tetapi oleh sebab masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua,

*'Balik kampung menaiki sampan,*

*Tebrau menyokong Bajet 2018'*

Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelutong.

**6.45 ptg.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang bagi saya membahaskan Bajet 2018. Musibah banjir Pulau

Pinang, 4 dan 5 November. Kira-kira 80 peratus wilayah di Pulau Pinang dilanda banjir besar dan melebihi 5,000 mangsa banjir perlu dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di kesemua lima daerah di Pulau Pinang di mana Seberang Perai Utara (SPU) disifatkan sebagai kawasan bencana yang paling teruk.

Jumlah kerugian bagi keluarga komersial, pertanian dan industri keseluruhannya sedang diperhitungkan. Kawasan Parlimen saya, P.50 Jelutong juga merupakan kawasan yang paling teruk dilanda banjir terutama sekali di kawasan ADUN Datuk Keramat termasuk Jalan P.Ramlee atau bagi orang-orang tua nama asalnya Caunter Hall, Kampung Kebun Lama, Kampung Makam, Kampung Masjid Berkat berdekatan dengan Kampung Masjid Hashim Yahaya dan di kawasan ADUN Sungai Pinang termasuk Kampung India di Kampung Rawa, Lo Pan Kong kesemuanya adalah perkampungan yang terletak di tebing Sungai Pinang.

Sungai Pinang inilah yang merupakan sungai utama yang mencantumkan enam batang anak sungai di bahagian hiliran di DUN Datuk Keramat sebelum ia mengalir ke lautan Selat Pulau Pinang menerusi kawasan ADUN Sungai Pinang. Kapasiti saluran bagi Sungai Pinang telah teruji kali ini dan sudah terbukti kapasitinya tidak setanding kehendak alam sekarang. Jadi saya mendoakan perhatian serius dan keputusan yang geliga dari pihak Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat sedih dan pilu kerana pada banjir besar kali ini terdapat tiga nyawa telah terkorban di kawasan Jelutong, kesemua mangsanya adalah warga emas berumur 70-an ke atas yang sudah tentu telah terjerumus dalam keadaan trauma yang amat sangat. Saya ingin kirimkan ucapan takziah kepada semua keluarga yang terlibat, tabahkan hati, kita akan mengharunginya bersama. Dalam pada itu sebagai anak Malaysia, saya amat sanjung warga-warga Malaysia yang telah tampil ke depan semasa waktu genting, *the first critical hours* dalam kerja-kerja pemindahan pantas dan menyelamatkan nyawa. Kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan Pulau Pinang, kepada Pertubuhan Budi Suci, semua jawatankuasa JKK negeri, jawatankuasa kariah masjid dan para sukarelawan, saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Kepada semua pasukan beruniform juga, JPAM, bomba dan penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia, PDRM, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NaDMA), Hospital Besar Pulau Pinang dan ramai lagi yang tidak sempat disenaraikan di sini, terimalah sekalung bunga daripada kami di Jelutong, jasamu tetap dikenang.

Namun begitu terdapat pihak-pihak tertentu yang betul-betul menepati peribahasa Melayu, *'menangguk di air keruh'* semasa air masih pasang yang secara pantas menggunakan bencana banjir ini sebagai kesempatan politik untuk membogelkan nafsu hasutan mereka atau erti kata, *[Berucap dalam bahasa Arab]* di khalayak ramai terutama sekali di depan mata mangsa banjir yang trauma. Kepada kumpulan ini, saya hendak kata kamu akan diketepikan sementara kita bersama berusaha untuk memulihkan kehidupan rakyat kita, Pulau Pinang tidak akan tenggelam.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini reaksi spontan semasa *the first critical hours* untuk menyelamatkan nyawa dan harta hampir sudah selesai dan ia akan disusuli dengan proses pemulihan dan pembinaan semula kampung halaman bagi semua mangsa yang menanggung kerugian. Kita juga memerlukan pasukan besar untuk membersihkan kawasan banjir agar dapat menghindar sebarang kemalangan dan ancaman kesihatan awam serta memulihkan bekalan elektrik dan air supaya semua bangsa dapat meraih semula kehidupan aman tenteram secepat mungkin hendaknya.

■1850

Proses ini melibatkan masa dan sumber bekalan yang besar. Dengan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, beginilah senarai permintaan saya, *my wish list*, dalam Bajet 2018 kali ini.

Yang pertamanya saya tujukan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu rancangan tebatan banjir. Peruntukan RM150 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 3. Kita dimaklumkan bahawa tanggungjawab dana bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang tahap kedua terletak di atas bahu Jabatan Parit dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Kerajaan Pusat. Sudah dua penggal saya menjadi Ahli Parlimen Jelutong dan saya telah menyaksikan pertukaran tiga orang Menteri bagi kementerian tersebut. Ia bermula dari tahun 2008, Yang Berhormat Douglas Uggah Embas, Ahli Parlimen Betong Sarawak disusuli dengan Yang Berhormat Menteri Palanivel Govindasamy, Ahli Parlimen Cameron Highlands, Pahang dan kini sampai gilirannya Yang Berhormat Santubong dari Sarawak. Saya berharap kali ini kita sempat mengutip daripada cogan kata Presiden Harry Truman, "*The Buck Stops Here*".

Sebenarnya peruntukan sebanyak RM150 juta itu asalnya disediakan untuk pelaksanaan semasa RMKe-9 yakni dalam tahun 2006 sehingga 2010. Namun, ia tidak terlaksana sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh yakni tahun 2011 hingga 2015. Ia masih belum terlaksana sehingga kini mahupun kita sudah memasuki separuh bahagian kedua dalam RMKe-11 yang akan tamat pada tahun 2020. Sementara itu, pihak kerajaan negeri telah mengerahkan berpuluh juta ringgit dalam projek-projek tebatan banjir di seluruh Pulau Pinang sejak tahun 2008 dengan menggunakan sumber kewangan negeri yang amat terhad di mana bajet tahunan kami untuk anggaran pembangunan dan anggaran mengurus hanya dalam lingkungan RM1 bilion sahaja. Bagaimanapun, pihak JPS Pulau Pinang telah mengakui bahawa daripada peruntukan RM150 juta tersebut yang telah dijanjikan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Persekutuan hanya menurunkan RM1 juta pada awal tahun ini untuk membiayai kerja-kerja perunding pakar. Jadi, jadual kerja-kerja baki peruntukan dalam *rolling plan* terkini masih belum dikenal pasti. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi huraian lengkap dalam jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kedua yang ingin saya sentuh ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengenai sistem kejutan awal bencana



meteorologi bertaraf bencana daripada Jabatan Meteorologi Malaysia. Dengan pengalaman banjir besar-besaran baru-baru ini, saya kira adalah masanya kita menaiktarafkan sistem *weather tracking and early warning* secara dalaman dan proses menghebahkan kepada orang ramai secara luaran. Buat masa ini, orang ramai hanya bergantung kepada *mobile apps* seperti *Windy.com* dan *Cyclocane.com* untuk menjejaki setiap perubahan keadaan meteorologi semasa. Kedua-dua aplikasi ini bukan aplikasi rasmi, namun ramalannya agak *detail*, tepat dan pantas. Kita berharap pihak Jabatan Meteorologi Malaysia dapat menjadi selari dengan pemodenan teknologi dalam meteorologi supaya sebarang amaran cuaca tahap merah dapat disebar kepada Majlis Keselamatan Negeri secara *real time*.

Metodologi tersebut iaitu sebaran maklumat rasmi yang terkini, terperinci, menyeluruh dan pantas sudah lama digunakan di negara-negara jiran seperti di Jepun dan Korea Selatan supaya persediaan spontan dapat diatur dengan berkesan sebelum dan bukannya sesudah berlakunya sebarang bencana alam yang raksasa. Di Pulau Pinang, kami mempunyai pangkalan data yang lengkap yang boleh meletakkan semua *contact points*, dengan izin, bagi pertubuhan sivil dan NGO, agensi-agensi PBT dan agensi negeri, pertubuhan perdagangan dan industri malah perseorangan pun dipautkan dalam satu pautan *database messaging* yang pantas dan mudah. Jadi, apa yang tidak terjadi ialah kesemua ini masih memerlukan pengesahan rasmi tentang keadaan meteorologi daripada pihak Jabatan Meteorologi Malaysia dan bukannya membiarkan orang ramai berpandu kepada aplikasi *Windy.com* ataupun *Cyclocane.com*. Saya minta Menteri Sains Teknologi dan Inovasi menjawab permintaan saya ini dengan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ketiga yang saya ingin sentuh ialah mengenai Agensi Pengurusan Bencana Negara (NaDMA) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Harus kita merombak semula SOP pengurusan bencana. Kita sedia maklum bahawa urusan setia bagi pengurusan bencana di peringkat negeri tidak lagi terletak di dalam tangan Pejabat Setiausaha Negeri dan kini ia dikendalikan oleh Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) yang membuat penyelarasan rapat bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara. Kedua-duanya JPAM dan NaDMA adalah agensi Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cabaran besar dalam usaha penyelamatan ketika *the critical first hours* dalam banjir besar ini adalah kekurangan aset selain bot-bot kecil yang tersimpan untuk kegunaan am sahaja oleh pihak JPAM, Bomba dan PDRM. Malahan, kerahan sumber manusia bagi agensi-agensi tersebut juga amat terhad selain mereka harus menanggung tugas-tugas asasi masing-masing. Badan yang memiliki akses penyelamatan paling lengkap tidak lain tidak bukan ialah Angkatan Tentera Malaysia. Kita menduga aset-aset tersebut dapat dikerahkan secara pantas semasa *the critical first hours* ini tanpa sebarang proses birokrasi yang panjang. Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab permintaan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang keempat yang saya ingin sentuh ialah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah mengenai Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Kota Giam ataupun bertempat di Lot 10042/PT36 atau Lot 10043/PT37 di kawasan Parlimen Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam surat kementerian yang bertarikh 28 September 2017, Menteri Perumahan telah mengatur pada 9 Oktober untuk mengadakan satu mesyuarat bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membicarakan projek PPR tersebut demi untuk menambahkan pilihan unit kediaman rumah bagi golongan B40 berdasarkan jumlah pendapatan keluarga. Sebenarnya sebelum ini kerajaan negeri telah menyediakan satu bidang tanah melebihi 15 ekar di Jelutong ini untuk menjayakan projek PPR di Pulau Pinang untuk manfaat rakyat biasa, rakyat jelata. Namun, dalam satu surat rasmi bertarikh 6 Oktober yang dihantar melalui faks, kementerian yang sama telah membatalkan mesyuarat tersebut tanpa memberikan sebarang sebab.

Saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Pusat telah membuat keputusan untuk melepaskan tanggungjawab mereka terhadap mereka yang berpendapatan rendah dalam golongan B40 dan tidak lagi akan membina apa-apa projek PPR di Pulau Pinang terutama sekali di kawasan yang ketandusan tanah seperti di bahagian pulau, Pulau Pinang? Saya minta Menteri berkenaan menjawab soalan saya ini secara tepat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kelima yang ingin saya sentuh ialah Jabatan Perdana Menteri mengenai Projek Perumahan Mampu Milik (PR1MA) di Pulau Pinang. Kita sedia maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri telah memperuntukkan tabung dana yang lumayan semenjak Projek Perumahan PRIMA diperbadankan yang asalnya ia diterajui oleh bekas Yang Berhormat Rompin, Allahyarham Jamaluddin Jarjis. Bagi negeri Pulau Pinang, teraju pimpinan PRIMA ini sekarang dipertanggungjawabkan ke atas Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, Datuk Seri Zainal Abidin Othman, bekas orang kuat UMNO. Dalam siaran *Utusan Malaysia* terbitan 15 September 2017, Datuk Zainal Abidin telah dilaporkan sebagai menyebut sebanyak 16,279 unit rumah mampu milik PRIMA telah diluluskan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang.

#### ■1900

Namun setelah semakan rekod dibuat di *One Stop Centre* di MBPP serta Majlis Perbandaran Seberang Perai ia menunjukkan hanya terdapat dua projek yang telah memenuhi syarat dan juga telah diluluskan iaitu sebanyak 1,823 unit di Bukit Gelugor dan 1,248 unit di Batu Ferringhi. Kedua-dua projek itu terletak di sebelah pulau dan jumlah unit kedua-dua projek tersebut hanyalah setakat 3,071 unit menerusi dua syarikat pemaju iaitu Tetuan Eastcape Vista Sdn. Bhd. dan Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd. Jadi statistik sebanyak 16,279 unit yang diberikan oleh Datuk Seri Zainal Abidin itu adalah bahan suspek.

Kalau kita ambil 16,279 unit yang dihebahkan dalam *Utusan Malaysia* tolak hanya 3,071 unit yang telah diluluskan oleh PBT maka baki projek PR1MA di Pulau Pinang hanyalah sebanyak 13,226 ataupun 81 peratus yang di umum tetapi belum mendapat keputusan untuk dibina. Jadi kalau hendak bina, hendak bina dekat mana dan terletak di mana? Saya minta Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan saya secara tepat atau lebih mudah lagi pecatkan Datuk Seri Zainal Abidin Osman daripada PR1MA Pulau Pinang supaya ianya dapat dipimpin oleh orang yang lebih berwibawa.

Tuan Yang di-Pertua, ketinggalan masa tiga minit, saya ingin sentuh satu lagi perkara mengenai Jabatan Perdana Menteri. Satu lagi projek yang dikendalikan di bawah Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Syarikat JKP Sdn. Bhd. di bawah Jabatan Perdana Menteri. Baru-baru ini dua projek perumahan JKP di Kampung Pisang Awak di Jelutong iaitu Projek Perumahan Mutiara Rini dan Projek Perumahan Mutiara Ria telah ditafsir oleh tujuh buah syarikat perunding termasuk IKRAM dan juga Arop Consultant International sebagai mengalami *structural failure* dan wajib dirobuhkan demi keselamatan orang ramai dan pembeli. Namun sehingga saat dan tika ini JKP enggan berbuat begitu mengikut saranan perunding dan pakar.

Jadi saya hendak sebutkan di sini bahawa sementara syarikat JKP enggan melaksanakan saranan perunding dan ia telah dijanjikan, perobohan itu dijanjikan di depan muka Ketua Menteri Pulau Pinang namun kejadian itu ataupun proses perobohan itu masih belum berjalan, saya ingin hendak tanya kenapa pula kontraktor utama bagi salah satu projek tersebut iaitu Anas Construction Sdn. Bhd. telah dilepaskan daripada ikatan kontraknya serta diberikan pampasan dan ia telah tidak lagi perlu untuk memikul sebarang tanggungjawab ke atas kerugian JKP, itu yang pertama.

Pembekal bahan konkrit daripada Syarikat Strong Mixed dan Syarikat Strong Mix merupakan anak syarikat IGM yang juga merupakan satu GLC. Kenapa tanggungjawab untuk syarikat ini tidak dipersoalkan oleh JKP, tambahan pula perunding utama bagi kedua-dua projek tersebut Mutiara Rini dan juga Mutiara Ria iaitu Syarikat SSJ Consulting Engineers Sdn. Bhd. telah dilepaskan daripada segala ikatan kontrak dan tanggungjawab tanpa sebarang pampasan disebut.

Saya hendak tanya apa yang telah terjadi sebenarnya sehingga JKP bukan sahaja tidak dapat menunaikan kewajibannya untuk membina rumah-rumah mampu milik tetapi juga bagi mereka yang telah diperuntukkan unit-unit mereka sama ada kos sederhana ataupun kos sederhana murah dan mereka ini dalam kesempitan kerana mereka yang telah diperuntukkan unit sekarang, bangunan yang mereka bakal beli telah disarankan untuk di roboh dan belum di roboh. Jadi semua mereka itu tersasul jalan sekarang. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri yang berkaitan untuk memberi penjelasan yang konkrit sekali. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

**7.05 mlm.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih bagi saya peluang ambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2018. Tuan Yang di-Pertua, kali ini kita Belanjawan 2018 adalah satu belanjawan yang baik, *we call as a 'people budget'* pembangkang memang kata tidak setuju. Ini saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia mendengar apa suara di bawah, itulah banyak perubahan dalam Belanjawan 2018.

Contoh macam di sekolah membaik pulih ataupun naik taraf sekolah itu saya ucap terima kasih lagi sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bagi peruntukan RM1 bilion bagi sekolah-sekolah di Sarawak ini. Jadi untuk naik taraf ini ataupun membaik pulih keadaan sekolah ini dia terus akan diagihkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, menjalankan tugas membaik pulih sekolah itu. Inilah konsep yang terbaik fasal kita Kerajaan Negeri Sarawak dia faham lokasi dan juga apa sebenarnya mahu naik taraf.

Kita sekarang ada pelik sedikit di dalam kementerian kemungkinan dia tidak perasan, kita sekarang banyak bergantung kepada konsultan. Membaik pulih ini sepatutnya tidak payah kita guna konsultan. Kita mahu minta sekolah-sekolah bagi maklumat apa yang perlu dinaik taraf. Konsultan ini banyak dia naik taraf bukan ada untuk membaik pulih ataupun pergi turun padang untuk pergi *check* sekolah-sekolah mana mahu dinaik taraf. Dia cuma mimpi dalam dia punya pejabat, dia terus bagi satu cadangan yang baik.

Contoh, banyak sekolah di luar bandar sepatutnya mahu dinaik taraf, mahu bina, mahu baik pulih tetapi dia tidak, dia buat lain. Itu contoh tandas sekolah asrama patut dia buat tetapi dia buat lain terutama sekali guru-guru punya kuarters. Dia orang langsung tidak ambil tahu. So, saya rasa kali ini dalam ini kita banyak perkara boleh di selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh lagi mengenai isu iktiraf UEC ini. Saya memohon jasa baik daripada dua-dua kementerian, Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pendidikan Tinggi mengenai mengiktiraf UEC ini, janganlah kita ambil masa terlampau panjang. Banyak orang menunggu menyelesaikan UEC ini. Kita pun atas ini isu banyak kali kita sudah janji tetapi sampai hari ini kita nampaknya hanya mahu *coming to close the settlement or* mengiktiraf UEC ini tetapi kita jangan ambil masa terlampau panjang nanti kemungkinan selesai masa dekat pilihan raya nanti orang kata *this is fishing the vote, then only* kita baru hendak buat.

Saya minta ini secepat mungkin kita mengadakan sesi dialog ataupun kedua-dua pihak daripada Dong Zong dan juga pendidikan, *give and take*. Kita sepatutnya yang mana kita boleh ambil kita boleh *tolerate*, kasi *easy*. Saya difahamkan dia meminta secara dalam

bahasa Malaysia saya rasa kita boleh terima sebagai rakyat Malaysia kita boleh terima secara – dalam ambil *exam*, tiada masalah. Kalau Dong Zong kalau tidak mahu lagi secara dalam bahasa Mandarin kita boleh kasi. Bagi dia orang ambil dua-dua, automatik kita boleh bagi.

■1910

Kalau mahu tambah lagi sedikit masa untuk bahasa Malaysia, saya rasa kita boleh menerima pasal kita sebagai orang Malaysia, tidak salah kita lebih sikit masa bagi generasi akan datang ataupun generasi muda, mereka belajar lebih sikit bahasa Malaysia. Itu, bahasa kita. Jadi isu ini, saya mengharapkan kedua-dua pihak janganlah kita terlampau bergantung sama politik. Kita sepatutnya ini atas pendidikan, kita mahu selesaikanlah secepat mungkin. So sekarang ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di dalam Dewan ini, saya harap kita ambillah perkara ini dengan serius. Saya tidak mahu nanti banyak alasan. *We should not take too complicated route raise out on the issue what we have been facing.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh PTPTN sedikit. Saya nampak ada pelik sikit. Pembangkang tunjuk kalau Pakatan Harapan menang, dia akan menghapuskan ataupun memansuhkan PTPTN ini, tidak payah bayar. Akan tetapi saya cukup keliru sikit ataupun saya tidak faham kenapa mereka mahu sentuh ini. Saya difahamkan dalam isu ini, Kerajaan Negeri Selangor pun ada satu universiti. Sampai sekarang tidak nampak dia mansuhkan dia punya *university fee*, tidak ada. Macam mana kita sebagai ahli politik, kita boleh menipu rakyat. Mana satu negara ada bagi *university free of charge*.

**Beberapa Ahli:** Banyak, banyak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana? Kalau boleh, minta Selangor buat dulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Selangor's university* tidak ada tetapi Selangor punya universiti ada minta mahasiswa mahasiswi dia meminjam wang dengan PTPTN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu Yang Berhormat Kapar, dia punya kepala batu. Mana dia faham. Dia tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau dia boleh, dia balik Selangor dan minta Menteri Besar 'dihapuskan' dulu universiti punya fi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam mana dia mahu hapuskan Menteri Besar? Menteri Besar tidak boleh hapus *[Ketawa]*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu dia punya universiti fi, barulah cerita. Kalau tidak, buat apa bikin?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini Yang Berhormat Bintulu dia tidak faham tentang Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** .....Selangor....[*Ucapan tidak jelas*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, itu mengelirukan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Selangor, di UNISEL, memang ada pendidikan percuma.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bintulu tidak bagi jalan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** UNISEL itu memang *Selangor's government* punya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada pendidikan percuma. Kena bagi saya ruangnya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa lagi? Putar balik, putar balik. Inilah masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduklah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak bagi saya ruang, macam mana hendak cakap? Dia salah faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini masalah dia. Putar balik, putar balik. Hendak cerita ketawa, kita cerita serius ini. Kita hendak minta kita sebagai *politician*, jangan salah mendidik generasi muda kita. Kita tengok kita pergi universiti, mana-mana *oversea* termasuk Taiwan, saya pergi sana. Mana ada satu universiti bagi *free*, bantuan ada dia bagi. *Scholarship* dia ada bagi, mana ada bagi *free*. Kita janganlah bagi generasi muda tidak bertanggungjawab, *wrong hope*. Hari-hari dia mereka tunggu tetapi dia sendiri tidak boleh buat. Itu Yang Berhormat Shah Alam apa dia mahu bising? Dia nampak ada tempat, dia *pau* orang punya tempat, dia faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk, tidak bising, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hah! Itulah dia ketawa apa? Janganlah kita hari-hari kita salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, memang biasalah orang yang tidak tahu apa-apa buat bising, dia tidak akan bagi laluan kepada orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita hendak betulkan. Saya pergi ke *Germany, education free in Germany.*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Shah Alam, kalau saya tidak mahu buka kamu punya cerita, Yang Berhormat Shah Alam punya cerita, *you* janganlah cerita boleh?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada banyak lagi tempatlah, *I think you get your ....*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya boleh panggil saksi lagi macam mana *you pau* tempat orang. Mahu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jadi, saya mintalah PTPTN ini, kita mesti mahu bersedia membantu mana-mana *courses*, kalau boleh. Ada segelintir *courses* yang tidak masuk PTPTN. Saya harap Pengerusi PTPTN boleh mengkaji, membantu mahasiswa dan mahasiswi ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh mengenai isu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mengenai nelayan. Nelayan Zon A, *zero* ke lima *nautical mile*. Zon B, lima ke 12. Zon C, 12 ke 30. Zon C2, 30 batu naik. Kenapa saya mengemukakan isu ini? Masalahnya Zon A, sepatutnya kita mahu mengikut *sea base*. Ada laut yang dia punya *sea base*, kalau dua atau tiga *nautical mile*, dia ada **sharp drop**, sangat dalam. Itu Zon A punya bot pun tidak boleh pergi, ombak kuat.

Kita pun tidak boleh minta Zon B, lima ke 12 *nautical mile*. Dia punya bot pun kecil. Kalau macam contoh di Bintulu, dia lima ke 12 *nautical mile*, *you* suruh *license B* punya pergi, mungkin pagi pergi, petang atau malam dia tidak balik kerana ombak sangat kuat. *So each of the stage*, dia punya *sea base* lain. Kita tidak boleh selaras semua sama sahaja. Kalau semua sama, nelayan berjumpa dengan saya, dia begitu susah hendak cari makan sekarang. Kalau dia cari makan lebih sikit, dia mahu sekurang-kurangnya dapat bayar minyak, dia masuk sikit, kena tangkap dengan APMM. APMM tidak mahu bagi peluang dan tidak bagi penjelasan dengan mereka. Itulah nelayan banyak bising. Dia kata kalau boleh, dia mahu minta *marine police* datang semula.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia kata *marine police* dulu selalu beri mereka didikan mengenai macam mana hendak jalankan cara yang terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Hah, sila! Kalau ini tidak, kawan bising nanti.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Apabila sahabat saya Yang Berhormat Bintulu menyentuh mengenai nelayan tadi itu, saya faham kawasan Bintulu banyak nelayan. Tadi, Menteri menjawab soalan berkenaan dengan pencerobohan.

Yang Berhormat, bersetuju atau tidak dengan saya bahawa kalau boleh, nelayan-nelayan yang besar daripada luar negara yang menceroboh itu, Vietnam dan sebagainya, Indonesia atau Filipina, boleh atau tidak beritahu kepada rakyat bahawa inilah jumlah kes yang diheret di mahkamah supaya pengundi-pengundi kita, nelayan ini senang hati. Setuju atau tidak Yang Berhormat Bintulu sebab sekarang ini belum ada. Hanya kompaun-kompaun sahaja. Sebanyak 453 operasi tetapi yang kena masuk *jail*, yang bot dia kena tangkap, belum ada yang kelihatan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Memang saya setuju apa Yang Berhormat Putatan kata. Saya masukkan pencelahan Yang Berhormat Putatan dalam ucapan saya. Nanti minta Menteri jawab.

Ini memang, saya setuju. Di Bintulu pun sama, nelayan banyak bising. Dia kata kalau kita punya bot tempatan di tempat tangkap ikan itu, hari-hari APMM datang dan kacau mereka tetapi nelayan-nelayan daripada luar negara, besar-besaran dari luar negara tetapi APMM tidak nampak kapal mereka. Ada bot di tengah laut di sana kutip dia punya ikan itu semua, kita tidak nampak. Saya tidak faham kenapa APMM tidak nampak, kenapa APMM tidak boleh lihat perkara yang berlaku ini. Kenapa nelayan tempatan kita, hari-hari kita susahkan mereka, beri mereka pening kepala.

Inilah saya rasa kita punya APMM ini, Menteri bertanggungjawab di Pejabat Perdana Menteri bolehlah lihat perkara ini sedalam-dalamnya. Kita mestilah mahu buat perkara yang terbaik untuk nelayan termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mestilah mahu kaji semula mengenai berapa *nautical mile*, kelas B kah C kah D kah, pergi tempat itu. Boleh buat penilaian tetapi *check* dulu dia punya *sea base*. Berapa dalam dia. Kalau dia punya *drop* macam Bintulu ada *sea base*, dia *drop* satu kali terus turun melebihi 15 meter. Mana itu bot nelayan punya lesen Zon Kelas A boleh masuk? Tidak boleh juga. Inilah yang saya minta. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada sini, daripada Kementerian Pertanian, saya harap perkara ini boleh diambil berat dan serius mengenai isu ini.



## ■1920

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mengenai ini Malaysia Airports Berhad, saya meminta Kementerian Pengangkutan ambil perkara ini serius. Kenapa saya suara ini? Contoh macam di Bintulu, semalam luar hujan dalam bangunan pun hujan. Peliknya Tuan Yang di-Pertua, dia punya hujan punya tempat bila itu Hari Kebangsaan ada buat *celebration* di Bintulu, dia buat itu *paper tap* kasi tutup semua, kasi cat.

Sekarang dua tiga bulan hujan-hujan, tembus lagi. Bila saya tanya, dia kata tidak ada peruntukan. Paling teruk punya, saya tidak faham. Kenapa ini MAB pergi terlibat dalam sektor tanam sawit. Kalau kita ada lebih punya tanah, kenapa kita tidak boleh cari FELCRA, SALCRA, di Sarawak semua ada. *Join venture* sama dia orang. Saya keluar tanah, berapa bahagian *you* kasi sama saya bila *you* ada hasil? Kenapa kita pergi tanam sekarang? Dia punya sawit, hidup pun tidak mati pun tidak, fasal tidak ada wang pergi buat *maintenance*. Lepas itu buat penyelenggaraan *airport*, tetapi dia punya wang semua sudah diguna. Kali-kali kita tanya naik taraf kenapa ini tanah tidak ada, semua peruntukan tidak ada. Ini Malaysia Airport saya harap janganlah bagi banyak alasan. *Please look back at what your weakness and ratify it*. Contoh macam KLIA, ada tandas tempat kencing untuk laki. Saya tanya kenapa tidak *repaired*, dia orang kata ini biasa. Berapa lama sudah? Dua bulan sudah. Kenapa? Kita mahu tunggu panggil tender. Apa cerita Malaysia Airports Berhad tidak ada *team maintenance*-kah? Sumbat dalam itu kencing punya pun tidak boleh *repair*, mahu panggil tender? Kalau macam itu menunjukkan Malaysia Airport mahu cari kontrak sahaja, dia bukan membantu menaik taraf *airport* ataupun *maintenance* jaga terbaik.

Kita pun boleh nampak lain-lain orang punya *airport* kenapa jadi canggih, kenapa kita tidak boleh. So kita *we must look back what is our weakness*, jangan kali-kali kita nak *create* banyak agensi lagi yang ada. Macam itu hari kita, *Malaysian Aviation Commission*. Sepatutnya tidak payah walaupun RM1, ini kita mesti Kementerian Pengangkutan mahu faham *even though* RM1 untuk ini *low cost airlines*. Itu orang miskin mahu terbang, RM1 untuk dia orang boleh beli dua bungkus nasi lemak. Pulang balik, dia boleh beli empat bungkus nasi lemak. Kenapa kita mahu kutip begitu? Contoh KLIA 2, sehari ada kurang lebih 45,000 orang, sehari dia dapat RM45,000 kali 12, berapa? Kali 30 hari, berapa dia sudah kutip? Setahun dia dapat berapa? Tidak usah kata KLIA satu lagi. Inilah rakyat merasakan kita .... daripada dia orang. Sudah ekonomi tidak baik, kita lagi macam-macam *created*. Tadi saya nampak dia punya tugas bukan hebat sangat dia punya tugas. Tugas dia *not talking about regulate economic matter relating to civil aviation industry*.

Sepatutnya ini Kementerian Pengangkutan mahu buat, *provide and mechanize of protection of consumer*. Lepas itu ini Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab *provide the mechanize for the dispute solution between aviation*. Sepatutnya ini ada *aviation* punya *platform more than to resolve the matter*. *Administrator manage air traffic*

*right* dulu. Daripada dulu ini perkara ECA ataupun pengangkutan ambil hal ini dan lain-lain ini.

Ini saya berharap ini *since now the Malaysian Aviation Commission* saya pun mahu tanya Kementerian Pengangkutan, tolonglah bagi *route* kepada AirAsia terbang daripada *domestic flight* Bintulu ke KK. Saya tidak faham sampai hari ini, banyak kali saya tanya AirAsia, AirAsia kata dia tidak boleh terbang fasal *route* tidak dapat kelulusan. Saya faham dia kata mahu bagi MASwings peluang. Ini MASwings bila kita nak bantu dia, kali-kali bila *check flight* penuh. Bila kita naik, *flight* tidak penuh. Kadang-kadang *cancel flight* tidak beritahu juga. Inilah macam-macam kelemahan kita, *why don't we put the subsidize* pergi ke lain punya projek, membantu sama rakyat. Apa guna kita bantu kalau itu GLC tidak tahu macam mana nak *managed*. Kita patut tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya sedikit masa lagi, saya mahu habis sudah.

Mengenai Kuching ke Bintulu, saya minta MASwings tambah *route* dia, tambah *flight time, frequent flight* untuk Bintulu-Kuching. Dia kata tidak boleh, tidak ada *route*. Akan tetapi AirAsia pakai 320, hari-hari boleh kata *more than 80 percent* punya *route*. Sekarang sudah dua *flight* sudah, Kuching-Bintulu, Bintulu-Kuching dua *flight*. Akan tetapi AirAsia pakai ATR tetapi dia kata tiada *route, never look back* apa dia punya masalah. Jadi saya memohon *domestic flight dirationalize*. Bagilah peluang AirAsia kalau MASwings ataupun MAS tidak boleh terbang. Bagilah lain orang buat, jangan buat rakyat kesusahan dan rakyat hari-hari tunggu menunggu kita punya *flight route* dinaik taraf.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ada satu GST. Saya mahu suarakan ini, suara rakyat mengenai ada GST, tambah GST. Ada satu orang berniaga bagi tahu sama saya, sebulan dia mahu sedia RM150,000 bayar itu tambah GST. Bila dia tanya Kastam, Kastam kata *you* bayar dulu, nanti baru *claim* balik. Saya difahamkan sekarang *claim* balik mahu setakat dua bulan, lepas itu janji dua minggu. Sekarang dua bulan kadang-kadang dapat, kadang-kadang ada lambat lagi. Saya minta Kementerian Kewangan, Kastam ambil perhatian ini. Dia orang mahu *standby* setakat setengah juta punya untuk *rolling* GST sahaja. Kenapa kita mahu aniaya? Kalau tambah GST, tambahlah GST, tidak payah kutip. Kenapa kita mahu pergi kutip dia punya GST? Tidak perlu. *What is the point* kita mahu kutip, tunjuk kita banyak kutip, belakang kemudian bayar balik lagi. So, ini mestilah mahu dikaji balik semula.

Juga itu LHDN. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, RM70,000 ke bawah, cukai turun dua peratus. Ini pembangkang cakap ini tipu. Memang pembangkang, saya ada video *recording*, dia kata ini memang tipu. Kalau ada turun *two percent*, macam mana kita boleh meningkat kutipan tahun 2018. Akan tetapi dia tidak faham, dia hari-hari hendak sembahyang, negara kita ekonomi tidak boleh meningkat, hari-hari mungkin boleh jatuh lagi. Itulah tidak dapat meningkat kita punya LHDN. Saya cuma di sini memohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau boleh, pertimbangkan balik semula sekurang-kurangnya kita turun pergi kepada RM150,000 punya

*income* kasi turun juga sama rata *two percent*. Nanti perlahan-lahan kita baru turun lain-lain punya. Inilah saya punya cadangan dan minta kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan ini.

Jadi masa tidak cukup, saya minta maaf masa ambil panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga saya memohon menyokong Belanjawan 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

### 7.28 mlm.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pada mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan atas bajet yang telah dibentangkan. Bagi saya ia satu bajet yang lebih teruk dari yang biasa, amat sangat *mediocre* dan pasti mengecewakan ramai. Ia berpaksikan satu ilusi bahawa ekonomi Malaysia dalam keadaan baik dan rakyat jelata bahagia dan tidak tertekan dengan keadaan ekonomi, khususnya kos kehidupan dewasa ini.

### ■1930

Ada beberapa pengkaji politik serta pengkaji ekonomi yang menyatakan ianya bajet sindrom penafian atau *denial syndrome budget*. Yang Amat Berhormat Pekan telah memberikan angka-angka pertumbuhan ekonomi atau KDNK dan peningkatan pelaburan asing sebagai bukti keadaan ekonomi yang baik dan membanggakan sedangkan Yang Amat Berhormat Pekan semestinya memahami bahawa pertumbuhan itu sekiranya tepat sekali pun angka pertumbuhannya, tidak menggambarkan agihan kekayaan di kalangan rakyat bawahan. Maka walaupun berlakunya pertumbuhan sekali pun, tidak boleh dinafikan bahawa pada hakikatnya rakyat jelata tetap merasa lebih tertekan dan lebih kesempitan berbanding sebelumnya.

Begitu juga dengan angka-angka pelaburan. Peningkatan pelaburan adalah atas sebab pulangan yang baik yang dicapai oleh pelabur, bukan semestinya pulangan yang diperoleh negara atau rakyat. Apa makna peningkatan pelaburan tersebut sekiranya akhirnya yang untung hanya pelabur dan rakyat jelata tetap tidak mendapat apa-apa. Ya, benar Malaysia telah disenaraikan sebagai antara negara terbaik untuk membuat perniagaan atau *business*. Akan tetapi mungkin ianya atas sebab ketiadaan apa-apa syarat ataupun kawalan sehingga pelabur boleh mendapat pulangan yang baik tanpa dikenakan cukai tinggi dan tanpa apa-apa sumbangan kepada rakyat jelata. Ini sahaja penjelasan yang munasabah apabila dibandingkan angka-angka baik dan menggalakkan yang dibentangkan berbanding realiti dalam masyarakat dewasa ini.

Hakikatnya, rakyat jelata tertekan dengan berbagai-bagai masalah khususnya kos kehidupan, inflasi dalam bentuk kenaikan harga barang, ketiadaan pekerjaan atau

pengangguran bagi yang muda dan penamatan perkhidmatan bagi yang sudah lama bekerja, kos kesihatan dan pendidikan yang semakin meningkat dan sebagainya. Yang Amat Berhormat Pekan langsung tidak *address* atau membicarakan masalah-masalah ini. Dalam pembentangan bajet tahun ini, Yang Amat Berhormat Pekan tidak mengemukakan apa-apa tindakan untuk menangani masalah-masalah ini malahan bagaikan menafikan ia wujud.

Ada juga yang mengatakan Yang Amat Berhormat Pekan mempermainkan rakyat dengan dikosongkan GST ke atas komik, majalah dan beberapa perkara yang lain yang tiada kena mengena dengan kos kehidupan rakyat. Maknanya apa? Kamu hendak saya kosongkan GST? Ha, boleh, boleh, boleh. Saya kosongkan GST untuk komik dan majalah. Ini yang dipermainkan rakyat. Dipermainkan rakyat juga melalui penurunan kadar cukai pendapatan sebanyak dua peratus bagi golongan tertentu sedangkan ini hanya menguntungkan segelintir rakyat tanpa membawa kesan ke atas harga barangan. Maknanya kalau hendak turunkan, boleh, boleh, boleh. Kita turunkan tetapi kita tidak turunkan kadar GST. Kita turunkan kadar cukai pendapatan sedangkan ia mendatangkan manfaat hanya kepada segelintir.

Cukai progresif diturunkan iaitu cukai pendapatan ini cukai progresif. Dia cukai orang yang ada duit. Ini kadar ini yang diturunkan sedangkan cukai regresif dipertahankan. Jangan sentuh GST. Tetap enam peratus. Tetap apa yang dikatakan sebagai penyelamat ekonomi negara.

Ejekan, jolokan dilakukan terhadap rakyat seperti mana dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Pekan terhadap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr. Wan Azizah. Bagi saya, ianya tindakan yang sungguh memalukan. Namun, ke atas itu semua, saya ucapkan terima kasih. Tiada petanda yang lebih baik bagi rakyat berhubung perlunya menukarkan kerajaan melalui PRU Ke-14 ini selain dari bajet yang telah dibentangkan. Ia bajet yang langsung tidak prihatin terhadap kesengsaraan rakyat dan langsung tidak mesra rakyat. Sekiranya rakyat mahu, semua permasalahan ekonomi negara ditangani dan dirawati dan bukan sekadar diberi pil *Panadol*, maka Kerajaan Barisan Nasional mesti ditukar dengan Kerajaan Pakatan Harapan di Putrajaya pada PRU Ke-14.

Kegagalan kedua yang paling ketara ialah ketiadaan satu wawasan jelas mengenai sumber pendapatan yang baru. Kerajaan Barisan Nasional kekal ingin bergantung kepada pendapatan sedia ada seperti hasil minyak, cukai pendapatan dan perniagaan dan GST. Tanpa sumber pendapatan baharu, maka rakyat boleh yakin GST bukan sekadar tidak akan dimansuhkan malahan kadarnya akan ditingkatkan apabila dianggap perlu. Kerajaan ketandusan idea selain dari memeras rakyat untuk menambahkan pendapatan.

Tadi Yang Berhormat Bintulu ada sebut tentang janji-janji manis yang dibuat oleh pihak pembangkang. Kononnya pelajaran dan pendidikan percuma tidak boleh diberikan oleh mana-mana kerajaan. Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya hendak menjawab Yang Berhormat Bintulu bersama dengan Yang Berhormat Tambun yang telah membangkitkan isu kita tidak boleh memberikan pendidikan percuma dan hapuskan PTPTN. Di dunia hari ini, banyak negara yang menawarkan pendidikan percuma dari tadika hingga universiti ijazah pertama. Ada juga beberapa negara yang memberikan pendidikan percuma sehingga PhD termasuk pelajar-pelajar daripada luar negara. Sebagai contoh Norway, Cuba, Finland, Denmark, Argentina, Turkey, Venezuela, Libya dan Brazil dan mereka telah menawarkan pendidikan percuma hampir 30 hingga 40 tahun dan mereka tidak menjadi bankrap. Masih lagi stabil, malahan ekonomi bertambah baik.

Di Selangor, Yang Berhormat Shah Alam, di Selangor kita ada Skim Derma Siswa Universiti Selangor (UNISEL) yang memberikan pendidikan percuma untuk tahap asas di mana kos yuran pengajian ditanggung sepenuhnya. Setakat hari ini, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan RM4 juta dan skim ini bukan sahaja untuk masyarakat Selangor tetapi terbuka kepada semua masyarakat Malaysia di luar Selangor. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Pandangan Yang Berhormat Bintulu dia hidup bawah tempurung. Pada hari ini, saya ingin mengupas persoalan topeng keislaman yang paling popular di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bajet 2018 yang dibentangkan pada 27 Oktober baru-baru ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Mengandungi retorik Islam yang begitu ketara sehingga...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kenapa Yang Berhormat Shah Alam panggil saya punya tetapi you tidak berani?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Sehingga bagi saya, ia memualkan. Alah, Yang Berhormat Bintulu pun suka panggil saya juga.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu panggil saya tempurung apa pasal tidak berani? Kamu hebat, kamu patut.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cukuplah, tidak ada masa.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bagilah peluang kalau berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat .

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baru-baru ini mengandungi retorik Islam yang begitu ketara sehingga...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Inilah perangnya. Jagalah mulut sikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Bagi saya ia memualkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Faham tidak? Kita sebagai orang agama jagalah mulut sikit. Hari-hari cerita agama tetapi mulut tidak jaga.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kerana ia retorik semata-mata. Tadi saya hendak masuk pun Yang Berhormat Bintulu tidak bagi. Samalah. Dua kali lima. Jangan marah. Jangan marah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bukan saya tidak bagi. Kamu tidak bangun. Tadi saja hendak panggil Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya bangun pun *you* tidak bagi bangun pun *you* tidak bagi. *You* kacau orang boleh, bila kita buat- *you* tidak bagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa tidak boleh, tidak boleh. Saya bagi jalan. Kamu faham tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar pun salah, Yang Berhormat Bintulu pun salah... [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** ....Selangor- PTPTN.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa saya mahu jawab, apa saya mahu jawab?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tengok *Hansard*, saya sudah jawab.

■1940

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa sudah jawab? Jawab apa? *Hansard*?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Lu kacau orang. Buat apa kacau orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cukai berapa?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cukai apa?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jawablah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cukai apa? Selangor [*Ucapan tidak jelas*] baca. Ada dalam. *You* tidak baca.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yakah? Baca apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, okey. Dia buang masa saya. Saya tahu saya cakap dia sakit. [*Ketawa*]

Amat memualkan kerana ia retorik semata-mata. Saya merasakan bahawa retorik ini bertujuan memberikan kepada pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan satu topeng keislaman selari dengan strategi UMNO Barisan Nasional yang ingin terus membantu PAS untuk menjadi semakin tidak relevan.

Retorik ini bertujuan untuk memungkinan PAS memberi alasan kepada ahlinya dan rakyat jelata supaya terus tidak berdamai dengan Pakatan Harapan dan sebaliknya akan sama ada bersendirian atau bersama dengan UMNO Barisan Nasional dalam PRU ke-14. Mesej utama untuk ingin diperkukuhkan dalam menghadapi PRU ke-14 adalah UMNO kononnya semakin islamik dan Pakatan Harapan pula kononnya dikuasai DAP yang kononnya memusuhi Islam.

Oleh itu, kita dapati retorik berhubung Islam melalui kupasan *maqasid syariah* lima matlamat utamanya dan pengenalan takrif *dharuriyat*, *hajiyat*, *tahsiniyat* dikemukakan secara panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam bajet kali ini. Begitu ironis apabila bajet yang digelar ibu segala bajet dibentangkan oleh bapa segala skandal dan bajet ini cuba dihiaskan sehingga diperlihatkan sebagai bajet yang islamik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya hati-hati dengan Peraturan Mesyuarat tentang sifat dan kelakuan ahli Yang Berhormat. *Be careful* Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah bagi *tittle* yang sedemikian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey baik. Saya ambil kira apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua. Diperlihatkan sebagai bajet yang islamik sedangkan pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan dilihat dunia sebagai kleptokrasi. Dunia ya Tuan Yang di-Pertua, bukan sini. Sini semua okey. Sedangkan tiada apa-apa manfaat kepada Islam atau umatnya dengan dikaitkan Islam dengan bajet ini selain dipalitkan Islam dengan korupsi dan salah guna kuasa yang dewasa ini dilihat dunia sebagai sebahagian dari pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan.

Dengan bertindak bertopengkan Islam, matlamat pertama *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, *hifzuddin* dengan sendirinya telah gagal dipenuhi. Menjaga agama bukan sekadar membina masjid, sekolah agama atau mengucapkan perkara-perkara yang indah, *lips service* terhadap Islam dan jauh sekali dengan menimbulkan ketegangan antara Muslim dan bukan Muslim atas alasan mempertahankan ketuanan Melayu dan Islam. Menjaga agama termasuk menjaga imej Islam sebagai agama yang menuntut keadilan, ketelusan dan pertanggungjawaban pemimpin terhadap rakyat. Menjaga agama termasuk menjaga imej Islam sebagai agama pembawa rahmat yang menolak korupsi dan penyelewengan serta penerimaan duit haram yang diperoleh melalui salah guna kuasa atau rompakan.

Di dalam Surah An Nahl ayat 94, Allah berfirman [*Membaca ayat Al-Quran*] Bermakna, “Dan jangan kamu jadikan perjanjian yang kamu meterai antara kamu sebagai bahan mainan dan tipu helah. Akan tergelincir kaki kamu setelah berdiri mantap dan tegak dan akan dicampakkan kehinaan ke atas kamu kerana kamu menjadi sebagai dinding menghalang manusia dari mengenali jalan Allah. Maka oleh itu untuk kamu seksaan yang dahsyat.”

Ayat ini jelas memberikan amaran kepada Nabi SAW dan para sahabat RA supaya jangan melakukan perkara yang keji, yang akan mencemarkan imej Islam. Ini akan menyebabkan manusia terpaling dari jalan Allah. Mana mungkin sebuah pentadbiran korup membentangkan bajet yang siap dengan solekan Islam menjaga kepentingan agama. Sedangkan apa-apa kaitan pentadbiran yang korup dengan Islam akan hanya mencemar nama baik Islam dan menyebabkan ramai berkata apa punya agama Islam ini yang membenarkan rasuah dan penyelewengan serta penindasan ke atas rakyat jelata.

Matlamat *maqasid syariah* yang lainnya kesemuanya turut tidak tercapai. Bagaimana dikatakan menjaga akal atau *hifzuláql* sambil akal manusia Muslim Melayu dipenuhi ketakutan dan permusuhan serta pemikiran perkauman. Bagaimana akal boleh berfungsi dengan baik memilih yang lebih diredai kalau sentiasa dihantui ketakutan dan permusuhan yang sengaja diada-adakan. Menyeru umat untuk terus menyokong pentadbiran yang korup dan tidak amanah atas alasan kononnya Melayu dan Islam terancam adalah satu pembohongan yang menodai akal yang waras sehingga berfikiran sempit dan songsang.

Hakikatnya umat harus diseru ke arah yang sebaliknya iaitu untuk berani menolak rejim yang korup, rosak dan merosakkan demi untuk mengembalikan maruah bangsa dan agama. Amanah sering dituduh berdiri bersama golongan bukan Islam untuk menentang orang Islam dan kaum sendiri. Sebenarnya yang kami tentang adalah rasuah dan penyelewengan dan sepatutnya umat Islam membantu menentanginya bersama kami. Malangnya mereka dirasuk pemikiran ketakutan dan prejudis sehingga sanggup berdiri bersama si zalim yang menindas dan merompak mereka.

Sebaliknya, yang bukan Islam pula yang bersama menentang rasuah dan penyelewengan. Apabila mereka sanggup bersama atas perjuangan yang diestui Islam, adakah Amanah perlu berundur? Sedangkan apa yang diperjuangkan adalah apa yang dituntut Islam. Namun alhamdulillah, keadaan ini sedang berubah dan dengan kadar yang semakin pantas. Bukan kerana usaha kerajaan Barisan Nasional tetapi kerana kami istiqamah menentang kezaliman dan penyelewengan sambil berdoa kepada-Nya. Semakin ramai umat Islam berbangsa Melayu sedang bersama kami.

Oleh kerana waktu tidak mengizinkan, saya hendak sebut tentang *hifzulmal*, jaga harta. Kegagalan Yang Amat Berhormat Pekan dalam soal *hifzulmal*, seorang *kleptomaniac* sudah pasti tidak akan mampu menjaga harta rakyat. Amat memeranjatkan apabila kedengaran Arul Kanda akan dilantik sebagai CEO Khazanah. Adakah setelah



merompak negara melalui satu syarikat yang ditubuhkan, maka beliau sekarang ini ingin diberikan terus kunci-kunci perbendaharaan? Tidak cukup perompakan secara *indirect* sehingga sekarang ini ingin diberikan kepadanya laluan untuk merompak secara *direct*.

Begitu juga persoalan kegagalan dalam soal menguruskan MARA, FELDA dan sebagainya. Setelah merosakkan institusi-institusi ini dan menjunamkan nilai ringgit serta menghasilkan hutang negara yang menggunung, adakah sesiapa yang waras yang ingin membela usaha *hifzulmal* ataupun menjaga harta yang dilakukan Yang Amat Berhormat Pekan.

*Last point.* Akhir kata, saya ucapkan terima kasih ke atas penghapusan tol di Batu 3 dan Sungai Rasau.

#### ■1950

Saya melihatnya sebagai bukti kesungguhan Yang Amat Berhormat Pekan untuk memenangkan Barisan Nasional di Shah Alam dan dengan itu mengikut pandangan beliau menang juga di seluruh Selangor. Namun demikian, saya yakin Yang Amat Berhormat Pekan akan kecewa. Warga Shah Alam tidak semudah itu tertipu. Maklumat bahawa konsesi tol PLUS telah dilanjutkan selama 20 tahun iaitu dari tahun 2018 kepada 2038 masih berdesing-desing dalam telinga warga Shah Alam. Mereka sedar walaupun Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau dimansuhkan namun mereka terpaksa mengharungi tol PLUS yang lain selama tiga generasi bukan sekadar kita di tol, anak kita di tol, dan cucu kita akan turut menanggung tol.

Akan berkata cucu-cucu kita, ini semua bencana yang dibawa atok-atok kita kerana mereka serahkan kerajaan kepada UMNO Barisan Nasional. Lalu saya seru semua tolak Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum Ke-14 ini dan kita beri peluang kepada Pakatan Harapan untuk menunjuk cara pemerintahan yang lebih telus dan lebih bertanggungjawab. Terima kasih... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Paya Besar.

#### 7.51 mlm.

**Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 ini. Mengambil tema, '*Memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbang keunggulan duniawi dan ukhrawi demi mensejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50*'. Saya percaya Bajet 2018 ini, akan memberi manfaat secara keseluruhan kepada rakyat jelata. Saya menyokong peruntukan sebanyak RM280.25 bilion bagi Bajet 2018 yang mana terdapat peningkatan peruntukan berbanding tahun 2017.

Jelas pertambahan peruntukan ini adalah hasil daripada kecekapan kerajaan dalam meningkatkan pendapatan negara termasuklah menarik pelabur-pelabur asing selain daripada pelaksanaan GST yang dianggap tidak populis tetapi telah banyak memanfaatkan rakyat. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018 ini sektor PKS banyak diberikan penekanan memandangkan kerajaan menyasarkan 41 peratus sumbangan kepada KDNK. Dengan itu saya menyokong sebanyak RM7 bilion yang diperuntukkan di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) meliputi pinjaman dengan 70 peratus jaminan kerajaan bagi sektor perkhidmatan termasuk *Industrial Revolution 4.0*. Ini bertepatan kerana 80 peratus KDNK negara-negara maju disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan wajar dicontohi oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong RM1 bilion dengan pinjaman 70 peratus jaminan kerajaan di bawah SJPP bagi mengautomasikan proses pengeluaran dan pengurangan penggajian pekerja asing. Laporan Tinjauan Pekerjaan 2015 pula menunjukkan Korea Selatan muncul antara anggota Pertubuhan Kerjasama Pembangunan Ekonomi (OECD) yang menawarkan jurang gaji paling tinggi dalam kalangan pekerja domestik dan pekerja asing.

Akan tetapi di Malaysia, banyak industri bagaikan bergantung sepenuhnya terhadap tenaga asing. Galakan teknologi ini akan memberi tambah nilai terhadap skill kemahiran pekerja tempatan sekali gus meningkatkan tangga gaji mereka daripada pertengahan ke pendapatan setinggi selain mengurangkan masalah pekerja asing.

Selain itu saya menyokong RM82 juta bagi pembangunan industri dan produk halal di peringkat agensi. Namun saya ingin bertanya, bilakah hab halal di Pahang akan dibina? Di Kelantan, hab halal di Pasir Mas telah pun dibangunkan tetapi di Gambang, projek yang dikatakan seluas 26.7 ekar dan sepatutnya siap pada tahun 2010 hingga kini tidak menunjukkan sebarang tanda akan dibina.

Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, kawasan Gambang ini telah semakin pesat membangun. Namun sehingga kini, tidak terdapat satu pun institusi perbankan di kawasan ini. Justeru itu saya mohon agar Kementerian Kewangan yang terlibat dalam membuka mana-mana cawangan bank di pekan Gambang bagi kemudahan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah yang harus dipuji ialah peruntukan yang paling tinggi pernah dicatatkan bagi TEKUN iaitu sebanyak RM500 juta. Saya berharap melalui peruntukan ini lebih ramai golongan usahawan dapat dilahirkan. Malah mereka juga perlu diberikan bimbingan secara berterusan khusus dalam pengendalian dan pengurusan kewangan. Justeru itu saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai statistik atau data bilangan peminjam TEKUN yang berjaya mengikut kaum, negeri dan jenis perniagaan yang diceburi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir di negara ini bukan sahaja memusnahkan harta benda malah telah banyak meragut nyawa. Justeru itu saya menyokong peruntukan

rancangan tebatan banjir sejumlah RM517 juta bagi kegunaan seluruh negara. Sebagai contoh, antara punca banjir di kawasan Paya Besar sendiri adalah kerana kedalaman sungai yang cetek khususnya di Sungai Kuala Kenau. Oleh itu saya mohon agar kementerian dapat menyelesaikan masalah ini dengan mendalamkan kawasan sungai yang menjadi punca masalah banjir tersebut.

Selain itu juga saya turut berharap agar kementerian yang terlibat dapat membina konkrit *monsun drain*, dengan izin, di Taman Tas dan Permatang Badak. Kos yang telah dibuat kira-kira oleh Jabatan Pengairan dan Saliran adalah sebanyak RM38 juta bagi kedua-dua kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyokong RM83.5 juta bagi membiayai penyediaan infrastruktur Fasa 1 DFTZ di Aeropolis KLIA. Ini dikatakan dapat menyasarkan penyertaan 1,500 PKS dalam ekonomi digital yang akan menarik pelaburan sebanyak RM700 juta. Di Malaysia, terdapat seorang usahawan wanita yang memulakan perniagaan kecil mengeksport hasil kerepek nangka di platform digital- *Alibaba*. Kini beliau boleh berbangga kerana produk beliau berjaya dieksport ke China sebanyak lapan kontena setelah kajian mendapati buah nangka amat berpotensi dalam penyembuhan kanser.

Justeru itu saya ingin bertanya apakah program yang dijalankan bagi menarik PKS yang berada di luar bandar bagi menggunakan peluang ini. Ini kerana banyak produk berasaskan pertanian dan sebagainya yang boleh dieksport tetapi memerlukan usaha dan penelitian kementerian bagi tujuan pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong sejumlah RM2.2 bilion bagi merencanakan lagi pemilikan rumah termasuk 600 buah rumah di bawah program *MyBeautiful New Home (My BNHome)* bagi pendapatan isi rumah B40 yang akan didirikan di Pahang, Terengganu, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan kawasan orang Asli. Dikatakan juga *My BNHome* ini menggunakan teknologi sistem binaan industri. Justeru itu saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada projek ini akan memasukkan elemen kalis banjir seperti yang dilakukan di Jerman dan Belanda. Ini kerana negeri-negeri yang dicadangkan pembinaan *My BNHome* ini terdedah kepada masalah banjir.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RM6.5 bilion yang diperuntukkan bagi infrastruktur asas sekiranya dilihat masih terdapat jalan kampung yang terlalu sempit yang digunakan sejak berpuluh tahun saya mohon agar jalan-jalan ini dilebarkan sejajar dengan usaha negara yang menjangkau 60 tahun kemerdekaannya. Kebanyakan rakyat pada masa kini telah pun memiliki kereta walaupun tinggal di pedalaman. Selain itu kerajaan perlu melihat kepada kawasan-kawasan kampung yang masih tidak mempunyai lampu jalan dan bekalan air bersih. Ini peluang agar rakyat di kampung-kampung dapat menikmati kemudahan asas yang lebih seperti di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pelbagai usaha kerajaan dalam mengurangkan pelbagai kadar cukai yang bersesuaian dengan kehendak ekonomi negara dan keperluan rakyat. Oleh itu sebagai tambahan, saya mencadangkan agar mana-mana

kereta 1,500 cc dan ke bawah diberikan pelepasan cukai bagi membantu meringankan beban rakyat. Ini kerana masih terdapat pengguna yang menggunakan kereta sebagai medium pengangkutan seperti contoh di luar bandar yang mana kawasan tersebut masih belum mempunyai kemudahan pengangkutan awam yang cekap.

#### ■2000

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong peruntukan sebanyak RM250 juta untuk pendidikan generasi TN50. Kemajuan negara amat bergantung kepada tahap pendidikan rakyat. Menyentuh soal pendidikan, saya ingin mencadangkan agar kementerian menubuhkan satu tabung khas bagi menjaga kebajikan guru-guru. Ini kerana terdapat guru-guru yang terlantar sakit dan uzur serta terabai dari segi kebajikan. Penubuhan tabung ini juga membolehkan kerajaan mengiktiraf sumbangan mereka dalam memainkan peranan mendidik rakyat yang berkualiti untuk masa hadapan.

Di samping itu dalam menyediakan suasana yang kondusif untuk pendidikan generasi masa hadapan, saya menyokong RM500 juta sebagai peruntukan bagi membaik pulih sekolah-sekolah daif di Semenanjung Malaysia. Dengan ini saya mohon agar peruntukan tersebut turut dapat dimanfaatkan bagi tujuan membaik pulih sekolah-sekolah yang uzur dan daif di Parlimen Paya Besar khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SJK(T) Ladang Kuala Reman, Panching, Kuantan. Keadaan yang tidak selesa ini menyukarkan proses pembelajaran dan pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan aspek keselamatan dan ketenteraman awam. Dengan itu, saya menyokong sebanyak RM490 juta yang diperuntukkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi membaik pulih dan selenggara kapal serta bot, menaik taraf jeti, juga pembelian tiga buah kapal peronda. Namun, saya ingin mencadangkan agar lebih banyak aset dan peralatan dapat ditambah untuk agensi ini memberikan perkhidmatan terbaik dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan perairan negara yang begitu luas. Selain itu, saya juga memohon agar kerajaan dapat memberi elaun kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan penyelarasan elaunnya mengikut kadar yang diberikan kepada RELA ataupun Askar Wataniah.

Tuan Yang di-Pertua, dan yang terakhir sekali saya ingin memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana walaupun lahir dalam golongan elit atau bangsawan tetapi masih boleh mengetepikan darjat dan pangkat. Pepatah Melayu ada menyebut, 'enggang sama enggang, pipit sama pipit'. Namun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun diibaratkan seperti enggang tetap berjiwa rakyat dan boleh turun ke bawah mendengar pendapat, menyelami kehidupan rakyat biasa. Tidak seperti sesetengah individu yang walaupun hanya pipit tetapi lagak dan egonya mengalahkan enggang. Sikap ini amatlah memalukan seolah-olah lupa akan asal usul mereka. Saya berharap teladan baik yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dapat dicontohi oleh individu dan pihak sana. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

### **8.03 mlm.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan dasar mengenai Bajet 2018 pada kali ini.

Pertama sekali, saya mewakili warga Kota Samarahan dan Sarawak khususnya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu bajet yang bersifat holistik, menyeluruh dan menyentuh pelbagai lapisan masyarakat termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan aspek pendidikan yang berkualiti dan holistik ke arah pembangunan insaniah yang lebih berdaya saing pada masa hadapan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas sejumlah peruntukan RM1 bilion kepada Sarawak dalam usaha penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah di Sarawak. Kita amat mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan memberi kepercayaan dan memberi penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan dan juga mengurus pelaksanaan projek penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah itu nanti.

Ingin saya nyatakan di sini, Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa giat berusaha menaik taraf lebih 1,000 sekolah di luar bandar yang usang. Berdasarkan laporan, daripada jumlah tersebut sebanyak 200 buah dikategorikan uzur. Justeru itu Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan Bank Pembangunan Sarawak (DBOS) dalam kerja-kerja membaik pulih sekolah-sekolah uzur menggunakan khidmat kewangan DBOS dijalankan. Tambahan pula Kerajaan Negeri Sarawak benar-benar bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab ini memandangkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri telah menstrukturkan jentera pentadbirannya dengan menubuhkan satu kementerian khas iaitu Kementerian Pendidikan bagi menyelaraskan kerja-kerja menaik taraf dan juga menyelia semua urusan berkaitan dengan peningkatan prasarana pendidikan di negeri Sarawak.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan agar dengan peruntukan ini turut melibatkan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan di kawasan saya seperti SK Endap, SK Kampung Melayu, SK Tambay, SK Sebandi Ulu, SK Sebandi Matang, SK Tanah Merah, SK Gemang, SK Lubok Ria, SK Kampong Empila, SK Binyu dan SK Pati supaya lebih baik dan juga dapat memberi keselesaan dari sudut pembelajaran dan seterusnya dapat menjadikan Kota Samarahan sebagai kota ilmu yang progresif dan sebagai hab ilmu yang seimbang di pelbagai peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah inisiatif yang sama, kementerian turut berhasrat menaik taraf 2,000 kelas bagi menjadikan bilik darjah pintar pembelajaran abad ke-21. Bagi meningkatkan pembelajaran berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif. Harapan kita di Sarawak agar hasrat ini turut dipanjangkan kepada sekolah-sekolah di Kota Samarahan dan di Sarawak kerana kita pasti garapan aspirasi pendidikan TN50 berkisar tentang peningkatan mutu infrastruktur dan modul pengajaran yang lebih selesa, kondusif, holistik tidak kira di bandar mahupun luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, aspek pendidikan untuk generasi TN50 terus dipacu dengan peruntukan bagi menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi melahirkan generasi pintar STEM. Kita amat berbesar hati dengan inisiatif kerajaan agar penerapan elemen STEM dipertingkatkan lagi. Oleh demikian, kita juga berharap agar inisiatif ini lebih memberi tumpuan kepada generasi luar bandar agar mereka turut diberi pendedahan yang sewajarnya dan tidak lagi ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memartabatkan pendidikan tinggi di negara kita, terima kasih kepada kerajaan kerana terus prihatin melanjutkan pembiayaan pemberian biasiswa sebanyak RM2.2 bilion diperuntukkan selain turut menyediakan geran penyelidikan dan pembangunan IPTA serta meneruskan *MyBrain* untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah bernilai RM90 juta. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah sasaran yang ditetapkan oleh kementerian dalam memastikan penerima semua bantuan pendidikan tinggi ini mampu menyumbang dan memberi manfaat kepada negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan penjenamaan semula Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mana telah dijenamakan semula sebagai TVET Malaysia. Difahamkan institusi ini adalah tertakluk di bawah tujuh kementerian dan satu pelan induk TVET Malaysia bakal dirangka.

#### ■2010

Menurut kajian Pengesanan Siswazah 2016 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, siswazah TVET mempunyai kadar mendapat pekerjaan yang tinggi daripada siswazah daripada institusi pengajian tinggi yang lain. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kadar mendapatkan pekerjaan untuk siswazah daripada kolej komuniti adalah 97.2 peratus dan 88.6 peratus bagi siswazah daripada politeknik berbanding 77.2 peratus bagi siswazah daripada institusi pengajian tinggi yang lain.

Justeru itu, saya berharap golongan belia di Sarawak terus diberi pendedahan mempelajari kemahiran teknikal dan vokasional kerana permintaan industri yang semakin meningkat yang bukan sahaja menawarkan gaji lumayan malah bertindak sebagai asas untuk kemahiran keusahawanan. Selari dengan salah satu visi Kota Samarahan menjelang tahun 2025 iaitu ke arah penduduk yang berilmu, berkemahiran dan mempunyai daya saing keusahawanan yang tinggi, saya mengharapkan menerusi peruntukan Biasiswa Pelajaran Cemerlang TVET, jumlah penyertaan daripada golongan luar bandar

akan terus meningkat dan sekali gus melahirkan belia yang lebih berilmu berdaya saing menuju TN50.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada prospek keusahawanan yang turut sama mendapat pelbagai manfaat daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2018. Antara yang menarik perhatian saya adalah usaha bagi mengukuhkan perusahaan kecil dan sederhana melalui latihan, geran, pinjaman mudah PKS, SME Corp. serta pembangunan industri dan produk halal. Malahan, menerusi Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) pula, sebanyak RM580 juta diperuntukkan pada tahun 2018. Ini menunjukkan kerajaan terus komited membantu golongan PKS ini terutamanya usahawan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia merangkumi 98.5 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan di negara ini. Selaku pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara, usaha untuk merencanakan lagi pembangunan PKS harus diteruskan. Malah, Sarawak merupakan negeri yang kelima tertinggi dari segi bilangan PKS di Malaysia. Terdapat 62,000 PKS di Sarawak iaitu 6.8 peratus daripada jumlah keseluruhan PKS di Malaysia. Daripada jumlah ini, 92 peratus PKS di Sarawak adalah dalam sektor perkhidmatan, 4.5 peratus dalam sektor pembuatan, 0.7 peratus dalam bidang pertanian.

Berdasarkan data daripada MATRADE, sepanjang tahun 2016, terdapat 22 orang usahawan wanita yang menyertai 77 promosi eksport yang telah dijalankan melalui MATRADE. Promosi ini dijalankan dengan meluas ke Dubai, ke China, ke Brunei dan United Kingdom. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh mana usahawan luar bandar turut diberi pendedahan tentang peluang pemasaran eksport produk mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti masih ramai usahawan perniagaan kecil sederhana di Sarawak khususnya di luar bandar masih belum mendaftar perniagaan mereka dengan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp.). Justeru itu, diharapkan pihak SME Corp. akan bergiat lebih aktif dalam mengenal pasti usahawan yang berpotensi untuk mengembangkan perusahaan mereka. Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan pentingnya para usahawan ini berpersatuan yang terus menyerlahkan potensi mereka dan membawa produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil satu lagi contoh, usaha sama antara SME yang menjalankan program ini, SME Expo bersama Emart, diadakan di Emart Batu Kawah pada Ogos 2017. Program seperti ini bertujuan memupuk budaya keusahawanan di negeri Sarawak selain mengetengahkan produk serta perkhidmatan PKS bersama *hypermarket* tempatan. Malah, ia menjadi platform pepadanan perniagaan yang memberi keuntungan *win-win situation* kepada pihak PKS mahupun Emart. Diharap hal sebegini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang agar komuniti usahawan ini terus berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkaitan daya saing di peringkat antarabangsa ke seluruh negara hingga ke peringkat antarabangsa, saya juga ingin menekankan kepentingan teknologi digital yang bakal memacu inovasi dan membuka peluang pasaran baru.

Pembangunan portal *e-Commerce* telah dimulakan di Samarahan ke arah ekonomi digital Sarawak menerusi iDEC yang menggariskan lapan inisiatif. Justeru itu, saya berharap agar kerjasama SME Corp. dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDeC) mempersiapkan kira-kira 500 PKS tempatan ke arah penggunaan platform digital pada November ini akan turut memanfaatkan usahawan di Kota Samarahan khususnya dan Sarawak amnya ke arah *The Fourth Industrial Revolution (IR4.0)* dan era ekonomi digital. Sarawak dijangka menjadi pelopor ke arah *cashless society* melalui *Sarawak Pay* dan *e-wallet* yang akan dirasmikan hujung tahun ini. Justeru itu, saya berharap penambahbaikan kemudahan akses jalur lebar dan komunikasi di kawasan luar bandar perlu ditingkatkan.

Ekoran daripada itu, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengambil berat tentang aspek pembangunan kemudahan jalur lebar *fiber optic* melalui peruntukan yang diluluskan pada tahun 2018 bernilai RM500 juta. Sesungguhnya Kerajaan Negeri Sarawak sendiri, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri telah memperuntukkan RM1 bilion untuk meningkatkan kemudahan jalur lebar. Dengan tambahan RM500 juta ini, lebih banyak lagi infrasana digital ataupun jalur lebar dapat ditingkatkan di bandar dan juga di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pekan juga mengumumkan perkhabaran yang gembira mengisytiharkan tahun 2018 sebagai tahun memperkasakan wanita. Tidak terhenti di situ, pelbagai insentif diberikan untuk menggalakkan wanita terus bergiat aktif dalam pekerjaan turut diberikan penekanan utama menerusi Bajet 2018 seperti galakan penyertaan semula ke sektor pekerjaan melalui pengecualian cukai kepada wanita yang kembali bekerja selepas dua tahun.

Juga, dengan melibatkan 30 peratus wanita di dalam keahlian lembaga pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun. Saya amat berharap agar golongan 30 peratus ini terus direalisasikan yang mana akan terus menyumbang tenaga sebagai mentor kepada wanita lain. Misalnya, Program Mentor Mentee antara wanita berjawatan tinggi dengan wanita yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan boleh dipergiatkan agar *one-to-one coaching* dapat dijalankan dengan berkesan dan seterusnya memanfaatkan setiap golongan wanita tidak kira di bandar dan luar bandar termasuklah golongan belia dan graduan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh berkaitan dengan infra rakyat yang berkualiti dan kesejahteraan anggota keselamatan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dalam usaha menyediakan infrastruktur rakyat yang berkualiti berterusan di negeri Sarawak dan juga



Sabah. Keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat kita hargai dan besar harapan kami agar menerusi peruntukan ini projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Bagi memastikan kesejahteraan penduduk setiap peringkat dari semasa ke semasa, RM500 juta telah diperuntukkan untuk tujuan projek pembangunan jalan luar bandar dan persisiran di Sabah dan Sarawak. Saya menyambut baik usaha ini yang sekali gus memberikan impak yang besar dalam pembangunan ekonomi masyarakat di persisiran yang menikmati infrastruktur jalan raya dan perhubungan yang lebih baik bagi memasarkan produk pertanian. Banyak lagi jalan-jalan persisiran di kawasan Sarawak yang perlu dibangunkan bagi menghubungkan kawasan-kawasan penempatan dan juga kawasan-kawasan pembangunan ekonomi.

#### ■2020

Tuan Yang di-Pertua, RM620 juta untuk projek bekalan elektrik dijangka akan membawa manfaat kepada 10,000 rumah luar bandar, sejumlah RM300 juta akan disediakan bagi bekalan air bersih yang meliputi 3,000 rumah di Sarawak dan Sabah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapat maklum balas daripada pihak kementerian tentang status pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar Asajaya Fasa II. Fasa I sudah siap tetapi tidak dapat digunakan sepenuhnya memandangkan ada bahagian-bahagian yang perlu dilaksanakan pada fasa II yang masih menyebabkan isu bekalan air di kawasan berkenaan.

Begitu juga saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian tentang status permohonan Bekalan Elektrik Luar Bandar dan lampu jalan di kawasan Parlimen Kota Samarahan. Saya pasti angka ini mungkin besar pada dasarnya, namun ia masih tidak mencukupi dan kita mengharapkan ditambah daripada ke semasa ke semasa. Oleh yang demikian, saya berharap agar peruntukan ini digunakan sewajarnya dan kerajaan melalui kementerian, agensi kerajaan negeri, dapat mengagihkan bantuan ini sama rata di kawasan yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkaitan dengan tanah-tanah adat di Sarawak sebanyak 30 juta diperuntukkan untuk pemetaan dan pengukuran tanah-tanah di Sarawak. Terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana penyukatan tanah-tanah adat ini adalah selari dengan manifesto BN Sarawak yang menyatakan komitmen BN untuk melindungi hak rakyat ke atas tanah dan seterusnya akan meneruskan kerja tinjauan perimeter semua tanah NCR dan individu sehingga surat hak milik tanah dikeluarkan untuk semua lot. Hakikatnya, dalam merangka agenda pembangunan negeri Sarawak khasnya yang berkaitan dengan dasar dan program pembangunan tanah, kerajaan sentiasa mengutamakan kesejahteraan hidup rakyat agar rakyat tidak tercicir daripada arus perdana pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Penyeragaman Harga Barang Keperluan Asas di Sarawak dan Sabah juga diteruskan dengan peruntukan RM80 juta di bawah Bajet 2018.

Kita amat berharap menerusi program ini, jurang harga barangan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat dibasmi seperti pelaksanaan Program 1Malaysia 1Harga pada 2013. Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan program yang dirangka ini dan berharap agar penjenamaan semula Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 akan turut memanfaatkan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengambil peluang untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dengan program *My Beautiful New Home* ataupun *MyBNHOME* kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah B40 yang melibatkan pembinaan 600 buah rumah di Sabah dan Sarawak secara khusus. Saya berharap agar Kota Samarahan turut sama menerima manfaat daripada peruntukan berkenaan kerana saya ambil tahu dengan peningkatan kemasukan orang luar ke Samarahan, nilai rumah telah melambung tinggi dan sekali gus mengakibatkan penduduk tempatan hanya mampu melihat dan tidak mampu membeli rumah di Kota Samarahan.

Begitu juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan kebajikan para tentera melalui Bajet 2018 dengan menyediakan *Blueprint* Perumahan Keluarga Angkatan Tentera Besar. Besar harapan saya, peruntukan ini turut melibatkan Kem Muara Tuang Samarahan dalam usaha menambah baik perumahan anggota di sana.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan peruntukan yang telah diluluskan disalurkan bertepatan dengan visi dan misi ke arah memakmurkan ekonomi inklusif demi kesejahteraan rakyat menuju aspirasi TN50. Sekian, Kota Samarahan mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

#### **8.24 mlm.**

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada 27 Oktober yang lalu. Dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 tersebut, beliau telah mengatakan bahawa Bajet 2018 adalah ibu segala bajet dan adalah merupakan bajet yang beliau buat lain daripada yang telah dibentangkan dari tahun lalu.

Namun begitu, saya percaya bahawa Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan adalah merupakan satu bajet *One-Off*, dengan izin. Maknanya ini bukan satu bajet untuk pembangunan jangka masa panjang dan dapat membawa pembangunan dan meningkatkan keadaan sosioekonomi untuk negara yang tercinta. Bajet ini juga tidak dapat menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang dibelenggu oleh kenaikan kos barangan dan kos sara hidup yang mendadak disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada

tahun April 2015 yang lalu. Di merata tempat kita pergi kita dapat mendengar keluhan, rintihan dan juga dapat lihat sendiri beban rakyat yang kian meningkat begitu tinggi. Jadi ini bukanlah satu bajet ibu segala bajet. Ini adalah satu bajet yang tidak langsung memberi manfaat kepada rakyat yang sedang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah ditubuhkan untuk mengurus pinjaman anak-anak Malaysia melanjutkan pendidikan tinggi. Akan tetapi pinjaman yang diambil oleh mereka untuk melanjutkan pendidikan tinggi menjadi beban kepada mereka kerana tidak berkemampuan untuk membayar balik hutang PTPTN apabila mereka mula bekerja. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengatakan hutang tetap hutang dan wajib dibayar.

Akan tetapi, sebagai kerajaan yang prihatin terhadap anak-anak muda Malaysia yang merupakan modal insan masa depan negara kita, kerajaan patut menumpukan lebih perhatian tentang keluhan dan kesusahan anak-anak muda untuk membayar balik hutang pinjaman PTPTN mereka. Ada banyak di kalangan mereka bukannya tidak ingin membayar balik hutang PTPTN mereka. Akan tetapi, mereka tidak mampu kerana selepas pengajian mereka mempunyai komitmen-komitmen yang baru yang lain di dalam kehidupan mereka seperti mendirikan rumah tangga, menjaga keluarga dan membeli rumah-rumah ataupun kereta-kereta masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Pekan telah mengumumkan beberapa kelonggaran tambahan PTPTN seperti berikut:

- (i) RM200 juta ditambahkan untuk pelajar daripada keluarga B40 yang mengikuti kursus kebolehpasaran tinggi untuk menaikkan jumlah pinjaman maksimum mereka dan tempoh *grace period*, dengan izin, pembayaran balik pinjaman dilanjutkan kepada 12 bulan setelah tamat pengajian; dan,
- (ii) peminjam-peminjam yang ingin menyambung pengajian ke peringkat seterusnya juga boleh menggabungkan pinjaman-pinjaman mereka dan hanya perlu membuat bayaran balik selepas tamat pengajian yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami mengalu-alukan pengumuman kelonggaran pembayaran balik PTPTN, namun begitu, saya percaya, langkah-langkah atau kelonggaran yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan tidak begitu membantu kerana kelonggaran-kelonggaran yang diumumkan tidak dapat membantu graduan-graduan yang baru memulakan kerjaya mereka.

Dalam hal ini, kami telah banyak menerima aduan-aduan berkenaan dengan masalah tunggakan dan kos pengurusan iaitu ujrak semasa peminjam masih lagi berada dalam pengajian yang lebih tinggi. Walaupun Yang Amat Berhormat Pekan telah mengumumkan penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan telah dibenarkan

semasa peminjam-peminjam melanjutkan pengajian ke tahap pendidikan yang lebih tinggi, peminjam-peminjam masih menerima penyata yang menunjukkan tunggakan bayaran dan kos pengurusan masih wujud. Maknanya, mereka masih perlu membayar kos pengurusan walaupun penangguhan yang telah dibenarkan.

Ini adalah amat tidak adil kerana PTPTN telah memulakan tunggakan dan mengenakan kos pengurusan walaupun peminjam-peminjam masih dalam proses pengajian dan juga penangguhan pembayaran telah dibenarkan oleh PTPTN. Sebagai contoh, seorang peminjam terpaksa membayar kos pengurusan sebanyak RM12.50 sebulan untuk pinjaman sebanyak RM15,000. Jikalau dikira tempoh empat tahun untuk beliau mengadakan pengajian seterusnya kepada pengajian ijazah, peminjam tersebut perlu membayar sebanyak RM600 tambahan sebagai kos pengurusan kepada PTPTN walaupun penangguhan dibenarkan. Tindakan ini seolah-olah mewajibkan graduan yang menyambung pengajian-pengajian ke tahap yang lebih tinggi terpaksa membayar pinjaman yang telah diambil sebelumnya walaupun penangguhan telah dibenarkan.

#### ■2030

Tuan Yang di-Pertua, bajet alternatif yang diunjurkan oleh Pakatan Harapan berkenaan pembayaran balik PTPTN adalah lebih realistik dan membantu anak-anak muda kita. Pakatan Harapan mengunjurkan satu program pembayaran balik PTPTN di mana peminjam-peminjam hanya mula membayar balik pinjaman PTPTN apabila gaji mereka mencapai tahap RM4,000 sebulan, berbandingkan dengan tempoh 12 bulan *grace period* yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional selepas tamat pengajian tanpa mengira sama ada graduan mempunyai pendapatan atau tidak pada masa itu.

Ini akan memberikan satu *head start* di mana kepada anak-anak muda yang memulakan kerjaya mereka dan kehidupan selepas pengajian tidak dibebankan dengan hutang PTPTN sebaik apabila mereka habis pengajian dan mereka ada masa untuk mendirikan komitmen rumah tangga mereka dan komitmen-komitmen mereka sebelum mereka terus dikenakan untuk bayaran PTPTN itu.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan menimbangkan isu-isu ini dan memberi satu kelonggaran yang sebenarnya kepada peminjam-peminjam PTPTN ini agar mereka tidak dibebankan dengan hutang ini sebaik sahaja graduan-graduan ini baru memulakan kerjaya-kerjaya dan membina kehidupan mereka. Saya juga menyeru kerajaan mengkaji semula kos pengurusan yang dikenakan oleh PTPTN agar peminjam-peminjam yang benar-benar tidak dapat membayar balik tunggakan PTPTN ini diberikan kelonggaran yang wajar untuk mereka menyelesaikan hutang PTPTN mereka.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa untuk mengatasi isu beban kos yang ditanggung oleh isi rumah

dalam penggajian pembantu rumah yang mencecah setinggi RM12,000 hingga RM18,000, mulai Januari 2018, kerajaan memberi pilihan kepada majikan untuk mengambil pembantu rumah asing secara langsung daripada sembilan negara sumber tanpa melalui sebarang ejen.

Seterusnya, majikan juga boleh memohon visa pembantu rumah daripada Jabatan Imigresen Malaysia secara *online* dengan bayaran levi dan fi pemprosesan seperti kadar sedia ada. Walaupun kami menyambut baik hasrat kerajaan untuk meringankan beban majikan dalam pengambilan pembantu rumah warga asing terutamanya mereka yang berasal daripada Indonesia dengan mengambil secara langsung seperti yang disebutkan dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi beberapa persoalan yang timbul ialah seperti berikut. Apakah keputusan untuk mengambil pembantu rumah Indonesia ini sudah dibincang dengan pihak Republik Indonesia? Adakah satu persetujuan sudah dicapai? Apakah langkah selanjutnya untuk memastikan boleh terlaksana dengan baik tanpa berurusan dengan ejen-ejen yang hanya jual biodata untuk mencari keuntungan besar?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya, Undang-undang 39/2004, pengurusan pengrekrutan dan penempatan PRT wajib mengikut prosedur melalui PPTKIS dan ejen. Ini juga tersirat dalam memorandum persefahaman di antara Malaysia dan Indonesia. Adakah MOU ini tidak lagi terpakai dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai isu pengambilan PRT dalam pembentangan Bajet 2018 ini? Adakah kerajaan kedua-dua negara sudah melakukan reversi MOU yang mendukung pengambilan PRT secara langsung selama ini. Perlu diingatkan bahawa setahu saya dalam ketika ini, pengambilan PRT secara langsung sama ada oleh majikan atau agensi Malaysia tidak diperbolehkan dan perlakuan tersebut akan mendedahkan majikan di bawah undang-undang dengan izin, *human trafficking*, pemerdagangan orang, dengan izin, yang membawa denda sebanyak sehingga RM500,000 ataupun penjara 20 tahun.

Selanjutnya, saya juga kluatir dari segi keselamatan, Tuan Yang di-Pertua. Pengambilan pembantu rumah secara langsung akan mendedahkan majikan dan pembantu kepada isu keselamatan kedua-dua pihak. Apakah langkah yang boleh diambil untuk memastikan bahawa majikan yang mengambil pembantu rumah yang betul dan bukan orang yang mempunyai niat-niat jahat, dengan izin, *how do we ensure that both-the employer and the maid are sufficiently protected from syndicate up to take advantage of these risk of loophole* dalam pengambilan pembantu rumah secara langsung. Oleh itu, saya berpendapat beberapa perkara perlu dipertimbangkan dan diperhalusi oleh kerajaan untuk mengatasi isu-isu yang berbangkit.

Kedua-dua kerajaan perlu berbincang dan menandatangani MOU baru supaya pengambilan dan penempatan PRT hanya menggunakan sebagai misalan badan usaha milik negara iaitu daripada Kementerian Tenaga Kerja ataupun GLC seperti Kementerian

Sumber Manusia *incorporated* untuk mengurangkan peranan agensi pekerja. Saya percaya langkah ini boleh mengurangkan kos pengambilan dan kos penempatan PRT dan pengurangan kos pengambilan adalah isu yang sebenar. Selanjutnya, majikan yang ingin mengambil PRT secara langsung juga tidak akan terdedah kepada isu pelanggaran undang-undang negara lain. Saya juga berharap bahawa pendekatan Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia yang mengatakan bahawa *Journey Performed Visa* akan diterima pakai dalam isu pengambilan PRT secara langsung tidak akan menimbulkan masalah *human trafficking* dan gejala rasuah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan pembinaan dan penaiktarafan beberapa lapangan terbang iaitu di Pulau Pinang, Mukah, Pulau Tioman demi kepentingan ekonomi dan juga memberangsangkan pertumbuhan sosioekonomi negeri masing-masing. Namun begitu, saya kesal bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gagal menyentuh tentang keperluan untuk membina satu lapangan terbang antarabangsa baru di negeri Perak. Kami di negeri Perak telah menunggu sekian lama untuk pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru agar negeri Perak tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan pertumbuhan ekonomi berbanding dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan.

Pembinaan lapangan terbang antarabangsa baru juga akan membantu sektor pelancongan dan juga sektor industri yang lain seperti baik pulih pesawat. Baru-baru ini iaitu pada bulan Julai 2017, Kerajaan Negeri Perak telah mengumumkan Perak akan mengemukakan semula cadangan untuk membina lapangan terbang baru yang mempunyai landasan sekurang-kurangnya 3.5 kilometer panjang di kawasan yang tidak jauh daripada Ipoh. Saya difahamkan bahawa perbincangan di antara kementerian dan Jabatan Penerbangan Awam telah dijalankan dan saya amat berharap Kerajaan Persekutuan akan meluluskan pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak.

Dengan pengumuman Pulau Pangkor sebagai Zon Bebas Cukai, ia betul walaupun tiada arak, rokok dan kenderaan bermotor dikecualikan, saya rasa ini adalah memadai dan amat perlu Kerajaan Pusat juga mempertimbangkan dan meluluskan pembinaan lapangan terbang yang baru yang dapat menampung dan membawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi kepada negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak telah menimbulkan isu keperluan ini sejak tahun 2010 dan sehingga hari ini, kami di negeri Perak masih belum lihat hasrat dan janji Kerajaan Negeri Perak ini menjadi satu kenyataan. Jadi saya hendak tanya, bilakah lapangan terbang antarabangsa baru akan dibina di negeri Perak seperti mana yang dijanjikan ataupun ia akan kekal sebagai kata-kata dan janji kosong sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu isu kawasan yang melibatkan isu pencemaran udara yang telah

berlaku di kawasan saya. Baru-baru ini, penduduk sekitar kilang simen Tasek telah terkejut apabila mendapati keseluruhan kawasan kediaman mereka telah mengalami pencemaran udara yang serius akibat pelepasan habuk simen oleh kilang simen tersebut pada waktu malam. Antara kawasan-kawasan yang terlibat dan mengalami pencemaran udara yang teruk adalah Taman Westpool, Taman Sinfar, Taman Star Park, Taman Kinta serta Kampung Kepayang. Malah Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dan Balai Polis Sungai Senam juga tidak terlepas daripada kejadian pencemaran akibat pelepasan habuk simen pada waktu malam oleh kilang simen tersebut. Akibat daripada pencemaran udara tersebut, penduduk-penduduk sekitar telah mengalami masalah kesihatan dan juga kerosakan harta benda di mana kereta-kereta dan kawasan rumah mereka masing-masing telah diliputi oleh lapisan habuk simen yang tebal. Pemilik-pemilik kereta telah menghantar kereta masing-masing untuk dicuci dan dibersihkan, malangnya habuk simen telah melekat pada cat-cat kereta dan tidak dapat dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang diadukan ini bukanlah berlaku buat pertama kali. Malah sejak tahun 1973 dan masalah ini juga pernah dibawa oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Bandar Melaka pada ketika itu agar Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah pencemaran yang serius ini.

#### ■2040

Namun begitu, pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang simen Tasek ini tetap berlaku dan berterusan. Pencemaran-pencemaran yang berlaku selama ini telah mengakibatkan kerugian harta benda, masalah kesihatan dan membawa kesusahan kepada penduduk-penduduk sekitar.

Aduan-aduan yang dikemukakan oleh orang ramai sehingga hari ini tidak mendapat sebarang penyelesaian yang memuaskan. Saya difahamkan bahawa setiap kali pencemaran berlaku yang dilakukan oleh kilang simen ini, tindakan yang diambil oleh kementerian adalah dengan dari segi kewangan sebanyak RM2,000 sahaja, yang mana pada pendapat saya *amount* ini adalah terlalu rendah dan bukan satu *amount* yang *punitive* dengan izin untuk sebuah syarikat besar dan dimiliki oleh pemegang saham warga asing.

Adakah kerajaan dilihat sebagai lumpuh dan tidak dapat mengambil sebarang tindakan terhadap syarikat ini. Sejak kilang ini ditubuhkan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dan jumlah denda yang dikenakan terhadap kilang simen ini walaupun perkara ini berterusan sejak tahun 1973.

Saya juga bagi pihak penduduk ingin memohon satu *stop work order* yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terhadap kilang simen ini sehingga satu penyelesaian yang muktamad dapat diberikan oleh kilang simen ini. Jaminan daripada syarikat simen bahawa pencemaran udara tidak akan berlaku juga adalah satu isu yang perlu dicapai oleh kementerian ini.

Saya juga bagi pihak penduduk sekitar ingin memohon agar satu laporan alam sekitar iaitu *environmental report* berkenaan dengan kesesuaian lokasi tapak kilang ini dan laporan tersebut patut diumumkan kepada semua pihak yang berkenaan demi kesejahteraan dan kesejahteraan penduduk sekitar. Kalau kerajaan tidak dapat mengambil tindakan yang tegas, saya percayai bahawa perkara ini tidak akan diselesaikan walaupun ia telah berterusan lebih kurang 40 lebih tahun.

Sebelum saya berakhir saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menanya, berharap bahawa pihak kerajaan akan membawa rang undang-undang pindaan untuk meminda hukuman mati mandatori ke atas kes-kes dadah iaitu terutamanya kes 39b di mana pembawa-pembawa adalah kita panggil keldai – *drug mule* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap dalam sesi ini undang-undang ini dapat dibawa dan akan diluluskan kerana ia adalah satu langkah yang progresif dan saya percayai pindaan ini akan mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak. Dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas ada? Sekejap ya.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, Yang Berhormat Pasir Mas. Sila.

#### 8.43 mlm.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2018 pada kali ini.

Izin saya memulakan perbahasan saya membaca dua potong ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], Firman Allah SWT yang bermaksud '*Dan katakanlah wahai Muhammad, jika kamu wahai manusia memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanku, pada saat itu tentu sahaja kamu akan tetap bakhil kedekut untuk membelanjakannya kerana kamu bimbang ia akan susut dan kehabisan dan sememangnya manusia itu bersifat bakhil dan kedekut*'. Surah Al-Isra ayat ke-100 dan firman Allah yang bermaksud '*Dan kalaulah Allah memewahkan rezeki kepada setiap hambanya, nescaya mereka akan melampaui batas dan berlaku zalim di muka bumi, akan tetapi Allah menurunkan rezekinya itu mengikut kadar yang tertentu sebagai mana yang dikehendakinya, sesungguhnya dia maha mengetahui perihal hamba-hambanya lagi Maha Melihat*'. Surah Al-Syura ayat ke-27.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut ayat yang saya bacakan tadi, Allah telah menjelaskan antara sifat manusia yang buruk jika diberikan nikmat yang terlalu banyak dan melimpah ruah. Pertama, mereka kedekut dan yang kedua mereka melampaui batas dan zalim. Dengan erti walau mereka memiliki harta yang banyak tetapi mereka tidak akan membelanjakannya kepada yang berhak iaitu kepada golongan yang memerlukannya.



Akan tetapi dalam masa yang sama mereka sanggup menggunakan melakukan kezaliman dan melampaui batas merosakkan muka bumi. Oleh kerana itulah, dengan sebab itulah perangai manusia maka Allah Taala telah menentukan bahawa rezeki yang diberikan kepada manusia adalah tertentu dengan hikmat yang tersendiri daripadanya.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua sepatutnya kita janganlah cemas ketika kita kekurangan wang ataupun harta sehingga kita berusaha mendapatkannya daripada sumber yang salah dan haram. Begitu juga janganlah kita menggunakannya untuk perkara yang salah dan haram. Kedua-dua perbuatan ini akan mengundang kemurkaan Allah dan balasannya termasuk ditarik balik rezeki dan disempitkan kehidupan, apatah lagi disekat daripada keberkatan hidup dan hidayatnya.

Saya menyebut ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memetik daripada Al-Quran ayat mengenai pembalasan tersebut sebagaimana dalam ayat 96 surah Al-Araf [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang bermaksud '*Dan jikalau ahli sebuah negeri itu beriman dan bertakwa kepada Allah maka sudah pasti kami akan bukakan ke atas mereka segala keberkatan dan kebaikan daripada langit dan bumi, tetapi malangnya manusia membohongi Allah, membohongi kami lalu kami bertindak ke atas mereka, kami menghukum mereka dengan segala sebab apa yang mereka lakukan*'.

Maka Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet baru-baru ini, alangkah baiknya jika kerajaan Malaysia hari ini menjadi sebuah kerajaan yang beriman dan bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangannya. Di antara suruhannya adalah berlaku adil dan ihsan kepada semua rakyat terutama rakyat termiskin yang memerlukan sokongan dan bantuan untuk menguruskan dan menjalani kehidupan mereka dengan baik.

Di antara larangannya juga yang jelas adalah melakukan larangan daripada melakukan kezaliman terhadap rakyat, menerima dan memberi harta secara rasuah, salah guna kuasa dan membiarkan pembaziran, pemborosan, dan ketirisan berlaku di dalam perbelanjaan wang negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mempertegaskan yang pertama dalam perbahasan saya, saya suka mempertegaskan penolakan kami daripada Parti PAS terhadap pelaksanaan cukai GST yang tidak menepati ciri-ciri pelaksanaan cukai yang dianjurkan oleh Islam, yang dibenarkan oleh Islam ke atas rakyat. GST akan kekal menjadi sumber perolehan wang negara yang salah dan tidak diberkati oleh Allah.

Jumlah yang banyak yang dikumpulkan dan diperolehi oleh pihak kerajaan daripada cukai GST ini bukanlah ukuran yang benar yang mewajarkan tindakan kerajaan melaksanakannya dengan alasan untuk memperkukuhkan pendapatan negara. Lihatlah sahaja tanda-tanda awal ketidakberkesannya apabila kehidupan rakyat semakin hari semakin terhimpit kesan kenaikan harga barang yang melampau sebaik sahaja GST dilaksanakan.

## ■2050

Pemberian BR1M walaupun dialu-alukan tetapi ia jelas bukanlah penyelesaian sebenar ke arah menjamin kesejahteraan rakyat. GST adalah jelas adalah cukai yang dikenakan ke atas rakyat miskin yang diharamkan oleh agama Islam. PAS mencadangkan kerajaan agar mengkaji balik pelaksanaan cukai GST dan melihat kepada cukai-cukai lain yang lebih bertumpu kepada pemilikan dan perdagangan orang-orang kaya terutama perdagangan di bursa saham yang melibatkan keuntungan ratusan malahan ribuan juta ringgit oleh orang-orang kaya. Ia sebagaimana telah dipertegaskan oleh seorang profesor dan ahli ekonomi terkenal negara kita iaitu Prof. Dr. Jomo Sundram yang menyebut bahawa antara faktor negara Greece mufliis adalah disebabkan oleh pungutan cukai ke atas rakyat biasa manakala orang-orang kaya diselamatkan daripada dikenakan cukai. Dia juga menyebutkan bahawa GST akan menambah lagi jurang di antara orang kaya dan orang miskin di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin mempertegaskan kemestian pihak kerajaan. Saya menyebut mengenai pendapatan ataupun sumber yang diperoleh oleh kerajaan agar ianya merupakan pendapatan yang penuh dengan keberkatan. Saya ingin mempertegaskan kemestian pihak kerajaan untuk kembali kepada roh asal perjanjian petroleum di antara negeri-negeri yang memiliki minyak dengan Kerajaan Persekutuan. Kembalilah hak kepada tuan hak, barulah pendapatan negara menjadi bersih dan benar dan tercapailah keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah membina negara dengan cara kita membina manusia, dengan erti jikalau pembangunan fizikal di dalam negara yang begitu pesat gagal sampai kepada matlamat asal iaitu membina peribadi dan akhlak manusia, maka pembangunan dan kemajuan fizikal tersebut bolehlah dianggap gagal.

Inilah yang dihadapi oleh dunia maju di negara barat dan timur hari ini. Di sebalik kemajuan yang mereka capai yang begitu besar, hari ini mereka juga sedang menyaksikan bala besar yang sedang menanti di hadapan mereka iaitu runtuhnya modal insan, runtuhnya institusi kekeluargaan dan runtuhnya nilai-nilai murni yang akan menghidupkan bumi ini dengan keamanan dan kesejahteraan manusia dan segala isinya. Mereka kini tidak lagi bercakap mengenai kemajuan negara mereka kerana negara mereka sudah terlajak maju bahkan mereka hari ini mula beralih untuk memikirkan, mencari sebuah negara yang bahagia dan sejahtera kehidupan manusia di dalamnya. Mereka menemui sebahagiannya tetapi kita sedar kita sebagai seorang Muslim, kita sedar bahawa mereka gagal menemui kesemuanya. Ini kerana kesempurnaan kebahagiaan manusia hanya ada sempurna di dalam agama Islam. Agama kita umat Islam dan agama Persekutuan negara kita, Malaysia. Islamlah kerahmatan sebenar untuk kebahagiaan rohani dan jasmani apatah lagi untuk dunia dan akhirat manusia.

Justeru itu, saya ingin sekali dan berharap, saya berharap sekali agar sistem pendidikan untuk anak-anak dalam negara kita diperkasakan dengan nilai-nilai pendidikan

yang diajarkan oleh Islam. Ia adalah sistem yang membina dan memupuk nilai-nilai tertinggi di dalam diri manusia iaitu nilai iman dan akhlak. Ia juga adalah sistem pendidikan yang mampu membuang sifat-sifat buruk yang datang untuk merosakkan tubuh manusia dan masyarakat seluruhnya. Selain tuntutan memperkasakan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara, saya juga menyeru agar pihak kerajaan turut menyokong usaha-usaha dan inisiatif yang dilakukan pihak swasta atau rakyat di dalam membina pusat-pusat pendidikan Islam sama ada peringkat sekolah rendah ataupun menengah yang terbukti berjaya melahirkan anak negara yang berguna dan berkhidmat untuk negara dengan penuh cemerlang.

Kalau dulu sekolah-sekolah agama rakyat sinonim dengan melahirkan agamawan di pelbagai peringkat tetapi hari ini dengan sistem pendidikan Islam yang lebih komprehensif yang telah dirangka dan dilaksanakan di sekolah-sekolah agama rakyat, ia telah pun berjaya bukan sahaja melahirkan agamawan bahkan juga turut melahirkan para profesional di dalam pelbagai bidang. Lebih istimewa, mereka memiliki kebolehan tersendiri di dalam hal-hal berkaitan agama yang memberi nilai tambah kepada keupayaan mereka untuk menyumbang kepada negara. Inilah antara insan cemerlang yang didambakan oleh negara kita pada hari ini.

Oleh kerana itu, saya berasa amat terkilan apabila pihak kerajaan tidak menyenaraikan sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah SAR sebagai penerima bantuan khas daripada kerajaan untuk pembangunan sekolah-sekolah mereka. Maka saya berharap pihak kerajaan dapat mempertimbangkan bantuan kewangan yang khusus dengan jumlah yang tidak kecil bagi tujuan menyokong dan merancakkan lagi kemajuan dan kejayaan sekolah agama rakyat demi ke arah melahirkan sumber insan yang berjaya untuk negara Malaysia kita yang sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa pendidikan perlu diperkasakan seoptimum mungkin untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan negara sekali gus seiring dengan sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi. Peruntukan kerajaan terhadap pendidikan secara keseluruhannya masih rendah iaitu kira-kira 4.9 ataupun lima peratus kepada KDNK. Dalam pembentangan yang lalu kerajaan menyebut tentang peruntukan MyBrain, satu yang saya fikir amat perlu kepada pendidikan tinggi hari ini. Kita perlu konsisten untuk melihat pendidikan sebagai tunjang kepada pembangunan ekonomi negara. Namun kita lihat bagaimana tenaga kerja yang mahir daripada sistem pendidikan kita masih lagi rendah. Malaysia mempunyai 28 peratus hingga 30 peratus tenaga kerja mahir. Malah sasaran awal memiliki 50 peratus tenaga kerja mahir pada tahun 2020 telah dikurangkan kepada 35 peratus sahaja. Mengapakah sasaran ini dikurangkan?

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada hubungan sistem pendidikan tinggi dan penyertaan para graduan dalam sektor pekerjaan, saya kira kita masih jauh daripada hakikat memiliki tenaga kerja mahir dalam negara kita. Untuk pengetahuan, Jerman memiliki sehingga 82 peratus tenaga kerja mahir. Negara Finland 58 peratus bahkan

negara jiran kita Singapura, mereka memiliki tenaga kerja mahir sehingga 52 peratus. Tidak mustahil jika hubungan sektor pendidikan dan sektor pekerjaan jika tidak dihubungkan dengan baik, kita akan kekal dengan *middle class nation*.

Jadi kuncinya adalah pendidikan dalam negara kita. Kita tidak boleh fikir para graduan kita memilih kerja dengan gaji dan gaji tanpa kita melihat bersesak-sesaknya mereka yang menempuh alam pekerjaan ketika ini. Hutang pendidikan, kos sara hidup yang tinggi, pendapatan boleh guna yang rendah, apa lagi pilihan yang mereka ada selain daripada mereka terpaksa mencari pekerjaan yang terbaik untuk diri mereka? Maka kita tidak boleh salahkan mereka jika mereka tidak menyertai pasaran pekerjaan. Kita perlu melihat sejauh mana kondusifnya suasana yang kita sediakan kepada para graduan hari ini. Kerajaan bercakap soal negara berpendapatan tinggi tetapi rakyat di bawah terutamanya para graduan masih lagi merempat jauh di bawah. Apakah sebenarnya yang kita mahu dan telah kita capai hari ini? Saya mohon agar perkara yang dibangkitkan ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Saya ingin juga menyentuh isu gejala sosial yang semakin membarah di kalangan generasi muda negara dan sepertinya kerajaan gagal menemui formula terbaik untuk mengatasinya atau membendung kemaraannya yang terus merosakkan anak bangsa negara. Jumlah penagih dadah yang dikesan bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun iaitu pada tahun 2012 seramai 15,101 orang. Pada setahun kemudian, tahun 2013, 20,800 orang. Tahun 2014, 21,000 orang, tahun 2015 26,000 orang dan pada tahun lepas, pada tahun 2016, sebanyak 30,844 orang penagih dadah telah dikesan. Kes baru adalah lebih tinggi iaitu melebihi 60 peratus berbanding kes berulang yang kurang 38 peratus. Penagih Melayu pula melebihi 77 peratus hingga 81 peratus daripada jumlah penagih yang dikesan.

#### ■2100

Penagih belia pula iaitu dalam umur 20 tahun hingga 39 tahun mewakili lebih kurang 70 peratus daripada jumlah penagih dadah. Penagihan dadah inilah selain daripada merosakkan kehidupan penagih, ia juga telah menjadi punca utama jenayah di dalam masyarakat seperti rompakan, samun, pecah rumah, rogol, serangan seksual dan bermacam-macam isu gejala sosial.

Saya amat terkilan kerana isu gejala sosial dan jenayah dalam masyarakat ini tidak disentuh secara spesifik oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam pembentangan bajet baru-baru ini. Malah sehingga sekarang segala jalan dan mekanisme penyelesaian yang dilakukan oleh kerajaan masih di takuk lama dan tidak ditransformasikan secara menyeluruh agar mampu membendung malah mengubah wajah sosial negara kepada yang terbaik dan penuh dengan kesejahteraan.

Seperti yang saya tegaskan tadi bahawa pendidikan anak bangsa yang sempurna adalah penawar terbaik bagi membendung masalah gejala sosial dalam masyarakat. Kerajaan sewajarnya mengkaji dengan lebih mendalam dengan pelbagai kepakaran yang

ada bagi memastikan persekitaran sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah menjadi persekitaran yang terbaik bagi para pelajar anak bangsa kita mengenali nilai-nilai yang baik daripada yang buruk.

Apa yang kita perhatikan kini adalah sebaliknya. Sekolah-sekolah kini amat mudah untuk menjadi sarang pertama budaya samseng dan penagihan dadah. Kita mestilah berusaha secepat mungkin malah dengan segala upaya bagi memastikan keadaan ini dihapuskan sama sekali. Berapa ramai ibu bapa yang trauma melihat anak-anak mereka yang berkembang baik kehidupan mereka di rumah, tiba-tiba bertukar menjadi buruk akibat persekitaran buruk yang terbentuk di sekolah-sekolah melalui rakan-rakan sebaya yang merosakkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah proses pencegahan awal berlangsung dengan cemerlang sebelum proses rawatan pemulihan yang pastinya lebih sukar dan terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar. Walau bagaimanapun, usaha pemulihan mestilah diperkasakan. Saya menjemput pihak kerajaan agar memberi ruang dan segala kemudahan agar proses pemulihan penagihan dadah yang berteraskan cara Islam diberi keutamaan dan bantuan dengan sebaiknya. Dadah bukan hanya merosakkan tubuh badan dan jiwa mangsa, bahkan ia boleh merosakkan iman dan Islam anak-anak remaja kita. Maka sewajarnya lah kerajaan menjadikan Islam sebagai teras kepada proses perawatan dan pemulihan agar para penagih dadah dapat bertaubat dan kembali kepada kehidupan sebenar yang lebih berguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru pihak kerajaan agar terus bertindak dengan lebih serius dan berterusan di dalam memerangi penyeludupan dadah daripada luar negara, juga pembuatan dadah di dalam negara kita sendiri yang kini jauh lebih mudah berbanding dengan dahulu. Saya bimbang jika kecuaihan dan kerapuhan di pihak berwajiblah yang menjadi punca mudahnya dadah diperoleh oleh para belia kita hari ini. Kalau lah ini berlaku sudah pasti ia adalah amat malang dan menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan memuji tindakan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mazlan Lazim yang bertekad mahu membersihkan segala bentuk kegiatan perjudian haram di ibu negara kita dalam tempoh 30 hari bermula pada hari Rabu lalu. Begitu juga tindakan amaran keras untuk mengenakan tindakan ke atas mana-mana pegawai PDRM termasuk Ketua Polis Negeri yang terlibat dengan rasuah dan salah guna kuasa terutama yang bersubahat dengan sindiket judi.

Kenyataan-kenyataan ini sebenarnya memperlihatkan betapa serius dan rumitnya usaha membanteras judi di dalam negara kita hari ini kerana ia melibatkan pihak tertentu yang mempunyai kuasa dan kedudukan serta taktik yang pelbagai. Saya dengan ini kerana masa telah tamat, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.* Yang Berhormat Baram. Yang Berhormat Baram ada? Yang Berhormat Baram tiada. Yang Berhormat Lubok Antu. Yang Berhormat Lubok Antu tiada. Yang Berhormat Alor Gajah. Yang Berhormat Julau.

#### 9.04 mlm

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2018. Saya sebagai wakil rakyat dari Sarawak mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudah mengemukakan bajet yang begitu menyeluruh dan begitu juga kita merasa banyak daripada peruntukan yang diadakan yang diagihkan akan disediakan untuk Sarawak dan Sabah. Dalam perbahasan ini saya ingin mengutarakan beberapa perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Perkara pertama iaitu berkenaan bajet yang disediakan untuk memperbaiki sekolah-sekolah yang usang, lebih-lebih lagi yang di luar bandar. Saya mengucapkan terima kasih atas peruntukan sebanyak RM1 bilion kepada Sarawak untuk dua tahun iaitu tahun 2018 dan 2019. Dalam hal ini kita boleh mengatakan Kerajaan Pusat memang sudah ada mengadakan perbelanjaan pada tahun 90-an dan awal abad ini iaitu sekolah-sekolah di luar bandar di perbaiki oleh satu kontraktor.

Namun demikian skim tersebut boleh dikatakan gagal oleh kerana tidak mempunyai pemantauan yang rapi oleh pihak berkuasa dan walaupun perbelanjaan banyak tetapi sekolah-sekolah tersebut tidak beberapa lama selepas diperbaiki sudah juga menjadi rosak dan seperti tangki air dan beberapa kemudahan lain pun tidak boleh digunakan lagi.

Oleh yang demikian, sekolah-sekolah ini memang memerlukan peruntukan yang agak banyak dan oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya peruntukan ini diagihkan kepada negeri Sarawak dan Sabah untuk diselenggarakan oleh negeri-negeri tersebut supaya lebih-lebih lagi kontraktor-kontraktor tempatan dan kontraktor-kontraktor bumiputera boleh mendapat agihan yang sempurna dalam perkara ini.

Dalam membicarakan pendidikan di Sarawak, saya ingin tahu apakah sebenarnya kekangan dalam Sarawak mahu meningkatkan nisbah guru-guru tempatan ke tahap 90 peratus? Apakah mata pelajaran yang masih memerlukan guru-guru dari luar Sarawak? Saya juga ingin bertanya mengapakah selepas lebih separuh abad Malaysia ditubuhkan, kita masih kekurangan guru-guru tersebut? Saya ingin juga hendak tahu berapa ramai kah pegawai pendidikan atau guru-guru yang berketurunan Dayak yang telah atau sedang menyandang gred JUSA C? Kalau tiada, mengapa.

Ini adalah satu perkara yang penting ditanya oleh kerana Pegawai Pendidikan Negeri ataupun Pengarah Pendidikan Negeri adalah bertaraf sekurang-kurangnya JUSA 'C'. Sekiranya disengajakan tidak ada orang Dayak dinaikkan gred ke JUSA 'C', maka

sampai hujung abad ini pun kita tidak akan mendapat seorang Dayak menyandang kedudukan sebagai Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak.

Saya juga ingin menyeru supaya kerajaan mempertingkatkan pembelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains lebih-lebih lagi di sekolah pedalaman.

■2110

Dalam hal ini, saya ingin bertanya, berapakah buah sekolah di pedalaman yang ada mempunyai *laboratory* atau makmal untuk subjek-subjek tersebut? Sekiranya tidak ada, maka tidak hairanlah keluaran dari sekolah-sekolah luar bandar memang sukar kita hendak mendapatkan pelajar yang mahir, yang pintar dalam subjek ataupun pelajaran-pelajaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada kemudahan awam di desa. Di bandar memang semuanya sudah ada tetapi di desa semuanya kekurangan. Ramai rakan-rakan kita di sebelah sana bertanya, siapakah yang memerintah negara Malaysia selama ini dan mengapakah kemudahan-kemudahan asas yang sebegini tidak disediakan. Senang sahaja kita menjawab iaitu oleh kerana selama ini tumpuan adalah di bandar dan hampir kesemuanya ditumpukan ke Semenanjung Malaysia, maka Sarawak dan Sabah terlupa pandang lebih-lebih lagi kepada Perdana Menteri kita yang begitu lama menerajui kerajaan di Malaysia.

Sekarang beliau hendak balik ke politik dan cuba memujuk kita di Sarawak untuk menyokong perjuangan mereka. Tetapi kalau kita teringat 22 tahun di mana Sarawak dan Sabah diabaikan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan asas, kita ngeri, kita merasa sesuatu mimpi di mana nanti kita juga akan terkena. Oleh yang demikian, rakan-rakan kita di sebelah sana jangan mengharapkan pengaruh beliau akan membolehkan mereka memenangi pilihan raya yang akan datang.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun rakan-rakan kita mengatakan bahawa Bajet 2018 adalah gula-gula pilihan raya, gula-gula pun gula-gulalah, tidak apalah, asalkan rakyat akan diberi manfaat dari segi peruntukan yang diagihkan. Ada atau tidak pilihan raya, itu perkara biasa, tetapi apa yang sedikit luar biasa semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak menerajui kerajaan, Sarawak dan Sabah dapat tumpuan yang lebih sempurna untuk kita menyediakan beberapa kemudahan untuk lebih-lebih lagi penduduk kita di luar bandar.

Dalam hal ini, saya berkongsi pendapat dengan rakan-rakan kita dari Sarawak dan Sabah bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang memang ada perasaan kasih sayang kepada rakyat yang tertinggal di luar bandar, rakyat yang terpencil, rakyat yang kurang kemampuan dalam mereka menempuh cara hidup yang baru ini.

Satu perkara di luar bandar yang sering berlaku pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu kebakaran rumah panjang. Ini saya telah beberapa kali menyebut dan menyentuh di sini bahawa perkara ini boleh diatasi sekiranya kita komited dalam

menyediakan pemadam api. Di Sarawak, ada satu sistem yang direka bentuk oleh anak tempatan dan boleh dikira sebagai boleh dipakai dan harganya pun tidak begitu mahal. Saya menyeru agar diwajibkan supaya semua rumah panjang dibekalkan pemadam api yang sebegitu.

Dalam Bajet 2018 juga, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengumumkan bahawa ada separuh atau setengah bilion ringgit diperuntukkan untuk infrastruktur telekomunikasi di Sarawak. Ini kita alu-alukan, oleh kerana pada masa kini perkhidmatan telekomunikasi lebih-lebih lagi di luar bandar adalah tidak memuaskan. Walaupun pada dua, tiga tahun yang lepas ada banyak peningkatan dari segi komunikasi di luar bandar tetapi pada kebelakangan ini, ternampak perkhidmatan tersebut ada kurang memuaskan dan kita meminta kementerian berkenaan untuk menyiasat mengapakah ini berlaku. Adakah ianya kerana perubahan dalam segi teknologi ataupun memang ada kemerosotan kerana kecuaiannya pembekal perkhidmatan tersebut? Itu kita hendakkan kementerian berkenaan untuk menyiasat dan mengharapkan agar dapat dipertingkatkan kualiti perkhidmatan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak dan Sabah mengalu-alukan dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berani menyempurnakan pembinaan Lebuh Raya Borneo Utara. Kita mengharapkan selepas siapnya lebuh raya ini kelak, maka pertumbuhan ekonomi kita di Sarawak akan lebih kukuh. Begitu juga kita mengharapkan bukan hanya Lebuh Raya Borneo Utara ini yang dibangunkan tetapi kita juga berkehendakkan jalan penghubung yang lain seperti jalan pesisir, jalan di pedalaman akan juga dibina. Ini memang sudah tentu akan membuka negeri untuk lebih lagi dibangunkan.

Dari segi pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka seperti mana yang saya telah katakan tadi, kemudahan asas memang hendaklah kita pertingkatkan. Lebih-lebih lagi, oleh kerana pembangunan yang pesat di pedalaman, maka punca-punca air bersih akan berkurangan, akan tercemar dan oleh yang demikian, kita memerlukan peruntukan yang lebih besar lagi dari apa yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mungkin berlainan dari tempat-tempat lain seperti di Semenanjung sini ialah kita di Sarawak dan Sabah memang memerlukan peruntukan untuk menyukat dan memeta tanah-tanah adat. Dalam Bajet 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa RM30 juta telah diagihkan untuk perkara tersebut. Ini adalah perkara yang mustahak di Sarawak, oleh kerana kebanyakan tanah adalah dipanggil tanah adat dan ianya tidak bernilai tinggi oleh kerana tidak ada geran individu.

#### ■2120

Pada masa sekarang, peruntukan yang diagihkan oleh Kerajaan Pusat adalah untuk menyukat atau memeta secara komunal iaitu *for the parameter survey*. Ini tidak mencukupi oleh kerana tanah-tanah individu tiada geran. Oleh yang demikian, saya



menyeru agar kerajaan memikir iaitu peruntukan yang lebih tinggi, peruntukan yang lebih besar, lebih-lebih lagi untuk menyukat dan memeta lot-lot individu supaya lot-lot tersebut akan disediakan geran individu di bawah seksyen 18 Kanun Tanah Negeri Sarawak. Ini bukan hanya menguntungkan pemilik-pemilik tanah tetapi juga akan mengurangkan perselisihan faham di antara kerajaan dan pemilik-pemilik tanah adat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pembangunan di luar bandar, kita mengalu-alukan MPOB, Lembaga Lada, Lembaga Koko dan Lembaga Getah. Semua lembaga-lembaga ini di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi adalah menguntungkan rakyat di luar bandar iaitu boleh menampung pembangunan yang disediakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian. Oleh yang demikian, saya sebagai wakil rakyat dari pedalaman mengharapkan kementerian tersebut akan diagihkan dengan peruntukan yang lebih supaya orang-orang di pedalaman boleh mengusahakan tanah mereka sendiri dan boleh menjadikan usaha mereka sebagai pekebun menjadi macam orang yang berniaga dan tidak mengira mereka di mana.

Tetapi oleh kerana ada peruntukan dan ada jalan perhubungan maka mereka sendiri boleh mengusahakan tanah mereka secara individu dan tidak perlu menunggu syarikat-syarikat besar seperti *plantation owners* sebagai pembangun kepada tanah-tanah mereka. Saya fikir ini sangat penting dalam kita hendak memajukan luar bandar dan membangunkan rakyat-rakyat kita yang sekarang masih ketinggalan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong Bajet 2018 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

#### **9.24 mlm.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin bahas tentang Bajet 2018 yang berjumlah RM280 bilion dan adalah bajet terbesar dalam sejarah negara. Peruntukan bajet untuk pembangunan tahun 2010 ialah 27.7% dari keseluruhannya tetapi pada 2018 ia hanya adalah 16.45% iaitu satu penurunan yang agak banyak selepas 8 tahun. Ini adalah keadaan yang tidak sihat kerana sepatutnya pembangunan mempunyai peruntukan yang lebih banyak.

Saya akan menyentuh tentang industri, pertanian dan asas tani di mana di bawah sektor pertanian dan industri asas tani telah dinaikkan 21.9% peruntukan iaitu satu peningkatan yang boleh kita mengucapkan terima kasih. Tetapi bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini walaupun dialu-alukan, ia tidak menjamin keupayaan untuk meningkat produktiviti dan juga kejayaan sektor pertanian kalau tidak ada penguatkuasaan yang berkesan dan berterusan. Itulah masalah pertama yang kita hadapi hari ini. Contohnya sejak Merdeka, nelayan kita masih di bawah pendapatan RM500 sebulan. Ini termasuklah kawasan Teluk Ketapang berdekatan dengan rumah Menteri Besar

Terengganu sendiri, di tempat saya dan juga di bawah Parlimen Kemaman di bawah RM460, di mana Menteri Pertanian hari ini, datangnya. Itulah situasi yang kita hadapi hari ini di mana peruntukan yang tinggi kalau tidak diagihkan bersamaan dengan penguatkuasaan yang bermakna dan berkesan tidak akan membawa kesan yang dihayatkan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita mohon bahawasanya kerajaan mesti mengambil satu pendekatan untuk membolehkan penguatkuasaan marin nelayan untuk mengatasi pencerobohan nelayan asing, operasi membanteras bot kargo haram yang memunggang ikan di tengah laut, hukuman setimpal untuk bot-bot yang melanggar peraturan dan juga peruntukan minyak untuk meronda dengan lebih banyak dan berkesan lagi. Itulah menjadi harapan kita.

Baru-baru ini pada 14 Oktober, Timbalan Perdana Menteri sendiri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah berada di Paka, Terengganu untuk merasmikan upacara Gelombang Nelayan Nasional. Di mana beliau sendiri mengakui 980,000 tan metrik ikan dan makanan laut kecurian tiap-tiap tahun yang kosnya lebih kurang di antara 4 hingga 6 bilion. Ini adalah satu angka kewangan yang amat besar, di mana kalau ketirisannya dibendung bayangkan betapa banyaknya boleh mengalir kepada nelayan kita dan rakyat kita sendiri. Contohnya juga, berapa banyak pun kita turunkan peruntukan untuk tukun seperti satu lagi acara yang dibuat di Marang beberapa bulan lepas tidak akan memberi satu kesan yang positif kalau tidak ada pengurusan tentang pemantauan dan juga penguatkuasaan.

Kita hanya akan menambah bilangan ikan di laut untuk diambil oleh nelayan asing. Itulah yang kita tekankan tiap-tiap tahun dan Tuan Yang di-Pertua, empat tahun berturut-turut kita telah membawa nelayan untuk ke Parlimen kebelakangan ini tetapi tahun ini nelayan-nelayan Pantai Timur khususnya sudah berputus asa dan tidak lagi berminat untuk datang kerana mereka mendapati perkara sama yang diulangi di Parlimen dengan pihak-pihak berkenaan dan Menteri tidak mendatangkan hasil seperti mereka hayatkan. Itulah yang kita amat rasa dukacita, di mana peruntukan agensi pertahanan Marin dan sebagainya, APMM untuk baik pulih, selenggara kapal dan naik taraf jeti, walaupun pemberian tiga kapal peronda, soalnya adakah segala peruntukan dan acara seperti Gelombang Nelayan Nasional dan tukun boleh menyelesaikan masalah tanpa penguatkuasaan yang efektif?

Itu ialah yang kita minta kerajaan menjawab bilakah penguatkuasaan dan koordinasi agensi-agensi penguatkuasaan akan berjalan secara efektif? Itulah yang merupakan rungutan nelayan selama ini.

Saya ingin beralih kepada isu pendidikan tinggi, di mana walaupun naik sedikit tetapi masih rendah berbanding pada tahun 2014 kerana pada tahun demikian peruntukan pendidikan keseluruhannya untuk universiti-universiti tempatan telah diturunkan sebanyak 17% dan untuk Universiti Malaya sahaja satu universiti yang boleh dikatakan *prime*

*university* atau terutama telah diturunkan peruntukan 27%. Ini telah meninggalkan satu kesan yang amat negatif sehingga sekarang.

■2130

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pada tahun 2018, peruntukan pendidikan telah diberi sebanyak RM13.9 bilion berbanding dengan peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri iaitu RM17.4 bilion. Ini sudah tentu menunjukkan *priority* untuk memberi satu penekanan dan juga kemajuan kepada industri pendidikan tidak lagi diberi perhatian yang sepatutnya. Inilah yang kita ingin tekankan di sini, kerajaan perlulah memberi satu pendekatan yang lebih prihatin dan lebih berkesan kepada bidang pendidikan kerana ramai graduan yang telah keluar universiti dan kolej, tiga atau empat tahun masih lagi belum dapat apa-apa pekerjaan.

Di dalam peruntukan bajet kali ini, kerajaan menawarkan walaupun antara 10 *percent* hingga 20 *percent* diskaun tetapi peruntukan tersebut tidak membawa makna yang betul-betul berkesan kepada mereka yang dalam keadaan kesuntukan kewangan. Ini kerana kalau mereka yang boleh membayar 100 peratus pinjaman diberi 20 *percent* diskaun dan mereka yang bayar separuh, diberi 10 *percent* diskaun, ini bermakna mereka ini berupaya untuk membayar. Mereka yang perlu bantuan dan juga pendekatan yang lebih prihatin adalah mereka yang tidak berupaya kerana itulah Pakatan Harapan memberi satu cadangan bahawa selagi peminjam-peminjam seperti daripada PTPTN tidak seharusnya membayar atau disuruh membayar pinjaman tersebut sehingga mereka mencapai tahap gaji RM4,000 sebulan. Itulah cara sebenarnya kalau kerajaan ingin membantu graduan-graduan yang telah keluar daripada universiti dan masih mencari pekerjaan.

Kalau kita tengok kalau negara Skandinavia dan utara Eropah boleh memberikan pendidikan percuma, kenapa tidak Malaysia? Itulah persoalan daripada Pakatan Harapan. Kami juga ingin memberi satu cadangan untuk mengesyorkan pendidikan percuma dan kalau kita rasa Negara-negara *Nordic* terlalu kaya dan tidak boleh dibandingkan dengan kita, negara Turki juga memberi pendidikan percuma kepada anak-anak mereka. Itulah di antara perkara yang kita ajukan kepada kerajaan, kenapa tidak diberi dan bilakah kerajaan berhasrat untuk membuka pendidikan kepada semua pihak untuk memberi satu masa depan yang lebih cerah kepada mereka?

Saya juga ingin menyentuh tentang Taman Ilmu yang telah dibina di Terengganu di mana Kementerian Pendidikan telah memberi satu kesanggupan untuk membantu tetapi kita tidak jelas apakah bantuan yang akan diberi. Ini kerana kita tahu Terengganu selama ini telah memberi sumbangan besar kepada murid-murid cemerlang di Tingkatan 5 dan 3, tetapi apakah yang berlaku kepada mereka selepas mereka masuk universiti? Tidak ada berita dan tidak ramai mereka akan kembali ke Terengganu sendiri dan di sinilah letaknya peranan Kementerian Pendidikan untuk membantu menyelamatkan projek Taman Ilmu di Terengganu yang sudah hampir 10 tahun terbengkalai. Itulah harapan kami untuk kerajaan memberi sumbangan yang bermakna.

Menyentuh tentang sektor pelancongan semasa ekonomi tempatan lembap dan tidak bermaya dan ringgit jatuh, pelanconganlah sektor yang menarik yang sepatutnya diberi tekanan. Akan tetapi malangnya juga, bajet pelancongan telah dikurangkan daripada tahun-tahun yang lepas. Di sinilah sepatutnya Yang Berhormat Menteri dan kerajaan memberi status yang utama kepada industri pelancongan, bukan untuk mengurangkan peruntukan mereka. Ini kerana industri pelancongan ini memberi peluang pekerjaan yang amat tinggi kepada rakyat tidak kira di peringkat apa kemahiran mereka. Inilah positifnya sumbangan industri atau sektor pelancongan.

Saya juga ingin menyentuh kenapa kerajaan memilih untuk memberi status bebas cukai kepada Pulau Pangkor. Ini kerana ia sudah berdekatan dengan Pulau Langkawi. Kenapa tidak Pulau Tioman untuk mempelbagaikan daya tarikan pelancongan di Pantai Timur pula? Juga kelebihanannya adalah Pulau Tioman lebih dekat dengan Singapura di mana *advantagenya* dengan izin, boleh dimanfaatkan sepenuhnya. Dari segi *duty free* pula saya ingin bertanya di sini, apakah yang akan terjadi pada rancangan *Duty Free Centre* di Kenyir, Terengganu? Apabila kita tanya pada awal tahun ini, dikatakan akan buka pada bulan September tahun ini. Walaupun *technically* dibuka tetapi ia bukan di pusat *duty free* di Pulau Bayas tetapi adalah di pangkalan pintu masuk Gawi, bukan pun *Duty Free Centre* adalah merupakan kios sahaja. Akan tetapi, bilakah pusat *duty free* akan dibuka sepenuhnya? Ini kerana adalah satu lagi pembaziran sektor pelancongan yang tidak boleh dibuka untuk rakyat.

Menyentuh tentang polisi langit terbuka atau *open sky policy*, kerajaan juga perlu memberi tekanan yang lebih baik kepada industri penerbangan murah terutamanya. Ini kerana kami mendapati MAVCOM meletakkan terlalu banyak syarat dan cukai-cukai yang membantutkan pertumbuhan penerbangan masuk *inbound tourism* terutamanya. Ini adalah tidak sihat dan kita boleh tengok, kita patut memandangi jiran-jiran kita seperti Indonesia, Thailand dan Kemboja yang berkembang pesat tanpa cukai-cukai yang terlalu tinggi. Pendidikan *Tourism Malaysia* sendiri menunjukkan bahawasanya pertumbuhan kedatangan pelancong akan menjadi negatif dengan izin, dalam jangka masa terdekat. Pada masa yang sama, pertumbuhan Indonesia adalah *phenomenal* atau luar biasa dijangka akan berlaku di sebelah negara kita sahaja.

Jadi soalnya Menteri Pengangkutan, syarat-syarat cukai, *charges* tambahan baru seperti *tourism tax* RM10 satu malam, *airport tax* di antara RM50 hingga RM73, *security tax* (APSS) USD10 dan *departure tax* RM10. Ini semua tidak akan membantu perkembangan industri pelancongan kita yang boleh bersaing rapat dengan jiran-jiran kita. Sebagai contoh, Lapangan Terbang Cartagena di *Airport* Colombia telah memotong *airport tax*nya pada tahun 2013 dan telah menunjukkan peningkatan kedatangan pelancong dengan begitu tinggi pada tahun 2014 dan 2015 berikutnya. Inilah satu contoh. Di Kota Kinabalu sendiri, apabila kerajaan menaikkan *airport tax*, pertumbuhan pelancongan telah

menurun. Ini adalah kesan-kesan yang amat patut kita kaji untuk memberi masa depan yang cerah pada negara kita.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Luar Negeri dan peruntukkan yang telah dinaikkan daripada RM612 juta kepada RM747 juta merupakan satu kenaikan yang tinggi dan saya ingin menyoal beberapa isu di sini. Apakah telah jadi pada isu *lobby Security Council PBB* yang telah gagal untuk menyambung tempoh kita dan juga isu lobi kita untuk memasuki komiti hak asasi manusia PBB juga telah gagal. Kita gagal kedua-dua ini kenapa?

Itu adalah persoalan yang kerajaan mesti jawab dan kita ingin tahu, berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk lobi menjadi *Security Council member*? Ini kerana kita dengar daripada para bekas diplomat mengatakan Kerajaan Malaysia berbelanja begitu banyak sekali dengan cara lobinya bukan di *United Nations Headquarters* di New York tetapi pergi pada negara-negara tertentu iaitu cara yang amat payah dan mahal. Itulah salah satu daripada pembaziran yang telah kita lalui melalui proses melobi ini. Kenapakah kita gagal untuk menduduki dalam komiti hak asasi manusia PBB?

Saya rasa ini mungkin ada kena mengena dengan penglibatan kita dalam Laporan PBB Januari 2017 yang mengatakan Malaysia telah terlibat dalam serangan sekutu *Saudi Arabia* ke atas Yaman dan di mana kemungkinan besar terlibat dalam jenayah perang atau *war crime*. Ini adalah merupakan satu faktor yang kita patut sudah tahu dan kenapa kalau sudah kita terlibat dalam aktiviti tersebut, kita masih juga ingin berbelanja begitu banyak untuk mencari jalan memasuki satu komiti yang kita rasa kita sendiri tidak akan mampu dengan *track record* kita yang agak buruk, *human rights* di dalam Perang Yaman yang kita telah terlibat secara senyap-senyap.

#### ■2140

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh insiden yang berlaku dalam Dewan yang mulia pada hari Rabu baru-baru ini, di mana Yang Berhormat Tambun telah menyebut isu bekas Yang Berhormat Permatang Pauh, saudara Anwar Ibrahim konon-kononnya terlibat dengan insiden liwat dengan saudara Yang Berhormat Tambun katanya, kononnya. Insiden tersebut bukan sahaja tidak patut berlaku di dalam Dewan yang mulia ini kerana menyentuh peribadi seseorang yang tidak berada di dalam Dewan dan bukan sahaja tidak berada di dalam Dewan, malahan berada di dalam penjara dalam keadaan kesakitan.

Ini adalah satu perbuatan yang tidak boleh dimaafkan dan kami tidak boleh menerima situasi ini di mana Yang Berhormat Tambun membuat tuduhan tanpa membuat pendekatan atau pendakwaan terdahulu dengan empat orang saksi. Ini kerana kalau mengikut Islam, kita tidak boleh membuat sesuatu tuduhan yang begitu serius, yang berat tanpa saksi yang mencukupi dan syarat-syarat yang tertentu. Kalaulah kita ingin membawa undang-undang Islam ke dalam Dewan ini, perkara-perkara macam ini mestilah dihalusi

Di sini kami sedang mengkaji kemungkinan kita akan mengambil tindakan qazaf di mahkamah berkenaan untuk mendapat *ruling* perbuatan sedemikian rupa. Ini kerana kita rasa *precedence* seperti ini tidak harus dibenarkan berlaku tanpa satu tindakan balas daripada pihak kami. Saya percaya semua sahabat-sahabat kami daripada PH (Pakatan Harapan) dan juga saya percaya daripada rakan kami daripada PAS akan memberi sokongan ataupun memberi *ruling* yang setimpal dengan apa yang sepatutnya.

Tidak patutlah perkara seperti ini berlaku dalam Dewan yang mulia. Ini kerana dalam usia kita dan ucapan Perdana Menteri yang selalu menyebut ayat-ayat Al-Quran dan juga mengguna istilah-istilah bahasa Arab dan sebagainya, kita perlu memelihara Dewan yang mulia ini lebih daripada terdahulu kepada ini. Ini adalah satu permintaan yang kita rasa perlu ditimbang oleh kerajaan dan kita daripada Pakatan Harapan akan mengambil tindakan tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Dalam soal tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tambun, tidak banyak ceritalah. Saya menganggap dia sebagai seorang yang menipu, pembohong, dia tidak ambil apa-apa tindakan untuk membuat laporan polis, dia tidak buat apa-apa aduan secara rasmi. *To me, he's nothing but a liar*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya ada kecenderungan untuk bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Shah Alam kerana seperti yang dikatakan tadi, kalaulah betul perbuatan yang dituduh itu berlaku, kenapa tidak ada apa-apa tindakan dibuat sebelum pada ini mengikut lunas undang-undang yang sudah ada ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya Yang Berhormat Tambun untuk memberi penjelasan yang lebih detil. Kalau sekarang dia sudah tamat perbahasan, dia boleh membuat penjelasan di luar. Biarlah rakyat tahu apakah yang berlaku. Rakyat akan membuat keputusan dan juga, adakah ia ini satu fitnah. Kita mahu supaya kalau tidak berlaku ini, minta maaf, mohon maaf kepada bekas Yang Berhormat Permatang Pauh iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bayan Baru dan juga Yang Berhormat Shah Alam. Saya minta ucapan mereka dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya beri ucapan. Saya harap apa yang dijelaskan tadi tentang bajet dan juga insiden yang berlaku pada hari Rabu baru-baru

ini akan diberi satu pendekatan yang serius untuk memelihara kesucian Dewan yang mulia ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumusslam.* Yang Berhormat Baram hadir? Yang Berhormat Lubok Antu? Yang Berhormat Alor Gajah? Sila.

**9.45 mlm.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut bersama dalam perbahasaan Bajet 2018. Dalam bajet pada kali ini banyak inisiatif yang telah diterapkan bagi membantu rakyat Malaysia, khususnya bagi masyarakat yang kurang berkemampuan. Pembentangan Bajet 2018 kali ini telah diperuntukkan sebanyak RM80 bilion secara keseluruhan dan menjadi pelengkap kepada usaha kerajaan untuk menjana keseimbangan dan kepentingan kaum di negara ini. Dengan ini, Perdana Menteri kita menjadikan Malaysia sebagai negara yang bangsanya bersatu dan maju bertatapan dengan bajet ini yang disebut sebagai 'Ibu Segala Bajet'.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perubahan demi perubahan dilakukan oleh Perdana Menteri kita bagi membantu golongan yang susah dalam Bajet 2016 yang lepas. Sebagai contoh, yang terbesar sekali adalah BR1M. Semasa BR1M pertama kali diumumkan oleh Perdana Menteri pada 2017, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion untuk 5.2 juta isi rumah. Manakala pada 2019 pula, kerajaan telah meletakkan sebanyak RM5 bilion bagi pengurusan BR1M. Bajet pada kali ini menjurus kepada setiap aspek masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya menyedarkan masyarakat tentang peningkatan ekonomi kita pada masa ini. Usaha berterusan harus dilakukan bagi menyediakan masyarakat bahawa betapa selesanya taraf kehidupan rakyat Malaysia pada masa ini. Kita seharusnya bersyukur kerana kerajaan telah banyak membantu menjadikan kehidupan seharian kita merasa selesa. Di sini saya mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada satu-satunya Perdana Menteri kita iaitu telah berjaya mentadbir negara Malaysia dengan penuh dedikasi dan membawa Malaysia ke mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa realitinya Malaysia negara kita yang tercinta bukanlah negara yang gagal atau bankrap, sebaliknya kita masih stabil, masih kukuh dengan ekonomi fundamental dan terus berdaya saing. Banyak lagi peruntukan yang telah diberi bagi memastikan rakyat hidup dalam keselesaan bertepatan dengan konsep yang diterapkan oleh Perdana Menteri pada bajet yang lepas ialah konsep *public happiness* yang bermaksud menitip beratkan kualiti kesejahteraan hidup rakyat seperti aman dari jenayah, menikmati alam sekitar yang bersih dengan berbagai seni dan kebudayaan yang berwarna-warni.

Tuan Yang di-Pertua, bajet mempunyai gabungan rangsangan yang optimum, insentif serta perlindungan yang diperlukan untuk mengemudi satu lagi tahun yang mencabar pada tahun yang berhadapan. Selain itu, terdapat banyak lagi insentif yang disuntik oleh kerajaan kepimpinan Perdana Menteri. Antaranya adalah insentif hartanah, insentif kepada golongan berpendapatan rendah, insentif kepada pelajar, insentif cukai, insentif kepada penjawat awam, insentif kepada pekerja dan banyak lagi.

■2150

Justeru itu, dengan keadaan ekonomi yang amat mencabar pada masa ini, ia memberi impak langsung kepada hasil pendapatan kerajaan dan negara. Sekarang ini sokongan yang padu dari semua pihak adalah diperlukan sebagai faktor penting dan paling utama bagi melaksanakan dengan berkesan transformasi ekonomi negara ini iaitu daripada yang bergantung kepada sumber asli semata-mata kepada sebuah ekonomi yang lebih dinamik dengan hasil pendapatannya dijana daripada pelbagai sumber dan aktiviti perekonomian.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang penting yang ingin saya bangkitkan dalam usaha untuk menambah baik dengan bajet yang telah diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah di Parlimen Merbok. Antaranya, masalah bencana banjir ribut yang dikenali sebagai rumah ribut. Oleh kerana ia berlaku di kawasan Merbok, dengan ini dana yang telah diperuntukkan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Kedua, masalah kapasiti pelajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Selambau dan sekolah-sekolah yang bermasalah di Parlimen Merbok. Antaranya, sesi persekolahan di Sekolah Kebangsaan Bukit Selambau yang boleh dikatakan kurang efektif di mana bilangan pelajar dalam satu kelas pada satu masa mencecah 45 orang pelajar dan ke atas.

Ketiga, masalah bekalan air di kawasan DUN Tanjung Dawai yang kerap mengalami gangguan bekalan air. Ini berpunca daripada loji tadahan air di Empangan Tupah tidak dinaiktarafkan.

Keempat, masalah pembinaan Jambatan Semeling iaitu keadaan kesesakan lalu lintas di jambatan pada waktu kemuncak iaitu pada waktu pagi dan petang. Ini kerana jambatan tersebut hanya mempunyai satu hala dan ia harus dinaiktarafkan dengan melebarkan jalan kepada dua hala.

Kelima, masalah tempat letak kenderaan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani yang tidak mencukupi. Justeru itu, saya memohon untuk mempercepatkan proses pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat.

Keenam, pembinaan Pejabat Pos besar di kawasan Bukit Selambau diperlukan untuk memudahkan segera urusan penduduk di kawasan Bukit Selambau yang populasinya telah mencecah 40,000 orang.

Ketujuh, menyelesaikan masalah pengairan dan saliran untuk mengurangkan masalah banjir yang sedang berlaku di kawasan Parlimen Merbok sekarang.



Pembinaan masjid yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu tiga buah masjid di kawasan Parlimen Merbok iaitu Masjid Sungai Lalang, Masjid Pokok Machang dan Masjid Empangan Height. Mengenai ini, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana berjaya melaksanakan pembinaan masjid tersebut.

Kesimpulannya, kita harus bersyukur dengan kemudahan yang diberikan serta insentif yang sangat menitikberatkan kepentingan rakyat. Tahniah sekali lagi kepada Perdana Menteri kerana terus berusaha berjaya kebajikan rakyat. Diharap Bajet 2018 ini segera insentif dan kelebihan kepada rakyat akan dapat dinikmati oleh semua lapisan. Sebagai rakyat, kita seharusnya terus memberi sokongan yang padu supaya pemimpin berjiwa rakyat dan banyak membantu mendengar rintihan golongan yang kurang berkemampuan. Dengan ini, bajet yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri kita banyak memberi impak yang baik kepada pembangunan di Parlimen Merbok dan seluruh masyarakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih. Saya dengan ini menyokong sepenuhnya Bajet 2018.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjong ada? Yang Berhormat Batu Gajah.

**9.55 mlm.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi ruang kepada Batu Gajah mengambil bahagian membahaskan Bajet 2018.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan rasa kecewa di Dewan yang mulia ini kerana Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan tidak berjiwa mendengar denyutan nadi rakyat. Tiada unsur kelembapan untuk membasahkan yang kering kontang dan juga tidak mempunyai petua '*kusut diselesaikan, keruh diperjernihkan*' malah keperitan hidup rakyat jelata semakin bersimpul-simpul.

Secara lebih jelas, ucapan Yang Amat Berhormat Pekan tidak menyentuh mengenai satu fenomena yang menghantui seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa, agama dan kefahaman politik iaitu masalah peningkatan kos sara hidup yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini. Kos sara hidup meningkat kerana kenaikan harga barangan yang meningkat secara mendadak sebaik sahaja kerajaan melaksanakan GST dua tahun yang lalu, diikuti dengan keruntuhan nilai ringgit dan ketidakstabilan harga minyak petrol dan diesel.

Bajet 2018 tidak menyentuh apa-apa mekanisme untuk membantu mengatasi masalah kenaikan kos sara hidup rakyat. Rakyat di luar mengharapkan GST dihapuskan. Kerajaan sekurang-kurangnya patut mengurangkan GST daripada enam peratus kepada dua peratus sehingga keadaan kegawatan ekonomi pulih dan pendapatan boleh guna rakyat meningkat.

Rakyat kecewa dan benar-benar berasa hampa setelah menatap wajah Perdana Menteri di kaca televisyen selama lebih kurang tiga jam. Rakyat telah memberi peluang kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk membetulkan keadaan yang sedia ada melalui bajet ini tetapi sekali lagi kerajaan tidak mempedulikan aspirasi rakyat malah begitu angkuh dan bangga dengan tindakan berani pelaksanaan GST yang kononnya dilakukan untuk menyelamatkan ekonomi negara. Hari ini, kredibiliti Kerajaan Barisan Nasional dipersoalkan kerana terlalu bergantung kepada hasil minyak dan terpaksa melaksanakan GST apabila hasil negara menguncup akibat harga minyak menjunam di peringkat global.

Kepada rakyat Malaysia yang putus asa dengan Barisan Nasional, kita masih ada satu lagi peluang dalam PRU14 nanti apabila rakyat memilih kerajaan baru Pakatan Harapan, maka masalah rakyat akan diberi perhatian penuh dan fokus utama. Dijanjikan bahawa dalam tempoh 100 hari Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan, GST akan dihapuskan. Ini pasti akan mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Polisi-polisi lain seperti menghapuskan tol dan menstabilkan harga petrol dan diesel juga akan mengurangkan kos pengangkutan yang rata-rata boleh membantu mengurangkan harga barangan di seluruh negara.

Tidak ada gunanya berbangga dengan hanya menyukat pertumbuhan KDNK kukuh atau ekonomi domestik berkembang 5.7 peratus separuh pertama tahun ini. Yang penting ialah rakyat dapat merasakan nikmat daripada perkembangan ekonomi itu. Hari ini seluruh warga perniagaan merungut bahawa perniagaan mereka telah menguncup, rugi dan banyak juga yang telah menggulung tikar dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

#### ■2200

Kerajaan cuba menutup realiti dan memberi alasan-alasan ekonomi yang tidak munasabah. Bajet defisit berturut-turut selama 21 tahun, hutang negara kian bertambah setiap tahun, inflasi mencecah sehingga lima peratus tahun ini, kadar pengangguran 3.4 peratus melibatkan 500,000 orang, potongan bajet untuk kementerian-kementerian utama, penguncupan sektor automobil, penguncupan sektor pembinaan dan hartanah dan banyak lagi yang boleh saya senaraikan sehingga pagi esok. Semua ini membuktikan ekonomi negara merudum dan semakin lemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang dibentangkan Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan bahawa sebanyak RM230 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India melalui SEDIC dari tahun 2014 sehingga kini. Beliau cuba mengukuhkan hujahnya bahawa bantuan tersebut telah disalurkan kepada 500,000 orang kaum India. Adakah ini benar? Memandangkan jumlah kaum India di negara ini hanya dalam lingkungan dua juta orang.

Ini bermaksud nisbah bilangan orang yang menerima bantuan SEDIC berbanding dengan jumlah kaum India adalah satu nisbah empat. Dalam kata lain setiap seorang daripada empat orang kaum India telah menerima dan menikmati peruntukan daripada SEDIC. Apabila saya menanyakan masyarakat India di luar sana dalam tiga program yang

berasingan pada minggu yang lalu tiada seorang pun yang mengaku menerima peruntukan SEDIC. Ini bermaksud kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan di Dewan yang mulia ini adalah tidak benar sama sekali.

Jikalau betul RM270 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi masyarakat India, di manakah perginya wang tersebut? Adakah pihak-pihak tertentu telah menyelewengkan dana berkenaan. Saya ingin tahu berapakah jumlah wang peruntukan SEDIC yang telah diagihkan kepada FIFA, Sri Murugan Centre (SMC), NAM dan Sakti Bakti. Selain itu pertubuhan manakah yang mendapat peruntukan yang paling tinggi daripada SEDIC? Saya tidak mahu melihat SEDIC menjadi kerbau dicucuk hidung oleh mana-mana pihak atau parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkara lain mengenai peruntukan RM50 juta yang diberikan bagi tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil setiap tahun, saya mempunyai beberapa persoalan kepada Menteri Pendidikan. Pertama, setakat ini berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diberikan untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil sejak tahun 2013. Daripada jumlah peruntukan tersebut, berapakah yang sebenarnya yang telah disalurkan sehingga hari ini?

Kedua, adakah peruntukan penyelenggaraan sekolah-sekolah Tamil tahun 2016 dan tahun 2017 telah diagihkan kepada sekolah-sekolah Tamil? Berapakah jumlahnya? Ketiga, saya juga ingin mengetahui status sekolah-sekolah Tamil baru yang dijanjikan oleh kerajaan beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Pekan juga mengatakan bahawa masyarakat India akan diberikan peluang yang lebih dalam sektor awam. Pada masa ini kakitangan sektor awam dari kalangan kaum India adalah dalam lingkungan 4.4 peratus. Dalam Bajet 2018 disebut bahawa kerajaan berniat untuk meningkatkan penglibatan kaum India dalam sektor awam kepada tujuh peratus. Ini adalah satu yang diperjuangkan oleh DAP sejak sekian lama. Maka saya menganggap ini sebagai suatu berita baik. Akan tetapi adakah kerajaan benar-benar serius dalam mencapai sasaran tersebut atau sekadar menanam tebu di bibir sahaja.

Saya cukup risau kerana pilihan raya umum semakin hampir maka kerajaan akan mengambil peluang ini untuk menabur gula-gula kepada masyarakat India melalui bajet yang dibentangkan. Mungkinkah ini hanya janji-janji membina mahligai di atas angin yang akan dilupakan sebaik sahaja pilihan raya umum berakhir. Saya juga ingin tahu, bagaimanakah sasaran tujuh peratus ini direalisasikan oleh kerajaan? Nyatakan mekanisme pelaksanaannya. Berapakah tempoh yang akan diambil oleh kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang seterusnya pula saya bagi pihak artis-artis dari kalangan kaum India ingin mengetengahkan rasa sedih dan terkilan kerana tidak ada pengiktirafan yang sewajarnya diberikan oleh kerajaan kepada golongan seniman dan budayawan. Sejak dahulu lagi artis-artis kaum India telah menyumbangkan

dalam memperkayakan khazanah kebudayaan dan kesenian negara ini. Mereka bersama-sama dengan artis-artis yang lain telah mewarna-warnikan industri seni negara kita.

Akan tetapi setakat ini kalau tidak silap saya tidak ada seorang pun yang telah diberi penghormatan dengan apa-apa darjah kebesaran atau kemegahan oleh Kerajaan Persekutuan. Ramai di antara golongan ini hidup bagai lilin membakar diri kerana menyerahkan seluruh jiwa dan raga mereka untuk menghiburkan rakyat Malaysia walaupun tidak membuahkan hasil dan pulangan yang sewajarnya. Barisan artis-artis yang berbakat ini adalah antara mereka yang telah sekian lama mendapat tempat di hati masyarakat India di seluruh negara seperti seniman veteran Sri Shanmuganathan, Saragabani, S.T Bala, Sivaguru, M.S Brito, Sugaan Panchacharam, John MN World dan ramai lagi.

Sedihnya ramai juga telah meninggal alam bumi maya ini seperti mendiang Pasamalanaraja, mendiang Ray Shanmugam, mendiang Raja Raja Cholan, mendiang Anand Raj dan lain-lain lagi tanpa menerima apa-apa pengiktirafan dan penghormatan daripada kerajaan. Ramai juga artis-artis yang masih aktif dalam pelbagai bidang kesenian ternanti-nanti dengan penuh harapan mendapat perhatian kerajaan dan ruangan terpuji di persada seni tanah air kita.

Diharap Menteri Pelancongan dan Kebudayaan mengambil serius menilai potensi dan keunikan bakat seni artis-artis ini dan menampilkan bakat mereka di pentas yang lebih tinggi. Dalam pada itu saya juga memohon jasa baik Menteri menubuhkan satu Yayasan Pembangunan dan Kemajuan Artis-artis India Malaysia untuk melonjakkan lagi prestasi mereka. Kerajaan juga harus menyalurkan dana yang secukupnya setiap tahun kepada yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai PNB akan membuat pengagihan khas sejumlah RM1.5 bilion unit tambahan Amanah Saham 1Malaysia untuk masyarakat India saya cuba mengimbas kembali ingatan lama mengenai pelaburan MIDA Holdings tajaan MIC. Ramai dari kalangan kaum India yang kaya dan miskin telah melabur dalam MIDA Holdings setelah terpengaruh dengan nasihat dan janji-janji pihak MIC.

Akhirnya pukulan, tumbukan, kata-kata kesat dan caci maki adalah pulangan pelaburan yang diperoleh oleh masyarakat India setelah bertahun-tahun menunggu. Masyarakat India kini berputih mata apabila disebut istilah pelaburan kerana MIDA Holdings masih segar dalam ingatan mereka. Harap pelaburan tambahan dalam Amanah Saham 1Malaysia yang direncanakan dalam Bajet 2018 tidak menghampakan kaum India sekali lagi. Saya memohon perincian dan penjelasan mengenai Amanah Saham 1Malaysia yang ditawarkan kepada kaum India. Bagaimanakah ianya boleh mempertingkatkan ekonomi kaum India?

Tuan Yang di-Pertua, amat sedih mendengar kisah adik Darshini A/P Ravindran. Beliau bercita-cita menjadi seorang doktor sejak kecil lagi. Profesion kedua-dua ibu bapa beliau adalah guru sekolah. Adik Darshini telah berusaha bersungguh-sungguh dalam

bidang akademik dan kokurikulum mengejar cita-citanya. Dalam peperiksaan UPSR beliau telah berjaya memperoleh 7A, dalam peperiksaan PT3 pula beliau telah memperoleh 8A manakala dalam peperiksaan SPM pelajar cemerlang ini telah meraih 12A dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Institusi Matrikulasi di mana sekali lagi beliau memperoleh CGPA 4.0 bagi kedua-dua semester.

Tidak terkecuali dalam peperiksaan MUET juga adik ini telah membuktikan kefasihan bahasa Inggeris dengan memperoleh Band 5. Beliau membuat permohonan untuk mengikuti kursus perubatan atau pergigian di IPTA. Namun jauh dari sasarannya adik Darshini ditawarkan Kursus Kejuruteraan Kimia di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada pandangan saya ada sesuatu yang tidak kena dalam sistem pendidikan negara kita. Seorang pelajar cemerlang yang memperoleh semua A dalam setiap peringkat peperiksaan semenjak sekolah rendah sehingga peringkat matrikulasi tidak diberi peluang untuk mengikuti kursus pilihannya.

Dengan ini berkecailah impian seorang pelajar cemerlang kerana kekangan kewangan adik Darshini tidak mampu untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negara. Pada ketika ini saya difahamkan adik Darshini mengikuti kursus perubatan di sebuah universiti swasta dengan hati yang berat.

#### ■2210

Saya mengambil kesempatan ini mengingatkan Dewan yang mulia mengenai sebuah universiti swasta yang telah ditubuhkan pada tahun 1991 yang dikenali sebagai Universiti AIMST. Tujuan penubuhannya adalah untuk memberi peluang kepada anak-anak dari kalangan kaum India yang gagal memperoleh tempat di universiti awam untuk mengikuti kursus perubatan.

Dana untuk penubuhan universiti ini datangnya daripada sedekah yang dipungut oleh pemimpin-pemimpin MIC daripada setiap lapisan kaum India. Namun hakikatnya kini Universiti AIMST telah menjadi organisasi perniagaan yang mencekik darah kaum India sendiri. Saya berasa kesal kerana adik Darshini yang kini sedang belajar di universiti berkenaan tidak ditawarkan sebarang bantuan biasiswa atau bantuan kewangan.

Rata-rata yuran pengajian di universiti berkenaan mencecah lebih kurang RM300 ribu. Saya terkesima membayangkan situasi pelajar cemerlang seperti adik Darshini yang telah berusaha sepanjang hidupnya demi mencapai cita-cita yang terpaksa membiayai pembelajarannya dengan menggunakan wang sendiri. Pihak Universiti AIMST pula tidak prihatin dan tidak berperikemanusiaan dalam hal ini. Oleh itu, saya memohon kepada Dewan yang mulia ini supaya mendesak pihak Universiti AIMST menegakkan tanggungjawab sosial dalam kes adik Darshini dengan menawarkan biasiswa penuh membiayai pendidikannya di universiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018 peruntukan yang cukup besar diagihkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu berjumlah RM5.18 bilion. Bagi tahun 2017 sebanyak RM1.386 bilion telah diperuntukkan bagi subsidi dan insentif di

bawah subsektor padi dan beras. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM650 juta telah diperuntukkan di bawah subsidi bajet padi Kerajaan Persekutuan dan skim insentif pengeluaran padi kepada 197,189 orang pesawah di seluruh negara. Industri padi dan beras ini adalah penting kerana ia membekalkan makanan ruji kepada seluruh rakyat Malaysia.

Dahulu kerajaan mempunyai sasaran tahap sara diri beras 100 peratus menjelang tahun 2020. Akan tetapi dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 2018 dinyatakan sasaran baru iaitu 80 peratus menjelang tahun 2020. Adakah ini bermakna kerajaan tidak lagi menuju sasaran tahap sara diri beras iaitu 100 peratus keluaran tempatan.

Pada masa ini negara kita hanya mampu mengeluarkan 70 peratus bekalan tempatan baki 30 peratus padi terpaksa diimport dari negara Thailand, Vietnam, India dan sebagainya. Berapakah jumlah kawasan tanaman padi di seluruh negara? Adakah kerajaan bercadang untuk membuka kawasan-kawasan baru tanaman padi dan memperkenalkan kaedah-kaedah baru penghasilan padi dalam kuantiti dan kualiti yang tinggi? Nyatakan kedudukan dan sumbangan serta potensi negeri Perak dalam industri pengeluaran padi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kawasan saya ada beberapa perkara yang perlu dibangkitkan. Pertama, bagaimanakah kerajaan akan mengatasi isu kekurangan mesin dialisis di Hospital Batu Gajah?

Kedua, bilakah kerajaan akan memulakan kerja-kerja menaik taraf pembinaan jalan raya Seputeh – Parit dan bilakah ia nya dijangka siap?

Ketiga, nyatakan hasrat kerajaan membina rumah-rumah mampu milik untuk warga Parlimen kawasan Batu Gajah yang berpendapatan sederhana dan golongan miskin?

Keempat, adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menjadikan Batu Gajah sebagai kawasan tumpuan pelancongan serta mempromosikan kawasan-kawasan pelancongan bersejarah seperti Kellie's Castle, Istana Raja Billah, binaan Mendaling, kapal korek bijih timah, galeri mahkamah, rumah kediaman Sybil Kathigasu dan juga kawasan-kawasan rekreasi seperti Taman Herba Papan, kawasan perkelahan papan, Taman Alam Kinta, *Perak Agro Tourism Resort* dan lain-lain lagi.

Akhir sekali, saya tidak menyokong Bajet 2018 yang langsung tidak menyebut mengenai skandal 1MDB, rasuah yang semakin berleluasa dan istilah kleptokrasi yang menjadi jenama baru dan gaya pemerintahan Barisan Nasional yang telah mencemarkan imej negara di arena antarabangsa. Sekian, perbincangan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 7 November 2017. Terima kasih.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.14 malam]**